



13 - 15 November 2018

Theme

Multidisciplinary Linguistics Research

UKM Intergrated  
International Conference  
Hotel Puri Pujangga UKM

Organised by  
Linguistics Programme UKM  
<https://paling2018ukm.wixsite.com>

INTERNATIONAL CONFERENCE ON LINGUISTICS  
**PROCEEDINGS**

ISBN 978-983-9391-69-5



9 789839 391695

Cetakan Pertama/*First Publishing*, 2018  
Hak Cipta/*Copyright*  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian  
daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula,  
disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam  
sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama  
ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya  
tanpa kebenaran bertulis daripada  
Program Linguistik UKM  
terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

**PROGRAM LINGUISTIK  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM BANGI, SELANGOR D.E.**

ISBN 978-983-9391-69-5



## Contents

### Keynotes

*Nor Hashimah Jalaluddin (PhD)*

Pelestarian Penyelidikan Dialek: Aplikasi GIS

7

### Panel 1

*Mohammad Fadzeli Jaafar*

Aspek Penguasaan Bahasa Dalam Kalangan Penutur Bukan Melayu Di *Greater KL*

*Norsimah Mat Awal*

Persepsi Penduduk Di *Greater KL* Terhadap Bahasa Kebangsaan

*Azhar Jaludin*

Transformasi Linguistik Malaysia Selepas Enam Dekad Merdeka: Introspeksi Sikap Dan Penguasaan Bahasa Kebangsaan Warga Greater Kl (2017 – 2019)

8

*Mohammed Azlan Mis*

Aspek Penggunaan Bahasa Kebangsaan Di *Greater KL* Berdasarkan Domain Pendidikan Dan Persahabatan

### Panel 2

*Muhammad Faiz Aizuddin Suhami, Fazal Mohamed Mohamed Sultan*

Gis Dan Dialek Melayu Perlis

*Nor Azilawati Binti Mohd. Noor, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohammed Mohammed Sultan, Harishon Radzi*

Konsep Ruang Dalam Varian Kata Kerja ‘Baling’ Dialek Kedah: Analisis Gis

12

*Harishon Binti Radzi\*, Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan, Nor Hashimah Binti Jalaluddin, Junaini Binti Kasdan*

Menyingkap Penyebaran Dialek Di Di Pulau Pinang Menerusi Kajian Multidisiplin.

*Amir Imran Bin Jamil, Fazal Mohamed Mohamed Sultan*

Variasi Leksikal Dialek Melayu Di Negeri Kedah: Kajian Geolinguistik

### Panel 3

*Intan Safinaz Zainudin*

Analisis Kata ‘Kuasa’ Dalam Korpus Hansard Parlimen Malaysia

*Azhar Bin Jaludin & Muhammad Zakwan Bin Mohd Izam*

Penukaran Kod Dalam Korpus Hansard Malaysia : Analisis Berpandukan Korpus

*Kesumawati A.Bakar, Norsimah Mat Awal, Azhar Jaluddin, Anis Nadiah Che Abdul Rahman*

Youth Revisited: Representations Of ‘*Belia*’ In Malaysian Hansard Corpus

15

*Norsimah Mat Awal, Azhar Jaludin, Anis Nadiah Che Abdul Rahman & Imran Ho-Abdullah*

Penelitian Tren ‘Kemiskinan’ Dan ‘Pembangunan’ Dalam Enam Dekad Di Malaysia Berasaskan *Malaysian Hansard Corpus (Mhc)*

1	<i>Noor Fazilahhanum Abdul Latiff, Sri Nor Syarima Juhari, Najatul Najwa Shafiqah Tajudin</i> Penutur Dialek Kedah Dalam Kalangan Pelajar Uiam Pagoh: Analisis Sikap Dan Kefahaman	14
2	<i>Nur Fatimah Ahamad Zahini, Siti Nor Hafizah Ramli,, Nurul Nasuha Mohd Noor Zaidi</i> Sikap Dan Kefahaman Pelajar Uiam Pagoh Terhadap Dialek Negeri Terengganu: Kajian Sociolinguistik	22
3	<i>Mohd Shahdan Sadin</i> Eufemisme Leksikal Masyarakat Bajau Samah Di Kota Kinabalu, Sabah	33
4	<i>Ab. Halim Mohamad</i> Penggunaan Konsonan [ڤ، ڤ، ڤ] Dalam Sistem Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Agama Dan Bukan Agama	41
5	<i>Rona Almos, Sonezza Ladyanna, Pramono</i> Leksikon Flora Dan Fauna Di Lingkungan Danau Maninjau (Kajian Ekolinguistik)	48
6	<i>Mohamad Suhaizi Suhaimi, Muhammad Faizuddin Hashim, Sharil Nizam Sha'ri</i> Visual Ilustrasi Dan Fotografi Pada Reka Bentuk Kulit Buku Agama: Satu Analisis Semiotik	56
7	<i>Kenichi Namai</i> Silent Pronominals In Mandarin Chinese	61
8	<i>Maslida Yusof</i> Analisis Struktur Kompleks Bahasa Melayu Berdasarkan Role And Reference Grammar (Rrg)	71
9	<i>Reniwati</i> Leksikon Yang (Hampir) Hilang Bahasa Minangkabau	77
10	<i>Nurul Jannah Shahbuddin, Akhmal Hakim Mohamad</i> Eufemisme Leksikal Dalam Dialek Melayu Melaka	84
11	<i>Nur Faizzah Mohd Zalkanil, Rozaimah Rashidin, Norhazlina Husin</i> Metafora Jenayah Seksual Pelacuran Dalam Akhbar Tabloid: Satu Analisis Teori Hibrid	92
12	<i>Nurul Jamilah Rosly, Maslida Yusof</i> Representasi Struktur Konseptual Bersama Representasi Ruang (Preposisi) Dalam Kata Kerja Gerak Bahasa Melayu	100
13	<i>Kohji Kamada</i> The Grammar-Parser Interplay: A Case Study Of (Heavy) Np Shift Constructions From A Cross-Linguistic Perspective	108
14	<i>Suhaila Binsama-Ae, Maslida Yusof, Kartini Abd. Wahab</i> Peranan Semantik Makro Dalam Ayat Pasif Bahasa Melayu Patani Berdasarkan Teori Role Reference Grammer (Rrg)	118
15	<i>Urooj Fatima Alvi, Shafqat Rasool</i> Investigation Of Intralingua Pragmatic Variation In Pakistani Elt Textbooks	127
16	<i>Dewi Puspita</i> The Semantic Changes Of The Word Tuan	137
17	<i>Sharifah Raihan Syed Jaafar, Noor Azureen Hamid @ Ahmed Asimilasi</i> Homorganik Nasal Di Akhir Kata Dialek Melayu Sarawak	145
18	<i>Nurul Huda Mohd Saad, Nor Hashimah Jalaluddin</i> Kerencanaan Makna Imbuhan Awalan Men- Dengan Kata Nama Konkrit Unsur Alam Bahasa Melayu: Analisis Teori Relevans	155

19	<i>Firdous Muhamat, Sharifah Raihan Syed Jaafar</i> Perubahan Pengguguran Konsonan Di Koda Dan Penyisipan Vokal Kata Pinjaman Arab Dalam Dialek Melayu Patani	<b>163</b>
20	<i>Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman</i> Fonologi Dan Leksikal Subdialek Kuala Terengganu	<b>181</b>
21	<i>Norhaniza Abdul Khairi, Shahidi A.H.</i> Realisasi Kontras Penyuaan Bunyi Plosif Awal Kata Dialek Melayu- Patani Di Lenggong Perak	<b>198</b>
22	<i>Noor Fadilah Dawi, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Che Ibrahim Salleh, Norazlina Hj. Mohd. Kiram</i> 'Aku' Dalam Norma Interpretasi Masyarakat Di Sabah	<b>198</b>
23	<i>Asiah Abas</i> Analisis Kesalahan Penggunaan Nama Arab Dalam Kalangan Masyarakat Melayu	<b>206</b>
24	<i>R. Kunjana Rahardi</i> Phatic Functions In Specific Culture-Based Conversational Discourse Of The Indonesian Education And Family Domains	<b>212</b>
25	<i>Yuliana Setyaningsih, R. Kunjana Rahardi</i> The Degree Of Coherence In The Preschooler's Expository Descriptive Writing	<b>224</b>
26	<i>Rishe Purnama Dewi</i> The Development Of Indonesian Instructional Materials For Foreign Language Learners In The Pragmatic Perspective	<b>234</b>
27	<i>Zaharom Bin Ridzwan, Norwati Binti Md. Yusuf</i> Pola Terjemahan Kata Kerja Perintah Dalam Surah Al-Baqarah	<b>240</b>
28	<i>Dina Amalia Ikramina, Putu Pramania Adnyana, Nazarudin, Faradilla Ichmawati, Mega Eka Putri</i> Semiotic Study Of Korean Singer Iu's Song Lyrics: Portrait Of Young Adulthood	<b>249</b>
29	<i>Harishon Binti Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Binti Jalaluddin, Junaini Binti Kasdan</i> Menyingkap Penyebaran Dialek Di Pulau Pinang Menerusi Kajian Multidisiplin	<b>257</b>
30	<i>A. A. Sri Laksmi Paramitha, Bernadette Kushartanti</i> The Concept Of Cinta 'Love' By Indonesian School Aged Children	<b>269</b>
31	<i>Faradilla Ichmawati, Putu Pramania Adnyana, Nazarudin, Dina Amalia Ikramina, Mega Eka Putri</i> Analysis Of Adjective In Korean Song Lyrics: Sign Of Depression In Jonghyun's Songs	<b>276</b>
32	<i>Thidarat Pruprong, Yaowaret Tharawoot</i> Language Functions Of English Memorandum Of Understanding Of Universities In Thailand	<b>284</b>
33	<i>Nur Fathia Rahma Fauzia, Lilie Suratminto, S.S., M.A, Untung Yuwono, S.S</i> Myths On The Color Terms Used In Cosmetics According To Millennials In Jakarta	<b>293</b>
34	<i>Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar, Harishon Radzi</i> Peralihan Bahasa Cham Dalam Kalangan Masyarakat Cham Malaysia	<b>303</b>
35	<i>Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Intan Marlina</i> Tahap Penguasaan Ragam Ayat Pasif Dan Ayat Songsang Dalam Kalangan Pelajar Asing.	<b>312</b>
36	<i>Nurilmiyah Binti Ahmad, Suziana Mat Saad</i> Isu Bahasa Dalam Kes Victoria Jayaseele Martin Lwn Majlis And Anor: Kajian Semantik-Korpus	<b>320</b>
37	<i>Faris Fakhira Tauran, Zaitul Azma Zainon Hamzah</i> Implisit Judul Berita Pilihan Raya Umum Ke-14	<b>329</b>

38	<i>Filia, Nazarudin, M. A.</i> Transcribing Japanese Spoken Language Using Elan As Annotator Machine	337
39	<i>Nurul Aishah Mohd Radzi, Normaliza Abd Rahim, Nor Azuwan Yaakob</i> Wacana Tekstual Dalam Iklan Elektronik Atas Talian <i>Youtube</i>	345
40	<i>Kalthum Ibrahim, Norwati Md Yusof, Harishon Radzi, Zaharom Ridzwan</i> Tahap Penguasaan Lisan Bahasa Melayu Penutur Asing: Antara Persepsi Dan Realiti	355
41	<i>Mohammed Azlan Mis</i> Aspek Penggunaan Bahasa Kebangsaan di <i>Greater KL</i> Berdasarkan Domain Pendidikan dan Persahabatan	363
42	<i>Noviatri, M.Hum, Aslinda, M.Hum</i> Adverbia Kepastian Dan Ketidakpastian Yang Digunakan Dalam Media Cetak Lokal Di Kota Padang	368
43	<i>Norwati Md Yusof, Nurul Suhadah Johar, Imran Ho Abdullah</i> Kajian Leksikal Yang Berkolokasi Dengan 'Kemiskinan' Dalam Data Hansard Parlimen Malaysia	373

## Keynotes

### Pelestarian Penyelidikan Dialek: Aplikasi GIS

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD)  
Program Linguistik, UKM  
[shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my)

#### Abstrak

Penyelidikan dialek Melayu agak perlahan di awal abad millennium. Kajian linguistik masa ini lebih tertumpu kepada aspek teoritis bahasa Melayu. Perekaayaan kajian bahasa dengan mengambil kira pendekatan multidisiplin telah merencanakan semula kajian dialek. Penyelidikan multidisiplin dalam dialek melibatkan maklumat bukan linguistik seperti bentuk muka bumi, migrasi, sejarah dan sosio budaya. Kesemua maklumat linguistik dan bukan linguistik ini disinergikan bersama perisian *Geographic Information System* (GIS) bagi penghasilan peta isoglos yang tepat dan jelas. Kelebihan GIS bukan sahaja menghasilkan isoglos yang tepat malah boleh memberi maklumat mengenai pola penyebaran dialek beserta justifikasinya sekali. Kajian ini melibatkan dialek Melayu di pantai barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan hampir 3500 orang responden. Sejumlah 40 leksikal asas dikutip bagi dialek Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dengan memanfaatkan aplikasi GIS. Dapatan kajian menunjukkan persempadanan isoglos dialek Melayu berbeza dengan sempadan politik, kemasukan dialek Melayu Siam bukan setakat di Kedah malah menembusi sehingga ke Perak, varian leksikal contohnya 'air', 'bantal', 'baling' mempunyai lebih daripada lima varian. Maklumat linguistik dan aplikasi GIS juga mampu membuktikan wujudnya migrasi melalui pola bahasa, wujudnya perkahwinan campur dan penguasaan tempat berdasarkan penjelasan muka bumi dan sosio budaya. Pendekatan multidisiplin ini telah menghidupkan semula kajian dialek dan seterusnya menjadikan ia lebih menarik untuk dikaji.

## Panel 1

### Aspek Penguasaan Bahasa dalam kalangan Penutur Bukan Melayu di *Greater KL*

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

Program Linguistik

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

#### Abstrak

Dasar Bahasa Kebangsaan jelas menyatakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Dasar ini terpakai untuk semua kaum di Malaysia dan dapat melambangkan jatidiri bangsa Malaysia. Setelah enam dekad, banyak pihak selalu mempersoalkan keupayaan dan kebolehan kaum bukan Melayu berbahasa Melayu dengan baik. Tambahan lagi, kaum bukan Melayu masih mengutamakan sekolah vernakular berbanding sekolah kebangsaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti status penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan kaum Cina dan India di *Greater KL*. Berdasarkan 100 informan, kajian ini menggunakan kaedah perbualan dan membaca teks untuk mengetahui tahap kecekapan berbahasa dua kaum tersebut dari aspek sebutan. Ujian penggunaan bahasa sebenar dinilai berasaskan aras BAIK, SEDERHANA, LEMAH. Aspek sebutan dalam kajian ini berdasarkan tiga pemboleh ubah fonologi: /r/, /g/ dan /s/. Selain itu, gaya perbualan informan turut diteliti, khususnya aspek penukaran kod. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua kaum mencatatkan penguasaan yang baik, iaitu melebihi 70 informan daripada 100. Hanya sebutan untuk kata pinjaman dan kata bilangan yang mencatatkan tahap sederhana. Gaya perbualan memperlihatkan bentuk penukaran kod yang tipikal, iaitu percampuran Melayu-Inggeris. Yang paling ketara ialah penggunaan penanda wacana, misalnya *so*, *and then*. Berdasarkan penelitian, kajian ini mendapati bahawa corak sebutan yang baik dan penggunaan penukaran kod yang dominan telah dipengaruhi oleh asal informan, iaitu *Greater KL* dan tahap pendidikan yang baik.

Kata kunci: penguasaan bahasa, sebutan, penukaran kod, penanda wacana

### TRANSFORMASI LINGUISTIK MALAYSIA SELEPAS ENAM DEKAD MERDEKA: INTROSPEKSI SIKAP DAN PENGUASAAN BAHASA KEBANGSAAN WARGA GREATER KL

AZHAR JALUDIN

Program Linguistik

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

#### Abstrak

Tujuan kajian kuantitatif ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan warga greater KL dalam tiga domain penggunaan iaitu domain pekerjaan, domain kekeluargaan, dan domain media. Seramai 500 warga atau penduduk Greater KL yang layak telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden berasaskan *purposive sampling*. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan kaji selidik. Borang soal selidik dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian A: Demografi sampel; bahagian B: Sudut Pandangan Tentang Bahasa Kebangsaan; dan Bahagian C: Temu Bual & Bacaan Teks Ringkas (bagi yang bukan Melayu). Dapatan dari borang kaji selidik bahagian A dan B akan digunakan untuk mengenal pasti dan menilai tahap penggunaan Bahasa Kebangsaan.



**PERSEPSI PENDUDUK DI *GREATER KL* TERHADAP BAHASA KEBANGSAAN  
NORSIMAH MAT AWAL**

Program Linguistik

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

[norsimah@ukm.edu.my](mailto:norsimah@ukm.edu.my)

**Abstrak**

Makalah ini membentangkan hasil dapatan kajian mengenai persepsi penduduk di wilayah *Greater KL* terhadap Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Maklumat mengenai persepsi terhadap Bahasa Kebangsaan ini didapati dari soal selidik yang diedarkan kepada 500 responden di sekitar kawasan *Greater KL*. Pemilihan para responden adalah berdasarkan pemboleh ubah tetap yang telah dikenalpasti iaitu gender, kaum, usia, jenis sekolah rendah, kelulusan tertinggi, kategori pekerjaan, pendapatan dan lokasi tempat tinggal. Secara umumnya, persepsi ini boleh dilihat dari pandangan mereka terhadap penggunaan dan fungsi bahasa Melayu. Dapatan awal kajian ini menunjukkan majoriti responden menunjukkan persepsi yang positif terhadap penggunaan dan fungsi bahasa Melayu. Ini adalah satu petanda yang baik iaitu penerimaan yang positif oleh penduduk perbagai kaum terhadap bahasa Melayu di Malaysia yang sudah mencapai kemerdekaan selama 61 tahun.

**Aspek Penggunaan Bahasa Kebangsaan di *Greater KL* Berdasarkan  
Domain Pendidikan dan Persahabatan**

MOHAMMED AZLAN MIS

Program Linguistik

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

[whg5026@ukm.edu.my](mailto:whg5026@ukm.edu.my)

**Abstrak**

Makalah ini membentangkan hasil kajian awal penggunaan bahasa kebangsaan di wilayah *Greater KL*. Kajian ini berdasarkan kaedah soal selidik yang diedarkan di sekitar Kuala Lumpur, Shah Alam, Petaling, Klang, Ampang, Kajang, Gombak, Subang, Selayang dan Kuala Langat. Seramai 500 responden telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Soalan domain persahabatan adalah untuk mengetahui penduduk di *Greater KL* menggunakan bahasa kebangsaan semasa berinteraksi dengan rakan dan jiran sama ada sesama suku kaum atau suku kaum yang lain. Domain pendidikan pula berkaitan dengan soalan sama ada penduduk di *Greater KL* merasa penting bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, pendidikan di sekolah kebangsaan dan bahan bacaan berbahasa Melayu. Hasil kajian awal ini menunjukkan dalam domain persahabatan, penduduk di *Greater KL* majoritinya bersetuju/sangat setuju bahasa kebangsaan digunakan sesama kaum dan juga dengan kaum yang lain. Domain pendidikan pula menunjukkan bahawa penduduk di *Greater KL* majoriti menyatakan bahawa bahasa kebangsaan penting dalam bidang pendidikan dan mereka menyatakan tidak sukar untuk mempelajari bahasa kebangsaan di samping mereka juga belajar di sekolah kebangsaan.

## Panel 2

### GIS DAN DIALEK MELAYU PERLIS

MUHAMMAD FAIZ AIZUDDIN SUHAMI, FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN  
Yayasan Inovasi Malaysia, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan  
Malaysia

[faiz@yim.my](mailto:faiz@yim.my), [fazal@ukm.edu.my](mailto:fazal@ukm.edu.my)

#### ABSTRAK

Perlis ialah sebuah negeri yang unik kerana bersempadan dengan sebuah negara asing di utaranya iaitu Thailand dan dengan sebuah negara tempatan di selatannya iaitu Kedah. Kedudukannya yang unik ini turut memberikan impak kepada dialek Melayu yang dituturkan oleh penduduk asli Melayu di Perlis. Justeru kajian ini akan cuba mengkaji taburan dialek Perlis serta sempadan dialek dalam negeri Perlis. Kajian distribusi dialek ini dikenali sebagai dialek geografi. Dialek geografi juga dikenali sebagai geodialek. Kajian ini mengenal pasti sempadannya melalui pemilihan taburan variasi leksikal di Perlis menggunakan teknologi Geographic Information System (GIS). Teknologi ini digunakan bagi melakar peta lengkap dan tepat yang mampu menghuraikan penyebaran dialek seterusnya membentuk peta topografi yang lebih sofistikated. Kajian ini meneliti variasi bagi tiga leksikal yang melibatkan 660 orang responden di 18 buah mukim, merangkumi 66 buah kampung di Perlis. Responden ditemu bual bagi mendapatkan variasi bagi leksikal /punggun/, /baling/, dan /comot/. Kajian ini berjaya membahaskan satu penemuan baru bahawa terdapat beberapa variasi leksikal yang mewakili variasi dialek Perlis. Antara dialek yang dikenal pasti ialah Dialek Melayu Kedah dan Dialek Melayu Satun. Kajian ini juga berjaya mengenal pasti subdialek Perlis yang hanya muncul di beberapa tempat sahaja berikutan kurangnya penutur subdialek ini. Selain itu, kajian ini membahaskan bahawa faktor-faktor penyebaran variasi dialek adalah dikaitkan dengan faktor sejarah dan faktor geografi.

**Kata kunci:** geodialek; Sistem Maklumat Geografi (GIS), Perlis, dialek Melayu, peta

### KONSEP RUANG DALAM VARIAN KATA KERJA 'BALING' DIALEK KEDAH: ANALISIS GIS

NOR AZILAWATI BINTI MOHD. NOOR, NOR HASHIMAH JALALUDDIN,  
FAZAL MOHAMMED MOHAMMED SULTAN, HARISHON RADZI

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
[azilaazie13@yahoo.com](mailto:azilaazie13@yahoo.com), [shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my), [fazal@ukm.edu.my](mailto:fazal@ukm.edu.my), [naslin@ukm.edu.my](mailto:naslin@ukm.edu.my)

#### Abstrak

Varian dalam dialek menawarkan satu penjelasan yang menarik dan tepat mengenai penggunaannya. Ketepatan penggunaan varian bukan sahaja memberikan pola tersendiri malah boleh dikaitkan dengan pemikiran penuturnya. Leksikal 'baling' dalam dialek Kedah terutama di Sik dan Kuala Muda mempunyai jumlah varian dan leksikal yang agak berbeza. Sik ada tujuh varian sementara Kuala Muda mempunyai enam varian. Malah ada juga perbezaan leksikal yang digunakan di kedua-dua daerah tersebut disebabkan adanya pengaruh Siam. Selain perbezaan varian, konsep ruang yang difahami oleh penuturnya mampu memperlihatkan perbezaan yang ketara. Ruang dikaitkan dengan jarak, arah, sasaran, fokus dan tenaga. Contohnya 'tau' melibatkan jarak yang dekat, 'punggai' dikaitkan dengan arah ke atas manakala 'tuju' melibatkan arah, jarak, sasaran dan fokus. Kesemua leksikal ini bukan sahaja dapat dicatat penyebarannya menggunakan GIS tetapi juga dicerakin dari segi leksikografinya demi mendapatkan perbezaan makna. Pencerakinan definisi konsep ruang membantu kita memahami bagaimana masyarakat penuturnya menanggapi konsep ruang. Faktor non-linguistik seperti bentuk muka bumi, migrasi dan sejarah telah mewarnai penggunaan leksikal 'baling' ini bukan setakat dalam penyebaran malah dalam perincian maknanya.

## DIALEK DI DI PULAU PINANG MENERUSI KAJIAN MULTIDISIPLIN.

HARISHON BINTI RADZI\*, FAZAL MOHAMED BIN MOHAMED SULTAN, NOR  
HASHIMAH BINTI JALALUDDIN, JUNAINI BINTI KASDAN  
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM  
[naslin@ukm.edu.my](mailto:naslin@ukm.edu.my), [fazal@ukm.edu.my](mailto:fazal@ukm.edu.my), [shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my), [junaini@ukm.edu.my](mailto:junaini@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki empat belas buah negeri yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang menjadi sumber utama dalam mencapai maklumat taburan dialek berdasarkan perbezaan fonologi dan leksikal. Setiap dialek mempunyai penyebaran tersendiri tanpa dipengaruhi politik pentadbiran sesebuah negeri. Makalah ini berkenaan dengan analisis geolinguistik leksikal kata utama dialek Melayu Pulau Pinang dengan menggunakan perisian sistem maklumat geografi (GIS). Objektif utama makalah ini adalah untuk memaparkan penyebaran varian bagi kata leksikal utama iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Justeru, leksikal /daun kesum/, /pukul/ dan /comot/ terpilih menjadi data soal selidik dan rakaman semasa kajian lapangan dilakukan. Di samping itu, makalah ini turut memaparkan pembinaan peta isoglos penyebaran dialek di Pulau Pinang berserta peta kloroplek. Tiga kelompok masyarakat iaitu golongan remaja, dewasa dan warga tua menjadi informan kajian yang dipilih di beberapa buah kampung di Pulau Pinang. Sebanyak 28 varian telah diperolehi bagi ketiga-tiga leksikal yang dikaji dan kesemua varian tersebut dianalisis berdasarkan aspek linguistik dan geografi. Makalah ini berjaya menyingkap penyebaran dialek di Pulau Pinang yang pelbagai seperti dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Patani, Dialek Melayu Satun, dan dialek Melayu Pulau Pinang. Secara tidak langsung, makalah ini menyumbang maklumat baru yang lebih sistematis kerana melibatkan kajian multidisiplin menerusi penggunaan alatan maklumat geografi. Secara keseluruhannya, pemaparan kajian dalam makalah ini dapat memberi manfaat dalam memperkaya ilmu bahasa, khususnya penyebaran dialek Melayu di Malaysia.

Kata Kunci: leksikal kata utama, varian, dialek, sistem maklumat geografi, penyebaran.

## VARIASI LEKSIKAL DIALEK MELAYU DI NEGERI KEDAH: KAJIAN GEOLINGUISTIK

AMIR IMRAN BIN JAMIL, FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN  
[ameimran0308@gmail.com](mailto:ameimran0308@gmail.com), [fazal@ukm.edu.my](mailto:fazal@ukm.edu.my)  
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Kemajuan teknologi pada hari ini telah memperlihatkan satu dimensi baharu kepada kajian dialek khususnya di Malaysia. Sehubungan dengan itu, teknologi *Geographical Information System (GIS)* diguna pakai dalam kajian ini bagi menghasilkan peta variasi dialek Melayu di Kedah. Kajian geolinguistik ini bermula dengan pengumpulan data leksikal yang dibuat menerusi kajian lapangan di 135 buah kampung bagi keseluruhan daerah di negeri Kedah berdasarkan kaedah soal selidik dan rakaman. Seramai 892 responden yang terdiri daripada generasi tua dan muda disoal selidik. Kajian ini juga mengaplikasikan penggunaan teknologi yang berbantuan GIS iaitu ArcGIS dalam menjana peta penyebaran leksikal bagi dialek Melayu di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan bagi leksikal 'air', 'punggung' dan 'kerbau' sebenarnya mempunyai polanya yang tersendiri. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan pembuktian GIS iaitu maklumat-maklumat geografi atau bentuk muka bumi seperti sungai, paya, gunung, bukit dan hutan boleh menjadi faktor penentu kepada penyebaran dialek Melayu di Kedah. Keadaan ini menunjukkan bahawa penyebaran leksikal bagi sesuatu dialek akan mudah tersebar sekiranya terdapat ruang (*spatial*) yang memudahkannya tersebar ke kawasan yang berhampiran. Selain itu, faktor bukan bahasa (*non-linguistics*) juga dikenal pasti membawa kepada kerencaman leksikal dialek Melayu di Kedah. Hasilnya, satu pemetaan *isogloss* baru yang berjaya dipetakan bagi memperlihatkan variasi leksikal dialek Melayu di Kedah dengan lebih tepat.

Kata kunci: Dialek, GIS, geo-linguistik, variasi leksikal, isogloss

### Panel 3

#### ANALISIS KATA 'KUASA' DALAM KORPUS HANSARD PARLIMEN MALAYSIA

Intan Safinaz Zainudin  
intansz@ukm.edu.my

##### Abstrak

Kajian ini akan melihat analisis kata 'kuasa' yang terkandung dalam korpus Hansard Parlimen Malaysia. Korpus Hansard Parlimen Malaysia ini mengandungi rakaman secara verbatim perbahasaan 13 sesi parlimen ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang telah bersidang dari tahun 1959 ke 2018. Menurut jadual Ngram yang dijana dari korpus kajian, Parlimen ke-5 menunjukkan frekuensi relative tertinggi untuk penggunaan kata 'kuasa' berbanding dengan sesi parlimen yang lain. Oleh itu analisis akan difokuskan kepada Parlimen ke-5 sahaja. Parlimen ke-5 ini mengandungi korpus perbahasaan ahli parlimen yang bersidang dari tahun 1978 sehingga 1981 dan mengandungi tiga penggal. Teori Frame Semantics akan diterapkan untuk analisis kata 'kuasa' ini dan dari analisis yang dijalankan akan membincangkan pola makna kata 'kuasa' dan ranah-ranah makna yang berkaitan. Setelah mengkaji ranah makna dari Parlimen ke-5, perbandingan juga dibuat dengan ranah makna dari Parlimen sesi terkini iaitu sesi Parlimen ke-13. Parlimen 13 telah bersidang dari Jun 2013 sehingga 5 April 2018 dan mengandungi 6 penggal. Dari perbandingan antara dua sesi parlimen tersebut boleh dikenal pasti ranah makna 'kuasa' yang teras dan masih kekal maknanya dan dibahaskan dari empat dekad yang lalu.

#### PENUKARAN KOD DALAM KORPUS HANSARD MALAYSIA : ANALISIS BERPANDUKAN KORPUS

Azhar Bin Jaludin & Muhammad Zakwan Bin Mohd Izam

##### Abstrak

Peraturan 8 dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia berdasarkan perkara 62(1) memperuntukkan bahawa "Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris". Ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi serta mempunyai status yang sangat tinggi dalam Dewan Rakyat. Walaubagaimanapun, terdapat laporan akhbar yang menyatakan bahawa status Bahasa Melayu semakin 'layu' di parlimen dan ahli Dewan Rakyat lebih gemar menggunakan Bahasa Inggeris. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk melihat tren penggunaan bahasa Inggeris di dalam teks parlimen 13. Data kajian ini telah diambil daripada Hansard Malaysia, Parlimen 13 yang mengandungi 4 penggal yang terdiri daripada 224 fail mesyuarat. Data yang digunakan adalah berbentuk penukaran kod yang terdiri daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis berpandukan korpus bagi meneliti penukaran kod yang terdapat dalam teks parlimen. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam tren penukaran kod dalam teks parlimen 13. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah penggunaan bahasa Inggeris yang semakin menaik dari penggal 1 hingga ke penggal 4. Hal ini dengan jelas memperlihatkan bahawa ahli-ahli parlimen dalam Dewan Rakyat semakin gemar menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Perkara ini secara tidak langsung bercanggah serta memberi kesan kepada status bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Majlis yang termaktub dalam peraturan-perturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**Kata Kunci :** Parlimen Malaysia, Bahasa Rasmi, Hansard Malaysia, Penukaran kod, Dewan Rakyat, Pendekatan berpandukan korpus

## YOUTH REVISITED: REPRESENTATIONS OF ‘BELIA’ IN MALAYSIAN HANSARD CORPUS

Kesumawati A.Bakar, Norsimah Mat Awal, Azhar Jaluddin, Anis Nadiah Che Abdul Rahman

### Abstract

The rise of social problems among young people in Malaysia has been an issue of growing concern. Findings from research on Malaysian youths have consistently portrayed them in a negative light through involvement in social vices such as illegal racing, premarital sex and drug abuse. Interestingly enough, one international study on 26 countries also revealed our young people as displaying the highest level of boredom at 83% compared to youths from other countries. The starting point of this research specifically, is a study that examined the conceptualization of young Malaysians in Malaysian Hansard corpus. Its findings from the 1997 and 2007 Parliament sessions presented comparable negative patterns of representation, construing the youths as different, incomplete, undeveloped and weak (Imran-Ho 2008). 10 years on, using the methodology of corpus linguistics and systemic functional grammar, we re-examine the word *belia* and its synonyms *anak/generasi/golongan muda* contained in 3 million tokens of Parliament 13 in 2017. Initial findings revealed verbal and nominal collocates such as *dibimbing, menganggur, menarik, pengangguran* and *minat*, suggesting a group in need of guidance and direction aimed at resolving a problem. Correspondingly, *TUNAS, IKBN* and *institut* form the top 15 collocates pointing towards efforts made to empower the youths. By concentrating on top 50 lexical items collocating with *belia* and its synonyms, an insight is obtained into how our youth is understood and construed by members of the powerful political elite, the Parliament.

## PENELITIAN TREN ‘KEMISKINAN’ DAN ‘PEMBANGUNAN’ DALAM ENAM DEKAD DI MALAYSIA BERASASKAN MALAYSIAN HANSARD CORPUS (MHC)

Norsimah Mat Awal, Azhar Jaludin, Anis Nadiah Che Abdul Rahman & Imran Ho-Abdullah  
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya (CLaST), FSSK UKM

[norsimah@ukm.edu.my](mailto:norsimah@ukm.edu.my)

‘kemiskinan’ dan ‘pembangunan’ adalah antara dua perkara yang diteliti dalam usaha untuk membangunkan sesebuah negara. Perkara sama juga perlu diteliti dalam usaha Malaysia untuk mencapai status negara membangun. Oleh itu, kajian ini melihat bagaimana kedua-dua aspek ini diperbincangkan dalam Parlimen. Berpandukan data *Malaysian Hansard Corpus* yang mengandungi perbincangan di Dewan Rakyat bermula dari Parlimen 1 (1959) sehingga Parlimen 13 (2018) dengan anggaran saiz lebih dari 157 juta patah perkataan (token), kajian ini melihat tren perbincangan atau perdebatan berkenaan ‘kemiskinan’ dan ‘pembangunan’. Penelitian pada senarai kolokat bagi kedua-dua leksikal dari P1 hingga P13 menunjukkan perbincangan mengenai ‘kemiskinan’ masih berlingkar pada usaha yang sama iaitu pembasmian, berdasarkan kolokat *menghapuskan* pada P1 dan *pembasmian, membasmi* dan *disifarkan* pada P13. Bagi ‘pembangunan’ pula menunjukkan tren yang berbeza iaitu perancangan bagi ‘pembangunan’ menerusi kolokat seperti *peranchang, melancharkan* dan *pelaksanaan* dalam P1. Bagi P13 pula menunjukkan tren kepesatan ‘pembangunan’ melalui kolokat seperti *pesatnya, mempergiatkan, SPKR* (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat), *IYRES* (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia). Jelasnya kajian ini menunjukkan pendirian dan tindakan pihak berkenaan mengenai aspek-aspek tertentu yang dibawa dalam perbincangan di Dewan Rakyat.

## PENUTUR DIALEK KEDAH DALAM KALANGAN PELAJAR UIAM PAGOH: ANALISIS SIKAP DAN KEFAHAMAN

Noor Fazilahhanum Abdul Latiff, Sri Nor Syarima Juhari, Najatul Najwa Shafiqah Tajudin  
fazilahhanum@gmail.com, srijuhariexoxo@gmail.com, najatultajudin2710@gmail.com

### Abstrak

Makalah ini mengkaji sikap dan kefahaman pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh terhadap dialek negeri Kedah untuk mengetahui sama ada kawasan penempatan mempengaruhi penguasaan dialek dalam kalangan para pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan. Kajian ini dijalankan dengan mengumpul kosa kata asli dialek Kedah sebanyak 10 leksikal daripada informan yang menetap di negeri Kedah. Leksikal-leksikal tersebut diuji dengan edaran borang kaji selidik kepada 20 orang responden yang merupakan penutur natif dialek Kedah. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dan persampelan bebola salju, iaitu sampel kajian diperolehi secara individu. Analisis yang dilakukan mendapati peratusan jawapan yang betul diperolehi daripada pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tinggal di kawasan bandar.

**Kata kunci:** sikap, kefahaman, dialek Kedah, pelajar UIAM Kampus Pagoh.

### PENGENALAN

Dialek kedah yang agak luas dipertuturkan terdapat lima bahagian, iaitu pertama di Utara mewakili Kodiang, Alor Setar dan Kubang Pasu. Kedua adalah di Barat mewakili Kuala Kedah dan kawasan sekitarnya, ketiga adalah di seluruh Langkawi, manakala keempat adalah di bahagian Tengah Kedah yang mewakili Sungai Petani dan kawasan sekitarnya serta yang terakhir iaitu di bahagian Selatan mewakili Kulim dan Bandar Bharu. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan istilah daripada kawasan Kodiang. Kodiang merupakan sebuah pekan kecil di dalam daerah Kubang Pasu di negeri Kedah. Ia bersempadan dengan negeri Perlis iaitu Kampung Kubang Beruang di Kodiang dan Kampung Sena di Arau, Perlis. Sebahagian besar penduduknya merupakan petani. Bandar terdekat ialah bandar diraja Arau, Perlis di mana jaraknya kira-kira lima kilometer (km).

Dialek merupakan khazanah bahasa yang terdapat di Malaysia (Collins, 1996). Kealpaan terhadapnya akan menyebabkan kepupusan seperti yang dialami oleh bahasa-bahasa dalam rumpun Austorasiatik di Malaysia (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009a). Kepelbagaian dialek di Malaysia ini dibuktikan dengan pelbagai nama dialek yang wujud dan biasanya dinamakan mengikut nama kawasan ia dituturkan. Menurut Mario & Gaynor (1960), dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Ia mempunyai satu bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang *standard* dari segi sebutan, tatabahasa dan leksikal, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Asmah Haji Omar (2008) menyatakan bahawa dialek Melayu di Malaysia pada umumnya dibahagikan kepada dua belas kawasan dialek, masing-masing dengan subdialeknya. Daripada dua belas kawasan tersebut, sembilan daripadanya berada di kawasan Semenanjung Malaysia dan tiga lagi di kawasan Sabah dan Sarawak (Collins, 2000; Idris Aman & Rosniah Mustaffa, 2009).

Dialek Melayu berdasarkan kawasan tersebut ialah dialek Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Brunei dan Kedayan. Dialek bahasa Melayu Utara (DBMU) merupakan dialek bahasa Melayu yang dipertuturkan di bahagian Utara Semenanjung Malaysia berdasarkan pemetaan geografi kawasan utara seperti yang dirungkaikan oleh Asmah Haji Omar (1985). Antara negeri-negeri yang terlibat ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan bahagian utara Perak, iaitu sehingga kawasan Taiping. Asmah Haji Omar (2008) juga telah memberikan pandangan bahawa dialek Kedah juga dikenali sebagai dialek utara yang meliputi kawasan

Perlis, Kedah (termasuk Pulau Langkawi), Pulau Pinang, dan utara Perak hingga ke Taiping. Terdapat perbezaan kecil yang menimbulkan beberapa subdialek bagi dialek ini. Contohnya, ada perbezaan yang kecil antara dialek yang dituturkan di Perlis, terutamanya di kawasan utara negeri itu dengan yang dituturkan di Kedah. Selain itu, di negeri Kedah juga terdapat beberapa perbezaan berdasarkan subkawasan.

### KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai dialek banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian dialek yang menfokuskan sikap dan kefahaman terhadap dialek tersebut, iaitu kajian “Sikap dan Kefahaman Pelajar terhadap Dialek Negeri Sembilan”. Kajian oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal dan Idris Aman (2012) dari Universiti Kebangsaan Malaysia disiarkan dalam jurnal *GEMA Online Journal of Language Studies* memilih 65 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Syed Idrus, Tampin yang datang daripada pelbagai kelompok sosial dan ekonomi. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden-responden terpilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar-pelajar terhadap dialek Negeri Sembilan berada di tahap sederhana akibat daripada kurangnya galakan oleh ibu bapa, namun menunjukkan sikap yang positif dari aspek kefahaman dan persepsi mereka terhadap dialek tersebut. Selain itu, hasil kajian mendapati kelas sosial yang tinggi menunjukkan kefahaman dialek yang rendah dan ini menyebabkan perkataan yang berkaitan dengan adat kurang difahami oleh kelas-kelas sosial pelajar yang tinggi.

Kajian berikutnya merupakan kajian sikap terhadap bahasa, iaitu “*Saya Suka Tapi Tak Bangga – Satu Kajian Sikap Bahasa*” oleh Lam Kai Chee dan Kamila Ghazali (2012). Kajian yang disiarkan dalam jurnal yang sama seperti kajian di atas berfokuskan kepada bangsa Cina di Kuching, Sarawak. Seramai 403 orang responden dipilih untuk diuji menggunakan ujian *matched-guise* dan soal selidik diberikan. Kajian ini mengenal pasti 4 variasi bahasa Mandarin, iaitu bahasa Mandarin Standard (M1), bahasa Mandarin bahasan (M2), dialek Hokkein (H) dan dialek Kantonis (K). Hasil kajian mendapati faktor sosial iaitu kumpulan umur dan taraf sosioekonomi banyak mempengaruhi keempat-empat variasi bahasa. Hasil kajian juga menunjukkan M1 dan K dinilai sebagai ‘tinggi’ dan ‘positif’ dari dimensi status dan dimensi kekitaan, manakala H dan M2 lebih menyerlah dari dimensi kekitaan.

Kajian berikutnya oleh Exzayrani Awang Sulaiman (2015) dari Brunei bertajuk “Sikap Bahasa Generasi Muda Terhadap Bahasa Melayu: Kajian Kes Sekolah Menengah Chung Hwa”. Kajian ini dibentangkan di prosiding di Kuala Lumpur menggunakan kaedah mengedarkan borang kaji selidik dan SPSS untuk menganalisis data. Sampel merangkumi 101 pelajar SM Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, Brunei untuk mengenal pasti sikap generasi muda terhadap bahasa Melayu (BM). Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap generasi terbabit terhadap BM adalah negatif, dengan kebanyakannya menunjukkan peratusan yang tinggi sebagai tidak setuju dari aspek penggunaan, ekonomi, sosial dan sosial. Kesimpulan yang didapati adalah bahasa Inggeris banyak mempengaruhi generasi-generasi muda kerana sifat bahasa Inggeris yang dilabelkan sebagai bahasa global oleh golongan ini.

Kajian berikutnya bertajuk “Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung” oleh Zulkifley Hamid, Rahim Aman dan Karim Harun (2010). Seramai 200 responden dalam lingkungan umur 10 hingga 61 tahun yang tinggal di 6 daerah Pahang (Temerloh, Maran, Jerantut, Muadzam Shah, Kuala Lipis dan Kuantan) telah dipilih. Kajian menggunakan pengedaran borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian turut serta SPSS untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati penerimaan Bahasa Melayu oleh golongan berumur 21 tahun ke bawah adalah rendah, dengan keturunan bukan etnik Melayu menunjukkan penguasaan pengetahuan Bahasa Melayu yang rendah. Selain itu, orang beragama Islam dan kelompok berpendidikan tinggi mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang lebih tinggi, di samping penduduk di kawasan bandar menunjukkan sikap dan pandangan tentang kemampuan berbahasa Melayu yang tinggi.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian tentang dialek telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Walau bagaimanapun kajian tentang sikap dan kefahaman individu terhadap dialek Kedah masih belum pernah dilakukan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti istilah-istilah lama dialek Kedah dan seterusnya istilah yang disenaraikan ini diuji kepada 20 orang responden yang merupakan penutur natif dialek Kedah yang terdiri daripada pelajar jurusan Mlcom, Arcom, dan Encom.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan matlamat untuk:

- i. Mengetahui dan menyenaraikan item-item leksikal dialek Kedah
- ii. Menguji sikap dan kefahaman pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan UIAM Kampus Pagoh yang menetap di bandar dan luar bandar terhadap dialek Kedah

## BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini adalah di Kodiang yang merupakan salah satu tempat yang terletak di negeri Kedah Darul Aman. Skop kajian ini dipilih kerana Kodiang merupakan dialek yang paling luas dipertuturkan di Kedah. Pengkaji hanya memfokuskan kepada sepuluh leksikal lama dialek Kedah Utara, iaitu Kodiang untuk diuji kepada 20 orang responden yang lahir di negeri Kedah, anak jati dan menetap di Kedah. Responden yang ditetapkan adalah daripada kalangan mahasiswa UIAM Kampus Pagoh sahaja. Hal ini demikian kerana pelajar UIAM Kampus Pagoh merupakan pelajar yang mengambil jurusan bahasa dan dianggap bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Selain itu disebabkan UIAM pagoh ini merupakan kampus baru dan belum ada kajian mengenai dialek Kedah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan bagi mendapatkan data berkaitan dialek Kedah ini. Kajian ini dilakukan seperti kerangka kajian yang berikut:

### **Kaedah kepustakaan**

Pengkaji memilih kajian kepustakaan dengan melakukan penelitian terhadap sumber-sumber bertulis berkaitan dialek Kedah daripada buku, kertas kerja, tesis, penulisan ilmiah, dan akhbar. Pengkaji telah melakukan proses pendokumentasian terhadap bahan-bahan yang diperoleh. Seterusnya ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap dalam menghasilkan dapatan kajian

### **Temu bual**

Pengkaji memilih informan lelaki yang menetap di Kedah untuk mendapatkan leksikal lama dialek Kedah Utara. Sebanyak sepuluh item leksikal telah disenaraikan bagi tujuan pengujian ke atas responden. Temu bual dilakukan secara bersemuka antara pengkaji dengan informan.

### **Rakaman**

Rakaman audio dilakukan dengan merakam suara informan menerusi telefon. Suara rakaman kemudiannya ditranskripsi oleh pengkaji untuk disenaraikan bagi dimasukkan ke dalam borang soal selidik.

### **Sampel kajian**

Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bebola salju. Menerusi teknik persampelan bertujuan, pengkaji telah menetapkan hanya responden yang berasal dari negeri Kedah ataupun yang menetap di Kedah sahaja dibenarkan untuk menjawab borang soal selidik. Manakala teknik persampelan bebola salju pula digunakan apabila pengkaji meminta responden memberikan borang soal selidik kepada kenalan responden yang lain.



### Soal selidik

Soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu latar belakang responden, sikap responden terhadap dialek Negeri Kedah, dan soalan pengisian tempat kosong. Bahagian latar belakang responden bertujuan untuk mendapatkan maklumat kawasan kediaman, tempat lahir dan tempat tinggal responden. Bahagian sikap pula bertujuan untuk meneliti pandangan penutur terhadap sesuatu bahasa/dialek kerana sikap bahasa dapat mencerminkan sesuatu identiti sesuatu bangsa. Kajian ini membahagikan sikap penutur kepada dua, iaitu sikap terhadap bahasa dan sikap terhadap penggunaan bahasa. Sikap terhadap bahasa merujuk kepada pandangan penutur terhadap dialek Negeri Kedah, misalnya “Saya tidak malu menggunakan dialek Negeri Kedah”. Manakala sikap terhadap penggunaan bahasa ialah apa, di mana dan bila sesuatu bahasa/dialek itu digunakan, misalnya “Saya menggunakan dialek Negeri Kedah di rumah”. Soalan seerti ini sebenarnya dibentuk berdasarkan domain keluarga dan rakan, yang bertanya di mana dialek Negeri Kedah digunakan, misalnya di rumah dan dengan siapa dituturkan, isalnya dengan rakan. Pemilihan domain keluarga di rumah kerana domain ini adalah paling tipikal dalam kajian sikap dan pilihan bahasa.

Bahagian soalan pengisian tempat kosong pula menguji kata, iaitu mengetahui kebolehan responden mengetahui makna kata-kata tertentu dalam dialek Negeri Kedah. Bahagian ini merupakan asas kajian ini kerana perbualan dan data yang terkumpul dari lapangan dikenal pasti. Seterusnya sebanyak 10 perkataan telah dipilih untuk dimuatkan dalam soal selidik. Berikut merupakan kata-kata yang dipilih beserta maksud:

- 1) *Beghemba* – konvoi
- 2) *Bok* – tilam
- 3) *Gebaq* – selimut
- 4) *Kawaq* – pencuri
- 5) *Kedeghah* – makan melahap
- 6) *Pedai ayam* – mangga kunci
- 7) *Pokka* – sesumpah
- 8) *Ponen* – pondan
- 9) *Senanyan* – Isnin
- 10) *Sia* – mangkuk tingkat

### Informan Kajian

Pemilihan informan dalam kajian ini berdasarkan ciri-ciri umum yang biasa digunakan oleh para pengkaji dialek, iaitu seorang lelaki dewasa yang agak berusia dan menetap secara kekal di sesuatu kawasan di luar bandar. Konsep yang biasa dirujuk untuk informan jenis ini ialah NORM, iaitu *nonmobile, older, rural* dan *male* (Trudgil, 1990). Pemilihan lelaki dewasa sebagai informan bersesuaian dengan pandangan masyarakat di Barat, yang percaya bentuk bahasa lelaki lebih ‘murni’ berbanding kaum perempuan. Pemilihan informan yang menetap lama di sesuatu kawasan dapat menjamin keaslian bahasa yang ingin dikaji, manakala informan yang lanjut usianya dapat menggambarkan gaya bahasa yang lebih klasik, dan mungkin arkaik. Tambahan pula, pengumpulan data di luar bandar dapat mengekalkan ciri-ciri dialek yang asli dan tulen.

Berdasarkan kriteria di atas, maka kajian ini telah memilih informan yang berumur 45 tahun ke atas dan telah menetap untuk jangka masa yang lama. Proses pengumpulan data dilakukan di sebuah kampung di utara Negeri Kedah, iaitu Kampung Wang. Informan yang dijumpai pengkaji ialah Che Ahmad bin Rejab yang berusia 86 tahun.

### Responden

Soalan pengisian tempat kosong tentang makna perkataan tertentu dalam dialek Negeri Kedah kemudiannya diuji terhadap sejumlah responden untuk mengetahui tahap kefahaman mereka. Dalam kajian ini, sejumlah 20 orang responden telah dipilih. Kesemua responden ini terdiri daripada pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh (UIAM Pagoh) yang merupakan penutur asal dialek Negeri Kedah.

## DAPATAN DAN ANALISIS

### Latar Belakang Kawasan Kediaman Responden

Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh. Pemilihan responden adalah terdiri daripada para pelajar yang merupakan penutur natif dialek Kedah. Pengkaji telah menetapkan responden seramai 20 orang dan didapati hanya dua orang sahaja pelajar lelaki dan selebihnya, 18 orang adalah pelajar perempuan. Kawasan kediaman responden dapat digambarkan seperti jadual di bawah:

Jadual 1 : Demografi Kawasan Kediaman Responden

Kawasan Kediaman	Jumlah	Peratus
Bandar	10	50%
Luar bandar	10	50%

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan pelajar yang tinggal di kawasan bandar dan kawasan luar bandar adalah sama, iaitu masing-masing 50%. Hal ini berikutan kerana pengkaji menetapkan bilangan responden secara sama banyak supaya dapat dibuktikan sama ada faktor penempatan berupaya mempengaruhi sikap dan kefahaman pelajar Kulliyah Bahasa dan Pengurusan UIAM Pagoh terhadap dialek Kedah.

### Sikap Responden

Soalan tentang sikap menggunakan kaedah *ya* ataupun *tidak* dapat dibahagikan kepada empat aspek iaitu penggunaan (5), galakan (1), kefahaman (1), persepsi (3). Aspek penggunaan ditandai oleh kata *menggunakan*, aspek galakan ditunjukkan oleh perkataan *menggalakkan*, aspek kefahaman melalui kata *faham*, dan aspek persepsi dengan kata *suka*, *bangga*, dan *tidak malu*. Sikap responden terhadap dialek negeri Kedah dapat dilihat dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Sikap responden terhadap dialek negeri Kedah

Bil	Kawasan Kediaman	Sikap (%)						Persepsi (%)					
		Guna		Galak		Faham		Tidak malu		Suka		Bangga	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Bandar	70	30	60	40	90	10	90	10	100	0	90	10
2	Luar bandar	60	40	60	40	80	20	100	0	100	0	100	0

Kekerapan aspek penggunaan menunjukkan bahawa responden cenderung menggunakan bahasa Melayu dialek Kedah di rumah. Akan tetapi, yang tertera di dalam jadual adalah kekerapan penggunaan dialek Kedah dengan rakan-rakan. Pelajar-pelajar dari kawasan bandar mahupun luar bandar masing-masing mencatatkan peratusan yang agak seimbang iaitu 70-30% dan 60-40%. Hal ini berkemungkinan kerana para pelajar di UIAM Kampus Pagoh datang dari pelbagai negeri, maka para pelajar dari negeri Kedah lebih selesa menggunakan bahasa Melayu standard untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan.

Bagi aspek galakan pula, kebanyakan para pelajar dari kawasan bandar dan luar bandar menjawab bahawa ibu bapa mereka menggalakkan mereka menggunakan dialek negeri Kedah dengan mencatatkan masing-masing 60%. Catatan ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh keluarga responden menggunakan dialek Kedah di rumah. Oleh disebabkan itu, ibu bapa menggalakkan pelajar menggunakan dialek. Aspek kefahaman pula menunjukkan pelajar yang menetap di kawasan bandar mahupun luar bandar merekodkan kadar peratusan yang positif dengan nilai 90-10% dan 80-20%. Mereka bersetuju bahawa mereka memahami dialek negeri Kedah. Akhirnya aspek persepsi yang tidak

kurang mencatatkan respon yang luar biasa positif tentang dialek negeri Kedah. Penerimaan dialek Kedah amat disambut baik oleh semua responden yang rata-ratanya menyokong agar bahasa Melayu dialek Kedah terus dipertuturkan. Selain itu, mereka juga tidak merasa malu dan sekaligus berbangga dengan dialek negeri mereka.

### DAFTAR LEKSIKAL DIALEK KEDAH DAN MAKNA

Berikut adalah senarai 10 daftar leksikal dialek Kedah beserta maknanya:

Jadual 3: Daftar leksikal dialek Kedah dan makna

Bil.	Perkataan	Makna
1.	Beghempa	Konvoi
2.	Bok	Tilam
3.	Gebaq	Selimut
4.	Kawaq	Pencuri
5.	Kedaghah	Makan dengan pelahap
6.	Pedai ayam	Kunci mangga
7.	Pokka	Sesumpah
8.	Ponen	Lelaki lembut (pondan)
9.	Senanyan	Isnin
10.	Sia	Mangkuk tingkat

### Soalan Leksikal Subjektif

Hasil jawapan soalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 4: Peratusan jawapan soalan kajian

Bil.	Perkataan	Bandar (%)		Luar bandar (%)	
		Betul	Salah	Betul	Salah
1.	Beghempa	40	60	70	30
2.	Bok	20	80	10	90
3.	Gebaq	70	30	80	20
4.	Kawaq	50	50	20	80
5.	Kedaghah	80	20	100	0
6.	Pedai ayam	60	40	80	20
7.	Pokka	10	90	30	70
8.	Ponen	50	50	70	30
9.	Senanyan	60	40	90	10
10.	Sia	90	10	100	0

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa perkataan yang rata-rata pelajar gagal untuk memberikan makna yang tepat dan ada juga perkataan yang mendapat hampir keseluruhannya menjawab dengan betul. Melalui hasil edaran soalan kajian, 'bok' menunjukkan kefahaman paling rendah dengan peratusan 20-80% dan 10-90% bagi kedua-dua pelajar yang tinggal dikawasan bandar dan luar bandar. Seramai empat daripada 10 orang responden kawasan luar bandar memberikan jawapan 'bok' sebagai batang joran. Besar kemungkinan, pemahaman mereka mengenai 'bok' berbeza dengan dialek Kedah. Begitu juga halnya dengan 'kawaq', seramai tiga dari lapan pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar yang menjawab 'kawaq' adalah semak-samun.

Tidak dapat dinafikan, kawasan kediaman pelajar memainkan peranan penting dalam kefahaman pelajar tentang daftar leksikal dialek negeri Kedah. Jika diteliti dari jadual, peratusan pelajar tinggal di kawasan luar bandar yang mampu menjawab soalan dengan betul adalah lebih tinggi dibandingkan dengan pelajar yang tinggal di kawasan bandar. Besar kemungkinan hal ini terjadi kerana tahap mobiliti masyarakat yang tinggal di kawasan bandar lebih tinggi, selain itu juga mereka yang

tinggal di bandar kebanyakannya mempunyai kerjaya dalam bidang profesional. Dalam perkataan lain, jika pelajar-pelajar tinggal di kawasan luar bandar, maka kadar kefahaman mereka dalam leksikal dialek Kedah utara juga semakin tinggi.

### KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kita dapat merumuskan beberapa perkara berkaitan dengan aspek sikap dan tahap kefahaman para pelajar negeri Kedah di UIAM Kampus Pagoh. Sikap responden terhadap penggunaan dialek Kedah amatlah memuaskan. Hal ini berikutan kedua ibu bapa pelajar sendiri yang menggalakkan penggunaan dialek Kedah. Sikap responden terhadap bahasa Melayu dialek Kedah juga memperlihatkan hasil yang positif dan mungkin inilah yang mendorong kefahaman pelajar-pelajar yang memuaskan.

Bagi soalan leksikal pula, para pelajar yang berasal dari kawasan bandar mahupun luar bandar tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu tinggi jika diperhatikan melalui jadual-jadual disediakan. Tetapi, tidak dinafikan bahawa kawasan luar bandar menunjukkan peratusan yang lebih tinggi, ini mencerminkan bahawa dialek negeri Kedah mempunyai fungsi sosial yang penting di dalam kalangan penduduk luar bandar. Perkataan 'boq' dan 'pokka' pula adalah perkataan yang paling kurang difahami oleh para pelajar, ini mungkin berikutan perbezaan makna di kawasan setempat mereka.

Secara kesuluruhannya, implikasi kajian ini mendapati bahawa sikap dan kefahaman pelajar-pelajar negeri Kedah UIAM Kampus Pagoh terhadap bahasa Melayu dialek Kedah adalah positif. Golongan yang lebih berusia haruslah menjadi pendorong dan penggalak bagi golongan muda agar menjaga dialek negeri mereka. Tetapi, hasil yang didapati cukup memberangsangkan, ini membuktikan bahawa generasi muda negeri Kedah masih menyanjung tinggi dialek negeri mereka dan cenderung untuk menggunakan dialek Kedah walaupun telah berpindah keluar dari negeri tersebut.

### Rujukan

- Asal Usul Loghat Kedah*. Diperolehi pada 28 Mac daripada <https://www.orangkedah.com/asal-usul-loghat-kedah.html> © orangkedah.com
- Exzayrani Awang Sulaiman. (2015). Sikap Bahasa Generasi Muda Terhadap Bahasa Melayu: Kajian Kes Sekolah Menengah Chung Hwa. *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015*. e-ISBN 978-967-0792-04-0: 925-938.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2012). Kata Soal Dalam Dialek Kedah. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(2):475-493
- Kajian Mengenai Dialek Kedah dengan Bahasa Melayu Baku*. Diperolehi pada 2 April daripada [http://blog-kedah.blogspot.my/2013/03/02-di-kodiang-google-blog-search\\_24.html](http://blog-kedah.blogspot.my/2013/03/02-di-kodiang-google-blog-search_24.html)
- Lam Kai Chee & Kamila Ghazali. (2012). "Saya Suka Tapi Tak Bangga" – Satu Kajian Sikap Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12(1): 275-293.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. (2012). Sikap dan Kefahaman Pelajar terhadap Dialek Negeri Sembilan. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12(4): 1193-1211.
- Rahimah A. Hamid, Ahmad Moghni Salbani & Saad Othman. (2011). *Merekayasa Kearifan Tempatan Melalui Bahasa*. Pulau Pinang: USM.
- Unsur Unik Dialek Melayu*. Diperolehi pada 28 Mac daripada <https://docslide.com.br/documents/unsur-unik-dialek-melayu.html>
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*. (5)2010: 163-176.

## Lampiran

**BORANG SOAL SELIDIK**

Sikap dan Kefahaman Pelajar UIAM Pagoh Terhadap Dialek Negeri Kedah

**A. Butiran responden**

1. Umur : \_\_\_\_\_
2. Jantina  Lelaki  Perempuan
3. Tahun pengajian : \_\_\_\_\_
4. Bidang pengajian  ARCOM  ENCOM  
 MLCOM  TPHM
5. Kawasan Kediaman  Bandar  Luar bandar
6. Tempat lahir : \_\_\_\_\_
7. Tempat tinggal : \_\_\_\_\_

**B. Sikap responden**

1. Saya menggunakan dialek Negeri Kedah di rumah.  Ya  Tidak
2. Saya menggunakan dialek Negeri Kedah dengan kawan-kawan.  Ya  Tidak
3. Ibu bapa menggalakkan saya menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak
4. Ibu bapa saya menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak
5. Saya memahami dialek Negeri Kedah yang digunakan oleh datuk dan nenek saya.  Ya  Tidak
6. Semua orang Negeri Kedah mesti menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak
7. Dialek Negeri Kedah harus terus digunakan.  Ya  Tidak
8. Saya tidak malu menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak
9. Saya suka menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak
10. Saya bangga menggunakan dialek Negeri Kedah.  Ya  Tidak

**C. Tuliskan makna yang betul bagi perkataan berikut.**

1. beghemba : \_\_\_\_\_
2. bok : \_\_\_\_\_
3. gebaq : \_\_\_\_\_
4. kawaq : \_\_\_\_\_
5. kedaghah : \_\_\_\_\_
6. pedai ayam : \_\_\_\_\_
7. pokka : \_\_\_\_\_
8. ponen : \_\_\_\_\_
9. senanyan : \_\_\_\_\_
10. sia : \_\_\_\_\_

Terima kasih.  
Selamat maju jaya.

## SIKAP DAN KEFAHAMAN PELAJAR UIAM PAGOH TERHADAP DIALEK NEGERI TERENGGANU: KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Nur Fatihah Ahamad Zahini  
fatihahzahini@gmail.com

Siti Nor Hafizah Ramli  
hafizah.ramli96@yahoo.com

Nurul Nasuha Mohd Noor Zaidi  
nasuhazaidi0810@gmail.com

### Abstrak

Makalah ini membincangkan sikap pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh terhadap dialek negeri Terengganu yang memberi tumpuan kepada aspek tempat tinggal serta tempat lahir bagi melihat perkaitannya dengan tahap kefahaman para pelajar. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui teknik kualitatif dan kuantitatif dengan mengedar borang kaji selidik kepada 12 orang pelajar UIAM kampus Pagoh. Sebanyak 10 kosa kata asli dialek Terengganu telah dikumpul daripada tiga orang informan yang berasal dari Kuala Terengganu untuk menguji tahap kefahaman para pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa sikap responden menunjukkan nilai sisi positif terhadap penggunaan dialek Terengganu yang melibatkan persepsi terhadap dialek tersebut. Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan leksikal dapat difahami oleh responden yang lahir dan menetap di negeri Terengganu (NS) tetapi tidak kepada responden yang tinggal di luar negeri Terengganu (NB). Leksikal 'kayu khamat' dan 'gok ayam' didapati paling tinggi difahami manakala leksikal 'retok' menunjukkan kadar peratusan yang rendah bagi kefahaman para pelajar.

**Kata kunci:** sikap, kefahaman, dialek, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Terengganu

### PENDAHULUAN

Bahasa merupakan satu elemen penting dalam proses komunikasi manusia dan ia bertujuan untuk memindahkan atau berkongsi maklumat daripada penutur kepada pendengar. Bahasa terdiri daripada bahasa rasmi dan bahasa tidak rasmi malahan bahasa juga mempunyai pelbagai jenis variasi seperti bahasa slanga, bahasa kolokial, dialek dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dialek boleh didefinisikan sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard. Dialek adalah bahasa yang mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri apabila ia diujarkan oleh masyarakat di daerah atau negeri yang tertentu serta difahami oleh komuniti tersebut sahaja. Tambahan lagi, setiap daripada negeri yang terdapat dalam Malaysia mempunyai dialek yang berbeza, misalnya dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Kedah, dialek Terengganu, dialek Pahang dan sebagainya. Walaubagaimanapun, Asmah Haji Omar (1991) telah mengelompokkan dialek-dialek yang terdapat di semenanjung Malaysia kepada lima kawasan utama, iaitu kelompok Barat Daya yang terdiri daripada kelompok Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan meliputi Perak Utara, sementara kelompok Timur Laut diwakili oleh dialek Kelantan, seterusnya kelompok Timur yang meliputi Terengganu, selanjutnya kelompok Selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan serta yang terakhir adalah kelompok yang mewakili dialek Negeri Sembilan.

Negeri Terengganu mempunyai tujuh buah daerah, iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut. Di samping itu, daerah Kuala Terengganu menjadi rujukan kepada dialek utama negeri ini kerana setiap daripada daerah mempunyai perbezaan dari segi subdialek. Contohnya, daerah Besut dan utara Setiu banyak dipengaruhi oleh dialek Kelantan akibat daripada faktor kawasannya yang terletak berhampiran atau bersempadan dengan negeri

Kelantan manakala daerah Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman, Selatan Setiu menuturkan dialek yang hampir sama. Menurut Asmah Haji Omar (1998) subdialek yang dituturkan di Kuala Terengganu dianggap sebagai dialek Terengganu standard. Beliau turut menyatakan bahawa Kuala Terengganu merupakan kawasan pusat budaya, pentadbiran dan perniagaan. Dengan demikian, subdialek yang dituturkan di kawasan tersebut juga sedikit sebanyak menjadi rujukan untuk dialek Terengganu serta dianggap lebih tinggi daripada subdialek-subdialek yang lain. Keunikan dialek ini semakin terserlah apabila golongan penutur bukan sahaja dalam kalangan bangsa Melayu tetapi turut ditutur oleh bangsa Cina dan India yang lahir serta menetap di negeri tersebut.

### SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian merupakan pernyataan atau fakta yang menyokong sesuatu objektif. Hal tersebut membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah satu rekaan, malahan di dalamnya terkandung pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih oleh penyelidik. Sumber-sumber kajian diambil daripada artikel, jurnal, tesis atau kenyataan daripada seseorang pakar. Kajian ini telah merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji mengenai dialek Negeri Terengganu, kajian mengenai dialek yang pernah dilakukan, kajian mengenai dialek di negeri-negeri lain serta kajian mengenai kosa kata dialek.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor dan Normaliza Abdul Rahim (2013) yang memberi fokus untuk menganalisis dan menjelaskan tentang ciri-ciri keunikan dialek Terengganu serta strategi pengekaln warisan variasi bahasa tempatan dalam konteks penggunaan bahasa lokaliti daerah pesisir pantai. Dalam kajian berkenaan yang terdiri daripada 120 orang ahli komuniti daripada empat mukim terpilih jelas menunjukkan dapatan yang menarik kerana ia mengandungi kelainan dan keunikan dengan dialek-dialek lain di Malaysia terutamanya dalam aspek sebutan bagi bunyi-bunyi vokal, konsonan, diftong, suku kata dan kosa kata yang mengandungi ciri-ciri pengguguran, penggantian, pemendekan, penegasan, sebutan dan perkataan serta pengayaan kosa kata tempatan. Dapatan kajian bagi aspek pengguguran, iaitu bunyi vokal bagi perkataan yang berakhir dengan huruf 'a' akan digugurkan dan digantikan dengan huruf 'e', manakala bunyi vokal 'o' digugurkan dan digantikan dengan 'u' dan bunyi konsonan 'n' digugurkan dan digantikan dengan perkataan gabungan 'ng'. Selain itu, bunyi konsonan yang berakhir dengan konsonan 'p' akan digantikan dengan huruf 'k', manakala bunyi vokal bagi huruf 's' akan digugurkan dan digantikan dengan huruf 'h'. Kajian ini juga mengkaji aspek pemendekan atau ringkasan perkataan yang terdapat pada ringkasan suku kata dalam perkataan dan aspek penegasan sebutan dan aspek penegasan perkataan serta aspek pengayaan kosa kata tempatan.

Kajian Nur Adibah Hasan dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017) memfokuskan mengenai struktur kata dialek Terengganu yang lebih memfokuskan kepada proses perubahan struktur suku kata dan analisis terhadap struktur suku kata dialek Terengganu. Kajian ini telah menggunakan data yang diperoleh daripada siaran radio Terengganu.fm yang meliputi Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu dan Setiu. Hasil kajian menunjukkan dialek Terengganu yang mempunyai tiga struktur suku kata, iaitu KV, KVK dan KKV.

Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal dan Idris Aman (2012) telah menjalankan kajian mengenai Sikap dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sociolinguistik dalam kalangan pelajar menengah rendah di Negeri Sembilan yang tertumpu di daerah Rembau dan Tampin. Kajian ini adalah untuk menyiasat sikap dan kefahaman pelajar terhadap dialek Negeri Sembilan, iaitu untuk mengetahui sejauh mana penguasaan dialek di kalangan pelajar menengah rendah di Negeri Sembilan. Alat kajian yang digunakan adalah dengan bertanyakan soalan tentang sesuatu dan berbentuk pilihan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap penggunaan dialek Negeri Sembilan agak sederhana kerana kurang galakan daripada ibu bapa. Namun, dari aspek kefahaman, para pelajar menunjukkan hasil yang positif.

Kajian oleh Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2014) mengenai Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik mendapati bahawa perbezaan

dialek di negeri-negeri jiran menjadi pengaruh utama pada dialek Melayu negeri Perak dan menunjukkan bahawa faktor geografi, demografi, sempadan, sikap dan migrasi menjadi faktor penentu berlakunya variasi leksikal dan penyebaran di kawasan penyelidikan tersebut. Hal ini diperoleh melalui instrumen yang digunakan, iaitu pengumpulan data melalui kajian lapangan di 38 buah kampung di Perak Utara.

Mohammad Zaki Abdul Halim & Melor Fauzita Md Yusoff (2016), telah menjalankan kajian terhadap variasi bahasa melalui dialog yang dikemukakan dalam novel Salina, iaitu Kajian Diglosia Dalam Salina: Satu Kajian Sociolinguistik. Kajian ini telah dilakukan oleh para pengkaji daripada universiti tempatan, iaitu Universiti Utara Malaysia dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk memperlihatkan kewujudan diglosia dalam bentuk dwibahasa atau multibahasa. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat diglosia rendah yang wujud dalam beberapa pemeringkatan dan berlaku pertindihan fungsi. Hasil dapatan yang kedua juga mendapati bahawa terdapat juga diglosia rendah yang mencapai tahap tinggi apabila berlaku pertembungan dua diglosia rendah yang telah dibezakan oleh faktor sociolinguistik.

Berdasarkan kesemua sorotan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji lepas, maka pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji mengenai sikap dan kefahaman pelajar dengan memfokuskan kepada dialek Terengganu. Hal ini kerana masih tidak terdapat kajian yang menumpukan kepada pelajar di kawasan Pagoh.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui sikap pelajar terhadap dialek Terengganu.
2. Menganalisis kefahaman pelajar terhadap dialek Terengganu.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang dipilih amat penting dalam menyelesaikan permasalahan serta mencapai objektif kajian. Pelaksanaan kajian ini menggabungkan teknik kuantitatif dan kualitatif dalam mendapatkan data.

### 1. Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif yang merujuk kepada pengumpulan data primer dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik yang telah dilengkapi dengan beberapa persoalan penting mengenai sikap dan kefahaman pelajar terhadap dialek Terengganu. Melalui teknik ini juga, pengkaji memilih kaedah persampelan tidak berkebarangkalian, iaitu persampelan bertujuan yang berupaya untuk mewakili keseluruhan populasi. Responden yang dipilih haruslah menepati kriteria yang tertentu bagi melayakkan diri untuk menyumbang kepada pengumpulan data. Bagi kajian ini, sampel yang difokuskan adalah daripada golongan pelajar yang berasal daripada Terengganu serta bertutur menggunakan dialek Terengganu. Kaedah ini lebih mudah dan jelas serta mempunyai darjah keaburan yang minima kerana terdapat pengiraan dan penjadualan yang tepat berdasarkan tindak balas jawapan yang diberikan oleh responden.

### 2. Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif atau pemerolehan data sekunder dilakukan melalui penelitian terhadap kajian atau jurnal lepas dalam membantu menghasilkan kajian yang baik. Kaedah ini lebih fleksibel dan mempunyai pelbagai sumber serta dapat menyokong lagi dapatan kuantitatif. Selain itu, maklumat yang diperolehi dengan mengaplikasikan teknik soal selidik secara terus adalah lebih telus dan mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini kerana pengkaji menitikberatkan teknik secara langsung, iaitu dengan meminta responden menjawab persoalan kaji selidik di hadapan pengkaji. Malahan, jumlah responden yang dijadikan sampel kajian tidak menghalang pengkaji untuk bertemu muka bagi mendapatkan data kerana bilangannya sedikit dan tertumpu kepada penutur dialek Terengganu.



## BATASAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada dialek Terengganu khususnya subdialek Kuala Terengganu kerana kawasan ini dianggap mempunyai dialek yang standard serta menjadi rujukan utama kepada penggunaan dialek yang terdapat di negeri ini. Selain itu, pengkaji juga membataskan kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang terletak di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor. Walaubagaimanapun, responden kajian ini dibataskan kepada 12 pelajar sahaja yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian serta latar belakang yang berbeza-beza. Hal ini demikian kerana sesetengah responden begitu sukar untuk memberi kerjasama apabila diminta untuk berjumpa bagi menjawab borang kaji selidik. Oleh kerana faktor jarak kampung halaman dan tempat menetap yang jauh, pengkaji hanya membataskan kepada tiga orang informan sahaja. Data yang dikumpul melalui informan pula difokuskan kepada sepuluh kosa kata dialek Terengganu untuk dimuatkan ke dalam borang soal selidik.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Dialek Terengganu merupakan dialek yang sering digunakan di pantai timur semenanjung, malahan masyarakat dan penduduk di negeri itu menjadikannya sebagai alat komunikasi dalam kehidupan seharian walaupun terdapat bahasa Melayu standard. Hal ini kerana setiap kawasan atau negeri mempunyai dialek yang berbeza serta menjadi kebanggaan bagi masyarakat negeri tersebut. Walaubagaimanapun, dialek yang dituturkan amat mudah diamalkan ketika berada di dalam kelompok yang sama tetapi sukar untuk diujarkan jika berada di tempat yang asing dan berbeza dari segi komuniti setempat serta variasi bahasa yang digunakan turut memberi kesan kepada pengujaran dialek asal individu tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui penguasaan serta kefahaman golongan pelajar yang seringkali berubah samada mengekalkan penggunaan dialek tersebut atau telah mengalami transformasi bahasa dalam aktiviti atau komunikasi seharian. Tidak dapat dinafikan pelajar adalah golongan yang akan berhijrah untuk satu tempoh tertentu bagi tujuan menuntut ilmu dan situasi ini telah mengekang mereka daripada mengaplikasikan dialek Terengganu di tempat baru. Justeru, melalui makalah ini pengkaji ingin mengkaji sejauh mana tahap kefahaman pelajar terhadap dialek Terengganu dengan menyenaraikan beberapa kosa kata.

## INFORMAN KAJIAN

Pemilihan informan dalam kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri umum yang biasa digunakan oleh para pengkaji dialek di kawasan Asia Tenggara, iaitu seorang wanita dewasa yang agak berusia dan menetap secara kekal di sesuatu kawasan di luar bandar. Konsep yang biasa dirujuk untuk informan jenis ini adalah NORF, iaitu non-mobile, older dan female, Ajid Che Kob (1984). Pemilihan perempuan dewasa sebagai informan bersesuaian dengan pandangan masyarakat di Asia Tenggara yang percaya bahawa perempuan lebih mudah mesra dan bergaul serta jarang keluar dari kelompok mereka. Hal ini bertepatan dengan cara pengkaji yang menginginkan maklumat dengan tepat dan mudah daripada kaum perempuan atau wanita. Kaum ini juga mudah untuk didapati kerana mempunyai lebih banyak masa di rumah atau masa lapang berbanding dengan lelaki yang agak sibuk mencari nafkah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ajid Che Kob (1984) yang mengkhususkan pandangannya untuk masyarakat di Timur.

Menurut Hasimah Hanam Murad (1999), dalam kajian beliau menjelaskan bahawa kaedah temu bual yang diambil daripada Labov sangat menitikberatkan pemilihan informan. Menurut kepada apa yang telah diutarakan oleh Labov, pemilihan informan perlulah dititikberatkan oleh pengkaji. Hal ini kerana, pemilihan tersebut adalah penting bagi mendapatkan data yang jelas. Informan yang dipilih perlulah difokuskan kepada golongan tua dan warga emas, namun perlu menitikberatkan deria pendengaran mereka agar tidak berlakunya permasalahan yang tidak diingini seperti maklumat yang tidak sah. Ini juga bertepatan kerana, bagi Labov, golongan tua dan warga emas lebih asli dialeknnya berbanding dengan golongan dewasa yang muda. Hal ini juga disokong kerana, golongan ini adalah golongan yang jarang keluar dari kampung asal mereka, manakala golongan muda banyak keluar dari

kepompong mereka dan bersosial dengan berbagai ragam dan penggunaan dialek lain yang lebih memudahkan mereka untuk terpengaruh dalam menguah penggunaan dialek.

Informan dalam kajian ini adalah terdiri daripada tiga orang penduduk kampung yang sama. Ciri-ciri utama yang diambil kira adalah berdasarkan umur, latar belakang pendidikan, latar sosio budaya dan ekonomi serta jantina. Pemilihan kriteria-kriteria ini dibuat dengan mengambil kira saranan dan pilihan yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi memperolehi data yang boleh dianalisis dengan tepat dan berkesan bagi menghasilkan satu kajian baru yang boleh dijadikan sumber rujukan seterusnya.

Informan yang terpilih adalah berdasarkan daripada dua buah kampung yang berbeza namun masih lagi dalam kawasan geografi yang sama, iaitu di daerah Kuala Terengganu. Mereka merupakan Maznah binti Mohd Zin (71 tahun), Meriam binti Mohd Zin (60 tahun) dan Zubaidah binti Md Zin (56 tahun). Pengkaji memilih informan yang terdiri daripada golongan tua, iaitu yang berumur 55 tahun dan ke atas. Walaupun ada informan yang sudah berumur 71 tahun, namun pertuturan beliau masih lagi jelas kedengaran tanpa ada gangguan pendengaran ataupun fisiologi mulut, malah informan tersebut masih boleh menunjukkan pengkaji mengenai sesetengah perkataan yang disebut yang wujud di sekitar halaman rumahnya itu. Melalui informan ini juga, pengkaji turut menitikberatkan taraf pendidikan yang pernah mereka dapat, sama ada mereka mendapat pendidikan formal atau pendidikan rendah sahaja, pendidikan sehingga sekolah menengah ataupun sehingga ke tahap tinggi, iaitu peringkat universiti. Hal ini kerana, kajian ini bertepatan dengan pendapat dan teori William Labov yang sangat menitikberatkan latar belakang pendidikan bagi mengelakkan daripada berlakunya pengaruh ketidakaasian dialek. Daripada latar belakang pendidikan informan, ketiga-tiganya mempunyai latar pendidikan yang sama, iaitu sehingga ke peringkat sekolah menengah sahaja.

Seterusnya, pengkaji juga menitikberatkan latar belakang sosio-budaya dan ekonomi, iaitu pengkaji memilih informan-informan yang dipercayai mampu memberikan hasil temubual yang terbaik daripada mereka yang mempunyai taraf sosio-budaya yang sama dan juga taraf ekonomi yang berbeza. Hal ini disokong oleh pengkaji apabila penduduk di kedua-dua buah kampung mempunyai latar belakang sosio-budaya yang sama, iaitu dikelilingi oleh masyarakat yang seratu peratus adalah Melayu. Ini dapat mengukuhkan lagi hasil kajian pengkaji untuk memperoleh penutur yang setiap hari akan bertutur dalam dialek mereka dengan betul. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga informan ini tidak memiliki taraf ekonomi yang sama. Hal ini kerana, dua daripada informan bekerja dalam bidang yang tidak profesional, iaitu Meriam binti Mohd Zin bekerja sebagai pembuat keropok lekor dan Maznah binti Mohd Zin yang pernah bekerja sebagai pesawah sebelum menjadi suri rumah setelah kematian suaminya. Hal ini sebaliknya pula dengan Zubaidah binti Md Zain yang bekerja sebagai kerani di sekolah. Ini memungkinkan beliau lebih mengetahui banyak bahasa kerana sentiasa bergaul dan bersosial dengan pelbagai jenis ragam manusia.

Pemilihan kawasan kajian informan juga dititikberatkan oleh pengkaji. Sebagai buktinya, pengkaji hanya memilih informan dari kalangan penduduk di luar bandar sahaja dan di kawasan yang masih lagi menggunakan dialek dengan pekat serta mengamalkan adat resam dan budaya Melayu. Hal ini kerana, penduduk di kawasan luar bandar biasanya sangat menitikberatkan dan menjaga budaya serta adat resam Melayu.

Walaupun bagaimanapun, ketiga-tiga informan ini masih lagi dapat bertutur dalam dialek Terengganu dengan baik, malah masih lagi menggunakan perkataan-perkataan yang sudah asing didengar di telinga anak muda. Hal ini sangat menguntungkan para pengkaji kerana masing-masing dapat memberikan sesebuah perkataan tanpa diragui keaslian dan kesahihannya dan dapat mengelakkan daripada berlakunya kesilapan.

### MEMBENTUK SOAL SELIDIK

Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian bagi mendapatkan data serta maklumat daripada responden. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu maklumat profil responden,

sikap responden dan kosa kata dialek Terengganu. Latar belakang responden memfokuskan kepada umur, jantina, tahun pengajian, bidang pengajian, kawasan kediaman, tempat lahir dan tempat tinggal responden tersebut. Bahagian pertama soal selidik ini banyak mempengaruhi penggunaan dialek dalam kalangan pelajar kerana ia bergantung kepada kawasan kediaman serta tempat tinggal yang mereka duduki. Seterusnya, bahagian sikap responden yang menyentuh mengenai aplikasi dialek di rumah atau bersama rakan-rakan. Selain itu, dorongan daripada ibu bapa, perasaan ketika menutur dialek juga diberi penekanan dalam borang kaji selidik untuk meneliti sejauh mana tahap penggunaan dialek Terengganu oleh pelajar dalam kehidupan seharian mahupun ketika bersosial. Akhir sekali, bahagian kosa kata yang terdiri daripada sepuluh perkataan yang disenaraikan untuk menguji kefahaman pelajar terhadap dialek Terengganu. Hal ini demikian kerana sesetengah perkataan tersebut tidak dikenali oleh golongan pelajar, malahan maksud yang diberikan juga berbeza dengan takrif yang dinyatakan oleh informan kajian.

## RESPONDEN

Soalan-soalan yang telah dipilih berdasarkan hasil temubual dengan informan mengenai makna leksikal dialek tertentu dalam dialek Negeri Terengganu kemudiannya diuji terhadap sejumlah responden remaja untuk mengetahui tahap kefahaman mereka terhadap sesebuah leksikal dalam dialek tersebut. Populasi kajian adalah terdiri daripada semua pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang terletak di Kampus Pendidikan Tinggi Pagoh sahaja kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada penutur natif Terengganu yang berhijrah dan menuntut ilmu di kawasan tersebut sahaja. Hal ini kerana, masih belum terdapat kajian yang dilakukan mengenai dialek negeri Terengganu di kawasan tersebut yang tertumpu kepada golongan pelajar universiti di situ. Pelajar atau responden dipilih berdasarkan kepada penutur yang berasal atau bemastautin di Kuala Terengganu sahaja. Dalam kajian ini, seramai 12 orang pelajar yang terdiri daripada lingkungan umur antara 20 tahun sehingga 24 tahun telah dijadikan sebagai responden bagi membantu kajian. Malahan, responden ini juga merupakan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Kulliyah Bahasa dan Pengurusan yang terdiri daripada kursus Bahasa Melayu (MLCOM), Bahasa Inggeris (ENCOM), Bahasa Arab (ARCOM) dan *Tourism Planning and Hospitality Management* (TPHM). Responden ini dipilih adalah berdasarkan faktor geografi untuk melihat penggunaan dialek Terengganu di kawasan luar negeri. Ia juga dipilih kerana bertepatan dengan objektif kajian, iaitu mengenal pasti sikap serta kefahaman pelajar terhadap dialek Terengganu. Kesemua responden mewakili tahun pengajian yang berbeza, iaitu dari tahun satu, dua, tiga dan empat daripada keempat-empat kursus yang ditawarkan.

Responden juga rata-ratanya merupakan penduduk asli Terengganu yang menepati batasan kajian, iaitu mengkaji penutur di kawasan geografi yang tidak terpengaruh oleh dialek lain. Sebagai bukti, pengkaji tidak mengambil penutur yang tinggal di kawasan daerah Besut dan Setiu. Hal ini kerana, kawasan geografi ini telah banyak terpengaruh dengan dialek Kelantan disebabkan faktor geografinya yang berada hampir dengan negeri Kelantan. Soal selidik diberikan oleh pengkaji kepada responden dan perlu dijawab serta-merta di hadapan pengkaji agar tiada berlaku penyelewengan dalam menjawab soalan kajian. Rata-rata responden memahami soalan yang diberikan dan mampu menjawab dengan baik.

## ANALISIS KAJIAN


Kajian ini meninjau tentang sikap dan kefahaman pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Pagoh. Para pelajar yang memiliki kaitan dengan negeri Terengganu sama ada negeri tersebut merupakan tempat kelahiran mereka, tempat tinggal atau kedua-duanya sekali telah dipilih sebagai responden bagi melengkapkan kehendak kajian ini. Seramai 12 orang pelajar daripada pelbagai jenis kursus daripada Kulliyah Bahasa dan Pengurusan telah dijadikan sebagai responden. Kajian pada dasarnya memberi tumpuan kepada asal-usul penempatan responden. Apa yang dimaksudkan sebagai asal-usul responden adalah dengan mengambil kira tempat lahir dan tempat tinggal responden bagi melihat sejauh mana ia memberi hubung kait dalam kajian sikap dan kefahaman responden terhadap dialek Terengganu.

### Latar belakang

Kajian dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik yang bertujuan bagi mengkaji sikap dan kefahaman pelajar UIAM kampus Pagoh terhadap dialek Terengganu. Responden dipilih berdasarkan latar belakang mereka yang berhubung kait dengan negeri tersebut, iaitu Terengganu. Hasil kajian mendapati seramai 12 orang responden yang terdiri daripada pelajar daripada keempat-empat kursus yang ditawarkan di UIAM Pagoh, iaitu ENCOM, ARCOM, MLCOM dan TPHM.

Asal-usul responden	Dalam Terengganu (bilangan)	Luar Terengganu (bilangan)
Tempat lahir (negeri)	10 (83%)	2 (17%)
Tempat tinggal (negeri)	10 (83%)	2 (17%)

**Jadual: Latar belakang tempat responden**



**Rajah 1: Carta bar peratusan asal usul responden**

Carta bar di atas menunjukkan peratusan responden terhadap latar belakang tempat yang terbahagi kepada dua, iaitu tempat tinggal dan tempat lahir. Kedua-dua latar belakang ini seterusnya dibahagikan lagi kepada dua, iaitu dalam negeri dan luar negeri. Carta bar menunjukkan 10 orang pelajar lahir di dalam negeri Terengganu dengan peratusan sebanyak 83% manakala 2 orang pelajar lagi lahir di luar negeri Terengganu dengan purata sebanyak 17%. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar yang menetap di negeri Terengganu adalah seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak 83% manakala yang menetap di luar Terengganu dengan bilangan seramai 2 orang dengan peratusan sebanyak 17%. Latar belakang tempat ini menjadi fokus utama pengkaji dalam meneliti sikap dan kefahaman bagi dialek Terengganu dalam kalangan pelajar UIAM kampus Pagoh.

### Sikap responden

Bahagian ini membincangkan mengenai sikap responden dengan bertanyakan soalan yang memerlukan jawapan ya/tidak. Soalan bahagian ini dapat dibahagikan kepada empat aspek, iaitu penggunaan, galakan, kefahaman dan persepsi. Aspek penggunaan ditandai oleh kata *menggunakan*, aspek galakan ditunjukkan oleh kata *menggalakkan*, aspek kefahaman melalui kata *faham*, dan aspek persepsi menggunakan kata *suka*, *bangga* dan *tidak malu*.

Bil	Sikap		Guna		Galak		Faham		Persepsi					
			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Tidak malu		Suka		Bangga	
									Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Tempat tinggal &	NS	6 75%	2 25%	6 75%	2 25%	7 87.5%	1 12.5%	8 100%	0 0%	8 100%	0 0%	8 100%	0 0%

	lahir	NB	3 75%	1 25%	1 25%	3 75%	1 25%	3 75%	3 75%	1 25%	4 100%	0 0%	4 100%	0 0%
--	-------	----	----------	----------	----------	----------	----------	----------	----------	----------	-----------	---------	-----------	---------

**Jadual 2: Sikap responden terhadap dialek Terengganu**

Jadual di atas menunjukkan sikap responden terhadap dialek Terengganu. Tempat tinggal dan tempat lahir responden dijadikan sebagai fokus dalam meneliti sikap responden terhadap dialek Terengganu. Gabungan tempat tinggal dan tempat lahir ini dikategorikan kepada dua, iaitu negeri yang sama (NS) serta negeri yang berbeza (NB). NS merujuk kepada responden yang lahir dan tinggal di negeri Terengganu manakala NB pula merupakan responden yang lahir di Terengganu tetapi menetap di negeri lain dan responden yang menetap di Terengganu tetapi lahir di negeri lain namun masih menggunakan dialek Terengganu dalam komunikasi seharian.

Bagi aspek guna, golongan NS yang menggunakan dialek adalah sebanyak 75% manakala yang tidak menggunakannya adalah sebanyak 25%. Golongan NB yang menggunakan dialek dalam kehidupan seharian adalah sebanyak 75% manakala yang tidak menggunakan sebanyak 25%. Hal ini terjadi apabila pengaruh keluarga yang masih bertutur dalam dialek Terengganu ketika di rumah dan secara tidak langsung meransang responden untuk menggunakannya walaupun tempat tinggal kini berbeza dengan tempat lahir.

Aspek galak memperlihatkan bahawa golongan NS mendapat galakan tertinggi, iaitu 75% manakala 25% daripada responden tidak mendapat galakan daripada ibu bapa. Golongan NB pula menunjukkan galakan sebanyak 25% manakala 75% lagi tidak mendapat galakan. Hal ini kerana faktor penempatan mereka bukan daripada komuniti yang mempraktikkan dialek Terengganu dan ini menyebabkan ibu bapa responden tidak memberikan galakan kepada penggunaan dialek tersebut.

Aspek kefahaman menunjukkan catatan 87.5% daripada NS yang menjawab ya manakala 12.5% lagi menjawab tidak. Seterusnya, bagi golongan NB terdapat 25% yang faham apabila datuk dan nenek mereka bertutur manakala 75% lagi tidak faham.

Bagi aspek persepsi dicatatkan bahawa semua responden dari golongan NS tidak malu menggunakan manakala dari golongan NB 75% tidak malu menggunakan dialek ketika di luar manakala 25% lagi berasa malu. Bagi persepsi suka dan bangga, kedua-dua golongan mencatatkan jumlah 100% yang menjawab ya.

Secara keseluruhannya, sikap terhadap penggunaan dialek Terengganu menunjukkan hasil yang baik. Walaupun terdapat responden yang tidak menetap di negeri Terengganu, namun penggunaan ini dapat dilihat menerusi pengaruh ibu bapa yang menggunakan dialek tersebut di rumah. Bagi aspek galakan, didapati kebanyakan ibu bapa tidak memberi galakan dalam menggunakan dialek tersebut. Ini berkemungkinan disebabkan rasa takut atau malu sekiranya anak mereka mula berkerja di bandar dan dilihat seperti kolot sekiranya menggunakan dialek di hadapan orang lain. Dari segi kefahaman apabila mendengar datuk dan nenek mereka bertutur, ternyata yang memahami adalah daripada golongan NS. Selanjutnya, responden yang tinggal di kawasan yang tidak mempraktikkan dialek Terengganu tidak terdedah kepada dialek yang lebih pekat atau yang biasa digunakan oleh golongan berumur dan ini menyebabkan mereka sukar untuk memahami dialek yang dituturkan oleh datuk serta nenek yang menetap di Terengganu. Aspek persepsi, kebanyakan responden menunjukkan sikap positif, iaitu tidak malu untuk menggunakan dialek ini. Hal ini membuktikan bahawa walaupun menetap dalam masyarakat yang berbeza penggunaan bahasanya tetapi tidak menghalang mereka untuk selalu berkomunikasi dalam dialek Terengganu. Fenomena ini kebiasaannya berlaku kepada mereka yang berhijrah demi sesuatu tujuan seperti bekerja atau belajar. Selain itu, apabila diajukan soalan mengenai persepsi suka dan bangga, ternyata responden yang ditemui menyatakan rasa bangga dan suka mereka terhadap dialek Terengganu tanpa mengira latar belakang tempat dan berharap agar ia dapat diteruskan pada masa hadapan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan sikap positif mereka terhadap dialek Terengganu.

### Menganalisis kata

Di bahagian terakhir soal selidik, responden dikehendaki memaknakan perkataan dialek yang telah dipilih. Secara kasarnya, jumlah leksikal dialek yang dikumpul menerusi ketiga-tiga orang informan adalah sebanyak 36. Namun begitu, setelah melakukan penilaian terhadap kesesuaian perkataan tersebut, pengkaji akhirnya memilih 10 perkataan sahaja untuk diletakkan di dalam borang soal selidik. Soalan bahagian ini digunakan bagi melihat tahap kefahaman sebenar pelajar UIAM terhadap dialek Terengganu. Leksikal yang telah dipilih adalah seperti, *sako*, *retok*, *lassor*, *kayu khamat*, *gok ayam*, *kain ghebo*, *danga*, *gerey*, *jangok* dan *khepek*. Berikut merupakan dapatan sepenuhnya yang dianalisis dengan melihat kepada kefahaman responden terhadap leksikal dialek serta makna yang diberikan oleh informan.

Tahap kefahaman	Leksikal dialek (%)									
	Sako		Retok		Lassor		Kayu khamat		Gok ayam	
	NS	NB	NS	NB	NS	NB	NS	NB	NS	NB
Faham	2 25%	1 25%	1 8%	2 50%	1 8%	1 25%	7 92%	4 100%	7 92%	4 100%
Tidak Faham	6 75%	3 75%	7 92%	2 50%	7 92%	3 75%	1 8%	0 0%	1 8%	0 0%

**Jadual 3: Tahap kefahaman responden**

Perkataan *sako* menurut informan bermaksud gula. Menerusi borang soal selidik, didapati bahawa responden yang memberikan jawapan yang sama dengan informan adalah sebanyak 3 orang, 2 daripada NS dan 1 lagi daripada NB dengan peratusan masing-masing sebanyak 25% manakala jumlah responden yang tidak faham perkataan yang diajukan adalah sebanyak 9 orang, 6 orang daripada NS dan 3 orang daripada NB dengan kedua-duanya sebanyak 75%. Menerusi jawapan juga, terdapat pelajar yang memberikan makna saka atau pusaka bagi leksikal *sako*. Hal ini menunjukkan bahawa perkataan tersebut tidak boleh difahami dengan baik serta berkemungkinan bahawa perkataan ini tidak lagi digunakan secara meluas pada masa kini.

Perkataan *retok* yang membawa maksud jambatan menunjukkan hanya 3 orang yang menjawab dengan betul, 1 orang daripada NS dengan peratusan sebanyak 8% manakala 2 lagi daripada NB dengan peratusan sebanyak 50%. Seterusnya, 9 orang yang dipecahkan kepada 7 orang daripada NS dengan peratusan 92% dan 2 orang lagi daripada golongan NB dengan peratusan sebanyak 50% menunjukkan mereka tidak menjawab dengan betul. Kebanyakan jawapan yang diberikan oleh responden adalah sama, iaitu retak.

Di samping itu, perkataan *lassor* yang membawa maksud beranda mencatatkan bilangan 2 orang, 1 daripada golongan NS dan satu daripada golongan NB dengan peratusan 8% dan 25% yang menjawab dengan betul manakala 10 orang, 7 orang daripada golongan NS dengan peratusan sebanyak 92% dan 3 orang lagi dari golongan NB dengan peratusan sebanyak 25% menjawab salah dan ini menunjukkan bahawa perkataan tersebut kurang difahami.

Perkataan *kayu khamat* yang membawa maksud cakoi dan *gok ayam* yang bererti reban ayam berkongsi jumlah yang sama dengan mencatatkan bilangan 11 orang menjawab dengan betul, 7 orang daripada golongan NS dengan catatan peratusan sebanyak 92% manakala 4 orang lagi daripada golongan NB dengan peratusan 100% manakala hanya seorang sahaja responden daripada golongan NS dengan peratusan 8% tidak dapat menjawab dengan betul.

Tahap kefahaman	Leksikal dialek (%)									
	Kain ghebo		Danga		Gerey		Jangok		Khepek	
	NS	NB	NS	NB	NS	NB	NS	NB	NS	NB
Faham	8 100%	4 100%	1 8%	0 0%	4 50%	3 75%	8 100%	4 100%	0 0%	0 0%
Tak Faham	0 0%	0 0%	7 92%	4 100%	4 50%	1 25%	0 0%	0 0%	8 100%	4 100%

**Jadual 4: Tahap kefahaman responden**

Bagi perkataan *kain ghebo* yang membawa maksud selimut, dapatan menunjukkan kesemua responden tanpa mengira latar tempat berjaya menjawab dengan betul. Seterusnya, perkataan *danga* yang membawa maksud pondok di tengah sawah mencatatkan hanya 1 orang daripada golongan NS dengan peratusan 8% menjawab dengan betul. 7 orang responden daripada NS dengan peratusan 92% dan 4 orang responden daripada golongan NB dengan peratusan 100% didapati tidak menjawab dengan betul.

Perkataan *gerey* yang membawa maksud tempat letak atau bangku menunjukkan bilangan yang sama bagi golongan NS dengan catatan 50% masing-masing bagi yang menjawab dengan betul manakala daripada golongan NB, dapatan menunjukkan 3 orang daripada mereka dengan peratusan sebanyak 75% memahami perkataan tersebut manakala 1 orang lagi dengan peratusan 25% didapati tidak memahami kerana ruangan jawapan hanya dibiarkan kosong.

Bagi perkataan *jangok* yang membawa maksud cantik atau lawa menunjukkan bahawa kesemua responden tanpa mengira latar tempat berjaya memberikan jawapan yang betul dan ini secara tidak langsung membuktikan tahap kefahaman mereka terhadap perkataan tersebut.

Akhir sekali, perkataan *khepek* yang merujuk kepada biskut menunjukkan 0% kerana kesemua responden tidak memberikan jawapan yang betul. Hal ini demikian kerana leksikal *khepek* memiliki dua definisi yang berbeza, iaitu kerepek dan biskut. Walaupun kesemua responden menjawab salah dengan berpandukan apa yang diberi informan, hampir separuh daripada mereka memberikan jawapan yang sama, iaitu kerepek dan ini menunjukkan tahap kefahaman mereka terhadap perkataan ini adalah sama. Kewujudan kata dialek yang hampir serupa serba sedikit menyukarkan kajian terhadap kefahaman dialek.

Secara keseluruhannya, tahap kefahaman dapat dilihat menerusi perbezaan latar belakang tempat. Perkataan-perkataan yang agak mudah seperti *kain ghebo*, *jangok*, *gok ayam* dan *kayu khamat* mendapat peratusan yang tinggi bagi kedua-dua golongan ini. Bagi perkataan yang agak sukar seperti *danga* dan *lassor* mendapat catatan yang agak kurang dari segi kefahaman bagi kedua-dua leksikal tersebut. Hal ini membuktikan bahawa latar belakang tempat sebenarnya tidak mempengaruhi kefahaman terhadap dialek Terengganu namun sejauh mana perkataan itu masih digunakan. Faktor peredaran masa berkemungkinan menjadi faktor kepada ketidakfahaman responden terhadap kosa kata yang diajukan. Selain itu, faktor lupa turut dapat dijadikan suatu kemungkinan kepada ketidakfahaman responden terhadap sesuatu kosa kata. Faktor ini boleh dikaitkan apabila responden berhijrah ke tempat baru dengan tujuan menimba ilmu dan mereka cuba untuk membiasakan diri dengan perubahan tempat baru dengan kehadiran pelajar daripada pelbagai latar belakang negeri. Hal ini merupakan punca responden tidak lagi menggunakan atau memahami kosa kata dialek Terengganu.

## KESIMPULAN

Menerusi kajian yang telah dilakukan, pengkaji dapat merumuskan beberapa hal berkaitan aspek sikap dan kefahaman dialek Terengganu dalam kalangan pelajar UIAM yang berasal daripada Terengganu. Sikap responden terhadap penggunaan adalah baik dan hal ini selaras dengan persepsi pelajar yang kebanyakannya tidak berasa malu dalam menggunakan dialek di hadapan rakan-rakan. Tambahan lagi,

persepsi suka dan bangga mencerminkan nilai positif daripada responden dan ini menunjukkan mereka masih memiliki keinginan menggunakan dialek Terengganu dalam kehidupan seharian. Melalui aspek galakan pula tidak menunjukkan pengaruhnya di situ apabila ramai yang menjawab tidak kepada galakan daripada ibu bapa namun masih terus menggunakannya dengan baik. Hal ini berkemungkinan disebabkan pengaruh usia pelajar yang sudah berada di tahap boleh membuat keputusan sendiri menjadikan galakan bukan lagi suatu yang penting. Namun begitu, kewujudan galakan pasti menjadikan penguasaan dialek responden berada di tahap yang lebih baik seterusnya meningkatkan lagi kefahaman responden. Secara kasarnya, didapati bahawa responden yang tinggal dan lahir di negeri Terengganu memiliki kefahaman yang lebih baik terhadap dialek disebabkan komuniti tempat tinggal mereka. Walau bagaimanapun masih terdapat responden yang tinggal di dalam negeri Terengganu namun tidak dapat menguasai perkataan dalam dialek Terengganu berbanding sebahagian responden yang tinggal di luar namun memahami perkataan dialek ini. Di sini dapat disimpulkan bahawa, pengaruh budaya yang diamalkan di dalam sesebuah rumah serba sedikit mempengaruhi aspek sikap seseorang itu. Bagi kefahaman sesuatu kosa kata dilihat banyak dipengaruhi oleh penggunaannya pada masa kini. Terdapat beberapa kosa kata yang jarang digunakan dan menyebabkan generasi muda tidak lagi mengetahui makna kosa kata tersebut. Pengaruh percampuran kod atau bahasa juga boleh menjadi faktor kepada ketidakfahaman akan sesuatu kosa kata itu apabila penutur menggantikan kosa kata dialek tersebut dengan kod yang seakan sama maksudnya. Secara keseluruhannya, didapati bahawa sikap dan kefahaman pelajar UIAM Pagoh terhadap dialek Terengganu adalah positif. Responden yang terdiri daripada golongan pelajar seharusnya lebih peka tentang implikasi sekiranya sikap dan kefahaman terhadap sesuatu dialek itu tidak diendahkan, iaitu kemungkinan kepada pupusnya sesuatu dialek itu.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood (1990). Dialek Terengganu: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa, Mac*, 217-225.
- Abdullah Hassan (1977). *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman (2012). Sikap dan Kefahaman Pelajar terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sociolinguistik. *Gema Online* November, Vol 12.
- Mohammad Zaki Abdul Halim & Melor Fauzita Md Yusoff (2016). Diglosia Dalam Salina: Satu Kajian Sociolinguistik. *Proceeding of ICECRS*, Oktober, 571-578.
- Noor Adibah Hasan & Syarifah Raihan Syed Jaafar (2017). Struktur Suku Kata Terbitan Dialek Terengganu. *Jurnal Akademika*, April, 165-175.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abdul Rahim (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi*.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, Disember, 030-046.



## EUFEMISME LEKSIKAL MASYARAKAT BAJAU SAMAH DI KOTA KINABALU, SABAH

MOHD SHAHDAN SADIN

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh  
shahdansadin96@yahoo.com

### Abstrak

Makalah ini menekuni penggunaan eufemisme dalam masyarakat Bajau Samah atau dikenali sebagai Bajau Darat di kampung Unggun Jaya, Kota Kinabalu Sabah bagi menggantikan perkataan larangan atau tabu. Penggunaan eufemisme bahasa dalam masyarakat Bajau Samah sudah lama digunakan dalam pertuturan harian. Kajian ini menetapkan beberapa objektif iaitu pertama, menjelaskan jenis eufemisme bahasa yang terdapat dalam masyarakat Bajau Samah bagi menggantikan perkataan yang dianggap tabu oleh masyarakat Bajau. Kedua, membincangkan faktor yang mempengaruhi penggunaan eufemisme bahasa serta kesannya kepada masyarakat Bajau. Data kajian diperolehi melalui kaedah temu bual yang melibatkan dua orang informan yang berusia dalam lingkungan 50 tahun ke atas dan fasih bertutur dalam bahasa Bajau. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh aspek yang mempengaruhi penggunaan eufemisme dalam pertuturan harian masyarakat Bajau iaitu aspek kematian, tabu haiwan, makhluk halus, sumpahan atau makian, penyakit, hal kewanitaan dan anggota tubuh badan. Faktor penggunaan eufemisme dalam masyarakat Bajau Samah adalah bagi menjaga hati pihak lawan tutur serta mengelak daripada berlaku sesuatu yang tidak diingini apabila menyebut sesuatu yang tabu.

**Kata kunci:** eufemisme, Kota Kinabalu, tabu, Bajau Samah

### PENGENALAN

Bahasa merupakan alat penghubung yang sangat penting dalam kehidupan harian manusia. Manusia menjadikan bahasa sebagai medium dalam berkomunikasi serta menggunakannya untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Bahasa juga sering dikaitkan sebagai lambang kepada pemikiran yang cuba disampaikan oleh seseorang. Menurut Asmah Haji Omar (2008), bahasa yang digunakan merupakan lambang untuk mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu perkara yang konkrit ataupun sesuatu yang abstrak, seterusnya pengguna bahasa dapat mengerti tentang sesuatu perkara yang dibicarakan itu. Pengguna bahasa seharusnya peka terhadap tujuan sesuatu bahasa tersebut digunakan supaya kesesuaian konteks seperti, dengan siapa berbicara, situasi semasa berbicara dan sebagainya adalah bersesuaian. Justeru, setiap individu perlu bijak dalam memilih variasi-variasi bahasa agar menepati ciri-ciri penggunaan bahasa yang santun, beradab dan beretika.

Dalam hal berkaitan penggunaan bahasa yang santun, beradab dan beretika, terdapat beberapa jenis bahasa yang digunakan bagi menepati kesesuaian konteks tersebut. Hal tersebut termasuklah penggunaan eufemisme. Eufemisme merupakan kaedah penggunaan bahasa yang sopan bagi menggantikan sesuatu perkataan yang dianggap tabu atau kesat. Masyarakat Melayu yang terkenal dengan sikap sopan dan lemah lembut sering kali menggunakan eufemisme dalam menggambarkan sesuatu yang melibatkan seks, tubuh badan, tabu haiwan, penyakit dan seumpamanya. Hal tersebut bertujuan untuk menjaga perasaan sesama masyarakat selain mengelakkan sesuatu yang tabu daripada berlaku. Menurut Teo Kok Seong (2003), eufemisme boleh menukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna dan tidak bertentangan dengan nilai-nilai murni. Dalam situasi marah, menyakitkan, perselisihan, pergaduhan dan sebagainya, penggunaan eufemisme juga dapat digunakan supaya pengguna bahasa masih lagi mencerminkan nilai-nilai kesantunan berbahasa.

Beberapa kajian mengenai eufemisme telah banyak dijalankan termasuklah kajian terhadap bahasa-bahasa suku kaum yang terdapat di Malaysia. Kajian mengenai eufemisme dalam masyarakat suku kaum di Sabah dan Sarawak juga turut dijalankan. Beberapa kajian yang melibatkan suku kaum

peribumi Sabah dan Sarawak termasuklah “*Tabu Bahasa Dalam Masyarakat Dusun Di Daerah Ranau, Sabah*” oleh Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab (2015), serta “*Eufemisme Dalam Bahasa Iban: Satu Kajian Kes Di Kampung Lebor, Serian, Sarawak*” oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2017).

Kajian yang dijalankan pengkaji ini memfokuskan penggunaan eufemisme dalam masyarakat Bajau samah yang terletak di kampung Unggun Jaya, Kota Kinabalu. Selain masyarakat Melayu, masyarakat peribumi di Sabah juga menitikberatkan nilai kesantunan dan adab dalam perbualan harian termasuklah masyarakat Bajau samah. Justeru, kajian ini memberi fokus terhadap jenis-jenis eufemisme yang digunakan bagi menggantikan perkataan yang dianggap tabu serta faktor penggunaannya dalam kalangan masyarakat tersebut.

### OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan sememangnya mempunyai objektifnya yang tersendiri untuk memastikan kajian tersebut berada pada landasan yang betul dan tepat. Justeru, dalam kajian ini pengkaji menetapkan dua objektif utama sebagai landasan kajian iaitu:

- i. Menjelaskan jenis eufemisme bahasa yang terdapat dalam masyarakat Bajau samah dan penggunaannya bagi menggantikan perkataan yang dianggap tabu oleh masyarakat Bajau Samah.
- ii. Membincangkan faktor yang mempengaruhi penggunaan eufemisme bahasa serta kesannya kepada masyarakat Bajau Samah.

### KAEDAH KAJIAN

Bagi mencapai semua objektif kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual.

#### **Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan telah dilaksanakan oleh pengkaji dengan merujuk kepada beberapa sumber sekunder daripada, laman web, perpustakaan dan buku-buku rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Rujukan yang dilakukan sememangnya dipetik daripada sumber-sumber sekunder yang sahih dan dipercayai. Hal inilah yang bakal menjadikan kajian pengkaji semakin kukuh dan berkualiti.

#### **Kaedah Temu Bual**

Bagi mendapatkan data-data yang menyokong kajian ini, pengkaji telah menjalankan temu bual santai bersama dua orang informan. Informan yang dipilih merupakan masyarakat Bajau Samah yang telah lama menetap di lokasi kajian. Penggunaan kaedah ini amat penting bagi mengumpulkan maklumat kajian lapangan. Segala maklumat yang diperolehi semasa temu bual ini telah dicatat atau direkodkan bagi memudahkan pengkaji.

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di kampung Unggun Jaya Kota Kinabalu, Sabah pengkaji mendapati terdapat beberapa jenis eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Bajau samah bagi menggantikan perkataan yang dianggap tabu dalam pertuturan harian mereka. Hal tersebut termasuklah eufemisme berkaitan dengan hal kematian, tabu haiwan, hal berkaitan dengan penyakit, makhluk halus, panggilan kata cacian, hal kewanitaan dan tubuh badan. Eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Bajau samah di kampung Unggun Jaya ini berbentuk ungkapan dan perkataan.

Merujuk kepada temu bual yang dilakukan, masyarakat Bajau samah menggunakan eufemisme sebagai strategi pertuturan bagi mengelakkan sesuatu yang dianggap tabu diungkap secara

terus dan menyembunyikan rahsia yang diketahui boleh menyebabkan aib. Tambahan pula, didapati masyarakat Bajau samah masih berpegang kepada kepercayaan bahawa, jika menyebut perkataan larangan, dikhuatiri perkataan tersebut menjadi ‘kenyataan’ kemudian terkena pada si penutur. Menurut Teo Kok Seong (2003) dalam (Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa) ‘eufemisme’ boleh menukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna dan tidak memakan diri. Oleh hal yang demikian, penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur bahasa Bajau sudah sebatu sejak dahulu lagi. Pelbagai ungkapan wujud berdasarkan nama-nama benda yang ada disekeliling seperti tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Selain itu, gelaran kehormat bagi manusia juga digunakan untuk menggantikan sesetengah perkataan tabu terutama sekali bagi tabu haiwan. Hal tersebut akan diterangkan secara terperinci pada bahagian seterusnya.

### EUFEMISME HAL KEMATIAN

Hal-hal yang berkaitan dengan kematian sudah semestinya menjadi perkara yang sensitif bagi setiap budaya di seluruh dunia. Umum juga mengetahui bahawa setiap makhluk yang bernyawa pasti akan merasai kematian. Menurut Kamus Pelajar Bahasa Melayu Edisi Kedua (2016), “mati” bermaksud tidak bernyawa lagi atau tidak hidup lagi. Hal tersebut merupakan sesuatu yang tidak diduga kerana kita tidak dapat menjangkakan bila dan dimana kematian itu berlaku. Oleh hal yang demikian, kematian bukanlah sesuatu yang boleh dijadikan bahan gurauan atau permainan. Penggunaan eufemisme bagi aspek kematian sudah lama digunakan bagi kebanyakan bahasa yang ada di dunia. Hal tersebut turut dipraktikkan dalam masyarakat Bajau samah iaitu menggunakan eufemisme kematian bagi menjaga sensitiviti sesama masyarakat. Jadual berikut menunjukkan perkataan tabu kematian dan eufemisme beserta makna.

Tabu	Eufemisme	Makna
Mataie	Ngemban	Meninggal
Si Mati	Dembula	Jenazah

**Jadual 1: Eufemisme kematian yang digunakan**

Masyarakat Bajau samah di kampung Unggun Jaya Kota Kinabalu tidak menggunakan bahasa tabu kematian sekiranya terdapat berita kematian dalam kalangan masyarakat di kampung tersebut. Bahkan, dalam topik perbualan mengenai kematian pun masyarakat Bajau samah tetap berusaha untuk mengelak daripada menggunakan tabu kematian walaupun tidak terdapat sebarang kematian di kampung tersebut. Perkataan tabu kematian yang dimaksudkan ialah “mataie” dan “si mati”. Kedua-dua perkataan ini sangat tabu dan ditegah daripada disebut dalam sebarang perbualan. Hal tersebut adalah bertujuan untuk menjaga sensitiviti keluarga yang mengalami kematian ahli keluarga serta bertujuan untuk menghormati jenazah. Masyarakat Bajau samah berpendapat bahawa, perbuatan menyebut bahasa tabu adalah sangat biadap. Oleh hal yang demikian, eufemisme yang digunakan untuk menggantikan perkataan tersebut ialah “ngemban” dan “dembula”.

Secara dasarnya, perkataan “ngemban” terhasil daripada perkataan “temban” yang bererti “tinggal”. Oleh itu, “ngemban” membawa maksud “meninggal” manakala perkataan “dembula” merujuk kepada panggilan halus “arwah” bagi jenazah. Dengan menggunakan eufemisme ini, masyarakat Bajau samah yakin bahawa perkataan tersebut dapat mengelakkan keluarga jenazah daripada terasa hati atau bersedih. Contoh ayat bagi kedua-dua eufemisme kematian ini ialah seperti berikut:

Contoh Ayat Eufemisme Kematian	Maksud
“Semberen <u>dembula</u> Abu <u>ngemban</u> ?”	Bila Allahyarham Abu meninggal?

Oleh itu, penggunaan eufemisme bagi menggantikan bahasa tabu kematian oleh masyarakat Bajau samah menunjukkan bahawa masyarakat tersebut sangat menghormati dan menjaga perasaan orang lain tidak kurang seperti masyarakat Melayu.

## EUFEMISME HAIWAN

Selain menternak dan bertani, masyarakat Bajau samah yang mendiami kawasan pantai barat Sabah juga adakalanya memasuki hutan untuk mencari tumbuh-tumbuhan sebagai makanan untuk haiwan ternakan. Selain itu, bangsa Bajau yang turut mahir dengan ilmu lautan juga memerlukan kemahiran serta mematuhi pantang larang jika berada di hutan mahupun lautan. Masyarakat Bajau samah mempercayai bahawa, sesuatu yang berbahaya tidak wajar disebut termasuklah haiwan-haiwan berbisa dan buas yang lazimnya mendiami sesebuah hutan. Untuk memberi gambaran mengenai haiwan-haiwan tersebut, masyarakat Bajau samah menggunakan eufemisme bagi menggantikan perkataan tabu haiwan. Contoh haiwan yang seringkali dianggap tabu untuk disebut ialah “So’o” yang bermaksud “ular”, “Boyo” yang bermaksud “buaya”, gajah dan tikus. Menurut informan, sekiranya menyebut tabu haiwan secara terang terangan, dikhuatiri haiwan-haiwan tersebut boleh membahayakan si penutur dan merosakkan barang-barang rumah serta tanaman. Berikut merupakan contoh tabu haiwan, eufemisme serta maknanya.

Tabu Haiwan	Eufemisme	Makna
So’o	Akar/ Si panjang	Ular
Boyo	Embok	Buaya
Gajah	Dato’/ Datuk	Gajah
Tikus	Dang Keduik	Tikus

**Jadual 2: Eufemisme yang digunakan bagi menggantikan tabu haiwan**

### Tabu Ular (So’o)

Menurut informan, masyarakat Bajau dahulu sangat berhati-hati ketika berada di dalam hutan kerana khuatir terserempak dengan haiwan yang berbisa seperti ular. Ular diketahui umum sebagai haiwan yang berbahaya dan boleh membawa maut sekiranya terkena bisa patukannya. Oleh itu, larangan menyebut perkataan “ular” atau “So’o” sudah lama dipraktikkan oleh masyarakat Bajau Samah kerana mempercayai bahawa, menyebut “So’o” sama seperti menyeru kedatangan makhluk tersebut. Hal ini menjadi pantang larang sekiranya berada di dalam hutan. Eufemisme “Akar” dan “si panjang” digunakan untuk menggambarkan bentuk fizikal haiwan berbisa tersebut kerana bentuk ular yang berlingkar menyamai akar pokok kemudian mempunyai badan yang panjang. Contoh ayat eufemisme tersebut ialah:

Contoh Eufemisme Digunakan	Makna
“Uunku ngeto si panjang tak jata pokok tadi”	“Aku ada nampak ular di atas pokok tadi”

### Tabu Buaya (Boyo)

Bagi sesetengah masyarakat Bajau samah, aktiviti menangkap ikan di sungai menjadi satu kebiasaan untuk menyara keluarga. Pada masa yang sama, keselamatan juga harus diutamakan dengan cara mematuhi pantang larang ketika berada di sungai. Salah satu pantang larang yang mesti dipatuhi oleh masyarakat Bajau samah ialah larangan menyebut “Boyo” atau “buaya”. Hal tersebut bagi mengelakkan haiwan tersebut mengganggu bahkan berisiko untuk membaham nelayan yang sedang menangkap ikan. Oleh itu, perkataan eufemisme digunakan bagi menggantikan perkataan tabu tersebut. Sebagai contoh panggilan “embok” yang menyamai gelaran halus atau gelaran sanjungan bagi haiwan ini. Menurut kepercayaan masyarakat Bajau samah, apabila menggunakan perkataan “embok”, haiwan buas tersebut tidak akan mengganggu nelayan yang sedang menangkap ikan. Contoh ayat bagi eufemisme tersebut ialah:

Contoh Eufemisme Digunakan	Makna
“Hati-hati dengan embok meh”	“Hati-hati dengan buaya disana”

## Tabu Gajah

Seterusnya, bagi mamalia darat terbesar iaitu gajah juga menjadi salah satu haiwan yang ditakuti oleh masyarakat Bajau samah. Menurut informan, masyarakat Bajau samah dahulunya gemar menjalankan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan terutama sekali di kawasan kampung termasuklah di kampung Unggun Jaya. Adakalanya, gajah liar yang sesat masuk ke kawasan kampung akan merosakkan tanaman mereka. Oleh itu, masyarakat Bajau samah akan menjaga pertuturan mereka apabila ingin menyebut tabu haiwan iaitu gajah. Eufemisme bagi menggantikan nama haiwan tersebut digunakan iaitu dengan menyebut “dato” atau “datuk”. Gelaran ini lazimnya digunakan bagi manusia yang mempunyai pangkat kenamaan. Namun begitu, masyarakat Bajau samah juga menggunakannya untuk menggelar gajah yang semestinya mempunyai bentuk fizikal yang besar serta gagah. Hal tersebut bagi mengelakkan kedatangan gajah yang semestinya akan merosakkan tanaman mereka. Berikut merupakan contoh bagi eufemisme “gajah”:

Contoh Ayat Eufemisme	Makna
“Daa kam ngarip pasal dato’ tak diom hutan”	“Jangan kamu cakap pasal gajah didalam hutan”

## Tabu Tikus

Akhir sekali, masyarakat Bajau samah juga mempercayai bahawa tikus boleh memahami bahasa manusia. Oleh itu, orang-orang tua dahulu melarang ahli keluarganya menyebut perkataan kasar sekiranya bercakap mengenai tikus. Menurut informan, masyarakat Bajau samah dahulu kala mempercayai bahawa tikus merupakan jelmaan seorang puteri. Oleh hal yang demikian perkataan “tikus” dianggap kasar dan tabu untuk disebut dan dikhuatiri haiwan tersebut akan “marah” kemudian merosakkan harta benda dan menyebarkan penyakit kencing tikus. Oleh hal yang demikian, masyarakat Bajau samah menggunakan eufemisme “Dang Keduik” bagi memberikan gelaran hormat haiwan ini. Secara dasarnya, perkataan “Dang” membawa maksud yang sama seperti perkataan “Dayang” iaitu nama manis bagi seorang wanita manakala perkataan “Keduik” dipercayai nama seorang puteri yang disumpah menjadi tikus. Berikut merupakan contoh ayat bagi eufemisme “tikus”:

Contoh Ayat Eufemisme	Maksud
“Uun tak diak rumah sarang dang keduik eh”	“Terdapat sarang tikus di bawah rumah”

## EUFEMISME PENYAKIT

Penyakit sudah sememangnya diketahui umum sebagai sesuatu yang berbahaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), “penyakit” bermaksud sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit atau mengganggu kesihatan. Masyarakat Bajau samah sangat mengambil berat hal-hal yang berkaitan dengan penyakit iaitu, selain mempelajari ilmu perubatan tradisional, mereka juga berpegang pada prinsip “mencegah lebih baik daripada mengubati” dengan mematuhi segala pantang larang yang ditetapkan. Salah satu pantang larang tersebut ialah tidak menyebut nama sesuatu penyakit secara terang terangan kerana khuatir penyakit tersebut akan menyerang serta menjangkiti ahli keluarga terdekat. Jadual 3 menunjukkan tabu penyakit dan eufemisme yang digunakan serta maknanya.

Tabu Penyakit	Eufemisme	Makna
Semaie’	Embok Tambur	Cacar air/ penyakit gatal kulit

**Jadual 3: Eufemisme yang digunakan bagi menggantikan tabu penyakit**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, masyarakat Bajau samah sangat peka dengan sejenis penyakit kulit yang sering menyerang kanak-kanak dan orang dewasa iaitu penyakit yang disebut sebagai “semaie’”. Menurut maklumat daripada responden, selain berpunca daripada persekitaran, penyakit semaie’ ini merupakan penyakit buatan orang yang digunakan atas tujuan dendam dan khianat. Penyakit semaie’ yang dipercayai berpunca daripada persekitaran biasanya dikaitkan dengan alergic atau terkena tumbuhan yang bersifat miang. Namun begitu, penyakit semaie’ ini dipercayai lebih

sinonim dengan “kiriman orang” atau santau. Masyarakat Bajau samah yang lebih dewasa melarang pakaian dibiarkan di ampai semalaman kerana penyakit ini dihantar melalui angin kemudian terkena pada pakaian yang dijemur diluar rumah. Kesannya ialah akan tumbuh cacar air yang sangat gatal pada kulit sehingga boleh menyebabkan kematian.

Perkataan eufemisme “embok” merupakan perkataan hormat bagi penyakit ini agar penutur yang menyebut tidak dijangkiti manakala perkataan “tambur” dipercayai berasal daripada perkataan “hambur” yang membawa maksud berselerak. Oleh hal yang demikian secara umumnya “embok tambur” bermaksud penyakit yang banyak dan berselerak pada kulit seperti cacar air yang sangat gatal. Perkataan tersebut digunakan bagi menggantikan perkataan ‘semaie’.

### EUFEMISME MAKHLUK HALUS

Makhluk halus yang terdiri daripada syaitan, jin dan malaikat merupakan makhluk ciptaan tuhan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Orang yang beragama Islam wajib mempercayai bahawa jin itu wujud seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Rahman: ayat 14-15 yang bermaksud “Allah menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar dan Dia menciptakan jin daripada api yang bernyala” (Shamrilah, 2008). Hal tersebut sama seperti masyarakat Bajau samah yang menganuti agama islam juga mempercayai akan kewujudan makhluk tersebut. Namun begitu, masyarakat Bajau samah di kampung Unggun Jaya lebih cenderung menggunakan istilah “penunggu” secara tabu iaitu makhluk halus yang dipercayai mendiami sesebuah tempat. Contoh dalam jadual 4 adalah seperti berikut:

Tabu Makhluk Halus	Eufemisme	Makna
Penunggu	Embok Halus	Makhluk halus/Jin

**Jadual 4: Eufemisme Yang Digunakan Bagi Menggantikan Perkataan Tabu Makhluk Halus**

Sesetengah masyarakat Melayu menggunakan istilah “penunggu” yang membawa maksud makhluk halus ataupun Jin. Istilah tersebut turut digunakan oleh masyarakat Bajau samah akan tetapi, perkataan tersebut dianggap tabu sekiranya berada di kawasan yang dipercayai “keras” seperti rumah yang lama ditinggalkan, hutan, air terjun dan sebagainya. Masyarakat Bajau samah amat menjaga tutur kata apabila berbicara mengenai makhluk ini. Hal ini demikian kerana, dipercayai orang yang menyebut perkataan tabu “penunggu” secara terang-terangan ditempat yang didakwa “keras” akan menyebabkan penutur itu diganggu dengan bayangan-bayangan hodoh makhluk tersebut. Tambahan pula, perbuatan tersebut dianggap tidak menghormati makhluk yang tinggal di sesuatu tempat sehingga menyebabkan makhluk tersebut “marah” dan mengundang histeria. Oleh itu, penggunaan eufemisme “Embok Halus” dijadikan amalan bagi menggantikan perkataan tabu “penunggu”.

Perkataan “embok” merupakan panggilan hormat bagi sesuatu yang dianggap berbahaya dan biasanya merupakan sesuatu ‘larangan’ manakala “halus” bererti sukar untuk dilihat dengan mata kasar. Oleh itu, istilah “embok halus” lebih manis digunakan untuk bercakap mengenai hal tersebut menurut masyarakat Bajau samah di kampung Unggun Jaya. Contoh ayat adalah seperti berikut:

Eufemisme yang digunakan	makna
“Daa kam ingor, di ogo kam oleh embok halus”	“jangan kamu bising, nanti makhlus halus datang”

### EUFEMISME MENGENAI SUMPAPAN ATAU MAKIAN

Penggunaan kata-kata cacian atau makian biasanya digunakan oleh segelintir masyarakat sebagai luahan rasa marah atau kecewa terhadap sesuatu. Namun begitu, kata-kata cacian tidak boleh dilafazkan sewenang-wenangnya atas faktor kurang sopan dan perlu dielakkan untuk menjaga perasaan orang lain. Bagi masyarakat Bajau samah, kata-kata cacian ini menjadi tabu terutama sekali bila dilafazkan terhadap orang lain kerana perbuatan tersebut dianggap sangat biadap. Contoh bagi perkataan tabu tersebut adalah seperti berikut:

Tabu Kata Makian	Eufemisme	Makna
Belowan	Nyak betul	gila

**Jadual 5: Eufemisme Yang Digunakan Bagi Menggantikan Perkataan Tabu**

Perkataan “belowan” sering kali ditujukan kepada orang yang berkelakuan luar daripada keadaan orang yang normal. Kebiasaannya, perkataan ini digunakan untuk seseorang yang “gila” disebabkan mengambil bahan-bahan terlarang seperti dadah dan sebagainya. Tindakan tersebut menyebabkan keadaan seseorang itu menjadi “belowan” atau dalam eufemisme disebut “nyak betul” yang bermaksud “tidak betul”.

### HAL KEWANITAAN

Setiap insan yang bergelar wanita pasti akan menghadapi satu tahap pada usia tertentu yang digelar sebagai “akil baligh” atau bahasa halus dalam bahasa Melayu “datang bulan”. Namun begitu, hal tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dibangga-banggakan atau diceritakan sesama masyarakat kerana umum mengetahui bahawa hal tersebut merupakan aib bagi kaum wanita. Atas kesedaran tersebut, masyarakat Bajau samah juga menggunakan eufemisme bagi menggantikan perkataan tabu “haid” kepada “kenama” atau “kama”. Manakala perkataan tabu “bunting” kepada “betong”. Berikut merupakan contoh bagi perkataan ini:

Tabu Hal kewanitaan	Eufemisme	Makna
Bunting	Betong	Hamil
Haid	Kenama>Nama	Datang kotor/ datang haid

**Jadual 6: Eufemisme Yang Digunakan Bagi Menggantikan Perkataan Tabu Hal Kewanitaan**

Masyarakat Bajau samah yang dikaji mempunyai gelaran khusus mengenai dua keadaan yang biasanya dialami oleh wanita iaitu eufemisme “betong” dan “kenama” bagi menggantikan perkataan tabu “bunting” dan “haid”. Secara umumnya, sesetengah masyarakat menganggap bahawa perkataan “haid” adalah perkataan yang agak janggal disebut terutama sekali bagi masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana perkara tersebut merupakan aib bagi wanita lebih-lebih lagi jika perkara itu disebut oleh kaum lelaki. Masyarakat Bajau samah sememangnya turut menganggap perkara tersebut agak janggal untuk disebut secara terang-terangan. Oleh hal yang demikian, perkataan tersebut digantikan dengan perkataan eufemisme “kenama”. Secara dasarnya, perkataan “kenama” berasal daripada perkataan dasar “kama” yang membawa maksud “kotor”. Masyarakat Bajau samah di kampung Unggun Jaya menggunakan istilah tersebut bagi menyamakan keadaan wanita ketika datang haid iaitu dalam keadaan berhadass besar.

Perkataan tabu “bunting” sememangnya diketahui umum hanya digunakan untuk haiwan sahaja. Hal tersebut menjadi tabu sekiranya istilah itu digunakan untuk wanita mengandung. Perkataan tersebut dilarang sama sekali untuk ditujukan kepada wanita yang sedang sarat mengandung. Oleh itu, masyarakat Bajau samah menggunakan eufemisme yang lebih halus iaitu “betong” yang membawa maksud “perut”. Perkataan ini disamakan dengan keadaan perut wanita yang mengandung dan dianggap ‘biasa’ penggunaannya dalam pertuturan harian.

### TUBUH BADAN

Bahagian tubuh badan sering kali dikaitkan dengan perkara aib terutama sekali apabila melibatkan bahagian-bahagian sulit sama ada bagi wanita mahupun lelaki. Hal ini tidak terkecuali bagi kaum Bajau Samah. Hal ini dapat dilihat dalam jadual yang berikut:

Tabu Mengenai Tubuh	Eufemisme	Makna
Borot	Tak dia’ eh	Kemaluan lelaki

**Jadual 6: Eufemisme Yang Digunakan Bagi Menggantikan Perkataan Tabu Tubuh Badan**

Perkataan “borot” masih dianggap tabu walaupun sering digunakan untuk memerihalkan kemaluan lelaki oleh sesama ahli keluarga terdekat. Penggunaannya dalam kehidupan seharian boleh dikatakan bertentangan dengan norma hidup bermasyarakat dan sememangnya tidak sopan untuk dituturkan. Oleh itu, perkataan tabu ini digantikan dengan istilah “tak dia’ eh” yang membawa makna yang lebih sopan, iaitu “benda yang di bawah itu”.

### KESIMPULAN

Masyarakat Bajau Samah turut tidak ketinggalan dalam mengamalkan nilai-nilai kesantunan dalam kehidupan seharian terutama sekali dalam aspek penggunaan eufemisme. Sama halnya seperti orang Melayu yang sangat mementingkan adab dan sopan santun. Penggunaan eufemisme menjadi salah satu inisiatif untuk menghaluskan bahasa yang digunakan agar dapat menjaga perasaan sesama masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tujuh jenis eufemisme yang dikenal pasti digunakan oleh masyarakat Bajau Samah. Antaranya ialah kematian, haiwan, penyakit, makhluk halus, hal kewanitaan, sumpahan atau makian dan tubuh badan. Semua jenis eufemisme ini sememangnya telah melambangkan kehalusan berbahasa bagi kaum Bajau Samah. Pengkaji juga telah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan eufemisme dalam kalangan masyarakat Bajau Samah, iaitu untuk menjaga hati sesama masyarakat dan mengelakkan perkara buruk berlaku sekiranya menuturkan perkataan yang tabu. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan pemikiran masyarakat Bajau Samah yang masih mempunyai kepercayaan tradisional dan mistik.

### Bibliografi

- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziah Tajudin & Mohd. Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu* (2 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zaid Daud, et al. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu bahasa dalam masyarakat Dusun di daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.
- Shamrilah. (2008, Oktober 6). *Penjelasan Al Quran Tentang Kewujudan Jin*. Retrieved from Shamrilah70's weblog: <https://shamrilah70.wordpress.com/2008/10/06/penjelasan-al-quran-tentang-kewujudan-jin/>
- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan berbahasa: kes bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 3(3), 14-23.



## PENGGUNAAN KONSONAN [ذ، ز، ظ] DALAM SISTEM TULISAN JAWI DALAM KALANGAN PELAJAR AGAMA DAN BUKAN AGAMA<sup>1</sup>

Ab. Halim Mohamad  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM  
abhalim@upm.edu.my

### Abstrak

Konsonen *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] mempunyai artikulasi dan sifat yang berbeza dari segi fonetiknya. Ketiga-tiga konsonen tersebut disebut oleh penutur Melayu dengan sebutan [ز] yang sangat hampir dengan konsonen [z]. Orang Melayu menghadapi masalah dalam membeza dan mengguna tiga konsonen tersebut dalam tulisan Jawi mereka. Kajian ini cuba menghurai tahap penggunaan konsonan tersebut dalam kalangan pelajar Melayu yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 25 orang pelajar Bachelor Bahasa Arab di UPM dan 35 orang pelajar Bachelor Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu di UPM. Satu ujian menulis tulisan Jawi telah dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar tersebut. Pelajar diminta menulis 30 perkataan yang dipilih khas dalam tulisan Jawi. Hasil kajian ke atas pelajar Bachelor Bahasa Arab mendapati bahawa 8% memperolehi gred B- dan C+, 32% memperolehi gred D dan 44% gagal (F). Manakala pelajar Bachelor BM pula, 2.86% mendapat gred B- dan 97.14% gagal (F). Hasil Ujian ini menunjukkan bahawa pelajar IPTA yang telah menerima pembelajaran tulisan Jawi masih lemah dalam membeza dan mengguna konsonen [ذ], [ز] dan [ظ] dalam sistem tulisan Jawi termasuk pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Arab. Oleh yang demikian, sistem tulisan Jawi perlu disemak semula dan ditransfomasi sesuai dengan sebutan dan lidah Melayu. Adalah dicadangkan bahawa satu fonem konsonen sahaja iaitu [ز] yang merujuk kepada simbol [z] dalam ejaan Rumi perlu digunapakai dalam sistem ejaan Jawi sesuai dengan hasil kajian ini dan perubahan sebutan fonem konsonen pinjaman Arab yang disebut mengikut lidah Melayu.

**Kata kunci:** konsonen, tulisan Jawi, pelajar agama, bukan pelajar agama, sebutan Melayu.

### PENGENALAN

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam. Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Ikuran daripada itu lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005.

Selepas beberapa tahun pelaksanaan kaedah tulisan PEJYB, ia ditukar pula dengan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) berdasarkan Buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2016) telah diterbitkan dengan mengetengahkan beberapa kategori kaedah utama ejaan Jawi iaitu ejaan lazim, ejaan tradisi, ejaan mengikut hukum, ejaan lampau hukum dan ejaan pinjaman serta serapan. Kaedah pelengkap ejaan juga diketengahkan dalam kamus ini seperti ejaan gelinciran, penggunaan huruf hamzah dan ejaan imbuhan. Kaedah PUEJBM yang diguna sekarang diedaptasikan daripada kaedah Za'ba (1931)

<sup>1</sup> Artikel ini sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS fasa 1/2016 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT) (FRGS/1/2016/SS09/UPM/02/1).

Mohd Hussein (2002) menyatakan bahawa kaedah ejaan Jawi Za'ba banyak kesamaran pada sebutan dan memerlukan penambahan huruf vokal (alif, waw dan ya') pada sesetengah perkataan bagi menghilangkan kesamaran tersebut. Ismail dan Mashur penyunting buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) cetakan 2004 menjelaskan bahawa kaedah Za'ba telah diubah mengikut kaedah fonologi dan bentuk perkataan bahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, perkataan Melayu asli. Kedua, Perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Ketiga, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai kaedah ejaan yang berbeza. Perbezaan yang jelas ialah dalam mengeja perkataan pinjaman Arab yang secara umumnya dengan mengekalkan gambaran asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab.

Walaupun usaha kerajaan untuk memertabatkan tulisan Jawi telah dilakukan melalui seminar, persidangan, konvensyen, bengkel, pertandingan, klinik Jawi, carnival dan lain-lain lagi, tetapi masyarakat Malaysia masih lagi menyambut dingin terhadap tulisan Jawi. Nik Rozila dalam kajiannya menyatakan bahawa Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji (2007:161). Faizal mendapati segelintir pelajar mahasiswa pengajian Islam UKM kurang meminati tulisan Jawi Walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun (2009: 155). Ia bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan minat para pelajar atau sistem pendidikan yang tidak memberi kredit kepada tulisan Jawi. Ia mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat. Hal seperti inilah yang menuntut supaya kajian berkaitan sistem tulisan Jawi terus dilakukan bagi memertabatkannya demi survival masa depan.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Banyak kaedah ejaan dalam penulisan Jawi masih mengelirukan pengguna serta pengamalannya. Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah penulisan Jawi dilihat tidak begitu tersusun dan tidak tekal. Perubahan yang dilakukan dalam sistem PUEJBM tidak berasaskan hujah yang jelas sehingga banyak mendatangkan masalah dan kekeliruan. Kekeliruan berlaku pada penggunaan vokal (*alif*, *yā'* dan *waw*) dan konsonan seperti penggunaan *qāf* (ق) dan *kāf* (ك), antara *zai* (ز) dan *dhāl* (ذ), antara *sīn* (س), *thā'* (ث), *shin* (ش) dan *ṣād* (ص), antara (ح) dan (هـ), *ṭā'* (ط) dan *tā'* (ت) dan seupamanya. Selain daripada itu berlaku juga kekeliruan ejaan perkataan pinjaman Arab, dimana ada perkataan pinjaman yang diubah ejaannya dan ada yang dikekalkan. Ini semua merupakan masalah dalam tulisan Jawi yang memerlukan kepada satu kaedah yang konsisten yang berpandukan kepada teori fonetik yang betul dan boleh diterima.

Sistem PUEJBM yang digunapakai sekarang ini tidak dapat memberi hujah yang kukuh bagaimana penggunaan konsonan *zai* (ز), *dhāl* (ذ) dan *za* (ظ) yang ditulis dengan [z] dalam tulisan Rumi seperti perkataan *zamrud*, *zarah*, *nazir*, *izhar*, *hafiz*, *lazat*, *zuhur* dan sebagainya dapat dibezakan oleh pengguna tulisan Jawi dari kalangan orang Melayu. Adakah mereka dapat menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi dengan betul seperti *ظهر*, *لاذنت*, *حافظ*, *اظهار*, *ناظير*, *ذره*, *زمرود*? Adakah mereka tahu asal usul perkataan tersebut daripada bahasa Arab? Adakah mereka tahu bentuk tulisan asalnya dan kenapa perlu dikekalkan dalam bentuk tulisan asalnya walaupun perubahan fonem dari segi sebutan telah berlaku? Persoalan seperti ini yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang paraturan dan kaedah dalam system tulisan Jawi.

Mengikut Carmel Heah (1989), kata pinjaman dalam sesebuah bahasa dapat diklafisikasikan kepada empat bahagian, iaitu:

- i) Kata pinjaman tidak berasimilasi, iaitu yang tidak mengalami perubahan dalam sistem ejaan (Carmel, 1989: 99) seperti *رمضان مبارك*, *عيد مبارك*, *حج ميرور*, dan banyak lagi perkataan yang tersenarai dalam kamus yang jarang digunapakai (lihat Amat Juhari, 2016).
- ii) Kata pinjaman separa asimilasi, iaitu leksikal pinjaman yang mengalami perubahan morfem (Carmel, 1989: 103), seperti *همة*, *قوة*, *سجود* menjadi *هيمة*, *قوات*, *سجود*.

- iii) Kata pinjaman asimilasi penuh, iaitu leksikal yang berlaku perubahan bentuk pada kata asal tersebut. Perubahan bentuk mencerminkan kemasukan yang baru ke dalam bahasa. Ia juga bergantung kekerapan kengunaannya dalam bahasa. Dalam kebanyakan kes, bentuk ini telah menjadi sebahagian daripada bahasa (BM) sejak lama dahulu dan menjadi sebahagian kata umum. Leksikal jenis ini mengalami proses asimilasi lengkap dari segi sistem ejaan dan menyebabkan kebanyakan orang Melayu tidak tahun asal usul bahasa tersebut bahkan menganggapnya sebagai bahasa Melayu (Carmel, 1989: 103), seperti *سوجود، علمو، روجوع، واجه*, *سجود، علم، رجوع، وجه، بدن، صيفت، عقيدة، عبادة* (sujud, ilmu, rujuk, wajah, badan, sifat, akidah dan ibadah) daripada asal perkataan Arab *صفة بدن، وجه، رجوع، علم، سجود*.
- iv) Kata pinjaman asimilasi sistem ejaan, iaitu sebutan dalam bahasa asalnya menyamai sebutan dalam bahasa pinjaman, tetapi yang membezakannya ialah bentuk ejaan yang dieja berdasarkan bunyi seperti *cek* (BM) daripada *cheque* (BI) dan *gezet* (BM) daripada *gazette* (BI) (Ibid, 1898: 103) dan *sujud* *سجود*, *hakim* *حاكيم*, *rukun* *روكون*, *kafir* *كافير* (BM) daripada *كافر*, *ركن*, *حاكم*, *سجود* (BA).

Kata pinjaman asimilasi separa, penuh dan asimilasi sistem ejaan bahasa Arab ini dapat dilihat dengan jelas dan menjadi masalah dalam sistem ejaan Jawi. Ini kerana tiada kesepadanan antara sebutan dan penggunaan simbol (fonen) dalam sistem ejaan Jawi. Sebagai contoh, ejaan Rumi menggunakan fonen [z] pada perkataan *solat*, *sahabat*, *salji*, *selasa*, *sebab* manakala dalam ejaan Jawi menggunakan fonen yang berbeza iaitu [ذ، ز، ظ]. Hal ini menimbulkan banyak kesukaran kepada pengguna tulisan Jawi kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang sejarah dan aspek sosiol budaya Melayu dan Arab. Mereka kurang arif penggunaan fonen yang berbeza iaitu [ذ، ز، ظ] dalam ejaan Jawi. Oleh sebab itu, mereka menggunakan fonen [ز] yang sepadan dengan fonen [z] seperti dalam tulisan Rumi. Kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu telah disesuaikan dengan lidah Melayu seperti *za* (ظ) dan *zal* (ذ) disebut *zai* (ز), oleh kerana itu terdapat pengguna Melayu menulis *زمان* *مظلوم، ناظير، زمن* seperti *نزي، مزلوم، نزي* dan sebagainya.

### PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan huraian dalam permasalahan kajian di atas, secara ringkasnya kajian ini bertolak daripada persoalan berikut:

- 1) Sejauh mana tahap penguasaan fonem *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] dalam kalangan pengguna Melayu dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM)?
- 2) Bagaimanakah pendekatan yang sesuai yang patut diambil untuk menyelesaikan masalah penggunaan fonem *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] dalam sistem tulisan Jawi yang dihadapi oleh pengguna Melayu?

### OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti tahap kecekapan pengguna Melayu terhadap fonem [ذ، ز، ظ] dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 2) Mengemukakan pendekatan yang sesuai yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah penggunaan fonem [ذ، ز، ظ] dalam sistem tulisan Jawi yang dihadapi oleh pengguna Melayu khususnya dan bukan Melayu Amnya.

### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 25 orang pelajar Bachelor Bahasa Arab (semester 2) Universiti Putra Malaysia dan 35 orang pelajar Bachelor Linguistik Melayu (semester 6) UPM. Satu ujian penulisan selama setengah jam telah dijalankan. Soalan ujian mengandungi 30 perkataan bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Rumi. Pelajar diminta menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Justifikasi pemilihan pelajar tersebut kerana mereka telah mempelajari tulisan Jawi dan sebagai pelajar

universiti mereka seharusnya mendapat pendedahan tentang tulisan Jawi yang menjadi warisan bangsa yang berharga. Kebanyakan perkataan yang diuji terdiri daripada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Ini bertujuan untuk melihat penguasaan mereka dalam penggunaan fonem [ظ، ز، ذ] yang ditulis dalam ejaan Rumi menggunakan simbol [z]. Perkataan tersebut seperti dalam jadual (1) di bawah:

**Jadual (1): Senarai Perkataan Bahasa Melayu yang diuji**

Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan
1	ziarah	11	zarah	21	zalim
2	zaman	12	zuriat	22	zuhur
3	zamrud	13	zimmi	23	zulmat
4	zaitun	14	mazi	24	zahir
5	zainab	15	mazmumah	25	zan
5	azimat	16	zakar	26	nazir
7	azali	17	muzakarah	27	nazim
8	jizyah	18	zina	28	izhar
9	janazah	19	zarah	29	hafiz
10	muktazilah	20	lazat	30	mazlum

#### Analisis Data Perbincangan

#### i. Pencapaian Pelajar (Bahasa Arab)

Ujian penggunaan konsonan [ذ], [ز] dan [ظ] dalam sistem tulisan Jawi ke atas 25 orang pelajar major Bahasa Arab (Jabatan Bahasa Asing) dan 35 orang pelajar Major Linguistik Melayu (Jabatan Bahasa Melayu) di UPM adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual (1) di atas adalah seperti dalam jadual (3) berikut:

**Jadual (2): Pencapaian Pelajar Bahasa Arab dan Bahasa Melayu Dalam Penggunaan konsonan [ذ], [ز] dan [ظ]**

Markah	Gred	Bil. Res. & % Pelajar Bahasa Arab	Bil. Res. & % Pelajar Linguistik B. Melayu	Tahap
80-100	A	0 – 0%	0 – 0%	Cemerlang
75-79	A-	0 – 0%	0 – 0%	Sangat Baik
70-74	B+	0 – 0%	0 – 0%	Sangat Baik
65-69	B	0 – 0%	0 – 0%	Baik
60-64	B-	1 – 4%	1 - 2.86%	Sederhana Baik
55-59	C+	1 – 4%	0 – 0%	Memuaskan
50-54	C	0 – 0%	0 – 0%	Memuaskan
47-49	C-	4 – 16%	0 – 0%	Kurang Memuaskan
44-46	D+	0 – 0%	0 – 0%	Lemah
40-43	D	8 – 32%	0	Sangat Lemah
0-39	F	11 – 44%	34 - 97.14%	Gagal
	<b>Total</b>	<b>25 – 100%</b>	<b>35 – 100%</b>	

Berdasarkan jadual (2) di atas didapati bahawa jumlah responden pelajar major bahasa Arab yang memperoleh markah 50% ke atas adalah seramai 2 orang sahaja (8%). Manakala responden yang memperoleh markah kurang daripada 50% adalah seramai 23 orang (92%). Daripada jumlah responden tersebut, didapati responden yang gagal atau mendapat markah kurang daripada 40% adalah seramai 11 orang (44%). Manakala jumlah responden pelajar major Bahasa Melayu yang memperoleh markah B- adalah 2.86% dan jumlah yang gagal adalah 97.14%.

#### ii) Analisis Kesalahan Ejaan

Hasil ujian mendapati bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan yang sangat ketara sekali sama oleh pelajar major Bahasa Arab atau Linguistik Melayu. Pelajar masih lemah dalam penggunaan

konsonan atau fonem [ڏ, ز, ظ] dalam sistem ejaan Jawi. Kebanyakan pelajar menggunakan fonem [ز] ketika menulis perkataan yang diuji bagi menggantikan fonem [z]. Contoh kesalahan tersebut boleh dilihat dalam jadual (3) di bawah:

Jadual (3): Contoh Kesalahan Ejaan Jawi Oleh Pelajar

Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah
1	zia.rah	زياره	زيره/زيارة	16	za.kar	ذكر	زكر/ذكار
2	za.man	زمان	زمن/زمان	17	mu.za.ka.rah	مذكاره	مذكاره/مذكوره
3	zam.rud	زمرود	زمرود/زمرود	18	zi.na	زند	زند/زينا
4	zai.tun	زيتون	زيتون/ذيتون	19	za.rah	ذره	ذره/ذرة
5	za.bib	زيبب	ذيبب/ازيبب	20	la.zat	لاذنت	لذات/لازة
6	a.zi.mat	عزيمة	عزيمت/ازيمت	21	za.lim	ظاليد	ظالم/ظليم
7	a.za.li	ازلي	عزالي/عزلي	22	zu.hur	ظهور	ظهور/ظهور
8	jiz.yah	جزية	جيزيه/جزيه	23	zul.mat	ظلمة	ظلمات/ظلمت
9	je.na.zah	جنازه	جنزه/جنازه	24	za.hir	ظاهير	ظاهر/ظهير
10	muk.ta.zi.lah	معتزلة	مؤتزيلة/معتزله	25	zan	ظن	زان/ظان
11	za.rah	ذره	ذره/ذرة	26	na.zir	ناظير	نزير/نظير
12	zu.riat	ذوريت	ذرية/ذرية	27	na.zim	ناظيد	ناظم/نظيم
13	zim.mi	ذمي	ذيمي/ذمي	28	iz.har	اظهار	اظهر/ازهار
14	ma.zi	مذي	ماذي/مازي	29	ha.fiz	حافظ	حفظ/حفيظ
15	maz.mu.mah	مذومه	مذومه/مزمومه	30	maz.lum	مظلوم	مذلوم/مزلوم

Ejaan Jawi yang betul berdasarkan buku “Daftar kata bahasa Melayu Rumi-Sebutan Jawi” Edisi kedua 2016, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka

Daripada jadual (3) di atas, terdapat pelajar yang menulis dalam ejaan Jawi yang betul seperti زيبب, زيتون, زمرود, زمان, زياره dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang melakukan kesalahan dengan terkeliru terhadap penggunaan ketiga-tiga perkataan ini seperti contoh yang dibawa dalam jadual (4) di atas. Sebagai contoh, perkataan ذمي, ذره, زيبب, زيتون, زمان dieja ذره, ذمي dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden gagal memahami kaedah penggunaan konsonen [ڏ], [ز] dan [ظ] dalam tulisan Jawi, di samping kaedah yang dikemukakan dalam sistem tulisan Jawi kurang mantap dan tidak berkesan.

Kesalahan tersebut disebabkan dua faktor. Pertama, sebutan fonen [ظ], [ز] dan [ڏ] sudah diasimilasikan dan disesuaikan dengan sebutan Melayu yang paling hampir dengan sebutan fonen [ز] atau [z]. Kedua, kegagalan responden mengenalpasti asal usul dan bentuk tulisan perkataan tersebut, sama ada kata pinjaman atau asal perkataan bahasa Melayu menyebabkan mereka menggunakan bunyi asal Bahasa Melayu [z] atau [ز] dalam tulisan mereka.

### iii) Analisis Fonetik

Fonem *zal* [ڏ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] mempunyai sifat artikulasi yang berbeza. *Zal* [ڏ] merupakan suara geseran, bersuara, nipis dan dental. Manakala *zai* [ز] pula merupakan suara geseran, bersuara, nipis dan gigi-gusi (*alveolar*). Fonem *za'* [ظ] pula adalah suara geseran, bersuara, tebal dan dental (Manaf Mahdi, 1998: 90). Dalam sistem tulisan Rumi, ketiga-tiga bunyi tersebut menggunakan fonem [z] yang bersifat geseran dan gigi-gusi (*alveolar*) seperti *zohor*, *zakar* dan *zakar* (ظهر, زكاة, ذكر). Jika diperhatikan dalam Bahasa Melayu, didapati tidak ada perkataan asal Bahasa Melayu yang memakai fonem *zal* [ڏ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sama ada di awal, ditengah atau di akhir perkataan. Perkataan dalam Bahasa Melayu yang memakai tersebut merupakan perkataan pinjaman daripada Bahasa Arab atau Bahasa lain (lihat: Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi entri Z; Kamus Pustaka).

Jika diperhatikan kepada sebutan orang Melayu, mereka telah menukar sebutan fonem *zal* [ڏ] dan *za'* [ظ] kepada fonem *zal* [ز]. Sifat dan artikulasi fonen *zal* [ڏ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sudah disatukan menjadi fonem *zal* [ز] dalam sebutan masyarakat Melayu. Oleh itu dalam contoh kesalahan seperti yang ditunjukkan dalam jadual (3) di atas didapati kebanyakan pelajar menukar fonem *zal* [ڏ] dan *za'* [ظ]



## RUJUKAN

- Abu Abdul Latif. (1993). *Kamus Pustaka Melayu – Arab*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Amat Juhari Moain. (2016). *Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Siah Che Man. (2014). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi kedua Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Niswa @ Noralina binti Abdullah. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Tempatan. Dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4, 145 – 156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Edisi ke-2, cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heah, Carmel Lee Hsia. (1989). *The Influence on English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid & Abdul Hamid Mahmood. (2016). *Pengantar Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992.
- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad, Manaf Mahdi. (1998). *‘Ilm al-aswat al-lughawiyyah*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Dlm. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil.22, 161-167. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2015). *Asas Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD)*. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (1931). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Singapura: Printes Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (1931). *Rahsia ejaan Jawi*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba). (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. Transliterasi Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Leksikon Flora dan Fauna di Lingkungan Danau Maninjau (Kajian Ekolinguistik)

Rona Almos, Sonezza Ladyanna, Pramono  
Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas, Indonesia

### Abstrak

Dalam artikel ini, dianalisis mengenai leksikon flora dan fauna yang ada di lingkungan Danau Maninjau, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia. Penelitian ini dilakukan dalam upaya pemertahanan bahasa akibat desakan permasalahan ekologi (seperti bencana alam, tingkah manusia yang merugikan) terhadap ekosistem di Danau Maninjau yang mengakibatkan kepunahan leksikon. Apabila referen dari pengetahuan mereka punah maka pewarisan tersebut akan berhenti. Hal ini tentu akan mengakibatkan rusaknya pemertahanan bahasa. Untuk permasalahan kedanauan, salah satu kasus yang terjadi belakangan ini adalah matinya vegetasi di Danau Maninjau. Dengan demikian, dianalisis leksikon flora dan fauna di sekitar lingkungan danau melalui kajian ekolinguistik. Metode penelitian yang digunakan adalah metode penelitian bahasa yang dikemukakan oleh Sudaryanto yaitu metode padan translasional dan metode padan referensial dan hasil analisis disajikan dengan metode penyajian informal. Leksikon flora yang ditemukan antara lain *aua*, *karambojo*, *batyak*, dan lain-lai. Leksikon fauna yang ditemukan antara lain *buntirah*, *landak*, dan lain sebagainya. Dari leksikon tersebut, terdapat beberapa leksikon yang rujukannya sudah jarang ditemukan karena bencana alam dan polusi. Berkurangnya populasi suatu spesies dalam ekosistem berakibat kurang digunakannya leksikon dari spesies tersebut. Upaya pelestarian alam berkaitan erat dengan kelestarian leksikon suatu bahasa.

**Kata Kunci:** leksikon, danau, ekolinguistik

### PENDAHULUAN

Leksikon merupakan salah satu unsur penting dalam pewarisan bahasa dari generasi ke generasi. Pengetahuan mengenai leksikon memperkaya pengetahuan masyarakat dan membuka jalan untuk memahami berbagai bidang kehidupan dan pengetahuan itu akan kuat jika referen dari leksikon tersebut masih ada. Namun, berbagai bentuk konflik lingkungan baik akibat ulah manusia maupun alam dapat mengakibatkan hilangnya referen dan berakibat pengetahuan mengenai leksikon menjadi pupus.

Salah satu lingkungan yang didiami penutur bahasa adalah lingkungan kedanauan. Di lingkungan tersebut, mereka mengetahui tentang nama hewan dan ikan di dalam danau, nama hewan di sekitar danau, nama tumbuhan di dasar danau, nama tumbuhan di sekitar danau, nama benda mati di dalam dan di tepi danau, nama alat penangkapan ikan, nama alat pembesaran dan penggemukan ikan serta analisis kontek budaya. Pengetahuan mereka mengenai hal tersebut merupakan perwarisan dari generasi sebelumnya yang disampaikan secara lisan dan lama-kelamaan akan terlupakan jika referennya tidak ada lagi.

Apabila referen dari pengetahuan mereka punah maka pewarisan tersebut akan berhenti. Hal ini tentu akan mengakibatkan rusaknya pemertahanan bahasa. Untuk permasalahan kedanauan, salah satu kasus yang terjadi belakangan ini adalah matinya vegetasi di Danau Maninjau. Beberapa kali terjadi kasus ikan Danau Maninjau mati keracunan. Berdasarkan hasil penelitian LIPI, ikan-ikan tersebut mati keracunan akibat limbah usaha perikanan pakan keramba dan limba rumah tangga (lipi.go.id, 2017). Juga dijelaskan bahwa dari 34 spesies ikan di danau ini, 14 di antaranya mulai diambang kepunahan.

Danau Maninjau merupakan salah satu tempat wisata terkenal di Sumatera dengan keindahan dan keunikan lingkungannya. Danau ini merupakan kaldera dari letusan gunung berapi pada masa lampau. Keindahan alam danau ini yang dapat dinikmati melalui Kelok 44, Puncak Lawang, Ambun Pagi, dan



tempat wisata lainnya merupakan salah satu destinasi wisata yang selalu dikunjungi pelancong lokal dan internasional.

Tidak kalah penting dari permasalahan akibat limbah usaha perikanan dan rumah tangga di perairan Danau Maninjau, permasalahan erosi daratan di keliling danau yang berbentuk perbukitan turut memperburuk kurangnya ekosistem. Tingginya curah hujan sering mengakibatkan longsor di sekitar danau. Proses erosi ini terjadi akibat pengalihan fungsi lahan menjadi lahan pertanian, perkebunan, dan pemukiman. Sebelumnya, lahan tersebut merupakan hutan yang ditumbuhi pohon-pohon dengan akar yang dapat memperkuat tanah sehingga erosi menjadi minim di kala musim hujan.

Selain itu, pertumbuhan jumlah penduduk yang memerlukan pemukiman dan mata pencarian mengurangi jumlah hutan sehingga erosi terjadi dengan mudah. Erosi yang terjadi di sekitar danau mengakibatkan berkurangnya variasi ekosistem. Fenomena itu tentu saja berdampak pada ekologi dan perubahan ekologi ini dihipotesiskan mengakibatkan perubahan kebahasaan khususnya leksikon di lingkungan Danau Maninjau. Dengan demikian, penelitian ini penting dilakukan untuk mengidentifikasi leksikon ekologi di lingkungan Danau Maninjau dan memaparkan kajian ekolinguistik terhadap leksikon tersebut.

Berdasarkan latar belakang tersebut, rumusan masalah dalam artikel ini adalah (1) Apa saja leksikon ekologi di sekitar Danau Maninjau? dan (2) Kaitan dinamika lingkungan dan tekanan pada ekologi terhadap leksikon di sekitar Danau Maninjau? Pada penelitian ini, ruang lingkup masalah dibatasi pada leksikon di sekitar Danau Maninjau (bukan di perairan danau). Bertolak belakang dari permasalahan tersebut, tujuan penelitian ini untuk mengidentifikasi leksikon ekologi di sekitar Danau Maninjau. Lalu, memaparkan dan menjelaskan kaitan dinamika lingkungan dan tekanan pada ekologi terhadap leksikon di sekitar Danau Maninjau.

Leksikologi merupakan ilmu yang digunakan untuk mempelajari seluk-beluk kata, menyelidiki kosa kata suatu bahasa, baik mengenai pemakaian maupun maknanya seperti yang dipakai oleh masyarakat bahasa bersangkutan (Usman, 1979: 1). Dalam leksikologi butir-butir leksikal suatu bahan dikaji asal-usulnya, bentuk dan pembentukannya, maknanya, penggunaannya aspek bunyi dan ejaannya, serta aspek lainnya. Kalau hasil kajian leksikologi ini ditulis dan disusun secara alfabet, maka bidang kegiatannya sudah termasuk dalam kegiatan leksikografi (Almos dan Pramono, 2015: 46).

This seems to be an important characteristic of the three discourse-oriented languages mentioned above. That is, standard Binding Theory, which is all about A-binding, doesn't apply to these languages. Given Huang's zero-topic analysis, we are led to schematically analyze the sentence in (20B) as in (21) below.

(21)	Discourse:	... Yuehan <sub>i</sub> ...
		(Topic) <sub>i</sub> , ziji <sub>i</sub> lai de.

<sup>6</sup> The use of *ziji* here is due to Huang (1984, footnote 17), although all my informants prefer *taziji* 'himself.'

Here, the zero-topic gets coindexed with the topic *Yuehan* 'John' introduced by (20A) in the discourse grammar of Chinese or "in the LF' module of grammar following LF" (Huang 1984:550). The zero-topic then A'-binds the anaphor *ziji*, but the sentence is still grammatical. This anaphor can be A-bound as well (even over a governing category), as shown in (22) (Aoun 1984:16).

- (22) Zhangsan shuo ziji hui lai.  
 Zhangsan say self will come  
 'Zhangsan<sub>i</sub> said self<sub>i</sub> would come.'

This means that A/A'-distinction isn't relevant at all in binding relations in Chinese.

Recall that the object EC in (4) was said to be a variable that necessarily referred to someone in the discourse (which is coindexed with a zero-topic). (4) is repeated below as (23a). If the object EC were a pro, it should be able to refer to the subject of the main clause *Zhangsan*, just like the overt pronoun *ta* in (23b) (= Huang's (21)).

- (23) a. Zhangsan shuo [Lisi bu renshi e].  
 [Lisi bu renshi ta].  
 'Zhangsan said Lisi didn't know [him].'  
 Lisi didn't know him<sub>i,j</sub>.
- b. Zhangsan shuo  
 'Zhangsan<sub>i</sub> said

And yet, this was deemed impossible. In other words, the object EC cannot be A-bound by *Zhangsan*, but it has to be A'-bound by the zero-topic, as shown in (6b). So it is a variable, not a pro.

However, with A/A'-distinction revealed to be irrelevant in binding relations, this argument cannot be made any longer. In fact, there are cases of bound variable pronoun as well, such as *him* in *Each manager exploits the secretary who works for him* (Reinhart 1983:55). Notice that the antecedent of *him* (= *each manager*) occupies an A-position; yet, the pronoun *him* still functions as a variable bound to it. Therefore, the EC in (23a) can also be a pro, and its seeming inability to refer to the subject of the main clause may be for some reason other than its being a variable. We will discuss this possibility in section 3.

### Comparison with English Pronouns

Now let's turn to the typology of NPs assumed in standard Binding Theory.

- (24) Typology of NPs
- |  |                             |
|--|-----------------------------|
| [+anaphor, -pronominal]: anaphor (overt), NP-trace (covert)      | [-anaphor,                  |
| +pronominal]: pronoun (overt), pro (covert)                      |                             |
| [-anaphor, -pronominal]: R-expression (overt), variable (covert) | [+anaphor, +pronominal]: NA |
| (overt), PRO (covert)  |                             |

With this table in mind, compare the Chinese sentence in (25a) with the English counterpart in (25b).

- (25) a. e lai-le '(Someone) came'  
 b. He came.

Huang writes that "[t]he EC in [(25a)] refers to someone whose reference is understood in discourse, on a par with *he* in [(25b)]" (1984:538). Since Chinese freely generates zero-topics, (25a) may be analyzed as having the structure in (26).

- (26) (Topic<sub>i</sub>) [e<sub>i</sub> lai le]

Here, the subject EC is viewed as A'-bound by a zero-topic and is thus considered a variable.<sup>7</sup>

- (27) English has a construction that has a similar structure, namely, that of left dislocation:  
 This university, it's not for everybody.

<sup>7</sup> For the sake of discussion here, let us ignore the problem pointed out for analyzing the EC in (14) as a variable.

In (27), the subject pronoun *it* is coreferential with the topic *this university*. That is, *it* is A'-bound by the topic, just like the subject EC in (26). Nevertheless, it is still a pronoun, with the feature specification of [-anaphor, +pronominal]. Likewise, *he* in (25b) is also a pronoun, even though it is said to function like the EC in (25a); indeed, it is referentially dependent on its antecedent in the discourse. In contrast, this is never the case with R-expressions, which are specified as [-anaphor, -pronominal]. In fact, when we hear a sentence like *John came*, we immediately know who is being referred to.

In that sense, ECs in Chinese exemplified by that in (25a)/(26) appear extremely odd. If they are indeed variables, they should have the same feature specification as that of an R-expression; see (24). Since they are base-generated, they are logically different from traces; that is, they are independent lexical items (contra the functional determination of the identity of an EC implied by (7) above). And yet, they are never referentially independent, which in turn suggests that they can't be specified as [-anaphor, -pronominal]. English variables, on the other hand, may have a way out of this problem, since they are typically traces, always part of the movement chains that they form with their antecedents. If so, their referentiality will not become an issue. As a single chain, they refer together (e.g. the chain {bagels, t} in *Bagels, I like t*).

*He* in (25b) and *it* in (27) are pronouns, even though their antecedents happen to exist in the discourse or occupy some A'-position. Then, why not treat the EC in (25a) as a pro too, regardless of the position of its antecedent? After all, it is considered on a par with *he* in (25b), isn't it? If we do this, then we can subsume Chinese ECs under standard Binding Theory without creating any unnecessary problems.<sup>8</sup> On the other hand, the idea of base-generated A'-bound variables inevitably brings up the following difficult question as well: why don't English overt pronouns ([-anaphor, +pronominal]) change their NP type to that of variable ([-anaphor, -pronominal]) when their antecedents are in A'-position? Without any plausible answer to this question, I am inclined to conclude that Chinese ECs are pros and that they are permitted as long as they don't violate the DJR.

Consequently, (7) must only be a way to describe ECs' functions, not a way to categorially determine their NP types in terms of (24); that is, ECs are categorially pros, but they may function as variables. Then, they are the same as overt pronouns after all, which too may function as variables.

Having pointed out theoretical problems with base-generated variables, I would now like to offer my view on Chinese ECs in the following section.

### Point of View

So my view on Chinese ECs is that they are pros, and as such, they can be A- or A'-bound, just like overt pronouns. As for the determination of their referents, it must be done pragmatically. In this section, I will present reasons for my view, which are mainly based on the notion of "point of view" (e.g. Blake 2008), often found in discussions about information structure.

Blake (2008:108) points out that "[t]here is an association between subject and what we might call 'point of view'." For example, when a passing motorist runs over the family pet, we would usually describe the event "from the point of view of the familiar victim and make that victim the subject of the sentence" (ibid.) For this reason, the passive sentence in (28a) sounds more natural than the active counterpart in (28b).

(28) (= Blake's (a) and (b) on page 108)

a. Flossie's been run over by a car.

b. A car has run over Flossie.

With this in mind, consider (3) again, which is repeated here as (29).

(29) Zhangsan shuo [e bu renshi Lisi].

'Zhangsan said that [he] did not know Lisi.'

<sup>8</sup> As far as Condition B is concerned, that is. Condition A as generally understood cannot be valid in Chinese, because of the binding facts discussed in section 2.3.

The referent of the subject EC in (29) is said to be ambiguous between *Zhangsan* and someone else in the discourse. In reality, however, interpreting the EC as referring to someone other than *Zhangsan* is very difficult, unless a special context is provided. This fact can readily be explained by our tendency to take the viewpoint of the subject *Zhangsan*, which naturally leads us to assume that the unexpressed subject of the embedded clause is also *Zhangsan*.

This tendency becomes even stronger with verbs like *xiwang* 'hope,' which expresses the desire of the subject; see (30) (= Huang's (22a)).

- (30) Zhangsan xiwang [e keyi kanjian Lisi].  
           Zhangsan hope                    can        see                                    Lisi  
           'Zhangsan hopes he can see Lisi.'

According to my informants, the interpretation of the EC as referring to *Zhangsan* is so strong that they don't even feel there is another subject in the embedded clause of the sentence. Furthermore, replacing *Zhangsan* with *wo* 'I' makes it virtually impossible to interpret the EC as referring to someone other than *wo*:

- (31) Wo xiwang [e keyi kanjian Lisi].  
           'I hope that I can see Lisi.'

In order to get any other reading (if at all possible), strong pragmatic help is definitely needed. This human tendency to take subject's viewpoint also explains why it is difficult to interpret the object EC in (23a) as referring to *Zhangsan*. (23a) is repeated below as (32).

- (32) Zhangsan shuo [Lisi bu renshi e].  
           'Zhangsan<sub>i</sub> said that Lisi did not know [him<sub>i</sub>].'

First of all, the possibility of coindexing the EC with *Lisi* is structurally precluded, owing to the DJR. Here, we take the viewpoint of *Zhangsan* and interpret the object EC as referring to someone else. This is expected, since the unmarked case is that the referent of a subject is different from that of an object, especially in a single clause, which is what the DJR is all about. It is structurally possible, however, for the object EC in the embedded clause to refer to the subject of the main clause (as we see shortly), but without special semantic/pragmatic help, we still expect the EC's referent to be different from that of the main clause subject.

However, as we already noted, Huang provides (23b), repeated as (33) below, and argues that the object EC in (32) has to be a variable that refers to a discourse topic, but never a pro. If it were a pro, then it too should have the feature specification of [-anaphor, +pronominal] just like *ta* in (33) and should be able to refer to *Zhangsan* as well, contrary to fact.

- (33) Zhangsan shuo [Lisi bu renshi ta].  
           'Zhangsan<sub>i</sub> said that Lisi didn't know him<sub>i</sub>.'

The point is well taken, but what is observed in (33) is actually a matter of pragmatics. It should be noted here that unlike ECs, which are totally silent, overt pronouns do have some specifying power; they exhibit information about person and number (i.e. "interpretable  $\phi$ -features" (Chomsky 2000)). In fact, we can interpret *ta* in (33) as referring to *Zhangsan* with some certainty, because it matches *Zhangsan* in both person (third person) and number (singular) — provided that the sentence is uttered without any previous discourse. Then, *Zhangsan* is the only matching nominal available for *ta* to refer to. (Owing to the DJR, *Lisi* cannot be its referent.) Actually, Huang himself recognizes the special status of utterances made without any previous discourse; he writes: "If [...] someone suddenly opens the door and says [(29)], there is no difficulty in assuming that the EC refers to *Zhangsan*" (Huang 1984:539). This is naturally expected from the notion of point of view. However, in other contexts, it is never guaranteed, which is why Huang himself claims that the subject EC in question can also be a variable. Likewise, *ta* in (33) can also refer to someone other than *Zhangsan* when there is previous discourse. Suppose someone asks, "Who said Lisi didn't know John?" or "Who said who didn't



Before closing this paper, I would like to point out a similarity between my view on the determination of an EC's referent in Chinese and Manzini's (1983) view on the determination of a PRO's referent in English. In fact, Huang agrees with Manzini in that "[t]he choice between subject and object as the controller of an empty pronominal seems largely determined by pragmatic factors" (1984:553). (36) and (37) (= Huang's (63) and (64), respectively) are the relevant examples.

(36) a. John<sub>i</sub> promised Bill [PRO<sub>i</sub> to come].  
Bill<sub>i</sub> [PRO<sub>i</sub> to come].

b. John promised Bill<sub>i</sub> [PRO<sub>i</sub> to be allowed to come].  
Bill [PRO<sub>i</sub> to be allowed to come].

(37) a. John asked

b. John<sub>i</sub> asked

In (36a), the meaning of the verb *promise* leads us to interpret the PRO as referring to *John*. (Logically speaking, John can only promise something that he, but not anybody else, will do.) Likewise, in (37a), the meaning of *ask* leads us to assume that the PRO refers to *Bill*. (If John were the one to come, he wouldn't have to ask anybody.) However, passivization changes the point of view of the event described by the bracketed clause, and the referent of the PRO changes accordingly, as in (36b) and (37b). Therefore, it is not accurate to categorize *promise* and *ask* as subject-control predicate and object-control predicate, respectively (e.g. Radford 1988). The syntax of these verbs allows both types of control, and choosing one over the other is a matter of semantics/pragmatics. Thus, the proposed analysis of Chinese ECs above seems to receive a piece of UG support from the grammar of English.

## References

- Aoun, Joseph. 1984. A significant generalization in Chinese. In *Sentential complementation*, ed. Wim de Geest and Yvan Putseys, 11–21. Dordrecht: Foris.
- Blake, Barry J. 2008. *All about language*. Oxford: Oxford University Press.
- Chomsky, Noam. 1976. Conditions on Rules of Grammar. *Linguistic Analysis* 2, 303–351.
- Chomsky, Noam. 1981. *Lectures on government and binding*. Dordrecht: Foris.
- Chomsky, Noam. 1982. *Some concepts and consequences of the theory of government and binding*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Huang, C.-T. James. 1984. On the distribution and reference of empty pronouns. *Linguistic Inquiry* 15, 531–574.
- Lee, Patrick Chi-wai. 2018. Anaphoric object drop in Chinese. In *Order and structure in syntax II: Subjecthood and argument structure*, ed. Michelle Sheehan and Laura R. Bailey, 329–338. Berlin: Language Science Press.
- Liu, Chi-ming Louis. 2017. "Subjectless" sentences and TP-ellipsis. *University System of Taiwan Working Papers in Linguistics* 9, 125–155.
- Manzini, Maria Rita. 1983. On control and control theory. *Linguistic Inquiry* 14, 421–446.
- Postal, Paul Martin. 1971. *Cross-over phenomena*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Radford, Andrew. 1988. *Transformational grammar: A first course*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Reinhart, Tanya. 1983. Coreference and bound anaphora: A restatement of the anaphora questions. *Linguistics and Philosophy*, 6(1), 47–88.
- Ross, John Robert. 1986. *Infinite syntax*. Norwood, N.J.: ALEX.
- Yang, Barry C.-Y. 2010. Null subject revisited. In *Proceedings of North American Conference on Chinese Linguistics* 22, 408–460.
- Zhang, Jinghua. 2016. Cross-linguistic variations of pro licensing conditions. *Journal of Language Teaching and Research* 7, 499–504.

## Analisis Struktur Kompleks Bahasa Melayu Berdasarkan Role And Reference Grammar (RRG)

Oleh

**Maslida Yusof**

Universiti Kebangsaan Malaysia

maslida@ukm.edu.my

### Abstrak


Makalah ini meneliti binaan kompleks bahasa Melayu berdasarkan Teori *Role and Reference Grammar* (RRG). Dalam RRG, struktur klausa diteliti berdasarkan struktur berlapisan klausa (SBK) iaitu binaan klausa terdiri daripada lapisan paling kecil/dalam nucleus (NUK) yang terdiri daripada predikat, diikuti lapisan inti yang mengandungi predikat dan argument dan lapisan paling luar iaitu klausa yang mengandungi inti dan sipian. Berdasarkan struktur ini, maka ayat boleh mengandungi lebih daripada satu klausa, lebih daripada satu inti dan juga lebih daripada satu nukleus untuk membentuk binaan kompleks dalam bahasa. Binaan kompleks boleh berlaku pada level klausa, level inti dan level nucleus. Level di mana perkaitan berlaku (klausa, inti, nucleus) dirujuk sebagai level bagi jungtur (juncture), maka berdasarkan perkaitan ini kita dapat memperoleh jungtur klausa apabila klausa bergabung, jungtur inti dan jungtur nucleus. Dalam kerangka RRG, binaan ayat kompleks dijelaskan berdasarkan unit-unit yang terlibat dan hubungan antara unit-unit tersebut. Sebagaimana dengan kes ayat mudah, nucleus (predikat), inti (predikat + argument) dan klausa (predikat+ argument + bukan argument) mengkonstitute binaan blok utama dalam binaan kompleks. Sehubungan dengan itu, dalam meneliti struktur ayat kompleks Bahasa Melayu, dua persoalan akan dijelaskan iaitu (i) Pada level manakah hubungan antara unit-unit (klausa, inti, nucleus) itu berlaku? dan (ii) Apakah jenis hubungan antara unit-unit ini. Dengan menggunakan data korpus Bahasa Melayu, kajian ini akan menjelaskan bentuk-bentuk hubungan binaan kompleks dan juga jenis-jenis hubungan antara unit-unit dalam membentuk binaan kompleks Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Binaan kompleks, Teori *Role and Reference Grammar*, Struktur Klausa, Struktur Berlapisan Klausa (SBK) dan Jungtur

### PENGENALAN

Role and Reference Grammar (RRG) merupakan teori yang monostrata yang mengemukakan hanya satu tahap representasi sintaksis iaitu bentuk sebenar bagi ayat. Van Valin (2005) menyatakan bahawa nama bagi teori ini terbit daripada penekanan kepada interaksi bagi faktor peranan (semantik) dan faktor rujukan (pragmatik) dalam sistem gramatikal. Dengan demikian RRG cuba menganalisis bahasa dengan rujukan kepada peranannya dalam komunikasi manusia. Oleh itu, analisis bahasa melibatkan interaksi hubungan antara morfosintaksis dengan fungsi komunikasi.

Dalam RRG, representasi sintaksis yang diistilahkan sebagai struktur berlapisan klausa (SBK) mengandungi unjuran konstituen dan unjuran operator. Unjuran konstituen bagi SBK merupakan representasi komponen-komponen ayat yang membentuk konstituen. SBK merupakan pembentukan unit dalaman ayat yang dipanggil sebagai 'lapisan' (layers). 'Lapisan' ini merujuk kepada NUKLEUS (NUK) yang mengandungi predikat (biasanya kata kerja). Elemen predikat tidak semestinya mengandungi kata kerja, predikat boleh terdiri daripada elemen predikat yang lain seperti kata preposisi, kata adjektif atau kata nama. dan INTI (CORE) yang mengandungi nukleus dan argumennya (ditentukan oleh semantik kata kerja) dan klausa. Berikut merupakan contoh representasi bagi ayat mudah Bahasa Melayu.



Namun, lazimnya dalam komunikasi, kita akan menggunakan ayat-ayat yang lebih kompleks. Dengan kata lain, ayat boleh mengandungi lebih daripada satu klausa, lebih daripada satu inti dan lebih daripada satu nukleus untuk membentuk struktur yang lebih kompleks. Binaan kompleks boleh berlaku pada level klausa, level inti dan level nucleus (Van Valin, 2005). Level di mana perkaitan berlaku (klausa, inti, nucleus) ini dirujuk sebagai level bagi jungtur (juncture) maka berdasarkan perkaitan ini kita dapat memperoleh jungtur klausa apabila klausa bergabung, jungtur inti dan jungtur nucleus sebagaimana ditunjukkan berikut; .

- |  |                 |
|--|-----------------|
| a. [INTI...[NUC...]....+...[NUC...]....]       | Jungtur Nukleur |
| b. [KLAUSA...[INTI...]....+...[INTI...]....]   | Jungtur Inti    |
| c. [AYAT...[KLAUSA...]....+...[KLAUSA...]....] | Jungtur Klausa  |

(Van Valin 2005: 188)

Sehubungan dengan itu, dalam perbincangan tentang binaan kompleks Bahasa Melayu, kertas ini akan menjelaskan dua perkara berikut iaitu

- i. Pada level manakah unit-unit klausa, inti dan nuclear berkaitan?
- ii. Apakah jenis hubungan antara unit-unit tersebut?

(i) Level perkaitan

Binaan ayat boleh terdiri daripada pelbagai klausa, inti dan nucleus atau kombinasi daripada unit-unit tersebut. Level hubungan antara klausa, inti dan nucleus dikenali sebagai level jungtur. Dengan itu kita boleh memperoleh jungtur klausa apabila klausa bergabung, jungtur inti dan jungtur nucleus. Menurut Van Vali (2005), jungtur merujuk level di mana sesuatu perkaitan (linkage) itu berlaku.

### LEVEL KLAUSA

Binaan jungtur klausa mengandungi dua (atau lebih) klausa bebas yang masing-masing klausa mempunyai argumennya. Mengikut RRG, dalam sesetengah keadaan, jungtur klausa boleh dihubungkan dengan PENANDA PENGHUBUNG KLAUSA (Clause Linkage Markers) seperti kata penghubung dan, atau tetapi sebagaimana contoh 1 di bawah.

1. ... Perdana Menteri untuk memajukan negara ini dan membawa rakyat ke alaf baru secara ... ( sumber:Maznah Darus; Azmi Md Deros; Ahmad Fauzi Mustafa; Shamsul Kamal Amarudin;. Kabinet baru disifatkan bertenaga. Nasional, 1999)<sup>9</sup>

<sup>9</sup> Data/contoh-contoh ayat kajian ini diambil daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)



2. Siapa yang membimbing Pena Mutiara menulis cerpen *dan* puisi? (Sumber: Hassan Omar. `Surat Pembaca didik saya jadi penulis'. Sastera dan Budaya, 2004)
3. ... ketika, saya malas untuk ke sekolah *tetapi* dipaksa oleh kedua-dua orang tua saya," ... Masyarakat orang asli lahirkan golongan intelektual.(Sumber: Gaya Hidup, 1997)
4. Memperkatakan sesuatu adalah mudah *tetapi* melaksananya adalah sukar! (Sumber: Noraini Ahmad. Isteri kecewa, suami tidak dapat bezakan kasih sayang. Psikologi, 2001)

Dalam binaan jungtur klausa, jungtur berlaku pada level klausa.

5. Kebanyakan mereka adalah pengembala kambing *dan* tinggal di bawah khemah di tengah ... Mustapa Omar. Petra pilihan penerbit filem Hollywood. Nasional, 2000
6. Bapa saya telah meninggal dunia *dan* beliau meninggalkan harta alih seperti wang ... (Sumber: Wasiat. Surat Pembaca, 2003)

Dalam ayat 5-6 di atas, setiap predikat mempunyai argumennya sendiri yang bersama membentuk satu ayat. Kata *dan* ialah kata hubung yang juga menandakan argument tunggal bagi predikat dalam klausa kedua.

### LEVEL INTI

Ayat yang mempunyai lebih daripada satu inti di dalam satu klausa dianggap lebih kompleks. Dalam binaan ini, , inti mempunyai nukleus dan juga mempunyai argumennya sendiri. Dengan perkataan lain, binaan kompleks level inti terdiri daripada satu klausa dengan dua inti.

7. ... (klinik) Bahagian Ibu dan Kanak-kanak DBKL memberitahu setiap ibu mestilah cuba menyusukan anak ... (Sumber:NONA 1 - 15 OKTOBER 1992. Wanita, 1992)
- 8.... Jeneral Kiki Syahnakri merayu kepada mereka supaya bertenang. (Penduduk Cina di Bali cemas. Global, 2000)
- 9.... Pulau Pinang menggesa semua pekerja terbabit supaya tampil mengemukakan aduan terhadap majikan mereka ... (Norfatimah Ahmad. Lebih 800 pekerja Tongkah Electronics diberhenti. Nasional, 2001)
- 10.... beliau tidak akan membantah sebarang desakan supaya meletakkan jawatan dengan syarat ia ... (Laporan BSKL). Ekonomi, 1998

Dalam ayat jungtur inti sebagaimana diperlihatkan dalam contoh 7-10, dua inti berkongsi satu argument. Apa yang dimaksudkan ialah argument muncul dalam representasi semantik bagi kedua-dua predikat tetapi hanya muncul sekali dalam sintaksis. Dalam ayat (7), *setiap ibu, mereka dan semua pekerja* ialah argument yang dikongsi bersama oleh kata kerja memberitahu- cuba, merayu-bertenang dan menggesa-mengemukakan. Dari segi semantikanya, *setiap ibu, mereka dan semua pekerja* adalah pengalami kepada kata kerja memberitahu, merayu dan menggesa dan actor kepada kata kerja cuba, bertenang dan mengemukakan walaupun *setiap ibu, mereka dan semua pekerja* hanya diungkapkan sekali sahaja dalam sintaksis. Dalam (10) pula, *beliau* adalah argument yang dikongsi dalam kedua-dua predikat membantah – meletakkan jawatan .

- 7a. ... [(klinik) Bahagian Ibu dan Kanak-kanak DBKL memberitahu *setiap ibu*]<sub>INTI</sub> [mestilah cuba menyusukan anak ...]<sub>INTI</sub>
- 8.... [Jeneral Kiki Syahnakri merayu kepada mereka]<sub>INTI</sub> [supaya bertenang].<sub>INTI</sub>  
(Penduduk Cina di Bali cemas. Global, 2000)
- 9....[ Pulau Pinang menggesa semua pekerja terbabit] [supaya tampil mengemukakan aduan terhadap majikan mereka ...] (Norfatimah Ahmad. Lebih 800 pekerja Tongkah Electronics diberhenti. Nasional, 2001)
10. [... beliau tidak akan membantah sebarang desakan] [supaya beliau meletakkan jawatan dengan syarat ia ...] (Laporan BSKL Ekonomi, 1998)

### LEVEL NUKLEAR

Dalam ayat yang mempunyai lebih daripada satu nucleus, nuclei bergabung untuk membentuk jungtur nukleus dengan satu set argument mengungkapkan satu peristiwa yang kompleks. Ayat dengan dua nuclei lazimnya (bukan selalu) digunakan untuk mengungkapkan peristiwa kausatif (Pavey, E, 2010). Sebagai contoh, dalam ayat di bawah di mana penyempurnaan kausatif diungkapkan dengan menggunakan dua nuclei, iaitu dua predikat *pushed* dan *open*.

Kerry [pushed]<sub>NUC</sub> [open]<sub>NUC</sub> the door.

[do' (Kerry, [**push**' (Kerry,door))] CAUSE [BECOME **open**' (door)]

(Sumber: Pavey, E, 2010)

Dalam ayat (12), argument *Kerry* dan *the door* ialah argument sintaktik bagi nucleus kompleks *pushed open*. Dalam bahagian berikutnya, kita lihat binaan kompleks level nuklear dalam data bahasa Melayu.

11. Apakah pelakon mencuba memperbaiki diri? (Sumber: Anti-Klise. Pengusaha filem kejar untung. Surat Pembaca, 1998)

12. Selama 10 tahun Raja Spartan mencuba merampas kembali permaisurinya tetapi gagal hinggalah ... (Sumber: Hasliza Hassan. Istanbul abadikan banyak peninggalan tamadun dunia. Sejarah, 2005)

13. ... dalam Perhimpunan Agung Umno, menyebabkan kerajaan mencuba menahannya mengikut ISA. (Sumber: Ibrahim Libya sembunyi lebih sebulan: Saksi. Nasional, 2002)

11a. Apakah *pelakon* [mencuba]<sub>NUK</sub> [memperbaiki diri]<sub>NUK</sub>

12a. Selama 10 tahun *Raja Spartan* [mencuba]<sub>NUK</sub> [merampas]<sub>NUK</sub> kembali permaisurinya tetapi gagal hinggalah...<sub>JINTI</sub>


13a. ... dalam Perhimpunan Agung Umno, menyebabkan *kerajaan* [mencuba]<sub>NUK</sub>[menahannya]<sub>NUK</sub> mengikut ISA.]

Dalam jungtur nuclear, lazimnya elemen-elemen leksikal lain tidak muncul antara dua nuklei, sebagaimana ditunjukkan dalam ayat (11-13) di atas. Binaan jungtur nuclear difahami sebagai merujuk kepada satu peristiwa. Binaan jungtur nucleus juga dianggap sebagai kata kerja bersiri. Dalam bentuk sintaktik, kata kerja bersiri berkongsi sekurang-kurangnya satu argument dan kontituen/membentuk satu klausa sintaksis dan satu intonasi. (Pavey 2010). Binaan kata kerja bersiri (serial verb construction (SVC)) ialah urutan kata kerja yang berperanan sebagai predikat tunggal tanpa penanda koordinasi, subodinasi secara ketara atau apa-apa kebergantungan sintaktik (Aikhenvald dan Dixon, 2006). Binaan kata kerja bersiri juga dianggap secara konsepnya menerangkan satu peristiwa. Definisi lain tetapi hampir sama yang diberikan tentang binaan kata kerja bersiri ialah, struktur sintaktik yang mana dua atau lebih kata kerja diatur seiring untuk membentuk predikat kompleks bagi mengungkapkan satu siri lakuan yang berkait dalam satu klausa (Baker, 1989; Ding et al. 1979; Givon, 2009; Li & Thompson, 1081; Noonan, 1985. Dalam Liang Tao, 2009). Ada tiga ciri utama binaan kata kerja bersiri iaitu; a. kata kerja berkongsi subjek yang sama; b. tiada penanda penghubung untuk menunjukkan hubungan bagi kata kerja-kata kerja tersebut; c. kata kerja adalah di bawah kategori nahu yang sama, contohnya, aspek, dan/atau modality; dan d. kata kerja adalah dalam aturan tetap dengan kepelbagaian hubungan yang berdasarkan semantik kata kerja (Liang Tao, 2009).

Berbeza dengan binaan kompleks level jungtur- inti, argument/ elemen leksikal lazimnya muncul sesuatu di antara kedua-dua predikat tersebut contohnya penanda penghubung klausa supaya sebagaimana dalam contoh-contoh ayat (8-10) di atas dan hanya satu argument sahaja dikongsi antara predikat. Dengan kata lain, argument muncul dalam representasi kedua-dua predikat tetapi muncul sekali sahaja dalam sintaksis. Jungtur inti merujuk kepada urutan peristiwa. Misalnya dalam ayat 7. ... [(klinik) Bahagian Ibu dan Kanak-kanak DBKL memberitahu *setiap ibu*]<sub>JINTI</sub> [mestilah cuba menyusukan anak ...]<sub>JINTI</sub>

Dalam ayat 7, ada dua peristiwa berurutan yaitu memberitahu dan mencuba tetapi dalam binaan komplek jungtur nucleus, ia difahami sebagai satu peristiwa misalnya dalam ayat 11a. .Apakah pelakon [mencuba]<sub>NUK</sub> [memperbaiki diri]<sub>NUK</sub>

Sebagai ringkasan ditunjukkan representasi visual bagi binaan kompleks.




**Jenis hubungan**

Terdapat 3 jenis hubungan yang boleh berlaku pada ketiga-tiga level iaitu koordinasi, subodinasi dan kosubodinasi

**Koordinasi**

Koordinasi melibatkan perkaitan bagi dua atau lebih unit-unit bebas dari jenis yang sama. Maka iainya binaan yang simetri. Bebas tidak bermaksud unit-unit itu boleh berdiri sendiri sebagai uajaran yang lengkap tetapi unit-unit itu mempunyai operatornya sendiri pada setiap level yang ia berhubung. Contoh bagi koordinasi level klausa ialah sebagai ayat (1) yang diulang sebagai ayat (14) ... Perdana Menteri untuk memajukan negara ini dan membawa rakyat ke alaf baru secara ... Koordinasi juga boleh berlaku pada level- level jungtur yang lain.



Representasi konstituen bagi binaan koordinat

**Subodinasi**

Subodinasi melibatkan satu unit berada dalam unit yang lain. Dalam keadaan ini, klausa subodinasi secara strukturnya bergantung kepada klausa utama. Klausa subodinasi biasanya terhad. Terdapat dua

jenis subodinasi. Pertama melibatkan klausa subodinasi (atau inti) yang berfungsi sebagai argument sebagaimana subodinasi inti dalam ayat (15)

(15) [[That he won the competition] ARG came as no surprise to Eric]INTI

Ayat (15) ialah jungtur inti kerana level perkaitannya di level inti. Jenis kedua subodinasi yang juga asimetri melibatkan klausa subodinasi klausa atau inti yang memodifikasikan inti utama sebagaimana contoh ayat (16) iaitu sebahagian daripada frasa preposisi memberi maklumat tentang masa peristiwa itu.

(16) [Nancy saw Dave] INTI [after she left the restaurant] PENERANG

### Kosabodinasi

Binaan kompleks kosabodinasi serupa dengan ayat koordinat dari segi melibatkan dua (atau lebih) unit yang sama dihubungkan bersama dan juga bersifat binaan simetri. Binaan ini juga serupa dengan struktur subodinasi dari segi satu unit itu bergantung kepada unit yang satu lagi. Walau bagaimanapun, dalam struktur kosabodinasi, kebergantungan unit itu adalah terhadap operator. Kedua-dua unit sentiasa berkongsi sekurang-kurangnya satu operator pada level jungtur. Sebagai contoh, dalam binaan kosabodinasi pada level inti, dua inti muncul dan mereka berkongsi sekurang-kurangnya satu operator pada level inti.

(17) ... pegawai pemeriksa dan seorang pegawai pemerhati mesti hadir untuk menjalankan pemeriksaan ... (Sumber: Kadir Dikoh. Prosedur lebih sopan diiktiraf dunia. Nasional, 2006)

KOSABODINASI INTI

(18)... usahawan wanita yang ingin meminjam bank mesti menggunakan nama suaminya.  
(Sumber: Nor Affizar Ibrahim. NPC cadang wanita tembus pasaran global. Wanita, 2003)

### KESIMPULAN

Makalah ini mencuba menjelaskan struktur binaan kompleks dalam bahasa Melayu. Binaan kompleks bukan hanya merujuk kepada ayat-ayat majmuk iaitu ayat yang dihubungkan oleh kata hubung namun binaan kompleks merujuk kepada bilangan predikat yang diterjemahkan sebagai perkaitan nuclei, inti dan klausa.

### Rujukan

- Aikhenvald, A. 2005. Serial verb construction in typological perspective. In Serial verb constructions: *A cross-linguistic typology*. Eds Alexandra Aikhenvald and R.M.W. Dixon, Oxford University Press.
- Liang Tao. 2009. Serial Verb construction in Mandarin Chinese: the interface of syntax and semantics. *Proceeding of the 21st North American conference on Chinese linguistics (NACCL-21)*. Vol. 2. Pg 209-228.
- Pavey, E.L. 2010. *The Structure of Language: An Introduction to Grammatical Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rogayah A. Razak & Norizan Rajak. 2013. Kata Kerja Bersiri Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jilid 13 (2), 179-191.
- Van Valin, R.D. 2005. *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.

## Leksikon yang (Hampir) Hilang Bahasa Minangkabau

Oleh

Reniwati

Jurusan Sastra Minangkabau Fakultas Ilmu Budaya Universitas Andalas

[reniwati.fsua@gmail.com](mailto:reniwati.fsua@gmail.com)

### Abstrak

Sebagai sebuah bahasa, bahasa Minangkabau juga cenderung berubah. Salah satu bentuk perubahan itu adalah hilang atau tidak digunakannya lagi sejumlah leksikon bahasa Minangkabau pada masa sekarang. Dalam makalah ini diungkapkan permasalahan sekitaran leksikon yang (hampir) hilang dalam bahasa ini. Permasalahan yang dijawab dalam makalah ini adalah leksikon apa saja yang (hampir) hilang tersebut dan apa saja faktor yang menyebabkan leksikon itu (hampir) hilang dalam penggunaannya. Untuk menjawab permasalahan ini, penyelidikan dilakukan dengan menggunakan kaedah capak atau temu duga dengan teknik dasar teknik pancing dan teknik lanjutan teknik capak semuka kepada sejumlah ahli masyarakat yang berbeza generasi yang duduk di pinggiran Kota Padang. Hasil analisis data mengungkapkan bahawa banyak leksikon yang (hampir) hilang dalam bahasa Minangkabau masa sekarang ini. Leksikon ini boleh dibahagi kepada dua kelompok. Pertama adalah kelompok leksikon yang boleh dimasukkan ke dalam kelompok leksikon yang hampir hilang dan leksikon tersebut berpotensi akan hilang. Leksikon ini jarang digunakan oleh masyarakat bahasa Minangkabau. Kelompok kedua adalah leksikon yang hilang. Leksikon ini sudah hilang dan tidak lagi digunakan oleh kedua kelompok generasi yang berbeza tersebut. Ada sejumlah faktor yang menyebabkan leksikon tersebut dalam keadaan demikian. Faktor tersebut terbahagi kepada dua, yaitu faktor di dalam bahasa itu sendiri dan faktor di luar bahasa.

**Kata kunci:** leksikon, hampir hilang, hilang, penyebab, bahasa Minangkabau

## PENDAHULUAN

Di Indonesia setidaknya ada dua jenis bahasa yang digunakan, yaitu bahasa daerah dan bahasa kebangsaan. Bahasa serantau digunakan sebagai alat komunikasi keluarga dan aktiviti kebudayaan serantau. Adapun bahasa Indonesia berkedudukan sebagai bahasa nasional dan bahasa negara. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Indonesia menjadi lingua franca bagi bahasawan serantau. Selain sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Indonesia juga berkedudukan sebagai bahasa negara. Dalam kedudukan ini, bahasa Indonesia digunakan dalam peristiwa rasmi negara. Bahasa Indonesia juga menjadi bahasa arahan dalam pertemuan rasmi lainnya. Pentadbiran negeri dan kerajaan juga menggunakan bahasa ini. Dalam penyelenggaraan proses pendidikan di institusi pendidikan, bahasa Indonesia menjadi bahasa pengajaran.

Kedudukan bahasa Indonesia sebagai bahasa kebangsaan, negara, dan bahasa pengajaran membentuk suasana diglosik di tengah masyarakat. Suasana ini dapat memberi kesan negatif terhadap kedudukan dan fungsi bahasa serantau. Penutur bahasa serantau menjadi biasa mendengarkan bahasa Indonesia. Kemudian ia mengembangkan tingkah laku orang-orang tempatan yang menganggap bahasa ini berkkelas kerana ia digunakan oleh penduduk bandar dan orang berpendidikan. Perkembangan seterusnya ialah mereka beralih bahasa. Ada kumpulan masyarakat yang belum baik bahasa Indonesianya, tapi dalam pertuturan sehari-hari tetap menggunakannya. Ada kelompok masyarakat yang sudah meninggalkan bahasa setempat, setiap hari menggunakan bahasa Indonesia. Mereka ini berfikir bahawa dengan menggunakan bahasa Indonesia, mereka lebih mampu memahami pelajaran di sekolah. Orang-orang ini ialah orang-orang yang akan meningkatkan bilangan pengguna bahasa Indonesia dan masa yang sama mengurangkan bilangan penutur bahasa serantau. Mereka berpotensi membawa elemen bahasa Indonesia ke dalam bahasa tempatan. Bahasa Minangkabau adalah salah satu bahasa serantau yang juga mengalami hal ini. Terutama bahasa Minangkabau, pengaruh berpotensi untuk memasuki bahasa serantau dengan mudah. Berdasarkan anggapan ini sudah ada perbendaharaan kata bahasa

Minangkabau yang telah hilang atau diganti dengan kata baru, kata bahasa Indonesia. Kajian masalah ini sangat penting kerana perbendaharaan kata merupakan simbol dari aktiviti, perasaan, dan pemikiran masyarakatnya. Kata juga mencerminkan budaya masyarakatnya. Kemudian masalahnya ialah perbendaharaan kata apa saja yang hilang dan hampir hilang dan apa faktor-faktor yang menyebabkan hilang dan hampir hilangnya perbendaharaan kata tersebut. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah mendeskripsikan medan makna yang mengalami peristiwa bahasa ini dan menjelaskan penyebab peristiwa bahasa tersebut.

Bahasa cenderung berubah kerana masyarakatnya dinamik. Di dalam linguistik ada kajian yang bersifat diakronik. Linguistik diakronik ini mengkaji perkembangan bahasa dari satu tempoh ke tempoh yang lain atau membandingkan antara satu bahasa dengan yang lain (Kridalaksana, 1983:100). Salah satu cabang linguistik, Linguistik Historis Komparatif dalam kajiannya bersifat diakronik. Cabang linguistik yang lain, Dialektologi juga boleh bersifat diakronik jika hasil deskripsi variasi bahasa yang bersifat dialektal tersebut membina bentuk purba. Pengertian linguistik diakronis ini jelas mengesahkan bahawa ada cabang linguistik yang mengkaji sejarah bahasa.

Leksikostatistik merupakan salah satu kaedah dalam cabang Linguistik Historis Komparatif yang mencari tahap hubungan persaudaraan bahasa-bahasa yang dibandingkan. Sudah tentu terdapat instrumen yang menjadi asas perbandingan ini. Instrumen yang dimaksud adalah kosa kata asas. Maksud perbendaharaan kata asas ini adalah sejumlah konsep/kata yang dianggap wujud dalam semua bahasa. Konsep/kata ini merupakan kata-kata yang sangat intim dalam kehidupan bahasa dan sekaligus merupakan unsur yang menentukan hidup matinya suatu bahasa (Keraf, 1984:123). Perbendaharaan kata dasar yang dipakai adalah 200 perbendaharaan kata asas yang disusun oleh Morris Swadesh. Pengisian perbendaharaan kata asas Swadesh ke bahasa Minangkabau menunjukkan bahawa perbendaharaan kata asas bahasa Minangkabau telah berubah. Beberapa perbendaharaan katanya merupakan kata pinjaman. Adanya kata pinjaman ini menunjukkan pula bahawa perbendaharaan kata asas Swadesh dapat digantikan oleh kata baru, kata pinjaman. Bermula dari realiti ini, perubahan bahasa akan lebih besar lagi pada kata di luar perbendaharaan kata asas Swadesh.

Bidang penyelidikan ini berada dalam skop Lexicology. Leksikologi, yakni ilmu yang mempelajari selok-belok kata, menyiasat kosa kata suatu bahasa, baik mengenai pemakaian dan maknanya seperti yang dipakai oleh masyarakat bahasa berkenaan (Usman, 1979: 1). Menurut Chaer (2008: 6), leksikologi bercakap tentang makna leksikal dengan pelbagai aspek dan masalah. Walaupun leksikologi, kajian ini menggunakan instrumen penyelidikan dialektologi yang dikelompokkan di bidang makna. Pengumpulan ini menjadikannya mudah untuk mengetahui bidang makna cenderung berubah dengan cepat.

Salah satu cara untuk mengetahui leksikon yang hilang dan berpotensi hilang adalah dengan membandingkan penggunaan bahasa yang bergerak dari masa lampau ke masa kini (Lyons, 1981). Untuk mengetahui leksikon yang hilang dan berpotensi hilang, dalam kajian ini dilakukan dengan membandingkan leksikon-leksikon yang digunakan oleh penutur dari generasi yang berbeda. Ada tiga generasi yang ditanyakan dalam pengumpulan data, iaitu generasi nenek (Kumpulan I), generasi anak (Kumpulan II), dan generasi cucu (Kumpulan III).

## KAEDAH

Penyediaan data menggunakan kaedah cakap atau temu duga. Teknik asas yang dipakai adalah teknik pancing. Teknik lanjutan adalah teknik cakap semuka (TCS). Dalam aktiviti ini terjadi perbualan secara langsung antara penyelidik dengan informan. Di samping teknik di atas juga digunakan teknik catat dan teknik rakaman. Dalam praktiknya, pengumpulan data akan berlangsung dengan cara mengajukan pertanyaan. Pertanyaan tersebut sudah tersusun dalam bentuk senarai pertanyaan. Data juga diperoleh dari pertanyaan spontan yang diajukan peneliti.

Kaedah yang digunakan dalam analisis data adalah kaedah padan. Kaedah padan yang digunakan adalah metode padan rujukan dan translasional. Kaedah padan rujukan digunakan untuk mengetahui

perbedaan referen yang dirujuk atau yang ditetapkan oleh leksikon. Kaedah padan translasional digunakan dengan alasan karena objek penelitian ini berupa bahasa serantau, sehingga ia memerlukan bahasa yang setara, dalam hal ini bahasa Indonesia. Teknik sas yang digunakan dalam rangka kaedah padan adalah teknik pilah unsur penentu dengan alat penentunya daya pilah yang bersifat mental. Teknik lanjutan yang digunakan adalah teknik hubung banding membedakan.

Populasi penyelidikan ini adalah seluruh leksikon yang hampir hilang atau leksikon yang sudah hilang masyarakat Minangkabau di Bandar Padang. Adapun sampelnya adalah leksikon yang (hampir) hilang masyarakat Minangkabau di Kelurahan Lubuk Begalung Nan 20 Kecamatan Lubuk Begalung. Sebab untuk menentukan Padang sebagai tempat untuk mengumpulkan data adalah karena Padang adalah sebuah bandar. Perubahan bahasa cenderung lebih cepat pada masyarakat bandar. Selain itu, penentuan Lubuk Begalung Nan 20 sebagai sampel tempat bekalan data adalah kerana ramai masyarakatnya masih homogen. Para informan memiliki hubungan zuriat. Mereka adalah ahli keluarga luas sekumpulan *paruik* (orang-orang diturunkan dari ibu/nenek/nenek buyut yang sama). Mereka terdiri daripada generasi yang berbeza. Di samping itu, kelurahan ini berada antara bandar kota dan pinggir bandar.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa leksikon yang (hampir) hilang pada beberapa medan makna. Berikut adalah penjelasannya.

### Sifat

Sifat yang dimaksudkan di sini adalah sifat manusia. Banyak sekali sifat yang berhubungan dengan manusia. Berikut adalah contoh hasil kajian.

#### *Angik*

*Angik* menggambarkan aroma badan orang selepas orang tersebut terbakar panas matahari. Kata ini termasuk kelas kata sifat. Kata ini biasanya ditujukan kepada anak-anak. Kerana bermain untuk masa yang lama di siang hari ketika matahari sedang terik, bau badan mereka menjadi *angik*. Kata ini berpotensi hilang kerana banyak kanak-kanak kini jarang bermain di luar rumah. Malah dengan sistem pendidikan sekarang, mereka kehilangan masa untuk bermain. Masa bermain mereka dipenuhi dengan kerja rumah atau mengikuti pelajaran di luar sekolah. Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti di bawah ini:

Jauh-jauh dari den. *Angik* badan ang.

'Tolong menjauh dari saya. Badanmu bau panas.'

#### *Penyek*

Perkataan ini adalah kata sifat. Perkataan ini digunakan untuk menggambarkan keadaan objek yang pada asalnya mempunyai ketinggian tertentu, kerana ditimpa oleh sesuatu yang agak berat membuat penurunan ketinggian. Leksikon ini berpotensi hilang kerana periuk kini tebal sehingga tidak mudah *penyek* jika ia ditimpa objek lain. Contoh dalam ayat:

La, lah *penyek* se pariuak awak dek bakaduduakan.

'Periuk saya jadi gepeng kerana diduduki.'

### Kegiatan

Aktiviti yang dimaksudkan di sini adalah sesuatu yang dilakukan.

#### *Carah*

Perkataan ini adalah kata kerja yang menggambarkan pekerjaan membelah kayu. Kayu yang dibelah ini menjadi kecil-kecil. Kata ini jarang digunakan kecuali bagi keluarga yang masih menggunakan kayu untuk masak makanan. Masak dengan kayu bakar ini hanya dilakukan di kampung-kampung yang berbukit atau hutan. Orang beralih menggunakan kompor untuk memasak. Contoh dalam ayat:

*Carah* kayu ko. Amak ka masak.

'Belahlah kayu ini. Ibu mau masak.'

#### *Diang*

Kata kerja ini bermakna membakar makanan dari jarak yang agak jauh. Tujuan aktiviti ini dilakukan bukan untuk mematangkan makanan, melainkan hanya untuk membuang bulu-bulu halus atau lilin yang ada pada benda tersebut atau hanya sekedar memanaskannya. Kata ini juga berpotensi hilang karena ramai orang tidak lagi melakukan kegiatan diang. Sebagai contoh, orang lebih suka membawa nasi atau makanan menggunakan tempat nasi produksi pabrik daripada daun pisang. Pada hal dengan menggunakan daun pisang, makanan menjadi wangi dan tahan lama. Orang juga berkurang berobat ke tukang urut. Mereka memilih berobat ke rumah sakit. Salah satu media pengobatan tradisional adalah daun atau batang anak pisang yang didiang, lalu dilekatkan atau disapu ke bagian badan yang terkena. Contoh dalam ayat:

*Diangan* daun tu bia nak lunaknyo!  
'Panaskan daun itu di atas kompor agar menjadi layu.'

### *Kuih*

Kata kerja ini bermakna menggigit makanan dengan menggunakan semua gigi depan bersama-sama. Biasanya yang dikenai oleh kegiatan ini adalah buah mangga sejenis kuini. Mangga ini mengandung banyak serabut pada dagingnya sehingga ia memerlukan usaha juga ketika memakannya langsung dengan menggunakan gigi. Jenis mangga ini jarang dijual di pasar. Kalau dulu, batang kuini banyak. Sekarang, pokok ini banyak ditebang untuk membuka usaha lain: toko atau kedai. Pokok ini juga menjadi mangsa pengembangan bangunan. Selain itu, kehadiran mangga lain, dari daerah lain, lebih manis dan enak ramai dijual orang. Akhirnya, *kuini* tidak dipilih orang.

Nde, gadang *kuih* ang lai. Tinggaan lo den.  
'E, potonganmu besar sekali. Sisihkan untukku.'

## Kata Sapaan

Kata sapaan adalah kata yang digunakan untuk menyapa atau menegur orang.

### *Anduang*

Kata ini digunakan untuk menyapa perempuan yang memiliki hubungan kekerabatan dengannya. Hubungan yang dimaksud ialah hubungan antara cucu dengan nenek. Kata ini mulai diganti dengan kata *nenek* atau *oma*. Cucu hari ini memanggil neneknya dengan kedua-dua kata sapaan ini. Berikut ini adalah contoh penggunaannya dalam ayat.

*Anduang* kami lai sehat-sehat sajo.  
'Nenek kami sihat.'

### *Cetek*

Kata ini termasuk kata sapaan yang ditujukan kepada saudara perempuan ibu. Kata ini berasal dari *Ci Etek*. Kata ini bersinonim dengan *Etek*. Kedua-duanya terutama *cetek* mulai jarang digunakan kerana terdapat perkataan lain yang menggantikan kata tersebut, iaitu *tante*. Berbeda dengan *cetek*, kata *tante* digunakan untuk semua saudara perempuan ibu sama ada dia itu adik atau kakak ibu. Berikut ini contoh penggunaannya dalam ayat:

Lah lamo awak ndak basuo jo *Cetek*.  
'Kita sudah lama tidak bertemu dengan Cetek.'

## Bagian Rumah dan Perabotan Rumah Tangga

Kata yang termasuk kelompok ini adalah kata dan istilah yang menjadi presentasi dari konsep rumah beserta isinya serta perabotan rumah tangga yang digunakan dalam aktiviti harian dalam rumah tangga.



### *Biliak Spen*

Kata nama ini berupa bilik yang terletak di bahagian depan rumah. Rumah yang memiliki bilik ini berbentuk segi empat yang memanjang ke arah belakang. Di hadapan bilik ini ada ruang tamu. Bilik ini biasanya diduduki oleh anak bujang. Rumah yang berrks seperti ini mulai berkurang kerana sudah lapuk dan kemudian dirobuhkan dan digantikan dengan bangunan tetap yang baru .

*Biliak spen* ko ka diseoan.  
'BIIk ini mau disewa.'

### *Kakuih*

*Kakuih* adalah tempat membuang air besar. Sebelum seseorang membuat tandas di bilik mandi, orang membuat tempat buang air besar di luar rumah, biasanya di belakang rumah. Kata ini jarang sekali digunakan. Malah, bagi rumah yang baru dibina, penghuninya tidak menggunakan kata ini lagi. Berikut contoh penggunaan kata ini dalam ayat:

Sia dalam *kakuih*?  
'Siapa yang ada dalam tandas?'

### *Pagu*

*Pagu* adalah bagian dari rumah yang berupa ruang lepas di atas *loteang* 'plafon', Tempat boleh menjadi tempat untuk menyimpan barang yang sudah tidak digunakan lagi. Sekarang orang jarang meletakkan barang di tempat ini. Barang-barang ini diletakan di ruang lain bahkan kecenderungan rumah baru menyediakan tempat khusus, namanya ruang gudang. Contoh penggunaannya dalam ayat:

Latakan ka *pagu* buku ko.  
'Letakan ke pagu buku ini,'

### *Pasu*

*Pasu* adalah nama dari peralatan dapur yang terbuat dari kayu, bentuknya bulat, berlubang dengan diameter hampir seukurannya yang biasanya digunakan untuk memerah kelapa untuk dijadikan santan. Perlengkapan dapur ini jarang dipakai lagi dan sudah diganti oleh *panci* atau *baskom*. Panci terbuat dari zink, aluminium, atau plat. Baskom terbuat dari plastik atau plastik bercampur karet. Leksikon ini hampir hilang dalam penggunaan karena orang yang hidup pada saat ini cenderung menggunakan santan jadi. Contoh penggunaannya dalam ayat:

Ola, lah balah lo *pasu*. Jo a ka marameh santan lai?  
'Ya..., pasu pecah. Pakai apa ya untuk memerah santan?'

### *Sanggan*

Kata ini adalah kata nama. *Sanggan* adalah anyaman dari buluh atau lidi tempat meletakkan barang dagangan. *Sanggan* yang berisi barang dagangan yang berupa bahan dapur atau buah-buahan ini dijujung ke atas kepala. Kemudian, pedagang, kebanyakan nenek-nenek atau datuk-datuk berjalan kaki dan menyorakan dagangannya di sekitar kampung. Objek ini jarang digunakan kerana pedagang sudah menggunakan gerobak, becak, atau motosikal. Contoh penggunaannya dalam ayat:

Tolong angkekan ciek *sanggan* amak, Ti. Ibo awak, Barek.  
'Bantulah nenek ini mengangkat dagangannya, Ti. Kasihan. Berat.'

## Pakaian

### Sitagen

Kata ini termasuk kata benda. *Sitagen* adalah semacam ikat pinggang yang dililitkan ke pinggang agar kain sarung atau kain panjang tidak melorot. *Sitagen* atau *stagen* ini terbuat dari kain dengan lebar sekitar 10 cm dan panjang minimal 3 meter. Orang jarang menggunakan stagen lagi kerana terdapat produk baru yang lebih praktis, iaitu korset. Di samping itu, orang juga jarang memakai kebaya dalam, kebaya pendek, atau baju kurung yang memfungsikan stagen ini. Orang muda termasuk sebagian orang tua tidak memakai kain sarung atau kain panjang lagi pergi berhelat. Berikut contoh dalam ayat:

Guluang *sitagen* amak!  
 “Gulung stagen ibu!”

### Uncang

Kata ini berupa kata nama. *Uncang* adalah tempat meletakkan wang bagi peniaga lelaki maupun perempuan. *Uncang* ini terbuat dari kain berbentuk segi panjang berukuran sekitar 8-10x15-18 cm yang diberi tali panjang. Tali ini dimasukan ke dalam lubang di sekitar bahagian atas uncang. Supaya wang di dalamnya tidak keluar, pemilik hanya menarik tali. Perkataan ini juga boleh bermakna rugi atau tekor. Makna ini masih berkaitan dengan makna terdahulu kerana orang yang *tauncang* berarti rugi atau tekor, tidak ada wang yang akan dimasukkan ke dalam *uncang*. Pedagang masih banyak menggunakan uncang ini. Sebagian mereka tidak menggunakannya lagi. Mereka ini menggunakan dompet sebagai pilihan lain unuk meletakkan wang. Contoh kata ini dalam ayat:

E, lah cabiak *uncang* Amak.  
 ‘E, uncang Amak koyak.’

## FAKTOR PENYEBAB

Faktor penyebab (hampir) hilangnya leksikon dapat bersifat internal dan eksternal. Maksud faktor internal adalah faktor dari dalam bahasa itu sendiri. Misalnya leksikon *angik*, leksikon ini berpotensi hilang kerana perubahan sosial masyarakatnya yang jarang menggunakan leksikon tersebut. Leksikon ini kurang produktif dalam penggunaannya. Lama-kelamaan, leksikon ini boleh tidak produktif lagi. Akhirnya, leksikon ini hilang dalam penggunaan. Bilingualisme masyarakat bahasa Minangkabau yang menimbulkan suasana diglosik boleh membawa pengaruh buruk pada bahasa Minangkabau. Leksikon bahasa Minangkabau berpotensi (hampir) hilang karena digantikan leksikon baru, iaitu leksikon bahasa Indonesia.

Faktor eksternal adalah faktor yang disebabkan oleh perkara di luar bahasa. Kemajuan sains dan teknologi menghasilkan produk yang inovatif, praktis, dan ekonomis. Sebagai contoh, *pasu* merupakan sebuah produk yang terbuat dari kayu dan merupakan karya manual. Produk ini berpotensi hilang kerana produk tandingannya, iaitu panci dan baskom. Produk pabrikaan ini diproduksi secara besar-besaran. Produk ini diedarkan secara meluas dan memasuki pasar tradisonal di kampung terpencil. Hampir semua rumah tangga menggunakannya. Keadaan inilah yang menyebabkan leksikon pasu berpotensi hilang dalam penggunaan. Peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh memberi kesan buruk pada penggunaan suatu leksikon. *Parak* ‘kebun atau ladang’ dan halaman rumah di kota semakin kecil, malah dihapuskan. Di atas tanah tersebut berdiri bangunan yang dianggap lebih mendatangkan keuntungan finansial. Akibatnya, tempat tumbuh kuini dan tumbuhan (langka) lainnya mengecil dan boleh tidak lagi wujud. Keadaan ini membawa kesan negatif pada kekayaan leksikon tumbuh-tumbuhan, contohnya kuini. Makin baik dan lancarnya transportasi dan komunikasi boleh menambah buruknya keadaan penggunaan leksikon buah tersebut beserta buah ranah Minangkabau lainnya. Pasar dibanjiri buah dari luar Sumatera Barat, bahkan buah dari luar negara. Sebagai contoh, *kuini* jarang ditemui di pasar, terutama pasar di bandar. Buah sejenis kuini, seperti Mangga Indramayu, Mangga Golek, dan Mangga Harum Manis mudah didapati di pasar, pasar raya, atau di jalanan. Orang terpaksa membeli buah ini kerana tidak ada pilihan buah tempatan. Di samping itu, rasa buah luar ini lebih enak dan bentuknya juga lebih menggodanya.

## PENUTUP

Sejumlah leksikon sudah dideskripsikan dan dibincangkan di bagian sebelumnya. Dari perbincangan tersebut boleh ditarik simpulan bahwa sebagian leksikon itu dimasukkan ke dalam kumpulan leksikon yang telah hilang dan ada pula dimasukkan ke dalam kumpulan leksikon yang hampir hilang atau berpotensi akan hilang dalam penggunaan oleh masyarakat. Keadaan tersebut disebabkan oleh faktor yang bersifat internal dan eksternal. Kajian ini setidaknya-tidaknyalah telah melakukan usaha dokumentasi. Dokumen tentang leksikon ini menjadi sejarah kehidupan masyarakat Minangkabau setempat yang boleh dipelajari orang muda. Di samping itu, dokumen ini juga boleh memberi inspirasi dalam menumbuhkan kegiatan ekonomi kreatif masyarakat.

### Referensi

- Budiwiyanto, Adi. 2018. "Pendokumentasian Bahasa dalam Upaya Revitalisasi Bahasa Daerah yang Terancam Punah di Indonesia" dalam (<http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/artikel/182/pendokumentasian-bahasa-dalam-upaya-revitalisasi-bahasa-daerah-yang-terancam-punah-di-Indonesia>), diunduh pada tanggal 26 Maret 2018
- Chaer, Abdul. 2007. *Leksikologi dan Leksikografi Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul dan Leonie Agustina. 2010. *Sosiolinguistik: Perkenalan Awal*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Keraf, Gorys. 1984. *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Gramedia.
- Kridalaksana, Harimurti. 1983. *Kamus Linguistik*. Cet. III. Jakarta : Gramedia.
- Lyons, John. 1981. *Language and Linguistics: An Introduction*. New York: Cambridge University Press.
- Reniwati, Meigalia, Hasanuddin. 2010. "Kosa Kata yang (hampir) Hilang". Padang: Universitas Andalas.
- Sudaryanto. 1993. *Metode dan Aneka Teknik Analisis Bahasa*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.
- Usman, Amir Hakim dkk. 1979. "Pengantar Ilmu Kosa Kata (Leksikologi)". Padang: FPBS-IKIP.

## EUFEMISME LEKSIKAL DALAM DIALEK MELAYU MELAKA

Nurul Jannah Shahbuddin, Akhmal Hakim Mohamad  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh

### Abstrak

Kajian ini membincangkan perbandingan eufemisme leksikal dalam dialek Melayu Melaka di kawasan pedalaman dan persisiran laut. Penggunaan bahasa Melayu yang kurang sopan sangatlah menyakitkan hati apabila didengar kerana kebanyakannya berunsur hinaan. Oleh itu, bagi membendung masalah penggunaan perkataan-perkataan tabu, maka wujudlah istilah eufemisme yang mampu mendedahkan kepada pengguna bahasa tentang kehalusan dalam berbahasa. Justeru itu, kaedah wawancara dan temubual dijalankan dengan mengemukakan soalan terbuka kepada informan untuk mendapatkan maklumat tentang dialek yang digunakan oleh mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara dialek Melayu Melaka di kedua-dua buah kawasan yang dikaji. Kajian ini telah membuktikan bahawa dialek Melaka tidaklah terlalu kasar seperti yang ditafsirkan oleh segelintir masyarakat di luar sana. Terdapat sesetengah perkataan dalam dialek Melaka yang dianggap tabu telah ditukarkan kepada perkataan yang lebih sopan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini sewajarnya dapat dijadikan rujukan oleh para pengkaji dan pencinta bahasa Melayu sebagai wadah untuk menyerlahkan salah satu kelompok Melayu yang masih mempertahankan kehalusan bahasa Melayu walaupun dikenali dengan negeri yang berbahasa kasar. Hal ini berikutan kerana, masyarakat Melayu Melaka masih menjaga hati rakan bicara mereka ketika dalam perbualan. Tidak kira generasi tua atau muda, golongan kaya atau miskin, jika sudah namanya Melayu, orang Melayu akan tetap dengan cara hidup Melayu yang sentiasa menjaga tutur kata ketika berbicara.

**Kata kunci:** Tabu, Eufemisme, Leksikal, Dialek, Melaka

### PENGENALAN

Penduduk di kawasan Nusantara merupakan masyarakat yang mempunyai pegangan adat resam yang teguh. Pegangan yang teguh ini menjadikan masyarakat Nusantara antara yang unik sekali dalam kalangan masyarakat global. Masyarakat Melayu yang mendiami kawasan Nusantara merupakan kaum yang unik sekali dari segi bahasa, kesenian dan kebudayaan. Perkara yang paling menonjol dalam diri masyarakat Melayu ialah kesopanan atau kesantunan sama ada dari segi tutur kata atau perbuatan. Kebiasaannya, masyarakat Melayu sentiasa berhati-hati semasa bertutur dengan orang lain agar tutur kata atau percakapan tersebut tidak menyakiti orang lain (Rozali Rajab, 2013). Pengamalan kaum Melayu terhadap budaya sopan santun sememangnya menggambarkan keperibadian Melayu yang luhur dan berbudi pekerti yang tinggi. Setiap kata yang diujarkan merupakan kata-kata sopan meskipun berada dalam situasi yang genting. Perkataan yang tidak sopan seperti perkataan-perkataan tabu sememangnya sentiasa dielakkan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), tabu diertikan sebagai sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali; iaitu yang terlarang, yang diharamkan atau ditegah. Pengertian ini jelas menggambarkan tabu adalah sesuatu perkara yang perlu dielakkan. Secara umumnya, tabu merupakan larangan (S. Nathesan, 2008:6) yang kebiasaannya merujuk kepada sesuatu amalan, perbuatan, pakaian dan seumpamanya. Tabu dalam berbahasa juga wujud dalam kalangan masyarakat dengan merujuk kepada perkataan atau ujaran kurang manis, membawa unsur negatif, lucah dan yang tidak sopan. Sebenarnya, tabu atau larangan dalam penggunaan bahasa sudah diamalkan sejak zaman dahulu. Kendatipun begitu, penggunaan bahasa tersebut amat sesuai berdasarkan konteks zaman dahulu dan tidak menyakiti hati pihak lain. Peredaran zaman telah menjadikan sesuatu perkataan berubah makna dan dikateogrikan sebagai tabu.

Tabu boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu bahasa kasar dan bahasa kesat. Dalam hal ini, bahasa kasar merupakan bahasa yang tidak sopan dan tidak manis dituturkan dalam situasi rasmi (*Indah Budi kerana Bahasa*, 2010:5). Bahasa kasar hanya boleh digunakan dalam situasi tertentu dengan orang yang tertentu seperti teman karib dalam suasana tidak rasmi, bersifat peribadi dan tanpa kehadiran pihak ketiga. Bahasa kesat pula diertikan sebagai tingkatan bahasa paling rendah yang tidak boleh digunakan sama sekali, sama ada dalam situasi rasmi atau tidak rasmi. Penggunaan bahasa ini sangatlah menyakitkan hati apabila didengar kerana kebanyakannya berunsur hinaan. Oleh itu, bagi membendung masalah penggunaan perkataan-perkataan tabu, maka wujudlah istilah eufemisme yang mampu mendedahkan kepada pengguna bahasa tentang kehalusan dalam berbahasa.

Eufemisme didefinisikan sebagai ungkapan yang lebih lembut dan halus untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar (Kamus Dewan Edisi Keempat). Eufemisme merupakan sebuah gaya bahasa yang menunjukkan ungkapan-ungkapan yang santun dan sedap didengar. Lazimnya eufemisme digunakan bagi menggantikan perkataan atau bahasa yang tidak menyenangkan. Teo Kok Seong (1996) yang menyatakan eufemisme ialah perkataan atau frasa yang lebih sopan dan halus sifatnya untuk menggantikan perkataan atau frasa yang dianggap sebagai kasar dan tidak sedap didengari.

Eufemisme atau juga dikenali sebagai penghalusan bahasa adalah salah satu bentuk pemakaian bahasa dalam masyarakat yang sudah semakin lancar penggunaannya. Perkembangan eufemisme berlaku kerana peredaran zaman yang mengharuskan penggunaannya di samping wujudnya pola fikir masyarakat pemakai bahasa yang selalu berubah-ubah. Unsur eufemisme merupakan salah satu kesantunan dalam berbahasa membolehkan seseorang itu berkomunikasi tanpa menyinggung perasaan orang lain. Hal ini kerana ungkapan-ungkapan eufemisme berfungsi dengan cara menggantikan ungkapan-ungkapan yang memiliki konotasi ofensif dengan ungkapan-ungkapan yang positif (Leech, 2003:71). Eufemisme mampu menghasilkan penggantian nilai rasa dalam percakapan dari kurang sopan menjadi lebih sopan.

Apabila seseorang itu mengeluarkan atau mengungkapkan kata-kata yang tidak sopan atau tidak baik, maka ia telah melanggar konsep tabu sesebuah masyarakat itu. Wujudnya eufemisme disebabkan oleh wujudnya tabu dalam bahasa. Eufemisme yang berlatar belakangkan sikap masyarakat, digunakan dalam komunikasi untuk mengelakkan seseorang agar tidak menyakiti atau menyinggung perasaan orang lain. Sekiranya tidak wujud eufemisme, mungkin akan mewujudkan perendahan makna. Oleh itu, fungsi eufemisme amat penting bagi menutup atau menangkis hal-hal tabu tersebut dan sekaligus mewujudkan konsep kesantunan bahasa yang tidak akan menyinggung perasaan pelbagai pihak.

Lumrah masyarakat Melayu untuk sentiasa menitikberatkan cara percakapan atau komunikasi yang bersantun. Malah masyarakat Melayu juga terkenal dengan bangsa yang mementingkan budi bahasa yang tinggi. Malah ajaran Islam dalam masyarakat Melayu mengajar seseorang itu untuk sentiasa mengambil berat tentang isu adab sopan dalam perbuatan dan pertuturan harian juga. Penggunaan kata-kata yang dianggap tabu dalam sesebuah masyarakat diklasifikasikan sebagai perkara yang tidak beradab yang sememangnya bukan sifat dan sikap yang dituntut oleh ajaran Islam.

### OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu:

1. Mengetahui eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut dan pedalaman.
2. Menganalisis eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut dan pedalaman.
3. Membandingkan eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut dengan pedalaman.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi merealisasikan objektif kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual.

### Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini dijalankan oleh pengkaji dengan merujuk kepada sumber-sumber sekunder yang diperolehi daripada laman web, jurnal, perpustakaan, dan buku-buku rujukan. Bahan-bahan yang dirujuk sememangnya daripada sumber yang sahih dan dipercayai bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dan mencapai objektif.

### Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual ini dilaksanakan dengan memilih dua orang informan bagi memberikan maklumat atau data mengenai eufemisme leksikal dalam dialek Melaka. Informan yang dipilih merupakan yang telah lama menetap di Melaka dan bertutur dalam dialek Melaka. Temu bual santai yang dijalankan telah membolehkan pengkaji mengumpul banyak leksikal yang berkaitan untuk kegunaan kajian ini.

### Informan Kajian

#### Puan Sapiah binti Hitam

Puan Sapiah binti Hitam berumur 63 tahun (dilahirkan pada 20 Mac 1954) merupakan anak jati Melaka. Puan Sapiah yang mesra disapa dengan panggilan 'Mak Piah' ataupun 'Nek Piah' tinggal di Kampung Padang Temu (kawasan persisiran laut). Tahap pendidikan Puan Sapiah ialah beliau bersekolah sehingga darjah enam. Puan Sapiah merupakan informan yang paling sesuai dipilih untuk kajian ini kerana menggunakan bahasa Melayu dialek Melaka sebagai alat tutur harian terutama sekali dialek Melaka persisiran laut.

#### Haji Md. Dali bin Jambak

Informan kajian yang kedua ialah Haji Md. Dali bin Jambak yang berumur 77 tahun. Beliau dilahirkan pada 10 Disember 1941 dan berasal dari Kampung Tehel, Jasin, Melaka (kawasan pedalaman). Haji Md. Dali telah menetap di Melaka selama 77 tahun. Beliau pernah bekerja di Jabatan Ukur Malaysia dan kini, telah pun bersara selama 30 tahun. Sekarang beliau melakukan kerja-kerja kampung seperti menoreh getah dan bercucuk tanam. Beliau dipilih oleh pengkaji sebagai informan kerana beliau menggunakan bahasa Melayu dialek Melaka sebagai alat tutur harian dan telah lama menetap di Melaka.

## DAPATAN KAJIAN

Tabu dan eufemisme alat sulit dalam dialek Melayu Melaka

### Perkataan 'pepet'

Perkataan 'pepet' merujuk kepada kemaluan wanita menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Bagi masyarakat Melayu Melaka, perkataan ini boleh menjatuhkan air muka seseorang wanita jika dituturkan dalam perbualan. Maka, perkataan 'pepet' atau 'nonok' ini ditukar kepada perkataan yang lebih sopan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan jadual di bawah.

#### 4.1.1: Jadual tabu dan eufemisme leksikal 'pepet' atau 'nonok' dalam dialek Melaka

Bahasa	Eufemisme	Eufemisme	Contoh ayat	Bahasa	Makna
--------	-----------	-----------	-------------	--------	-------

tabu	leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut		Melayu standard	
Pepet atau nonok	Karipap	Bunga	Duduk kepit sikit. Nampak <b>bunga</b> tu nanti.	Faraj	Kemaluan wanita

Masyarakat Melayu Melaka yang tinggal di kawasan pedalaman menggantikan perkataan ‘pepet’ atau ‘nonok’ dengan ‘karipap’. Bagi masyarakat kawasan persisiran pantai pula, penduduk kawasan ini memilih perkataan ‘bunga’ bagi menggantikan perkataan ‘pepet’ atau ‘nonok’ yang dianggap kasar dan tabu.

### Tabu dan eufemisme hinaan dalam dialek Melaka

#### Perkataan ‘bodoh’

Perkataan ‘bodoh’ dianggap kasar dan biadap dalam dialek Melayu Melaka. Walaupun individu tersebut menuturkannya dengan nada suara yang lembut dan sopan, perkataan tersebut tetap dianggap tabu dan kasar. Oleh itu, perkataan ini tidak bergantung kepada konteks penggunaan atau intonasi suara seseorang ketika menyebutnya. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan ‘bodoh’ bererti tidak mudah mengerti ketika mempelajari sesuatu atau tidak pandai. Justeru itu, perkataan ‘loghos’ atau ‘lughus’ digunakan oleh masyarakat Melayu Melaka bagi menggantikan perkataan ‘bodoh’. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan jadual di bawah.

#### 4.2.1: Jadual tabu dan eufemisme leksikal ‘bodoh’ dalam dialek Melaka

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut	Contoh ayat	Bahasa Melayu standard	Makna
Bodoh	Lughus	Loghos	Dak Ali tu memang <b>loghos</b> sikit oghangnya.	Bodoh	Sukar mengerti dalam mempelajari sesuatu

Perkataan ‘lughus’ atau ‘loghos’ digunakan oleh masyarakat Melayu Melaka bagi menunjukkan makna kurang cerdas atau bodoh. Bagi kawasan pedalaman seperti daerah Jasin, perkataan ‘lurus’ diubah kepada ‘lughus’, iaitu huruf ‘r’ ditukar kepada ‘gh’. Hal ini berbeza dengan masyarakat Melayu Melaka yang tinggal di Melaka Tengah, khususnya kawasan persisiran laut atau pantai. Perkataan ‘lurus’ ditukar kepada sebutan ‘loghos’, iaitu huruf ‘r’ ditukar kepada ‘gh’ manakala huruf ‘u’ diubah menjadi ‘o’. Nada dan intonasi suara ketika menyebut perkataan tersebut juga sedikit kasar dan eras berbanding kawasan pedalaman. Hal ini disebabkan oleh bahasa dan budaya pedagang asing yang telah mempengaruhi cara percakapan dan gaya hidup masyarakat yang tinggal di persisiran laut atau pantai.

#### Perkataan ‘gila’

Penggunaan ‘gile’ bergantung juga kepada konteks ayat dan intonasi suara seseorang itu ketika menuturkannya kerana perkataan tersebut bukanlah tabu mutlak dalam dialek Melayu Melaka. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘gila’ membawa maksud tidak sihat fikiran atau sakit otak. Bagi masyarakat Melayu di Melaka, jika mereka ingin mengatakan bahawa terdapat individu yang kurang waras atau gila, mereka lebih cenderung menggunakan perkataan ‘tak benau’ atau ‘kughang benau’. Perkataan ini lebih halus penggunaannya berbanding ‘oghang gile’.

**Jadual tabu dan eufemisme leksikal ‘gila’ dalam dialek Melaka**

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut	Contoh ayat	Bahasa Melayu standard	Makna
Gile	Tak benau atau kughang benau	Tak benau atau kughang benau	Dak Omau tu memang <b>tak benau</b>	Gila	Orang yang tidak waras dan kurang siuman

Walaupun perkataan ‘gile’ masih digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu di Melaka, namun perkataan ini juga mempunyai eufemisme leksikalnya yang lebih sopan, iaitu ‘tak benau’ atau ‘kughang benau’. Perkataan ‘tak benau’ dan ‘kughang benau’ berasal daripada perkataan ‘tidak benar’ dan ‘kurang benar’ yang membawa maksud ‘tidak betul’. ‘Tidak betul’ yang dimaksudkan oleh masyarakat di negeri ini ialah kurangnya kewarasan akal seseorang.

Tabu dan eufemisme proses dalaman tubuh manusia dalam dialek Melaka

### Perkataan ‘kencing’

Perkataan ‘kencing’ atau ‘kenceng’ yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu di Melaka juga boleh digantikan dengan perkataan lain yang lebih halus dan sopan. Justeru itu, perkataan ‘membese’, ‘buang air’ dan ‘buang air kecil’ digunakan oleh masyarakat Melayu di kawasan pedalaman dan persisiran laut bagi menggantikan perkataan ‘kencing’ yang dianggap kasar dan kurang sopan. Contohnya:

**Jadual 4.3.1: Tabu dan eufemisme leksikal ‘kenceng’ atau ‘kencing’ dalam dialek Melaka**

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut	Contoh ayat	Bahasa Melayu standard	Makna
Kenceng atau kencing	Buang air, membese	Buang air kecil	Jangan minum air banyak-banyak! Kang asyik nak membese je.	Buang air kecil	Perbuatan buang air kecil

Perkataan ‘buang air’ dan ‘membese’ digunakan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman bagi menggantikan perkataan ‘kencing’. Perkataan ‘membese’ disebut oleh masyarakat Melayu di Melaka kerana faktor geografi yang berhampiran dengan Negeri Sembilan. Penutur natif Negeri Sembilan juga menyebutnya dengan perkataan yang sama, iaitu ‘membese’ yang membawa maksud perbuatan membuang air kecil.

### Tabu Dan Eufemisme Leksikal Gelaran Dalam Dialek Melaka

#### Perkataan ‘laki-bini’

Perkataan ‘laki’ atau ‘bini’ yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Melaka mempunyai eufemisme leksikalnya yang unik dan tersendiri serta dapat difahami oleh masyarakat setempat. Terdapat beberapa buah kawasan di negeri Melaka yang tidak menggunakan perkataan ‘bini’ kerana kedua-dua perkataan tersebut dianggap kasar dan kurang sopan. Hal ini demikian kerana ‘bini’ dianggap sebagai perkataan yang boleh menyentuh hati kaum wanita, terutamanya yang telah bergelar



isteri. Justeru, perkataan tabu ini ditukar kepada perkataan yang lebih sopan dan halus iaitu ‘kawan’. Contohnya:

**Jadual 4.4.1: Tabu dan eufemisme leksikal ‘Laki’ atau ‘Bini’ dalam dialek Melaka**

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut	Contoh ayat	Bahasa Melayu standard	Makna
Laki atau Bini	Kawan	Kawan	Mana <b>kawan</b> awak? Tak bawa datang sini ke?	Suami atau isteri	Gelaran untuk suami atau isteri

Masyarakat Melayu di Melaka menggunakan perkataan ‘kawan’ untuk menunjukkan bahawa perempuan tersebut merupakan isterinya ataupun lelaki tersebut merupakan suaminya. Perkataan ‘kawan’ lebih mesra, sopan dan halus berbanding ‘laki’ dan ‘bini’. Perkataan ‘kawan’ digunakan oleh masyarakat Melayu di Melaka untuk menggambarkan hubungan yang rapat dan mesra antara suami dan isteri.

### Tabu Dan Eufemisme Leksikal Perbuatan Dalam Dialek Melaka

#### Perkataan ‘bongkau’

Masyarakat Melayu di Melaka tidak menyebut perbuatan pulang sebagai ‘bongkau’. Mereka merasakan bahawa perkataan ‘bongkau’ adalah tidak sopan. Justeru, mereka menukar perkataan ‘bongkau’ menjadi ‘beghanso’. Contohnya:

**Jadual 4.5.2: Tabu dan eufemisme leksikal ‘bongkau’ dalam dialek Melaka**

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran laut	Contoh ayat	Bahasa Melayu standard	Makna
Bongkau	Beghanso	Beghanso	Aku <b>beghanso</b> dulu ye.	Pulang	Pergi ke tempat asal atau rumah

Perkataan ‘beghanso’ digunakan oleh masyarakat Melayu Melaka bagi menunjukkan hasrat ingin pulang ke rumah. Penduduk di daerah pedalaman dan persisiran laut merasakan perkataan ‘bongkau’ adalah kasar. Oleh itu, mereka menukar penggunaan perkataan ‘bongkau’ kepada ‘beghanso’. Ejaan sebenar bagi perkataan ‘beghanso’ adalah ‘beransur’. Namun, perkataan ini diubah ejaannya dengan menukar huruf ‘r’ kepada ‘gh’.

Tabu dan eufemisme ‘kematian’ dalam dialek Melaka

#### Perkataan ‘mati’

Kata ‘mati’ bukanlah tabu dalam dialek Melayu Melaka. Penggunaan ‘mati’ bergantung juga kepada konteks ayat dan intonasi suara seseorang itu ketika menuturkannya. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘mati’ membawa maksud tidak bernyawa lagi. Perkataan ini boleh menjadi kasar dan tabu jika digunakan dalam keadaan marah atau ingin meluahkan rasa ketidakpuasan hati penutur terhadap lawan tuturnya. Perkataan ‘mati’ yang terdapat dalam dialek Melayu Melaka juga mempunyai sinonimnya, iaitu ‘mampos’ (mampus), ‘dah kojol’, ‘dah kiok’, dan ‘dah gol’ (sudah mati).

Kebiasaannya, perkataan ‘dah kojol’, ‘dah kiok’, dan ‘dah gol’ digunakan khas untuk haiwan yang sudah tidak bernyawa lagi.

Perkataan ‘mati’ dan ‘mampos’ yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Melaka mempunyai eufemisme leksikalnya yang unik dan tersendiri serta dapat difahami oleh masyarakat setempat. Terdapat beberapa buah kawasan di negeri Melaka yang tidak menggunakan perkataan ‘mati’ dan ‘mampos’ kerana kedua-dua perkataan tersebut dianggap kasar dan kurang sopan. Hal ini demikian kerana ‘mati’ dianggap sebagai perkataan yang boleh menyentuh sensitiviti orang lain. Dalam hal ini, perkataan ini hanya diungkapkan oleh masyarakat Melayu Melaka yang tinggal di kawasan laut dan persisiran pantai. Faktor geografi dan kedatangan pedagang asing telah mempengaruhi bahasa dan budaya masyarakat Melayu di Melaka. Namun demikian, masyarakat Melayu Melaka yang tinggal di kawasan pedalaman seperti daerah Jasin akan menggunakan bahasa yang lebih sopan kerana tidak dipengaruhi oleh budaya dan bahasa pedagang yang singgah berdagang di Melaka. Hal ini disebabkan kedudukan daerah Jasin yang terletak jauh di pedalaman dan tidak berada di kawasan yang berhampiran dengan laut atau pantai. Contohnya:

**Jadual 4.6.1: Tabu dan eufemisme leksikal ‘mati’ dalam dialek Melaka**

Bahasa tabu	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan pedalaman	Eufemisme leksikal dalam dialek Melaka di kawasan persisiran pantai	Contoh ayat	Eufemisme bahasa Melayu standard	Makna
Mati	Simpan	Simpan	Anak dak Kiah ade enam oghang. Tapi, soghang dah <b>simpan</b> . Tinggal le lime anak die.	Meninggal dunia	Bayi yang telah meninggal dunia kerana keguguran

Berdasarkan jadual di atas, perkataan ‘simpan’ bermaksud meninggal dunia. Lazimnya, perkataan ini digunakan untuk bayi yang telah meninggal dunia kerana keguguran ketika dalam kandungan ibunya. Perkataan ‘simpan’ telah digunakan sejak turun-temurun oleh nenek moyang mereka yang merupakan penutur natif dialek Melaka. Masyarakat Melayu Melaka yang tinggal di kawasan pedalaman mempercayai bahawa ‘simpan’ bererti bahawa Tuhan telah menyimpan bayi yang meninggal dunia itu di syurga dan anak tersebut akan bertemu dengan kedua ibu bapanya di akhirat kelak. Namun demikian, jika golongan dewasa atau orang tua yang telah diambil nyawanya oleh Tuhan, masyarakat Melayu di Melaka lebih cenderung menggunakan perkataan ‘meninggal’ atau ‘meninggal dunia’.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah memenuhi semua objektif yang dikemukakan di awal kertas kajian. Melalui kajian ini kami dapat mengenal pasti eufemisme leksikal dalam dialek Melaka seperti loghos, simpan, beghanso dan beberapa lagi perkataan lain. Tambahan pula, pengkaji telah menganalisis perkataan tersebut di samping membandingkan eufemisme leksikal di dua buah kawasan yang berbeza. Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara dialek Melaka di kawasan persisiran laut dengan pedalaman.

Jelaslah, dialek Melaka tidaklah terlalu kasar seperti yang ditafsirkan oleh masyarakat luar. Terdapat sesetengah perkataan dialek Melaka yang dianggap tabu telah ditukarkan kepada perkataan yang lebih sopan. Hal ini kerana, masyarakat Melayu Melaka masih menjaga hati rakan bicara mereka ketika dalam perbualan. Dialek-dialek di Melaka juga berbeza mengikut daerah. Sebagai contoh, dalam kajian ini kami memfokuskan kepada dua buah kawasan, iaitu kawasan pedalaman dan persisiran pantai. Perbandingan yang ingin kami tunjukkan dalam kajian ini adalah masyarakat Melayu Melaka di bahagian pedalaman lebih sopan dalam pertuturan berbanding masyarakat Melayu

Melaka di kawasan persisiran pantai. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman tetap menerima bahasa 'orang laut' yang sedikit kasar dan kurang santun.

Besar harapan agar keputusan kajian ini akan dapat membantu pengkaji-pengkaji bahasa untuk mendapatkan bahan dalam menjalankan kajian mereka. Pengkaji juga berharap agar kertas kajian kami ini dapat mendorong lebih ramai lagi individu di luar sana untuk meneruskan kajian tentang eufemisme leksikal dalam dialek negeri-negeri di Malaysia.

#### **RUJUKAN**

Adi Yasran bin Abd. Aziz. 2011. *Perbandingan Aspek Fonologi Dialek Muar dan Melaka Berdasarkan Teori Transformasi Generatif*. Universiti Putra Malaysia.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriah binti Mohamed dan Jamilah Bebe binti Mohamad. 2016. *Eufemisme Leksikal dan Metafora Kematian dalam Dialek Melayu Kedah*. *Journal of Education and Social Sciences*, 4:331-342.

Nursuhada Saufi, Ummei massyuria Zulkippli, Nur Zafirah Amran, Amirah Ayni Muslin, dan Farah Nur Amra Hasmat. 2017. *Peralihan Vokal /i/, /o/, dan /a/ dalam Dialek Melaka*. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 2: 092-103.

Zaharani Ahmad. 2006. *Dialek Dalam Bahasa Melayu*. Sarjana Muda Pengajian Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia.

## METAFORA JENAYAH SEKSUAL PELACURAN DALAM AKHBAR TABLOID: SATU ANALISIS TEORI HIBRID

Nur Faizzah Mohd Zalkanil, Rozaimah Rashidin (PhD), Norhazlina Husin (PhD)

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam Selangor  
nurfaizzah111@gmail.com, rozai451@salam.uitm.edu.my, norha462@uitm.edu.my

### ABSTRAK

Media massa iaitu akhbar sering memanfaatkan metafora dalam mengilustrasikan isu yang kompleks misalnya jenayah seksual kepada masyarakat. Hal ini ekoran kemampuan metafora yang bukan sahaja sebagai alat keindahan bahasa, tetapi secara tidak langsung juga mampu mempengaruhi pemikiran pembaca terhadap isu yang dibincangkan. Namun begitu, kadang-kala siratan makna implisit yang digendong oleh metafora sering menimbulkan salah tafsir dan menghasilkan penginterpretasian makna dan maklumat yang tidak tepat kepada pembaca akhbar. Maka itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti makna implisit yang wujud dalam metafora jenayah seksual pelacuran di Malaysia menerusi pemanfaatan teori Hibrid. Pengaplikasian teori Hibrid merupakan satu penganalisan yang baharu bagi menghasilkan satu hasil analisis yang spesifik dan sistematik. Manakala, kehadiran pangkalan simpanan secara digital telah memudahkan penyelidik dalam mengenal pasti corak bahasa yang digunakan oleh pengarang. Maka itu, penelitian terhadap unsur metafora ini secara tidak langsung dapat menilai ketepatan penggunaan metafora dalam mengkonsepkan jenayah seksual pelacuran di Malaysia. Oleh itu, secara menyeluruh kajian ini membantu dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap ancaman jenayah seksual pelacuran di Malaysia bagi mengurangkan kadar jenayah seksual kepada tahap sifar.

**Kata kunci:** metafora, metafora pelacuran, akhbar tabloid, makna implisit, teori Hibrid

### PENGENALAN

Media berperanan mengkonstruksikan setiap kejadian yang berlaku dalam masyarakat menerusi pengaplikasian metafora. Hal ini kerana, sifat metafora yang membandingkan dua entiti secara langsung telah memudahkan pembaca mahupun individu dalam memahami sesuatu isu yang kompleks dan sensitif seperti jenayah seksual. Misalnya, penggunaan metafora JENAYAH ADALAH BINATANG BUAS dan JENAYAH ADALAH VIRUS telah memudahkan masyarakat awam mengkonseptualisasikan jenayah dari sudut perspektif yang berbeza. Sekiranya jenayah dibandingkan dengan virus, maka masyarakat melihat keadaan jenayah itu seperti sesuatu yang perlu dihapuskan daripada terus menular. Berbeza dengan perbandingan jenayah dengan binatang buas, masyarakat melihat jenayah itu seperti sesuatu yang perlu ditawan dan ditumpaskan agar kejadian jenayah itu tidak akan berlaku lagi. Maka itu, ketepatan penggunaan metafora amat penting dalam mengkonsepkan sesuatu isu kerana hal ini melibatkan pengkonsepsian serta pemahaman masyarakat terhadap sesuatu isu itu secara berbeza-beza.

Sehubungan itu, kajian ini menganalisis serta mencungkil metafora jenayah seksual pelacuran dalam akhbar tabloid di Malaysia bagi melihat penggunaan sebenar metafora jenayah seksual pelacuran berdasarkan kognitif pengarang akhbar tabloid bahasa Melayu di Malaysia. Secara harfiahnya, metafora jenayah seksual terbentuk menerusi polisi perundangan di negara Malaysia yang mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi oleh penulis. Namun, siratan metafora jenayah seksual pelacuran yang terselindung dalam akhbar tabloid Melayu wajar dikupas dalam kerangka teori Hibrid. Penyingkapan makna metafora yang tersirat ini bakal membuka ruang pemikiran yang lebih kritis terhadap makna pengkonsepsian jenayah seksual pelacuran. Seterusnya, memberikan input yang

baharu terhadap kesan penggunaan metafora yang tepat dalam mengkonsepsikan isu yang kompleks bagi menangani masalah peningkatan jenayah seksual pelacuran di Malaysia.

## METODOLOGI

Kesemua data kajian ini diambil daripada pangkalan digital *New Image Bank (NIB)* di bawah syarikat *News Street Times (NSTP)*. Penggunaan pangkalan simpanan data digital *NIB* digunakan dalam kajian ini disebabkan oleh pengkaedahan data digital dan korpus menggunakan data asli dan perkataan sebenar serta berautentik (Norhaliza, 2014). Maka itu, dapatan kajian ini akan menghasilkan keputusan yang sebenar. Namun begitu, disebabkan oleh kajian ini hanya menumpukan kepada penggunaan metafora jenayah pelacuran, maka hanya penggunaan leksikal pelacuran dijana daripada data ini. Kajian ini juga hanya menggunakan akhbar Berita Harian, Berita Minggu, Harian Metro, dan Metro Ahad. Rasionalnya, surat khabar tersebut merupakan antara akhbar yang bersifat tabloid Bahasa Melayu yang terdapat di Malaysia yang mencatatkan pembaca teramai di Malaysia (Harian Metro, 2016). Kajian ini juga hanya menggunakan data jenayah pelacuran yang diambil daripada Januari sehingga September 2017. Daripada keseluruhan 94 artikel mengenai isu pelacuran, hanya 45 artikel sahaja yang melibatkan jenayah pelacuran dikaji secara mendalam dalam kajian ini. Sebanyak 59 metafora jenayah seksual pelacuran dianalisis menggunakan teori Hibrid.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan secara mendalam mengenai analisis aspek metafora jenayah pelacuran yang terdapat dalam akhbar tabloid Melayu yang diterbitkan oleh *NSTP*. Perbincangan ini dilakukan berlandaskan pengaplikasian teori Hibrid bagi meneliti setiap proses yang berlaku bagi mengkonsepsikan metafora jenayah pelacuran secara sistematik. Secara keseluruhannya, daripada 45 artikel yang dianalisis, hanya terdapat 59 metafora jenayah pelacuran yang dijana daripada data. Turut dibincangkan adalah penghasilan model metafora jenayah pelacuran yang terdapat dalam akhbar Melayu yang diterbitkan oleh *NSTP*.

## METAFORA JENAYAH PELACURAN: ANALISIS DATA

Menyelusuri lembaran makna jenayah pelacuran memperlihatkan kepelbagaian makna pelacuran didefinisikan. Hal ini berlaku kerana pendefinisian pelacuran adalah berbeza-beza mengikut perubahan masa, zaman, dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Maka itu, ketersiratan makna jenayah pelacuran di Malaysia dapat dikupas dan diungkap secara sistematik dengan pemanfaatan teori Hibrid. Maka itu, ketersiratan makna yang terkandung dalam data (1a) dan (1b) boleh dirungkaikan melalui penerapan konsep *ad hoc* dan proses pementaan domain. Kesemua proses ini berlaku secara serentak dalam Proses Tiga Serangkai.

### PENERAPAN *AD HOC* PENYEMPITAN


Penerapan konsep *ad hoc* penyempitan melibatkan bentuk metafora linguistik. Konsep ini membolehkan masalah ketaksaan ujaran ditangani dengan menyasarkan item leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang di kod oleh item leksikal tersebut (Rozaimah Rashidin, 2015). Menerusi data 1 (a), ketersiratan makna metafora jenayah pelacuran akan diperjelaskan dengan lebih terperinci.

(1a) Harian Metro (14/9/17)... puluhan wanita dan remaja menjadi **santapan** golongan lelaki yang muncul menaiki kereta mewah di pusat maksiat itu.

Data (1a) merupakan metafora berbentuk linguistik yang melibatkan peminan konsep *ad hoc* penyempitan. Kebiasaannya, *ad hoc* penyempitan diaplikasikan apabila ungkapan yang digunakan kabur atau mempunyai pelbagai inferens. Contoh yang terdapat dalam data (1a) iaitu leksikal 'santapan' dianggap kabur dan implisit kerana perkataan 'santapan' mempunyai pelbagai makna rujukan. Berdasarkan makna yang didefinisikan oleh Kamus Dewan (2005: 1390), makna leksikal 'santapan' iaitu, makanan dan minuman, hidangan, dan bahan bacaan yang menarik dan mencetuskan


pemikiran. Pendefinisian ini jelas menunjukkan bahawa leksikal santapan sememangnya mempunyai banyak inferens. Maka itu, sebagai pembaca atau pendengar, proses pemahaman leksikal ini akan menimbulkan kekaburan makna.

Dalam konteks di atas, data (1a) merujuk kepada alat yang digunakan oleh seseorang untuk memuaskan nafsu syahwatnya. Hal ini kerana, secara harfiahnya, 'santapan' merupakan makanan yang dimakan oleh seseorang untuk memuaskan nafsu lapar. Maka itu, secara kognitifnya, leksikal 'santapan' menunjukkan adanya entiti yang digunakan untuk memuaskan perasaan atau memenuhi nafsu seksualnya. Leksikal 'santapan' dianggap sebagai metafora kerana entiti digunakan untuk memuaskan nafsu yang abstrak itu dianggap sebagai sesuatu benda yang konkrit apabila dipotretkan sebagai alat untuk memuaskan nafsu. Disebabkan itu, berdasarkan *ad hoc* penyempitan, pembaca akan memilih inferens atau makna rujukan yang paling relevans dan bersesuaian dengan konteks data dalam lingkungan C (context). Maka terhasilah makna yang diinginkan iaitu, puluhan wanita dan remaja dijadikan alat untuk memuaskan nafsu bagi golongan yang kaya. Oleh itu, makna dalam lingkungan L (lexical) digugurkan seperti dalam Rajah 3 berikut.



Rajah 3 Pemetaan Konsep *Ad Hoc* Penyempitan Bagi Leksikal 'santapan'

Seterusnya, pengaplikasian Proses Tiga Serangkai dalam teori Hibrid juga melibatkan proses simulasi iaitu pengaplikasian pendekatan proses pemetaan dua domain bagi menghasilkan skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi. Skema imej yang terhasil bagi mengkonsepsikan leksikal santapan adalah skema imej OBJEK. Santibanez (2002) telah menyatakan bahawa skema imej ini sebagai satu pengalaman atau entiti yang mempunyai interaksi dengan tubuh badan manusia (dalam Rozaimah Rashidin, 2016). Maka itu, berdasarkan Rajah 4, leksikal 'santapan' merupakan bukti linguistik yang menunjukkan struktur skema imej OBJEK yang menggambarkan entiti atau alat untuk memuaskan nafsu seksual sesetengah golongan secara nyata. Dalam konteks data (1a), sesetengah golongan memuaskan nafsu seksual mereka dengan cara melanggan golongan wanita dan remaja yang dijual di pusat hiburan atau maksiat. Golongan wanita dan remaja dijadikan sebagai alat untuk memuaskan nafsu seksual sesetengah golongan boleh disamakan dengan perlakuan manusia yang memerlukan makanan untuk memuaskan nafsu lapar mereka. Metafora santapan mengkonsepskan makanan atau minuman dalam leksikal santapan bersifat abstrak yang telah diskemakan sebagai entiti iaitu makanan kepada pemangsa untuk memuaskan nafsu seksual mereka. Maka itu, frasa ini melibatkan pemetaan domain sumber ENTITI iaitu RANGKAIAN MAKANAN PEMANGSA kepada domain sasaran iaitu PELACURAN untuk menghasilkan metafora konsepsi iaitu JENAYAH PELACURAN ADALAH RANGKAIAN MAKANAN PEMANGSA. Oleh itu, hasil ini membuktikan bahawa jenayah pelacuran di Malaysia menggunakan wanita dan gadis remaja sebagai alat untuk golongan tertentu memenuhi nafsu syahwat mereka.



Rajah 4.13 Skema Imej OBJEK 'santapan'

### PENERAPAN KONSEP *AD HOC* PELUASAN

Penerapan konsep *ad hoc* peluasan kebiasaannya melibatkan atau tertumpu kepada bentuk metafora, kiasan, dan perlambangan atau ujaran yang bukan literal. Pendengar atau pembaca akan mengkod konsep kod atau leksikal yang didengar atau dibaca kemudian, mereka akan mencari atau mendapatkan ciri-ciri logik yang terkandung dalam kognitif mereka bagi memahami ujaran tersebut. Disebabkan itu, sebagai kesannya pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperolehi dengan menggugurkan input yang tidak berkaitan atau relevan dengan konteks ujaran atau ayat seperti dalam data (1b) berikut.

(1b). Harian Metro (1/8/17)... Polis Daerah Dang Wangi sentiasa melakukan pemantauan selain tidak pernah henti memberkas kumpulan wanita **kupu-kupu jalanan** yang berkeliaran sekitar daerah ini.

Data (1b) 'kupu-kupu jalanan' merupakan metafora konvensional yang diinterpretasikan menerusi konsep *ad hoc* peluasan. Menerusi konsep *ad hoc* peluasan, andaian dan kesimpulan implikatur akan dibina oleh pembaca atau pendengar untuk memahami metafora ini. Daripada andaian-andaian yang terbina, satu sahaja sebagai kesimpulan yang paling relevan dengan konteks ayat akan dipilih. Maka itu, menerusi data (1b) penghasilan andaian implikatur adalah seperti berikut:

- i) Sejenis haiwan yang berkeliaran bertebaran di jalan.
- ii) Sejenis haiwan yang aktif dan tertarik kepada kehidupan malam.
- iii) Entiti yang bergerak aktif pada waktu malam.
- v) Seseorang yang menjalankan aktiviti pada waktu malam.
- vi) Seseorang yang menjalankan aktiviti yang tidak bermoral di persekitaran jalanan pada waktu malam.\*

Data (1b) telah menghasilkan beberapa andaian implikatur berdasarkan frasa 'kupu-kupu jalanan' yang perlu diinterpretasikan secara implisit. Dalam konteks ini, data (1b) dikaitkan dengan aktiviti yang dijalankan oleh seseorang untuk mendapatkan hiburan atau pendapatan yang lumayan pada waktu malam dengan menggunakan kecantikan yang dimilikinya. Maka itu, berdasarkan penjelasan ini, interpretasi (iv) dipilih sebagai kesimpulan implikatur kerana berdasarkan data (1b), seseorang itu hanya menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dengan melakukan hubungan seksual bagi mengaut keuntungan pada waktu malam sahaja. Berdasarkan pengalaman badaniah, kupu-kupu merupakan sejenis haiwan yang cantik dan diberikan persamaan seperti rama-rama. Namun begitu, habitat rama-rama lebih aktif di waktu siang manakala, kupu-kupu lebih tertarik kepada cahaya bulan, dan lampu serta hanya menjalankan aktiviti pada waktu malam sahaja. Maka itu, fenomena kupu-kupu tersebut diilustrasikan sebagai pelacur wanita yang cantik seindah kupu-kupu tetapi hanya menjalankan aktiviti pada waktu malam iaitu dengan melacurkan diri.

Data (1b) seterusnya juga boleh diperjelaskan lagi melalui penghasilan skema imej melalui proses simulasi dalam Proses Tiga Serangkai. Skema imej yang terhasil melalui data (1b) adalah skema imej OBJEK seperti yang terdapat dalam Rajah 5. Menurut Rozaimah Rashidin (2016), skema imej OBJEK merupakan entiti yang bersifat abstrak mahupun konkrit yang dapat digambarkan secara nyata. Frasa ‘kupu-kupu jalanan’ dalam data (1b) adalah bukti linguistik menunjukkan struktur skema OBJEK yang terlibat. Berdasarkan pengalaman badaniah dalam kognitif seseorang, kecantikan kupu-kupu merupakan entiti abstrak yang dapat digambarkan secara nyata oleh seseorang yang melihat dan membayangkannya. Maka itu, Rajah 5 menunjukkan skema imej OBJEK kerana berdasarkan pengalaman badaniah, frasa ‘kupu-kupu jalanan’ mengkonsepkan satu gambaran seekor haiwan yang cantik dan menawan bertebangan bebas di udara yang dipotretkan sebagai seorang gadis atau wanita yang cantik tetapi bebas melacur diri di tepi jalanan pada waktu malam.



Rajah 4.14 Skema Imej OBJEK ‘kupu-kupu jalanan’  
(Sumber: <https://www.google.com.my>)


Proses simulasi dalam data (1b) frasa ‘kupu-kupu jalanan’ juga menghasilkan metafora konsepsi JENAYAH PELACURAN ADALAH ENTITI YANG SEMENTARA DAN MEMBINASAKAN melalui pemetaan domain sumber ENTITI YANG MENGHIBURKAN ke domain sasaran iaitu JENAYAH PELACURAN. Domain sumber ENTITI YANG MENGHIBURKAN dikonsepskan menerusi leksikal ‘kupu-kupu’ yang secara harfiahnya diketahui bahawa kupu-kupu merupakan haiwan yang cantik dan boleh menghiburkan hati orang yang melihatnya. Namun begitu, hiburan tersebut hanyalah sementara dan membinasakan kerana pelacuran merupakan satu kesalahan jenayah di Malaysia. Sekiranya ditangkap dan didapati bersalah di sisi undang-undang, maka golongan yang terlibat dengan jenayah tersebut akan dikenakan hukuman. Disebabkan itu, hiburan yang dikecapi hanyalah bersifat sementara dan membinasakan. Maka itu, frasa ‘kupu-kupu jalanan’ dipetakan kepada hiburan yang sementara dan membinasakan seperti berikut.



### MODEL METAFORA JENAYAH PELACURAN DALAM AKHBAR TABLOID MELAYU

Bahagian ini memaparkan penghasilan model bagi mengkonsepkan metafora jenayah seksual dalam akhbar tabloid Melayu di Malaysia. Secara dasarnya, model ini melibatkan tiga proses utama yang membantu seseorang pembaca atau pendengar memahami sesuatu ujaran atau frasa yang taksa maknanya iaitu proses simulasi, pentaabiran, dan metarepresentasi. Menerusi proses ini, maka penghasilan *ad hoc*, domain sumber, skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi yang dominan telah dapat dikenal pasti dan diilustrasikan dalam bentuk model jenayah seksual. Maka itu, penghasilan model ini dapat membantu dalam mengenal pasti bentuk dan corak penggunaan metafora dalam mengekspresikan jenayah seksual pelacuran dalam akhbar tabloid Melayu di Malaysia seperti berikut.





Rajah 6 Model Metafora Jenayah Seksual Pelacuran

Berdasarkan Rajah 6, keseluruhan *ad hoc*, domain sumber, skema imej, metafora konsepsi, dan metonimi konsepsi yang dibentuk adalah mengikut peratusan penganalisisan yang paling tinggi dalam metafora jenayah seksual pelacuran bagi akhbar tabloid Melayu. Menerusi pembentukan model tersebut, jelas menunjukkan bahawa jenayah seksual pelacuran banyak menggunakan penerapan *ad hoc* Penyempitan dalam mengilustrasikan jenayah pelacuran. Hal ini menunjukkan bahawa, pengarang lebih memilih menggunakan metafora yang berbentuk linguistik berbanding metafora berbentuk konvensional dalam mengekspresikan jenayah seksual pelacuran kepada pembaca. Hal ini kerana, sifat metafora konvensional yang menyatakan makna yang bertentangan dengan makna yang ingin disampaikan menyukarkan pembaca untuk memahami makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang akhbar. Maka itu, pemilihan ini menunjukkan bahawa pengarang cuba menggunakan leksikal atau frasa yang mempunyai banyak inferens agar pembaca dapat memahami makna yang cuba disampaikan dengan tepat.


Manakala, penghasilan skema imej ATURAN LINEAR yang paling tinggi serta penghasilan metafora konsepsi iaitu JENAYAH PELACURAN ADALAH PERNIAGAAN, dan metonimi konsepsi iaitu PERNIAGAAN MELAMBANGKAN JENAYAH PELACURAN menggambarkan jenayah pelacuran di Malaysia disebabkan oleh adanya golongan tertentu yang menggunakan mangsa jenayah pelacuran sebagai sumber untuk mengaut keuntungan. Maka itu, pembuktian ini menunjukkan bahawa jenayah pelacuran terjadi bukan hanya sekadar faktor rangsangan seksual yang tidak dapat dibendung, tetapi juga berlaku disebabkan oleh wujudnya faktor perniagaan.

Secara keseluruhannya, penghasilan model ini menunjukkan bahawa, pengarang akhbar cuba mencirikan jenayah seksual pelacuran dengan identiti yang tersendiri. Kebanyakan jenayah seksual berlaku disebabkan oleh perasaan seksual yang tidak dapat dikawal. Namun begitu, kegiatan jenayah seksual pelacuran yang masih lagi berlaku di Malaysia sehingga kini adalah disebabkan oleh adanya sesetengah pihak yang ingin mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan ke atas pihak yang lemah seperti golongan kanak-kanak, golongan miskin, dan golongan lelaki hidung belang. Maka itu, menerusi penghasilan model ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran keseluruhan mengenai penginterpretasian jenayah seksual pelacuran dalam akhbar tabloid Melayu di Malaysia yang cuba diekspresikan oleh pengarang akhbar menerusi penggunaan metafora. Oleh itu, terbukti bahawa makna impisit yang terkandung dalam metafora jenayah seksual pelacuran dapat dicungkil menerusi pemanfaatan teori Hibrid dan diilustrasikan menerusi model jenayah seksual seperti Rajah 6 berikut.

#### RAJAH RANTAU KONSEPSI METAFORA JENAYAH PEDOFILIA DALAM AKHBAR

Penganalisisan data yang terakhir dalam kajian ini adalah penghasilan rajah rantau konsepsi. Rantau konsepsi ini diperolehi hasil daripada pengaplikasian teori Hibrid. Pengaplikasian teori Hibrid menghubungkan elemen-elemen seperti konsep *ad hoc* penyempitan dan *ad hoc* peluasan, skema imej, domain sumber dan domain sasaran, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi yang saling berhubung dalam satu rantau konsepsi. Manakala, Setiap rantau konsepsi yang terhasil akan mengandungi konsep leksikal, *ad hoc* dan slot kosong. Slot-slot kosong ini pula akan diisi oleh beberapa elemen seperti domain sumber, domain sasaran, skema imej, metafora konsepsi, dan

metonimi konsepsi. Domain sumber yang terdapat dalam rantau konsepsi ini adalah domain sumber ENTITI, BEKAS, MATLAMAT, WARNA, KEPERCAYAAN, KELAKUAN HAIWAN, NORMA MANUSIA, HUBUNGAN SOSIAL, PEREDARAN MASA, PERGERAKAN. Seterusnya, Rajah 7 memaparkan metafora konsepsi dan metonimi konsepsi yang terkandung dalam rantau konsepsi. Rajah rantau ini menunjukkan bahawa, media banyak memaparkan mengenai sebab berlakunya jenayah pelacuran di Malaysia dan menjelaskan mengenai hubungan yang berlaku di antara mangsa dan pemangsa. Namun, paparan kesedaran terhadap perkara yang perlu dilakukan oleh masyarakat bagi menghapuskan jenayah pelacuran tidak diberikan penekanan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan masyarakat tidak peka terhadap kepentingan dalam membanteras jenayah pelacuran.



Rajah 7: Rantau Konsepsi Jenayah Pelacuran

## KESIMPULAN

Pengarang akhbar tabloid Melayu terbitan *NSTP* telah menonjolkan jenayah seksual pelacuran yang berlaku di Malaysia secara tersirat menerusi ungkapan-ungkapan atau leksikal yang mejurus kepada penggunaan perlambangan jenayah tersebut. Penggunaan metafora yang dicungkil daripada akhbar simpanan digital ini telah merefleksikan ketepatan penggunaan metafora amat penting dalam membentuk pemahaman kepada pembaca amnya, masyarakat khususnya. Seiring pemahaman masyarakat terhadap jenayah seksual pelacuran yang berlaku di sekeliling mereka, maka kadar jenayah tersebut dapat diturunkan dalam mencapai misi Malaysia iaitu sifar jenayah. Maka itu,

pemanfaatan terhadap teori Hibrid dalam penganalisisan kajian ini membantu menghasilkan satu hasil kajian yang dinamik dan bersifat komprehensif. Oleh itu, penerapan teori Hibrid dan pemanfaatan terhadap pangkalan digital dalam menekuni aspek metafora ini boleh dianggap sesuatu yang terkini dan saintifik dalam lapangan kajian metafora khususnya dan ilmu linguistik amnya.

## RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim.1999. Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Malay Law Journal Sdn Bhd.
Konsonan nasal velar /ŋ/ dalam dialek Melayu Sarawak sentiasa berhomorganik dan berkongsi fitur titik artikulasi dengan konsonan bersebelahannya. Hal ini dapat dilihat apabila konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata mendahului vokal tinggi /i/ dalam dialek Melayu Sarawak dan membentuk asimilasi homorganik separa vokal-konsonan nasal. Dapatan ini memberi penjelasan secara teoretis pada dapatan penahu lepas berhubung proses fonologi yang berlaku apabila vokal tinggi /i/ mendahului konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata dalam dialek Melayu Sarawak. Dengan demikian, perubahan fonem konsonan nasal velar /ŋ/ kepada konsonan nasal alveolar [n] bukanlah berlaku secara automatik, sebaliknya adalah disebabkan penyebaran fitur titik artikulasi koronal yang dimiliki oleh vokal tinggi /i/ kepada konsonan nasal velar /ŋ/ dan membentuk output [in].

Tuntasnya, dapatan kajian ini memberi pencerahan dan memperkukuhkan dapatan kajian-kajian fonologi dan ciri-ciri linguistik dialek Melayu Sarawak terdahulu tentang kewujudan asimilasi di lingkungan akhir kata dialek Melayu Sarawak dengan penjelasan lebih berpeda. Kajian ini turut memberi sumbangan besar kepada dialek Melayu Sarawak dalam menjelaskan perilaku dan kepelbagaian interaksi fonologi dalam sub dialek dialek Melayu Sarawak, khususnya asimilasi homorganik nasal.



## RUJUKAN

- Babbie, E. R. (2016). *The practice of social research* (14<sup>th</sup> Edition). AS: Cengage Learning.
- Berg, B. L. & Lune, H. (2012). *Qualitative research methods for the social sciences* (8<sup>th</sup> Edition). Boston: Pearson.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. (2004). *Dialectology* (2<sup>nd</sup> Edition). Cambridge: Cambridge University Press.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. W. (2011). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (10<sup>th</sup> Edition). United States of America: Pearson Education.
- Goldsmith, J. A. (1976). *Autosegmental phonology* (Tesis Ph.D Tidak Terbit). Massachusetts Institute of Technology, Cambridge.
- Goldsmith, J. A. (1990). *Autosegmental & metrical phonology*. Oxford, UK: Basil Blackwell.
- Halle, M. (1995). Feature geometry and feature spreading. *Linguistic Inquiry*, 26(1), 1-46.
- Howe, D. (2004). *Vocalic dorsality in revised articulator theory*. Manuscript, University of Calgary.
- Lass, R. (1984). *Phonology: An introduction to basic concepts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rubin, A., & Babbie, E. (2011). *Research methods for social work* (Seventh Edition). Belmont, CA: Brooks/Cole, Cengage Learning.
- Sagey, E. C. (1986). *The representation of features and relations in non-linear phonology* (Tesis Ph.D, Massachusetts Institute of Technology, Cambridge).
- Schane, S. A. (1973). *Generative phonology*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

## Kerencanaan Makna Imbuhan Awalan *meN-* dengan Kata Nama Konkrit Unsur Alam Bahasa Melayu: Analisis Teori Relevans

Nurul Huda Mohd Saad\* & Nor Hashimah Jalaluddin\*\*

[nurulsaad@melaka.uitm.edu.my](mailto:nurulsaad@melaka.uitm.edu.my), [nhj7892@gmail.com](mailto:nhj7892@gmail.com)

\*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia

\*\*Program Linguistik, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memerikan aspek kenahuan setuntas yang mungkin berkaitan kerencanaan makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam bahasa Melayu. Data yang digunakan dalam kajian ini diperoleh dari Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Penahu lepas memberikan makna yang pelbagai untuk imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut*, iaitu ‘membuat’, ‘menjadi seperti’, ‘mengambil akan keadaan’, ‘seperti/berkeadaan’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’. Makna imbuhan awalan *meN-* yang diberikan oleh penahu lepas sesuai untuk kata *membusut* kecuali makna ‘membuat’ yang tidak sesuai dengan konteks ayat “Sarang anai-anai itu *membusut* di bawah rumah”. Bagi memperbaiki makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut* yang diberikan oleh penahu lepas, kajian ini akan mengaitkan maklumat linguistik atau bentuk logik dengan maklumat tambahan yang diperoleh daripada keseluruhan ayat sebagaimana yang dianjurkan oleh teori Relevans berdasarkan konsep rangka rujuk silang (*bridging cross reference*) dan *ad hoc*. Justeru, membawa kepada pemaknaan imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam yang disifatkan lebih peka konteks. Setiap kata *membusut* yang ditemui, diambil untuk dianalisis. Kajian ini diharap dapat menangani kerencanaan makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut* seterusnya menyumbang kepada ilmu kenahuan yang sedia ada.

**Kata kunci:** Imbuhan awalan *meN-*, kata nama konkrit, teori Relevans, rangka rujuk silang, *ad hoc*.

### Pengenalan

Imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut*, diberikan sebanyak lima makna yang berbeza oleh penahu lepas, iaitu ‘membuat’, ‘menjadi seperti’, ‘mengambil akan keadaan’, ‘seperti/berkeadaan’ dan ‘berlaku seperti/menyerupai sesuatu’. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa Melayu sama ada untuk memilih salah satu makna yang diberikan oleh penahu lepas atau menggunakan kesemua makna tersebut bagi merujuk kepada makna imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut*.

Justeru, kepelbagaian makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut* akan dikaji setuntas yang mungkin dengan mengaitkan maklumat linguistik atau bentuk logik dengan maklumat tambahan yang diperoleh daripada keseluruhan ayat sebagaimana yang dianjurkan oleh teori Relevans berdasarkan konsep rangka rujuk silang dan *ad hoc*.

Kata nama konkrit ialah kata nama tak bernyawa yang merujuk kepada benda yang konkrit, yakni benda yang boleh dilihat dengan mata dan disentuh dengan jari atau bahagian badan lainnya, dihidu dengan hidung dan didengar dengan telinga (Asmah 2009). Perkataan *busut* merupakan perkataan yang berunsurkan alam. Oleh yang demikian, penulis mengelaskan kata *membusut* kepada

kata nama konkrit unsur alam. Istilah unsur alam turut digunakan oleh Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) bagi contoh hujan, bumi, pohon dan panas.

### Kajian Lepas

Imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut* mendukung lebih daripada satu makna. Penahu lepas menyenaraikan sebanyak lima makna bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama ini. Za'ba (1958, 2000) memberi tiga makna, iaitu 'membuat', 'menjadi seperti' dan 'mengambil akan keadaan'; Asmah (1980, 1982, 1986, 1993, 2009); Arbak (1989) dan Nik Safiah et al. (1993, 1995, 2003, 2008) masing-masing memberi satu makna, iaitu 'menjadi seperti', 'seperti/berkeadaan' dan 'berlaku seperti/menyerupai sesuatu'. Pemerian makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam digambarkan dalam rajah 2.1.

Bil.	Makna	Za'ba (1958, 2000)	Asmah (1980, 1982, 1986, 1993, 2009)	Arbak (1989)	Nik Safiah et al. (1993, 1995, 2003, 2008)
1.	Membuat	√			
2.	Menjadi seperti	√	√		
3.	Mengambil akan keadaan	√			
4.	Seperti/berkeadaan			√	
5.	Berlaku seperti/menyerupai sesuatu				√

Rajah 2.1 Makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam

Setiap penahu mempunyai pendirian dan pendekatan yang berbeza dalam memori makna imbuhan ini. Oleh sebab itu, wujud pertindihan makna yang ketara dalam imbuhan ini contohnya makna 'menjadi seperti', 'mengambil akan keadaan', 'seperti/berkeadaan' dan 'berlaku seperti/menyerupai sesuatu'. Pertindihan makna ini disebabkan penggunaan istilah yang pelbagai untuk konsep dan aspek yang sama. Dengan itu, ia boleh mengelirukan pengguna bahasa Melayu dari segi ketentuan yang harus dipilih. Oleh hal yang demikian, kajian ini menawarkan penyelesaian kepada masalah pertindihan makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *membusut*.

### Metodologi Kajian

Kajian ini mengangkat dan mengaplikasikan teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan diperkemas pada tahun 1995 dengan bersandarkan konsep rangka rujuk silang yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) dan konsep *ad hoc* yang diperkenalkan oleh Barsalou (1987). Dalam bahagian ini, penulis tidak akan membincangkan teori ini kerana teori ini telah banyak dibincangkan dalam penulisan para sarjana bahasa.

Dalam kajian ini, penulis menggunakan data korpus DBP yang dijana menggunakan sistem korpus. Sistem korpus merupakan perisian yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik Unit Terjemahan Melalui Komputer di Universiti Sains Malaysia dalam rangka kerjasama USM-DBP berlandaskan Memorandum Persefahaman yang termeterai pada tahun 1993.

Data korpus boleh dijana melalui capaian internet di laman sesawang <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>. Saiz mutakhir (sehingga 25 November 2008) data korpus adalah lebih kurang 135 juta perkataan yang terkandung dalam sepuluh subkorpus seperti buku, majalah, akhbar, terjemahan (buku), efemeral, drama, puisi, kad bahan, teks tradisional dan buku teks. Setiap jenis wacana ini dikumpulkan dalam subkorpus yang berasingan (Rusli et al. 2007).

### Analisis Data *membusut*

Za'ba (1958, 2000) memberikan makna 'membuat' untuk kata *membusut* dalam frasa *membusut jantan*. Menurut Za'ba, makna 'membuat' dipakai pada sesetengah kata nama dan kata sifat. Kenyataan yang dibuat oleh Za'ba berhubung makna 'membuat' ini adalah benar dari segi peraturan tatabahasa kerana kata *busut* merupakan kata nama. Namun begitu, makna 'membuat' dilihat tidak sesuai dalam contoh berikut:

- i. Air dididih menganak sungai, kerak nasi \*\*\***membusut**\*\*\* jantan, terung berbuah di gelegar, kunyit berhimpang di atas para [P05].
- ii. Air dididih menganak sungai, kerak nasi **membuat**\* busut jantan, terung berbuah di gelegar, kunyit berhimpang di atas para [P05'].

Analisis yang memberikan pertimbangan kepada ciri makna kata atau frasa, berpandukan pola **Pelaku-Perbuatan-Objek** (Asmah 2009: 403). Walaupun data [P05] memenuhi syarat untuk mengadakan pelaku, iaitu gatra predikat mesti diisi oleh kata kerja perbuatan *membusut*, kerak nasi tidak boleh dikategorikan sebagai pelaku dalam data [P05] kerana pelaku hendaklah diisi oleh kata nama bernyawa (orang atau binatang). Dengan syarat pelaku hendaklah diisi oleh kata nama bernyawa, makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut* tidak mengimplikasikan makna **membuat**\* busut kerana data [P05'] tidak gramatis oleh sebab tidak mengandungi pelaku yang melakukan perbuatan *membuat*. Oleh itu, makna 'membuat'\* tidak diterima sebagai bentuk logik bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam.

Za'ba (2000: 12) mengakui kekurangan tatabahasa tradisional beliau seperti dalam ungkapan: Tidak mengapalah dahulu segala kekurangan itu, sebagai percubaan yang mula-mula pada suatu cawangan ilmu yang belum pernah ada pada orang Melayu tentulah tidak boleh sunyi daripada bermacam-macam kekurangan. Mudah-mudahan kemudian kelak dapat pula diadakan yang terlebih baiknya, dan jika tidak pun, orang-orang kemudian kelak dapat mengarangkan yang terlebih baiknya itu kerana sudah ada dibuatkan permulaannya sebagai pembuka jalan.

Pemberian makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut* oleh penahu lepas tidak diberikan penjelasan lanjut dari segi peraturan dan penggunaannya. Oleh itu, telah menjadi tugas pembaca menginterpretasikan makna sebenar yang dihajati oleh penulis. Sejumlah 42 data *membusut* ditemui dan dianalisis satu demi satu oleh penulis dengan mengaplikasikan teori Relevans bersandarkan konsep rangka rujuk silang dan *ad hoc*.

### Imbuhan Awalan *meN-* dengan Kata Nama Konkrit Unsur Alam Mengimplikasikan Makna 'Perbandingan'

Pada awalnya, data [TS25] mengalami kekaburan makna. Pembaca memerlukan kos memproses yang tinggi untuk memilih inferens yang tepat kerana kata *membusut* mempunyai pelbagai bentuk logik contohnya menjadi seperti busut, mengambil akan keadaan busut, seperti busut, berkeadaan busut, berlaku seperti busut, menyerupai busut, laksana busut, sebagai busut, umpama busut, seumpama busut, bagaikan busut dan ibarat busut. Jelas sekali perkataan ini mempunyai banyak inferens. Bentuk logik bagi perkataan ini diambil daripada makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam yang diberikan oleh penahu lepas.


Penjelasan tentang makna 'perbandingan' yang berjaya diinterpretasi oleh pembaca dapat dijelaskan menggunakan bentuk eksplikatur, andaian implikatur dan kesan implikatur seperti yang berikut:

- iii. Eksplikatur: ... kawasan tanahnya tinggi \*\*\***membusut**\*\*\* seperti bukit-bukit kecil. [TS25]

Andaian Implikatur:	Kawasan tanah tinggi itu <u>seperti</u> busut. Kawasan tanah tinggi itu adalah luas kerana terdiri daripada busut yang <u>seperti</u> bukit-bukit kecil.
Kesan Implikatur:	... kawasan tanahnya tinggi <b>seperti</b> busut seperti bukit-bukit kecil. [TS25]

Bentuk eksplikatur dalam data [TS25] menerbitkan dua andaian implikatur, iaitu (1) kawasan tanah tinggi itu seperti busut dan (2) kawasan tanah tinggi itu adalah luas kerana terdiri daripada busut yang seperti bukit-bukit kecil. Pengulangan kata preposisi *seperti* di tengah baris disebut responsi dalam gaya bahasa, merupakan andaian baharu bagi imbuhan awalan *meN-* yang boleh mengukuhkan sesetengah andaian konteks yang ada untuk mengimplicasikan makna 'perbandingan' dalam data [TS25], iaitu perbandingan antara dua proposisi. Dalam konteks ini merujuk kepada perbandingan antara kata sifat *tinggi* dengan kata nama *busut*, iaitu tinggi *seperti* busut.

Dalam data [TS25], penulis seolah-olah memberi petunjuk yang jelas berkaitan makna imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*. Berdasarkan *ad hoc* penyempitan, pembaca akan memilih inferens yang paling relevan dalam lingkungan C\* bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*. Walaupun kata preposisi *laksana*, *sebagai*, *umpama*, *seumpama*, *bagaikan* dan *ibarat* mendukung komponen makna yang sama dengan kata preposisi *seperti*, namun pengulangan kata preposisi *seperti* dalam [TS25] telah menggugurkan inferens yang lain dalam lingkungan L seperti yang terdapat dalam rajah 4.1. Proses pemilihan dan pengguguran inferens inilah yang dirujuk sebagai penyempitan dalam konsep *ad hoc*. Pembaca berhenti memproses makna imbuhan ini kerana imbuhan awalan ini dapat diinterpretasikan seperti yang dihajati penutur, menjadikan kos memproses dapat dijimatkan. Justeru, kesan kognitif akan meningkat dan relevan yang optimum juga akan dicapai.



Rajah 4.1 Pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam *busut*

**Pola:** [+bilangan], [+KN] + *meN-* + KN konkrit unsur alam = Perbandingan

Melalui rangka rujuk silang teori Relevans, penulis mengenal pasti pola semantik yang dapat menggantikan imbuhan awalan *meN-* dalam data kajian, seterusnya mengimplicasikan makna 'perbandingan'. Makna yang didukung oleh imbuhan awalan *meN-* ini bukannya berlaku secara terpisah atau sendiri sebaliknya berdasarkan interaksi imbuhan awalan *meN-* dengan klausa-klausa yang hadir bersama-samanya. Misalnya:

- iv. Eksplikatur: ... batu-batu pejal **\*\*\*membusut\*\*\*** di tengah laut, pohon-pohon ru dan kelapa membelai ditiup... [P04]  
 Andaian Implikatur: Terdapat banyak batu pejal seperti busut di tengah laut.  
 Kesan Implikatur: ... batu-batu pejal **seperti** busut di tengah laut, pohon-pohon ru dan kelapa membelai ditiup... [P04]
- v. Eksplikatur: Kampit baja campuran dan baja urea kelihatan tersusun **\*\*\*membusut\*\*\*** di bawah rumah. [A01]  
 Andaian Implikatur: Kampit-kampit baja (campuran dan urea) tersusun seperti busut di bawah rumah.  
 Kesan Implikatur: Kampit baja campuran dan baja urea kelihatan tersusun **seperti** busut di bawah rumah. [A01]

Penjelasan tentang makna ‘perbandingan’ yang diimplikasikan oleh data [TS25] dapat dilihat dengan lebih jelas dalam data [P04] dan [A01]. Data [P04] dan [A01] menghubungkan maklumat baru, iaitu bentuk logik imbuhan awalan *meN-* ini yang merujuk kata preposisi *seperti* dengan kehadiran premis tambahan kata ganda *batu-batu* dan kata penghubung *dan*.

Menurut Asmah (2009), penggandaan kata nama mendukung makna jamak. Jamak bermaksud kategori bilangan dalam tatabahasa yang merujuk kepada lebih daripada satu butir, banyak (*Kamus Linguistik* 1997). Oleh itu, andaian implikatur bagi frasa nama *batu-batu pejal* dalam data [P04] ialah banyak *batu pejal*.

Kata penghubung *dan* ialah kata penghubung setara yang menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya, iaitu kampit baja campuran dan kampit baja urea dalam data [A01] seperti contoh (vi) dan (vii). Predikat dalam data [A01] adalah sama bagi dua subjek yang digandingkan.

- vi. Kampit baja campuran kelihatan tersusun **\*\*\*membusut\*\*\*** di bawah rumah.  
 vii. Kampit baja urea kelihatan tersusun **\*\*\*membusut\*\*\*** di bawah rumah.

Kampit baja campuran dan kampit baja urea dalam data [A01] berkongsi komponen makna [+bilangan], iaitu terdiri daripada dua jenis baja (campuran dan urea) yang berkampit-kampit (banyak). Data tersebut akan dapat ditafsir dengan lebih mudah oleh pembaca kerana petunjuk yang diberikan lebih jelas. Hal ini menyebabkan kos memproses pembaca menjadi semakin rendah bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi, sekaligus mencapai relevan yang optimum.

Longgokan sampah dalam data [A03] dan timbunan tanah dalam data [M01] merujuk kepada frasa nama. Makna yang diberikan ini merupakan makna linguistik, iaitu makna literal bagi *longgokan sampah* dan *timbunan tanah*. Makna linguistik seperti ini nyata tidak memberikan apa-apa penjelasan perkaitan frasa nama ini dengan imbuhan awalan *meN-*. Walaupun kata *longgokan* dan *timbunan* tidak tergolong dalam kata ganda atau kata penghubung *dan* seperti dalam data [P04] dan [A01], perkataan-perkataan ini juga berkongsi komponen makna [+bilangan], iaitu longgokan sampah merujuk kepada sampah yang dikumpulkan (banyak) di sesuatu tempat dan timbunan tanah merujuk kepada tanah yang ditimpa antara satu sama lain (lebih daripada satu entiti). Berdasarkan pertimbangan pragmatik, dapat dijelaskan bahawa premis tambahan kata *longgokan* dan *timbunan* dalam data [A03] dan [M01] turut memberikan implikasi pada maksud keseluruhan ayat tersebut.

- viii. Eksplikatur: ... pada waktu malam kerana longgokan sampah yang tinggi **\*\*\*membusut\*\*\*** dan tin susu yang bertimbun. [A03]  
 Andaian Implikatur: Sampah yang dilonggokkan, tinggi seperti busut  
 Kesan Implikatur: ... pada waktu malam kerana longgokan sampah yang tinggi **seperti** busut dan tin susu yang bertimbun. [A03]

- ix. Eksplikatur: ... diperelokkannya lagi timbunan tanah yang \*\*\*membusut\*\*\* di atas kubur Razak. [M01]  
 Andaian Implikatur: Dia memperelokkan lagi timbunan tanah yang seperti busut itu.  
 Kesan Implikatur: ... diperelokkannya lagi timbunan tanah yang **seperti** busut di atas kubur Razak. [M01]

Kelima-lima data yang dikemukakan oleh penulis menunjukkan bahawa kata nama konkrit unsur alam *busut* yang menerima imbuhan awalan *meN-* mengimplicasikan makna perbandingan dua proposisi *seperti*. Penelitian terhadap data membolehkan pengelompokan dilakukan bagi mengenal pasti “kelakuan” imbuhan terbabit apabila diimbuhkan dengan kata dasar. Diperhatikan bahawa kata *busut* yang menerima imbuhan awalan *meN-* perlu didahului oleh subjek yang berinteraksi dengan komponen makna [+bilangan]. Komponen makna [+bilangan] yang berfungsi sebagai penerang kepada subjek boleh hadir sebelum atau selepas kata nama.

*Batu-batu, kampil baja campuran dan baja urea, longgokan dan timbunan* berkongsi komponen makna [+bilangan]. Walaupun subjek *kawasan tanahnya* dalam data [TS25] tidak mempunyai unsur penerang, pembaca masih boleh menginterpretasikan kata sifat *tinggi* sebagai menerima komponen makna [+bilangan], iaitu ukuran di antara bahagian bawah dan atas sesuatu entiti. Dalam konteks ini, merujuk kepada ukuran kawasan tanah (dalam unit meter) dari bahagian bawah ke atas.

Premis tambahan seperti *batu-batu, kampil baja campuran dan baja urea, longgokan dan timbunan* yang ditemui dalam data membantu dalam pembinaan konteks yang nyata. Melalui rangka rujuk silang, premis-premis tambahan ini dapat dikaitkan dengan komponen makna [+bilangan]. Dalam ensiklopedia seseorang penulis bahasa Melayu, mereka telah mempunyai maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kata/frasa terbabit terutamanya maklumat yang dapat mengaitkannya dengan perbandingan dua proposisi. Penggunaan kata/frasa yang jelas dan nyata (manifestasi) memudahkan pendengar untuk mengaitkannya dengan persekitaran kognitif sekali gus kesan kognitif terbina dengan mudah. Mengikut teori Relevans, semakin banyak kesan kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevanlah sesuatu ayat itu. Oleh itu, makna ‘perbandingan’ dapat ditafsir tanpa memerlukan usaha memproses yang lebih tinggi.

### Makna Pragmatik Imbuhan Awalan *meN-* dengan Kata Nama Konkrit Unsur Alam

Penahu lepas telah memberikan sebanyak lima makna bagi imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam. Kajian ini cuba mempersembahkan makna imbuhan awalan *meN-* ini menggunakan cara yang berbeza, iaitu melalui pendekatan teori Relevans bersandarkan konsep rangka rujuk silang dan *ad hoc*.

Bil.	Makna	Za’ba (1958, 2000)	Asmah (1980, 1982, 1986, 1993, 2009)	Arbak (1989)	Nik Safiah et al. (1993, 1995, 2003, 2008)	Penahu Pragmatik (2018)
1.	Membuat	√				
2.	Menjadi seperti	√	√			
3.	Mengambil akan keadaan	√				
4.	Seperti/			√		Perbandingan √
	Berkeadaan					
5.	Berlaku seperti/ menyerupai sesuatu				√	

Rajah Imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam melalui pendekatan teori Relevans

Daripada lima makna yang diberikan, penulis telah mensintesisasikan pengkategorian makna imbuhan awalan *meN-* ini kepada hanya satu makna sahaja, iaitu makna ‘perbandingan’ *seperti*. Makna imbuhan awalan *meN-* ini diringkaskan dalam rajah 4.2. Penulis bersetuju dengan makna ‘seperti’ yang diberikan oleh Arbak (1989). Pemberian makna oleh penulis tidak terhenti setakat makna linguistik sahaja, iaitu makna ‘seperti’. Penulis turut mempertimbangkan makna pragmatik, iaitu ‘perbandingan’. Dalam konteks ini, perbandingan dua proposisi.

Kategori makna imbuhan ini disintesisasikan bertujuan untuk mengelakkan pertindihan makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam. Pertindihan makna imbuhan ini akan menyebabkan proses pembelajaran bahasa Melayu terencat. Di samping itu, pengguna bahasa Melayu sukar untuk menentukan makna imbuhan ini dengan betul. Rujukan makna yang pelbagai dan bertindih menyebabkan sesuatu interpretasi makna itu menjadi kabur. Pensintesisasikan kategori makna imbuhan ini memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, terutamanya dalam menjelaskan rujukan makna yang sesuai bagi imbuhan ini dengan mengambil kira konteks penggunaannya. Kategori makna imbuhan ini yang disintesisasikan oleh penulis dilabelkan sebagai makna pragmatik.

### Kesimpulan

Makna imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam dalam bahasa Melayu yang didapati mengalami kerencaman, pertindihan (Nurul Huda & Nor Hashimah Jalaluddin 2011) dan kepelbagaian makna dapat dirungkaikan dan dijelaskan secara terperinci melalui penerapan teori Relevans yang banyak membincangkan mengenai hubungan antara komunikasi dan kognisi bersandarkan konsep rangka rujuk silang dan *ad hoc* penyempitan.

Hubungan-hubungan yang terjalin saling mengikat antara satu sama lain dan dapat ditanggapi dan difahami sesuai dengan konteks ayat. Hubungan imbuhan awalan *meN-* dengan kata nama konkrit unsur alam berjaya dihuraikan melalui interpretasi-interpretasi yang lahir berdasarkan pengetahuan sedia ada di leksikon dan maklumat persekitaran seterusnya mampu memerikan makna imbuhan awalan *meN-* ini yang mengalami penyempitan makna secara baik dan berpada. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa ayat yang diberikan adalah relevan walaupun pemahaman konteks sukar ditambah.

### Rujukan

- Arbak Othman. 1989. *Imbuhan dalam Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barsalou, L.W. 1987. The instability of graded structure in concepts. Dlm. Neisser, U. (pnyt.). *Concepts and Conceptual Development: Ecological and Intellectual Factor in Categorization*, hlm. 101-140. New York: Cambridge University Press.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R.M. 1986. Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dlm. Travis, C. (pnyt.). *Meaning and Interpretation*, hlm. 77-103. Oxford: Blackwell.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1995. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2003. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Huda Mohd Saad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2011. Kajian makna awalan *meN-* dari tahun 1958 hingga 2008: satu sorotan ilmiah. *Prosiding Solls.INTEC 2011*, hlm. 1–10. [http://slim.ukm.my/solls/SOLLS\\_Proceeding\\_2011.pdf](http://slim.ukm.my/solls/SOLLS_Proceeding_2011.pdf) [5 Oktober 2012].
- Rusli Abdul Ghani, Norhafizah Mohamed Husin & Chin Lee Yim. 2007. Pangkalan data korpus. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik: Teori dan Aplikasi*, hlm. 114-135. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Edisi ke-2. Oxford: Blackwell.
- Zainal Abidin Ahmad. 1958. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I: Permulaan Nahu Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online<sup>TM</sup> Journal of Language Studies* 11(3): 31-51.

## PERUBAHAN PENGUGURAN KONSONAN DI KODA DAN PENYISIPAN VOKAL KATA PINJAMAN ARAB DALAM DIALEK MELAYU PATANI

Firdous Muhamat  
[firdousmuhamat@gmail.com](mailto:firdousmuhamat@gmail.com)  
 Faculty of Liberal Arts  
 Princess of Naradhiwas University

Sharifah Raihan Syed Jaafar  
 s\_raihan@ukm.edu.my  
 Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia.

### ABSTRAK

Makalah ini menganalisis dan menjelaskan fenomena perubahan fonologi kata pinjaman Arab yang diserap ke dalam dialek Melayu Patani dan dianalisis menggunakan teori Optimaliti, khususnya fenomena penguguran konsonan di koda dan penyisipan vokal. Kajian ini menggunakan data primer melalui kerja lapangan terhadap penutur natif dialek Melayu Patani. Dalam dialek Melayu Patani, penguguran yang berlaku adalah penguguran segmen likuida /r/, /l/ dan segmen konsonan nasal /N/ yang berada di posisi koda suku kata. Oleh itu, apabila segmen tersebut dipinjam akan berlaku perubahan dan penyesuaian mengikut daerah artikulasi penutur dialek Melayu Patani. Contohnya perkataan /juko/ dipinjam daripada perkataan “jukūr”. Manakala fenomena penyisipan vokal pula, dapat dikesan apabila input dari kata pinjaman Arab mempunyai rangkap konsonan di posisi koda telah disisip oleh vokal /a/, /o/, /ɔ/, /e/, /i/, dan /ə/ di antara konsonan tersebut pada peringkat output. Dengan kata lain, input yang terdiri daripada satu suku kata didapati berubah menjadi dua suku kata di peringkat output. Namun begitu, terdapat perbezaan antara bahasa Melayu dan dialek Melayu Patani, iaitu penyebaran vokal kepada suku kata kedua tidak dikategorikan berasimilasi dengan fitur vokal. Daripada pemerhatian dan analisis menunjukkan bahawa fenomena yang berlaku pada kata pinjaman Arab dalam dialek melayu Patani ialah untuk mematuhi kekangan kebertandaan, iaitu SYARAT KODA, JAJAR-LIKUIDA, \*KOMPLEKS, KtPr=KD-σ, dan \*RENDAH. Oleh itu, tatatingkat kekangan bagi sistem nahu kata pinjaman Arab dalam dialek Melayu Patani adalah SYARAT KODA >> \*KOMPLEKS >> JAJAR-LIKUIDA >> KtPr=KD-σ >> \*RENDAH >> DEP-IO >> MAKS-IO >> IDENT-IO [F]. Kajian ini telah mencadangkan satu set kekangan kebertandaan dan kekangan kesetiaan bagi kedua fenomena yang dibincangkan. Interaksi antara kekangan-kekangan ini berjaya menangani dan menjelaskan fenomena perubahan fonologi kata pinjaman Arab yang berlaku mengikut teori Optimaliti.

**Kata kunci:** Kata pinjaman Arab, dialek Melayu Patani, teori Optimaliti, penguguran konsonan, penyisipan vokal

### PENGENALAN

Penyerapan bahasa Arab (BA) dalam dialek Melayu Patani (DMP) berlaku sedikit demi sedikit dalam tempoh masa yang panjang bermula dari 700 tahun lalu melalui faktor penyebaran agama, budaya dan kepercayaan (Ahmad Fathy 1994; Bougas 1994; Awang 1993). Hal ini kerana BA merupakan medium penyebaran agama Islam. Dari interaksi inilah berlaku proses pengaruh dan mempengaruhi, sehingga terjadi pinjaman kata BA dalam DMP. Sebahagian daripada perkataan Arab diterima masuk dalam DMP dengan mengekalkan bentuk asalnya dan sebahagian lagi diubah mengikut sebutan penutur tempatan. Proses peminjaman merupakan salah satu cara DMP memperkayakan kosa katanya bagi tujuan komunikasi antara satu sama lain. Namun begitu, berlaku perubahan fonologi ke atas perkataan yang dipinjam mengikut sistem fonologi bahasa peminjam, DMP.

Hal ini disokong oleh pendapat Zaharani (2009), iaitu apabila kata pinjaman diserap ke dalam bahasa yang meminjam, maka struktur akan berubah sama ada dikekalkan atau dirombak mengikut kesesuaian bahasa yang meminjam. Dari sudut linguistik, kemasukan kata BA ke dalam bahasa Melayu (BM) bukan sekadar membawa butiran leksikal semata-mata, tetapi turut disertai dengan sistem fonologi bahasa sumber. Kesannya menimbulkan dua fenomena kebahasaan, iaitu (i) bunyi asing itu mengalami perubahan dan penyesuaian kerana keperluan untuk mematuhi sistem fonologi bahasa Melayu, dan (ii) bunyi asing itu mengekalkan bentuk asalnya lalu membawa masuk unsur baharu dalam sistem fonologi BM. Oleh itu, fenomena peminjaman bahasa adalah sesuatu yang lazim dibincang dan dianalisis oleh beberapa sarjana.

Kajian tentang kata pinjaman Arab (KPA) dalam DMP telah dilakukan oleh beberapa sarjana tempatan antaranya, Assaming (2001) dan Nisarati (2010). Kajian Assaming mengkaji aspek perubahan fonologi dan perubahan semantik dengan mendapati bahawa banyak berlaku perubahan fonem atau penggantian fonem. Misalnya, fonem /q/ berubah menjadi fonem [k], fonem /ð/ berubah menjadi fonem [z]. Seterusnya, banyak berlaku perubahan fonem pada suku kata terakhir berbanding suku kata pertama, seperti perkataan /taʔxiir/ berubah menjadi [taʔak<sup>h</sup>e], /maʔlu:q/ berubah menjadi [mak<sup>h</sup>əloʔ]. Namun begitu, kajian tersebut lebih berfokus kepada perubahan semantik dan bersifat deskriptif. Oleh itu, kajian ini berfokus kepada proses pengguguran konsonan di koda dan penyisipan vokal kerana proses ini didapati lebih produktif apabila KPA diserap ke dalam DMP dari data primer dan dianalisis dengan menggunakan teori Optimali (TO) untuk huraianya.

### STRUKTUR SUKU KATA DIALEK MELAYU PATANI DAN BAHASA ARAB

Setiap bahasa dalam dunia mempunyai struktur suku kata tersendiri. Perbezaan struktur suku kata menyebabkan berlaku perubahan fonologi. DMP mempunyai struktur suku kata yang dapat dibahagikan kepada empat jenis pola yang merupakan suku kata teras (*core syllable*) seperti kebanyakan bahasa. Pola-polanya, iaitu (a) KV [wi] ‘beri’, [ku] ‘aku’, [ti.do] ‘tidur’ (b) KV [mek] ‘ambil’, [caʔ] ‘cat’, [doh] ‘sudah’, [məʔ] ‘mak’ (c) KKV (KK= Konsonan panjang) [g:i] ‘pergi’, [nne] ‘enam’, [cce] ‘ingat’, [cca] ‘air buangan’ dan (d) KVKV [ttoʔ] ‘nenek’, [ddoŋ] ‘tak peduli’, [bboʔ] ‘buku’. Berdasarkan pola-pola tersebut, sistem fonologi DMP membenarkan suku kata ringan sahaja. Pernyataan ini turut disokong oleh Topintzi (2008: 8) “*Pattani Malay has a single weight distinction between heavy and light syllables. Heavy syllables are those that include a geminate moraic onset consonant. Light syllables are all the remaining syllable types*”.

Manakala BA pula, terletak dalam golongan bahasa infleksi (*inflection language*) atau dikenali juga sebagai bahasa fleksi (*flectional language*). Pembentukan kata bahasa dalam golongan ini menunjukkan gabungan ciri-ciri distingtif dari segi semantik dalam satu bentuk terikat yang tunggal atau dalam bentuk terikat yang bersatu dengan padunya. Dengan kata lain, ia memperlihatkan perubahan dalaman bagi kata dan ciri-ciri yang berkaitan dengan aspek masa, jumlah, genus (jantina), kasus, dan lain-lain secara serentak (Bloomfield 1992:238; Asmah Haji Omar 1992:54). Struktur suku kata BA telah dibincangkan oleh Gadoua (2000) dan McCarthy (2005). Mereka membahagikan struktur suku kata dasar BA kepada lima kategori, pola-pola suku katanya, iaitu (a) KV [ka], [ba], (b) KVK [nun], [sof], (c) KVV [maa], [taa], (d) KVVK [jiin], [naas] dan (e) KVVK [kufr], [batl]. Manakala, Halpern (2009), menambah satu kategori tambahan iaitu KVVKK (cth. shaabb). Oleh itu, BA mempunyai struktur suku kata yang kompleks berbanding DMP, yakni BA mempunyai suku kata berat dan suku kata extra berat. Manakala, DMP merupakan suku kata ringan dan geminat onset sahaja. Oleh itu, persamaan dan perbezaan struktur ini merupakan faktor penting yang menentukan sama ada struktur suku kata BA itu diserap sepenuhnya sebagaimana bahasa sumber ataupun diubah mengikut struktur suku kata dalam DMP.

## KERANGKA TO

TO telah dibangun oleh Prince & Smolensky (1993) dengan mencadangkan bahwa nahu universal mengandung satu set kekangan yang boleh diingkari. TO juga mencadangkan setiap bahasa mempunyai tatatingkat kekangannya tersendiri dalam set kekangan nahu universal tersebut (Archangeli & Langendoen, 1997:11 dalam Syarifah). Terdapat lima ciri utama dalam prinsip TO yang digunakan oleh McCarthy dan Prince (1993). Ciri-ciri tersebut dirumuskan seperti berikut.

1.	Universaliti ( <i>Universality</i> )	Nahu sejagat ( <i>universal grammar</i> ) menyediakan set kekangan-kekangan yang bersifat sejagat. Kekangan-kekangan sejagat ini wujud dalam semua nahu bahasa.
2.	Pengingkaran ( <i>Violation</i> )	Kekangan dalam TO boleh diingkari tetapi mestilah berlaku pada tahap minimum.
3.	Tatatingkat ( <i>Ranking</i> )	Kekangan dalam CON ( <i>constraints</i> ) ditatatingkat secara khusus bahasa.
4.	Keterangkuman ( <i>Inclusiveness</i> )	Hierarki kekangan menilai satu set calon-calon yang dianggap munasabah oleh struktur kepurnaan bentuk ( <i>well-formedness</i> ).
5.	Keselarian ( <i>Parallelism</i> )	Pematuhan pada tatatingkat kekangan dinilai berpandukan keseluruhan tatatingkat dan set calon. Derivasi secara berperingkat tidak wujud.

Teori ini juga tidak menggunakan derivasi rumus tulis semula. Input dijanakan bagi menghasilkan satu set barisan calon yang munasabah dari segi kepurnaan bentuknya termasuklah calon optimal. Setiap calon akan dinilai melalui proses penilaian dan akhirnya calon optimal sahaja muncul sebagai output. Kekangan dalam gagasan TO meliputi dua jenis kekangan, iaitu sama ada kekangan Kesetiaan (*faithfulness constraints*) mahupun kekangan Kebertandaan (*markedness constraints*). Dalam TO, tatatingkat kekangan berhierarki ataupun satu set kekangan yang menggambarkan hubungan antara input dan output serta pemuatan dan pengingkaran kekangan yang disusun dalam satu sistem bahasa diformalisasikan dalam bentuk tablo (McCarthy, 2008). Contohnya seperti berikut:

/Input/	K1	K2
a .calon a	!*	
☞ b .calon b		*

Berdasarkan tablo di atas, calon akan disenaraikan secara menegak. Manakala kekangan disenaraikan secara mendatar. Calon yang tidak mengingkari kekangan, ruang dalam tablo akan dibiarkan, namun calon yang mengingkari akan ditanda '\*'. Calon yang ditanda '\*!' merujuk kepada calon yang telah tewas dalam penilaian kepurnaan kekangan. Seterusnya, calon yang dapat kemenangan akan ditandakan dengan simbol '☞' seperti di atas. Calon yang mengingkari kekangan yang lebih tinggi akan ditolak, manakala calon yang mengingkari kekangan yang paling rendah daripada set kekangan akan muncul sebagai calon optimal pada peringkat permukaan. Oleh demikian, melalui kerangka TO, input data merupakan perkataan yang diambil dari bahasa sumber, iaitu BA. Output yang terhasil pula merupakan perkataan yang diambil dari bahasa peminjam, iaitu DMP.

## PEMAPARAN DATA

Data yang telah digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah data primer dengan menggunakan dua teknik penyelidikan lapangan, iaitu teknik temu bual dan teknik pemerhatian terhadap penutur

natif DMP. Berikut merupakan data yang mengalami pengguguran konsonan likuida dan pengguguran konsonan nasal apabila KPA dipinjam ke dalam DMP:

Jadual 1. Data pengguguran konsonan likuida/nasal di koda suku kata dalam DMP

Bahasa Arab	DMP	Makna
ʕadʒal	ʔadʒa	Ajal
Halāl	Hala	Halal
Xabar	k <sup>h</sup> ɔba	Khabar
ʃukūr	ʃuko	Syukur
Harām	hare	Haram
ʕihram	ʔihre	Ihram
ʕislam	ʔisle	Islam
ʕimān	ʔime	Iman
Xatam	k <sup>h</sup> ɔte	Khatam
Badan	baɗe	Badan

Seterusnya, data yang mengalami penyisipan vokal apabila KPA dipinjam ke dalam DMP contohnya seperti berikut.

Jadual 2. Data penyisipan vokal di posisi koda dalam DMP

Bahasa Arab	DMP	Makna
Hukm	Hukoŋ	Hukum
Fiqh	fɛkəh	Fikah
Subh	Suboh	Subhi
ʕiðn	ʔizeŋ	Izin
Nafs	Nafah	Nafas
ʃart	ʃarɔʔ	Syarat
dunja	Duniʒa	Duniya
manfaʕat	munaʔaʔaʔ	Manfaat
fitnah	fitənəh	Fitnah
hidʒrah	hidʒərəh	Hijrah
qiblah	kibəlaʔ	Kiblat
madrəsah	madərəsah	madrasah

Input yang mempunyai rangkap konsonan di posisi koda telah disisip oleh vokal /a/, /o/, /ɔ/, /e/, /i/, dan /ə/ di antara konsonan tersebut pada peringkat output. Input yang terdiri daripada satu suku kata didapati berubah menjadi dua suku kata di peringkat output. Selain itu, DMP juga mengalami proses pengguguran konsonan di akhir kata setelah menerima penyisipan vokal /a/ di posisi koda. Hal ini juga berlaku untuk mengelakkan daripada suku kata kompleks pada posisi koda yang tidak dibenarkan dalam DMP. Berikut merupakan data tersebut:

Jadual 3 Data penyisipan vokal /a/ dan pengguguran konsonan di akhir kata

Bahasa Arab	DMP	Makna
Batl	Bata	batal
fadʒr	fadʒa	fajar
Hifz	Hafa	hafal
sabr	Soba	sabar
ʕasl	ʔasa	asal

fasl	Fasa	fasal
lafz	Lafa	lafaz

Data di atas, menunjukkan struktur suku kata DMP tidak membenarkan kompleks koda. Oleh itu, kata pinjaman yang mengandungi kompleks koda akan berlaku perubahan struktur suku katanya. Ia juga berlaku dalam banyak bahasa dan dialek di dunia seperti Hausa (Alqatani & Musa 2015) dan Jepun (Iverson & Lee 2006).

### ANALISIS KAJIAN

Setelah berlaku proses peminjaman kata dari BA ke DMP berlaku perubahan fonologi ke atas perkataan yang dipinjam mengikut sistem fonologi DMP. Fenomena tersebut iaitu pengguguran konsonan di koda dan penyisipan vokal.

### PENGGUGURAN KONSONAN DI KODA

Fenomena pengguguran adalah salah satu fenomena yang dikawal oleh SYARAT KODA dalam BM, iaitu perlu menggugurkan segmen /r/ di akhir kata (Zaharani 2013). Namun dalam DMP, pengguguran yang berlaku adalah pengguguran segmen likuida /r, l/ dan konsonan nasal /N/ yang berada di posisi koda suku kata. Berdasarkan data jadual 1, KPA yang mempunyai konsonan likuida /r, l/ mengalami pengguguran di posisi koda suku kata. Hal ini kerana penelitian terhadap kosa kata dalam DMP, tidak wujud perkataan-perkataan yang mempunyai segmen /l/ dan /r/ di posisi koda (nodus koda) kecuali di posisi onset sahaja. Itô dan Mester (1994), menjelaskan lagi bahawa kekangan SYARAT KODA telah diberi interpretasi semula dan diformalisasikan dalam format pernyataan JAJARAN (*alignment*) yang mensyaratkan sesuatu konsonan itu dijajarkan di posisi kiri suku kata seperti di bawah:

- (1) SYARAT KODA: Jajar Kiri (K,  $\sigma$ )  
Kekangan ini bersyarat bunyi konsonan tidak dibenarkan hadir di posisi nodus koda. Namun begitu, SYARAT KODA bagi setiap bahasa menangani fenomena yang berbeza. Walau bagaimanapun, berdasarkan formalisme JAJARAN yang diutarakan oleh Itô dan Master's (1994), kekangan SYARAT KODA, DMP yang melibatkan pengguguran konsonan likuida /l, /r/ boleh dilabelkan sebagai JAJAR-LIKUIDA dan diformalisasikan seperti di bawah:
- (2) JAJAR-LIKUIDA  
Jajar Kiri (l & r,  $\sigma$ )  
Kekangan JAJAR-LIKUIDA mensyaratkan konsonan likuida /l, /r/ harus berada di posisi kiri suku kata. Jika konsonan tersebut disukukatakan di posisi koda, maka kekangan ini diingkari.
- (3) MAKS-IO  
Setiap segmen konsonan dalam input mestilah mempunyai koresponden di dalam output (pengguguran tidak dibenarkan).
- (4) DEP-IO  
Setiap segmen output mesti mempunyai koresponden dalam input (penyisipan konsonan tidak dibenarkan).

Kekangan JAJAR-LIKUIDA dan MAKS-IO perlu diatur secara dominasi kerana keduanya berada dalam keadaan konflik antara satu sama lain. Kekangan JAJAR-LIKUIDA harus mendominasi kekangan MAKS-IO. Sehubungan itu, terdapat dua calon yang munasabah yang boleh dipertimbangkan seperti (i) [k<sup>h</sup>ɔ.ba.ra] dan (ii) [k<sup>h</sup>ɔ.bar]. Calon (i) terhasil daripada penyisipan vokal /a/ di akhir kata. Calon (ii) terhasil daripada pengguguran segmen di akhir kata namun, mengekalkan segmen /r/ di posisi koda menyebabkan calon (ii) ingkar kekangan JAJAR-LIKUIDA. Selain itu,

berdasarkan output, terdapat calon-calon yang mengalami perubahan fitur, iaitu mengingkari kekangan IDENT-IO [F] daripada kekangan keluarga kesetiaan yang didefinisikan seperti di bawah:

- (5) IDENT-IO [F]  
Spesifikasi fitur daripada segmen input mestilah berkoresponden dengan fitur yang sama dalam output.

Hal ini akan menyebabkan mana-mana calon yang mengalami perubahan dari segi fitur akan mengingkari kekangan IDENT-IO [F] pada tahap yang lebih rendah. Fenomena ini dapat direpresentasikan dalam tablo berikut:

Tablo 1.1 Tatatingkat kekangan JAJAR-LIKUIDA >>DEP-IO >>MAKS-IO >>IDENT-IO [F]

/χabar/	JAJAR-LIKUIDA	DEP-IO	MAKS-IO	IDENT-IO [F]
a. χa.bar	*!			
☞ b. k <sup>h</sup> ɔ.ba			*	**
c. k <sup>h</sup> ɔ.ba.ra		*!		**
d. k <sup>h</sup> ɔ.bar	*!			**

Tablo di atas, calon (a) dan calon (d) mengingkari kekangan yang tertinggi iaitu JAJAR-LIKUIDA dan tersingkir dalam pertandingan ini. Calon (c) pula mengingkari kekangan DEP-IO yang lebih tertinggi. Maka calon (b) dipilih sebagai calon optimal kerana mengingkari kekangan yang lebih rendah pada tahap minimal, iaitu kekangan MAKS-IO. Oleh itu, susunan tatatingkat kekangan di atas berjaya menghasilkan calon sebenar, iaitu calon (b) sebagai calon optimal.

Selain itu, berdasarkan data jadual 1 selain dari penguguran konsonan likuida, terdapat data yang mengalami penguguran konsonan nasal. Mengikut Pareeda (2007), penghilangan konsonan nasal ini berlaku setelah vokal sebelumnya adalah vokal /a/ dan /ã/. Hal ini disebabkan oleh proses penaikan vokal /a/, /ã/ menjadi /ɛ/. Penaikan vokal ini berlaku kerana dalam DMP tidak terdapat vokal rendah /a/ yang diikuti oleh konsonan nasal di akhir kata. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa perubahan seperti ini berlaku apabila vokal /a/ didahului konsonan nasal. Hal ini disebabkan proses asimilasi, yakni vokal /a/ yang didahului oleh konsonan nasal akan mengalami penguguran. Sementara itu, konsonan nasal /m/, /n/ pula akan direalisasi sebagai vokal /ɛ/. Misalnya perkataan /ʕislam/ → [ʔisɛ] 'Islam', /ʕimã/ → [ʔime] 'Iman'. Selain itu, konsonan nasal yang dibenarkan wujud di posisi koda suku kata dalam DMP hanya segmen /ŋ/ sahaja. Oleh itu, perkataan yang berakhir dengan konsonan nasal /m, n/ akan mengalami penguguran. Fenomena ini mengingkari kekangan SYARAT KODA, DMP<sup>33</sup>. Analisis fenomena ini ditunjukkan seperti tablo di bawah:

Tablo 1.2 Tatatingkat kekangan SYARAT KODA >> DEP-IO >> MAKS-IO >> IDENT-IO [F]

/ʕislam/	SYARAT KODA	DEP-IO	MAKS-IO	IDENT-IO [F]
a. ʕis.lam	*!			
☞ b. ʔis.ɛ			*	*
c. ʔi.sa.ɛ		*!		**
d. ʔis.lɛm	*!			**

Tablo atas, calon (a) dan calon (d) mengingkari kekangan yang tertinggi iaitu SYARAT KODA dan tersingkir dalam pertandingan ini. Calon (c) pula mengingkari kekangan DEP-IO yang

<sup>33</sup> SYARAT KODA dalam DMP yang bersyarat segmen di posisi koda hanya membenarkan segmen bukan daerah (h, ʔ, ŋ)

lebih tertinggi. Calon (b) mengingkari kekangan yang lebih rendah pada tahap minimal, iaitu kekangan MAKS-IO melalui pengguguran. Oleh itu, calon (b) dipilih sebagai calon optimal. Selain itu, susunan tatatingkat kekangan di atas juga berjaya menghasilkan calon sebenar, iaitu calon (b) sebagai calon optimal. Menurut Zaharani (2013), terdapat tiga strategi utama yang boleh digunakan oleh sesuatu bahasa bagi memastikan kekangan SYARAT KODA dipatuhi, iaitu (i) pengguguran segmen, (ii) penyisipan vokal, dan (iii) perubahan fitur.

### PENYISIPAN VOKAL

BA merupakan bahasa yang membenarkan suku kata ekstra berat atau kompleks koda pada suku kata dasarnya, iaitu berstruktur KVKK (Gadoua 2000 & McCarthy 2005). Namun, struktur ini tidak didapati dalam sistem fonologi DMP. Oleh itu, berlaku penyisipan vokal. Ini kerana untuk memisahkan rangkap konsonan (koda kompleks). Penyisipan vokal telah membentuk suku kata kedua pada perkataan tersebut. Vokal yang boleh disisip termasuklah /a/, /o/, /ɔ/, /ə/, /i/, /e/ dan /ɛ/. Justeru itu, dua strategi yang dibenarkan dalam fenomena ini, iaitu (i) penyisipan vokal di koda kompleks (i.e KVKK >> KV.KVK), (ii) penyisipan vokal di antara koda kompleks serta melibatkan pengguguran konsonan di akhir suku kata (i.e KVKK >> KV.KV). Data ini dapat dilihat pada jadual 2 dan 3.

KPA yang mempunyai suku kata ekstra berat atau koda kompleks telah berubah menjadi dua suku kata ringan dalam DMP. Hal ini sama seperti contoh data sebelum ini yang mana struktur suku kata DMP membenarkan hanya suku kata ringan dan geminat onset sahaja. Perubahan seperti ini juga dapat dilihat dalam bahasa Jepun (Smith 2006), bahasa Sranan (Alber & Plag 1991), dan bahasa Hausa (Alqatani.M. & Musa. R. 2015). Walau bagaimanapun, fenomena ini juga berlaku dalam BM, yang dinamakan fenomena “harmoni vokal”, iaitu jenis vokal berasimilasi dengan fitur vokal. Misalnya, vokal pada suku kata pertama /i/, maka vokal pada suku kata kedua perlu menjadi /i/. Namun begitu, terdapat perbezaan antara BM dan DMP, iaitu penyebaran vokal kepada suku kata kedua tidak dikategorikan berasimilasi dengan fitur vokal. Contohnya, /hukm/ → [hukoŋ] ‘hukum’, /subh/ → [suboh] ‘subuh’ dan sebagainya. Oleh itu, fenomena penyisipan vokal dalam DMP tidak dipanggil harmoni vokal. Penyisipan vokal berlaku bagi mengatasi permasalahan koda kompleks. Penyisipan vokal didorong oleh kekangan \*KOMPLEKS (Prince & Smolensky 1993) yang mendefinisikan seperti berikut:

(6) \*KOMPLEKS

Setiap nodus suku kata tidak harus digabungkan lebih daripada satu K (onsonan) atau V (okal).

Kekangan \*KOMPLEKS dianggap diingkari oleh mana-mana kata yang mempunyai suku kata kompleks, sama ada kompleks nukleus, kompleks onset atau kompleks koda. Selain itu, output DMP melibatkan semua jenis vokal, iaitu /o/, /a/, /ɔ/, /ɛ/ dan /e/. Oleh yang demikian, kekangan yang berpotensi menjadi penilai adalah kekangan kebertandaan \*RENDAH (Shoji & Shoji 2014). Kekangan ini perlu mendominasi kekangan DEP-IO. Definisi secara formal bagi kekangan \*RENDAH adalah seperti berikut:

(7) \*RENDAH

Vokal tidak seharusnya rendah

Selain itu, terdapat calon yang munasabah calon (c) [huk]. Calon (c) terhasil dengan menggugurkan segmen /m/ dan melanggar kekangan MAKS-IO dengan menggugurkan segmen. Oleh itu, kekangan MAKS-IO perlu diletakkan pada tahap yang lebih rendah kerana pengguguran dalam DMP adalah bersifat lazim. Tatatingkat kekangan dapat disimpulkan mengikut tablo di bawah:



Tablo 2.1 Tatatingkat kekangan \*KOMPLEKS &gt;&gt; \*RENDAH &gt;&gt; DEP-IO &gt;&gt; MAKS-IO


/hukm/	*KOMPLEKS	*RENDAH	DEP-IO	MAKS-IO
a. hukm	*!			
☺b. hu.koŋ		*!	*	
☹c. Huk				*

Tablo di atas, menunjukkan calon (a) dan (b) mengingkari kekangan yang rendah. Calon (c) mengingkari kekangan MAKS-IO pada tahap yang paling rendah. Oleh itu, calon (c) muncul sebagai pemenang. Walau bagaimanapun, calon (c) yang muncul sebagai pemenang merupakan pilihan output yang tidak tepat dan ditanda dengan lambang (☹). Ini kerana calon optimal yang sebenar adalah calon (b) yang ditanda dengan lambang (☺). Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, BM cenderung untuk bersifat disilabik yang merupakan sifat alamiah bahasa (Adam 2002). Keterangan ini juga berlaku dalam DMP yang bersifat disilabik. Perkara ini dapat dikesan melalui penelitian contoh-contoh data DMP yang tidak ada satu perkataan menggugurkan segmen rangkap konsonan di posisi koda kecuali setelah berlaku penyisipan vokal. Justeru itu, kecenderungan perubahan dari satu suku kata menjadi dua suku kata dikawal oleh kekangan kata minimal yang tergolong dalam keluarga kekangan kebertandaan prosodik, iaitu kata prosodik (KtPr) sama dengan kaki dedua (KD) (*foot binarity*) dan boleh diformulasikan seperti di bawah:

- (8) Kekangan kata minimal  
KtPr = KD- $\sigma$

Satu kata prosodik hendaklah mempunyai satu kaki (dua suku kata) di bawah analisis suku kata.

Diagram KtPr = KD- $\sigma$



Kekangan kata minimal boleh dilakukan untuk menepati beberapa strategi, dan salah satunya adalah penyisipan vokal. Oleh sebab KPA bagi DMP berubah menjadi dua suku kata, maka pengingkaran kekangan KtPr=KD- $\sigma$  dapat dielakkan. Bagi KPA, kekangan ini mendominasi kekangan \*RENDAH, DEP-IO, dan MAKS-IO tetapi harus disusun di bawah kekangan \*KOMPLEKS. Hal ini kerana DMP menunjukkan suku kata yang lebih dan kurang daripada dua suku kata boleh wujud. Justeru itu, kekangan ini boleh diingkari pada situasi yang lain. Kekangan yang menangani fenomena kompleks koda dapat dilihat seperti tablo di sebelah:

Tablo 2.1 \*KOMPLEKS>>KtPr=KD- $\sigma$  >>\*RENDAH >> DEP-IO >> MAKS-IO.


/hukm/	*KOMPLEKS	KtPr = KD- $\sigma$	*RENDAH	DEP-IO	MAKS-IO
a. hukm	*!				
☺b. hu.koŋ			*	*	
c. huk		*!			*

Tablo 2.1 calon (b) dipilih sebagai calon optimal kerana mengingkari kekangan yang lebih rendah pada tahap minimal, iaitu kekangan \*RENDAH, manakala calon (a) dan (c) mengingkari

kekangan yang paling tinggi, iaitu \*KOMPLEKS dan KtPr=KD- $\sigma$  lalu tewas dalam pertandingan ini. Kekangan DEP-IO dan MAKS-IO tidak lagi relevan dalam situasi ini. Oleh itu, susunan tatatingkat kekangan di atas berjaya menghasilkan calon sebenar, iaitu calon (b) sebagai calon optimal.

Sehubungan dengan itu, data pada jadual 3 menunjukkan bahawa KPA yang mempunyai satu suku kata ekstra berat atau kompleks di posisi koda seperti /batl/ 'batal' akan berubah menjadi dua suku kata yang merupakan suku kata ringan dalam DMP iaitu [bata].

Oleh yang demikian, KPA yang berstruktur [KVKK] akan berubah menjadi [KV.KV] dalam DMP. Konsonan di posisi koda juga turut digugurkan kerana DMP tidak membenarkan konsonan likuida wujud di posisi koda seperti yang telah dibincangkan pada bahagian fonema pertama. Representasi perubahan ini digambarkan seperti rajah 1 di bawah:



Rajah 1 Pengguguran kompleks koda KPA di akhir kata dalam DMP

Fenomena seperti ini juga berlaku dalam bahasa Jepun (BJ). Menurut Smith (2006), BJ kerap melakukan penyisipan vokal (*vowel epentesis*). Smith (2006) menggunakan urutan kekangan tablo tertentu bagi kes ini, iaitu perkataan yang dipinjam dari bahasa asing akan mempunyai kekangan pengguguran di tahap yang lebih rendah dan penyisipan vokal akan berada di tempat yang lebih tinggi.

Tablo di bawah menunjukkan strategi yang sama, iaitu selepas berlaku penyisipan vokal namun pada masa yang sama ia juga berlaku pengguguran, yakni output yang terhasil, mengalami dua proses secara serentak. Bagi fenomena ini, kekangan yang perlu diatur dalam susunan tatatingkat seperti yang dinyatakan oleh Smith (2005) adalah \*KOMPLEKS >> DEP-IO >> MAKS-IO.

Oleh itu, terdapat empat calon lain yang munasabah di peringkat output, iaitu calon (a) [fadʒr], calon (b) [fa.dʒa], calon (c) [fadʒ] dan calon (d) [fadʒar]. Calon (c) dijana kerana mengingkari kekangan KtPr=KD- $\sigma$  yang suku katanya kurang dari dua suku kata. Manakala, calon (d) dijana kerana terdapat sesetengah data KPA yang diserap ke dalam DMP menyesuaikan sistem fonologi melalui penyisipan vokal. Dalam KPA, kekangan KtPr = KD- $\sigma$  mendominasi DEP-IO dan MAKS-IO, tetapi harus disusun di bawah kekangan \*KOMPLEKS. Berikut adalah tatatingkat kekangan yang menangani fenomena kompleks koda dalam DMP, iaitu \*KOMPLEKS >> KtPr = KD- $\sigma$  >> DEP-IO >> MAKS-IO.

Tablo 2.2 Tatatingkat kekangan \*KOMPLEKS>>KtPr=KD- $\sigma$ >>DEP-IO>>MAKS-IO

/fadʒr/	*KOMPLEKS	KtPr=KD- $\sigma$	DEP-IO	MAKS-IO
a. fadʒr	*!	*		
⊙b. fa.dʒa			*	*
c. fadʒ		*!		**
⊙d. fa.dʒar			*	

Tablo 2.2 menunjukkan calon (a) tewas lebih awal kerana mengingkari kekangan tertinggi iaitu \*KOMPLEKS. Calon (c) mengingkari kekangan KtPr=KD- $\sigma$ . Calon (b) dan calon (d) pula, mengingkari kekangan DEP-IO dan muncul sebagai calon yang optimal dalam keadaan yang seri. Walau bagaimanapun, calon (d) yang muncul sebagai pemenang merupakan pilihan output yang tidak tepat lalu ditanda dengan lambang ( $\ominus$ ). Ini kerana calon optimal yang sebenar adalah calon (b) yang ditanda dengan lambang ( $\odot$ ). Untuk mendapatkan calon sebenar sebagai calon optimal, salah satu kekangan yang boleh diatur dalam tatatingkat adalah kekangan JAJAR-LIKUIDA. Kekangan ini perlu mendominasi DEP-IO dan MAKS-IO. Fenomena ini dapat diselesaikan seperti tablo berikut:

Tablo 2.3 \*KOMPLEKS >> KtPr=KD- $\sigma$  >> JAJAR-LIKUIDA >> DEP-IO >> MAKS-IO

/fadʒr/	*KOMPLEKS	KtPr=KD- $\sigma$	JAJAR-LIKUIDA	DEP-IO	MAKS-IO
a. fadʒr	*!	*	*		
$\odot$ b. fa.dʒa				*	*
c. fadʒ		*!			**
d. fa.dʒar			*!	*	

Tablo di atas, menunjukkan bahawa calon (a), (c) dan (d) mengingkari kekangan yang dominan iaitu \*KOMPLEKS, KtPr = KD- $\sigma$  dan JAJAR-LIKUIDA dan tersingkir dalam pertandingan ini. Manakala, calon (b) dipilih sebagai calon optimal kerana mengingkari kekangan yang rendah pada tahap minimal, iaitu kekangan DEP-IO. Oleh itu, susunan tatatingkat kekangan di atas berjaya menghasilkan calon sebenar, iaitu calon (b) sebagai calon optimal secara tepat.

Hasil analisis menunjukkan bahawa kekangan-kekangan yang diaplikasikan dalam KPA adalah sama dengan kekangan bahasa Melayu natif. Namun begitu, perbezaan kekangan yang ketara adalah kekangan SYARAT KODA, kekangan KtPr=KD- $\sigma$ , kekangan \*RENDAH, dan kekangan \*KOMPLEKS. Hal ini demikian kerana dalam DMP, kekangan ini dominan dan tidak boleh diingkari. Perbezaan ini berpunca daripada penyesuaian kata pinjaman yang mempunyai sistem nahu tersendiri.

### KESIMPULAN

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa TO dapat menghasilkan se peringkat kekangan bagi fenomena pengguguran konsonan di koda suku kata dan penyisipan vokal. Sistem fonologi DMP tidak membenarkan kehadiran kompleks segmen di posisi koda, manakala kompleks segmen yang hadir di posisi onset dibenarkan (Topintzi 2008). Oleh demikian, bagi menyelesaikan fenomena kompleks koda daripada KPA terdapat dua strategi, iaitu (i) penyisipan vokal di antara rangkap konsonan dan penyisipan vokal yang melibatkan pengguguran konsonan di koda. Bagi fenomena (i) penyisipan vokal di antara rangkap konsonan, susunan tatatingkat kekangan yang didapati adalah \*KOMPLEKS >> KtPr=KD- $\sigma$  >> \*RENDAH >> DEP-IO >> MAKS-IO. Bagi fenomena (ii) penyisipan vokal yang melibatkan pengguguran konsonan di koda pula adalah \*KOMPLEKS >> KtPr = KD- $\sigma$  >> JAJAR-LIKUIDA >> DEP-IO >> MAKS-IO. Manakala, susunan tatatingkat bagi fenomena pengguguran konsonan di koda adalah SYARAT KODA >> JAJAR-LIKUIDA >> DEP-IO >> MAKS-IO >> IDENT-IO (F). Selain itu, kajian ini dapat menghasilkan set kekangan bagi mengawal fenomena perubahan fonologi KPA dalam DMP dan dapat memberi penambahbaikan terhadap kajian sedia ada. Secara tidak langsung juga, kajian ini telah menyumbang kepada perkembangan kajian DMP yang menggunakan TO.

### RUJUKAN

Ahmad Fathy al-Fatani. (1994). **Pengantar Sejarah Patani**. Alor Setar: Pustaka Darussalam.

- Amran Kasimin. (1987). **Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu**. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Assaming Kareng. (2001). Arabic Loanwords in Patani Malay. **Tesis Sarjana**. University of Chulalongkorn.
- Awang Mohammad Amin. (1993). Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula. **Jurnal Dewan Bahasa**. 37(1): 49-58.
- Bougas, W. A. (1994). **The Kingdom of Patani: Between Thai and Malay Mandalas**. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayatee Lateh. (2010). Kata Pinjaman Bahasa Thai Standard dalam Dialek Melayu Patani: Teori Optimaliti. **Tesis Sarjana**. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ibrahim. (1970). Konsonan-Rangkap Arab: Penyesuaiannya dengan Sistem Konsonan Bahasa Melayu. **Dewan Bahasa**. Oktober: 458-461.
- Kager, R. (1999). **Optimality Theory**. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maizura Osman. (2010). Aspek Fonologi Kata Pinjaman Arab ke dalam Bahasa Melayu. **Tesis Sarjana**. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nisarath Abdullah. (2010). A Comparative Study of the Meaning of Arabic Words and Arabic Loanwords in Thai: A Case Study of the Present-day Muslim-thais. **Thesis Ph. D**. University of Kasertart.
- Pareeda Hayeeteh. (2007). Penghilangan dan Penambahan Konsonan dalam dialek Melayu Patani. **Tesis Sarjana**. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prince, A&Smolensky, P. (1993). **Optimality Theory: Constraint Interaction in Generative Grammar**. Rutgers University, New Brunswick, NJ. Report RUCCS TR-2.
- Ruslan Uthai. (1991). Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumber Tai-Kadai dan Austronesia. **Tesis Doktor Falsafah**. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslan Uthai. (2011). **Keistimewaan dialek Melayu Patani**. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakinah Nik Muhammad Naziman, Sharifah Raihan Syed Jaafar, Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014). Debukalisasi Kata Pinjaman Inggeris dalam Dialek Kelantan. **Journal Bahasa** Jilid 14 Bil.2.
- Sakinah Nik Muhammada Naziman. (2015). Adaptasi Fonologi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Dialek Kelantan: Analisis Teori Optimaliti. **Tesis Sarjana Falsafah**. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2012). Co-Phonology vs. Indexed Constraint Theory: A case Study of Perak Dialect Partial Reduplication. **Journal of the Southeast Asian Linguistics Society (JSEALS)** 5: 97-106.
- Zaharani Ahmad. (2009). Pemeriksaan dan Pembinaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. **Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-V**, hlm. 446-454.

## Realisasi Kontras Penyuaran Bunyi Plosif Awal Kata Dialek Melayu- Patani di Lenggong Perak

**Norhaniza Abdul Khairi**

norhaniza.khairi@gmail.com

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Minden Pulau Pinang.

**Shahidi A.H.**

zedic@ukm.edu.my

Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor

### ABSTRAK

Kajian dialek Melayu-Patani Lenggong (dMPL) ini merupakan kesinambungan usaha pengkaji terdahulu yang telah mengkaji realisasi kontras penyuaran bunyi plosif Bahasa Melayu. Penelitian ke atas kosa ilmu kajian lepas menunjukkan bahawa varian Bahasa Melayu seperti dialek masih kurang dikaji secara instrumental. Sehubungan itu, dMPL dipilih sebagai bahan kajian. Perbincangan bertumpu kepada hasil analisis realisasi kontras penyuaran bunyi plosif /p,b,t,d,k,ɣ/ di awal kata yang terkandung dalam pertuturan dua orang informan berlainan jantina yang berasal dari Kg. Luat, Lenggong di Perak. Data pertuturan informan dirakam, dianalisis menggunakan perisian Praat dipaparkan dalam bentuk rajah spektrogram. Dapatan awal menunjukkan bahawa dialek Melayu-Patani Lenggong (dMPL) memiliki bunyi plosif tak bersuara bercirikan *Short Voicing Lead* (SVL) dan bunyi plosif bersuara bercirikan *Voicing Lead* (VLd). Dapatan juga menunjukkan realisasi kontras penyuaran dMPL bersamaan dengan kajian Bahasa Melayu sebelum ini, tetapi bertentangan dengan Bahasa Inggeris yang tergolong dalam kategori *Long Voicing Lead* (LVL) vs. *Short Voicing Lead* (SVL). Kajian realisasi kontras penyuaran bunyi plosif di awal kata dMPL ini adalah satu kajian bersifat rintisan yang mampu dimanfaatkan bagi membina sebuah kajian yang berwibawa dengan meneliti lebih banyak aspek penanda akustik serta membandingkannya dengan faktor-faktor sosial dalam penghasilan bunyi plosif penutur dMP di kawasan yang lebih luas cakupannya, iaitu daerah Hulu Perak.

**Kata Kunci:** kajian akustik, analisis spektrografik, plosif, kontras penyuaran, perbandingan kualitatif

### PENDAHULUAN

Dialek Melayu Patani bukan dialek asing dalam kajian linguistik Melayu di Asia. Ramai pengkaji dari pelbagai cabang linguistik telah meneliti dan menghasilkan kajian berdasarkan dialek yang berasal dari Wilayah Patani di Thailand ini. Pelbagai teori serta pendekatan telah digunapakai untuk kajian-kajian lalu. Pengkajian menerusi bidang fonetik akustik merupakan satu usaha untuk menyediakan satu rekod ciri-ciri akustik bahasa dan dialek Melayu di Nusantara.

Kajian fonetik akustik lazimnya kerap memilih bunyi-bunyi obstruen terutamanya bunyi plosif sebagai fokus kajian. Obstruen merupakan bunyi konsonan yang dihasilkan oleh alat artikulasi manusia yang wujud dalam bentuk berpasangan bersuara-tidak bersuara. Bunyi yang dihasilkan oleh obstruen ialah bunyi yang kurang nyaring berbanding dengan bunyi sonoran seperti vokal dan geluncuran. Umumnya, bunyi obstruen terdiri daripada kelompok bunyi plosif, frikatif, dan afrikat. Bunyi obstruen yang lazim dipilih oleh pengkaji fonetik akustik ialah bunyi plosif yang terbahagi kepada plosif bilabial tak bersuara /p/, plosif bilabial bersuara /b/, plosif alveolar tak bersuara /t/, plosif alveolar bersuara /d/, plosif velar tak bersuara /k/, plosif velar bersuara /ɣ/.

Pemilihan plosif sebagai segmen bunyi yang dikaji adalah berdasarkan justifikasi bunyi ini merupakan bunyi terawal yang diperolehi oleh manusia semasa melalui fasa pemerolehan bahasa. Oleh yang demikian, diandaikan bahawa bunyi ini sudah dikuasai sepenuhnya oleh penutur yang akan

dikaji. Selain itu, pemilihan bunyi plosif juga disebabkan kekhususan ciri-ciri dan isyarat-isyarat akustiknya yang terserlah dengan bantuan konteks persekitaran kewujudannya (Shahidi *et al.* 2012). Ladefoged dan Maddieson (1996) juga menyatakan plosif merupakan satu-satunya konsonan yang hadir dalam kesemua bahasa di dunia. Berdasarkan justifikasi di atas, kajian ini telah mengkaji realisasi kontras penyuaran bunyi plosif awal kata dalam dialek Melayu- Patani di Lenggong Perak.

## METODOLOGI

### i. Segmen bunyi sasaran

Segmen bunyi yang diteliti ialah bunyi plosif bersuara dan plosif tak bersuara; iaitu /b, d, γ, p, t, k/. Ciri-ciri akustik diperhatikan pada bunyi-bunyi ini yang berada di awal sesuatu perkataan terpilih. Seterusnya, bentuk pola transisi formant juga diteliti di samping mengenalpasti ciri-ciri lain yang turut dibawa bersama oleh segmen bunyi sasaran yang dikaji.

### ii. Informan dan latar tempat kajian

Seramai dua orang informan dipilih secara rawak untuk menyertai kajian rintis ini. Kedua-duanya berusia antara 30 hingga 40 tahun. Peserta terdiri daripada informan lelaki dan perempuan. Mereka berasal dari Kampung Luat di daerah Lenggong, Perak. Kawasan petempatan ini merupakan perkampungan pinggir sungai Perak yang agak jauh dari jalan utama yang menghubungkan laluan Kuala Kangsar ke Lenggong. Kebanyakan penduduk di kampung ini menjalankan aktiviti tradisional sebagai mata pencarian mereka seperti menoreh getah, bertukang, atau menangkap ikan. Golongan wanita pula kebanyakannya adalah suri rumah ataupun bekerja sendiri dari rumah mereka.

### iii. Perakaman data

Informan diberikan penerangan tentang cara-cara menyebut nama gambar menggunakan kad imbas ditunjukkan. Apabila rakaman dimulakan, tiada klu atau bayangan yang diberikan kepada informan. Informan diminta menyebut nama setiap gambar mengikut dialek yang digunakan seharian. Setiap sebutan bagi setiap gambar yang diimbas, diulang sebanyak tiga kali dengan jeda bersesuaian.

### iv. Peralatan dan perisian

Sejumlah kad imbas telah disediakan dan disusun untuk tujuan imbasan kepada informan sewaktu rakaman dijalankan sebagai stimulasi tanpa pembayang kepada informan (Untuk tujuan kajian rintis, 6 kad imbas yang mengandungi 1 kata telah digunakan).

Rakaman data suara dibuat menggunakan perakam digital Sony Stereo IC ICD-PX440 dengan bantuan fungsi pengawalan bunyi persekitaran pada kadar yang minimum. Analisis data pula menggunakan perisian PRAAT versi 6.0.20 yang dimuat turun menerusi talian internet dan komputer riba jenama Samsung.

### v. Kaedah analisis

Data suara yang telah dirakamkan, dipindahkan ke dalam komputer riba. Kesemua data dibuka menerusi perisian PRAAT dan dipaparkan dalam bentuk rajah spektrografik. Pemerhatian dibuat berdasarkan paparan.

Masa mula VOT telah diukur bermula dari ledakan bunyi atau *Transient Burst Of Noise* (TBN) yang ditanda dengan anak panah berlabel A. Ledakan ini berakhir pada permulaan masa mula penyuaran vokal atau masa mula getaran pita suara (Miller J. L, Lydia E. V 1989) yang ditanda dengan anak panah berlabel B. VOT yang berlaku selepas penyuaran yang terhasil selepas ledakan diberikan nilai positif (Ladefoged & Johnson 2011; Docherty 1992). Bagi situasi penyuaran berlaku sebelum ledakan pula, ia diberikan nilai negatif (VLd). Anak panah bertanda A menandai permulaan getaran suara pada rajah spektrografik; manakala bahagian akhir VLd ditanda oleh anak panah berlabel B yang menunjukkan masa mula berlakunya pelepasan bunyi ledakan udara dari artikulator.

## OBJEKTIF

Kajian ini menganalisis ciri-ciri akustik bunyi plosif bersuara dan plosif tidak bersuara di awal kata penutur lelaki dan perempuan dMPL.


### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan hasil analisis VOT bagi segmen plosif /p, b, t, d, k, g/ yang hadir pada posisi awal kata dialek Melayu Patani Lenggong di Hulu Perak. Data sepenuhnya ditunjukkan dalam bahagian lampiran A.

#### i. Bunyi plosif bersuara di posisi awal kata

Informan A

Informan B




**Rajah 1: Bunyi plosif bilabial bersuara /b/**

Kedua-dua spektrogram dalam Rajah 1 menunjukkan masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah bertanda A dan B. Pelepasan TBN berlaku pada anak panah bertanda B. Spektrogram menunjukkan wujud aktiviti sebelum pelepasan sekatan atau TBN. Situasi ini menunjukkan wujudnya negatif VOT (voicing lead / VLd).

Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi forman bagi informan A yang bermula pada anak panah bertanda B ialah bercorak mendatar bagi bunyi [ba] di posisi awal kata. Informan B pula menunjukkan pola transisi forman bercorak menaik bagi bunyi [ba] di posisi awal kata.

Informan A


Informan B



**Rajah 2: Bunyi plosif alveolar bersuara /d/**

Menerusi Rajah 2, dapat diperhatikan masa mula bersuara informan A dan informan B sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah bertanda A dan B. Pelepasan sekatan berlaku pada anak panah bertanda B. Wujudnya aktiviti seakan aktiviti bunyi vokal pada sela masa yang sama dengan masa mula bersuara.

Spektrogram juga menunjukkan wujud aktiviti sebelum pelepasan sekatan. Situasi ini menunjukkan wujudnya VOT negatif atau VLd. Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi formant bagi informan A dan informan B yang bermula pada anak panah bertanda B ialah bercorak menaik bagi bunyi [da] di posisi awal kata.



Rajah 4: Bunyi plosif velar bersuara /g/


Dalam Rajah 4, masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah bertanda A dan C bagi informan A. Terdapat *silent gap* di antara anak panah B dan C sebelum bunyi vokal dihasilkan.

Spektrogram pertuturan informan B pula menunjukkan masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah bertanda A dan C. Walau bagaimanapun, spektrogram yang dihasilkan tidak menunjukkan wujudnya *silent gap* di antara anak panah B dan C. Tetapi masih terdapat 2 kali letusan yang kelihatan; iaitu anak panah B dan anak panah C.

Bagaimanapun, bagi kedua-dua informan A dan B ini, pelepasan sekatan dikatakan berlaku pada anak panah bertanda C disebabkan garisan lurus yang menandakan berlakunya letusan itu berada paling hampir dengan bunyi vokal. Ia menandakan permulaan bagi bunyi [ɣa]; iaitu bunyi pertuturan. Spektrogram menunjukkan wujud aktiviti sebelum pelepasan sekatan atau TBN. Situasi ini menunjukkan wujudnya VOT negatif atau VLd.

Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi formant bagi informan A yang bermula pada anak panah bertanda C ialah bercorak menaik sedikit dan seterusnya mendatar bagi bunyi [ɣa] di posisi awal kata. Informan B menunjukkan bentuk transisi formant menaik sedikit dan kemudian menurun seolah-olah berbentuk 'membukit' sedikit.

ii. **Bunyi plosif tak bersuara di posisi awal kata**




Rajah 5: Bunyi plosif bilabial tak bersuara /p/



Rajah di atas menunjukkan masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan bagi informan A dan informan B berlaku di antara anak panah bertanda A dan B. Pelepasan sekatan berlaku pada anak panah bertanda B. Spektrogram menunjukkan aktiviti bersuara berlaku selepas pelepasan sekatan. Situasi ini menunjukkan berlaku *short lag* VOT.

Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi forman yang bermula pada anak panah bertanda B ialah bercorak menaik sedikit di awal bunyi bersuara kemudiannya mendatar bagi bunyi [pa] di posisi awal kata bagi informan A. Informan B pula memaparkan pola transisi forman yang bercorak menaik di awal bunyi bersuara, tetapi tidak mendatar rata seperti informan A ketika menghasilkan bunyi [pa].




**Rajah 6: Bunyi plosif alveolar tak bersuara /t/**

Spektrograf informan A menunjukkan masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah bertanda A dan B. Informan B pula memaparkan spektrogram yang menunjukkan masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan berlaku di antara anak panah A dan B.

Pelepasan sekatan berlaku pada anak panah bertanda A bagi informan A. Bagaimanapun, wujud *silent gap* di antara anak panah A dan B; iaitu sebelum bunyi vokal dihasilkan. Pelepasan sekatan informan B pula berlaku pada anak panah bertanda B. Hal ini disebabkan anak panah B lebih mendekati garisan gelombang bunyi vokal; manakala garisan gelombang yang wujud sebelum TBN diandaikan sebagai bunyi serak yang dihasilkan oleh penutur dengan sengaja. Spektrogram menunjukkan aktiviti bersuara berlaku selepas pelepasan sekatan. Situasi ini menunjukkan *short lag* VOT bagi kedua-dua informan.

Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi forman informan A yang bermula pada anak panah bertanda B ialah bercorak mendatar bagi bunyi [ta] di posisi awal kata. Bentuk pola transisi forman informan B pula bercorak menaik bagi bunyi [ta] di posisi awal kata. Keadaan ini menunjukkan perbezaan pola transisi forman di antara informan yang berbeza jantina.



**Rajah 6: Bunyi plosif velar tak bersuara /k/**

Menerusi rajah di atas, masa mula bersuara sehingga pelepasan sekatan informan A dan informan B berlaku di antara anak panah bertanda A dan B. Pelepasan sekatan berlaku pada anak panah bertanda B bagi kedua-dua informan. Spektrogram menunjukkan aktiviti bersuara berlaku selepas pelepasan sekatan. Situasi ini menunjukkan *short lag VOT*.

Menerusi rajah ini juga dapat dikenalpasti bentuk pola transisi formen informan A dan informan B yang bermula pada anak panah bertanda B ialah bercorak menaik sedikit di awal bunyi bersuara kemudiannya mendatar bagi bunyi [ka] di posisi awal kata. Bagaimanapun, bentuk pola transisi formen bagi informan A lebih tebal berbanding informan B.

### PERBINCANGAN

Hasil analisis data menunjukkan bahawa dMPL memiliki bunyi plosif tak bersuara bercirikan SVL dan bunyi plosif bersuara bercirikan VLd yang bernilai negatif sama seperti ciri akustik bahasa Melayu yang telah dikaji oleh Shahidi, Rahim & Zulkifley (2012). Hal ini turut selaras dengan hasil kajian Shahidi (2010) yang menyatakan BM tergolong dalam kelompok bahasa di dunia yang memiliki sistem bunyi plosif SVL vs VLd, sama seperti yang diperlihatkan oleh sesetengah bahasa di dunia seperti bahasa Sepanyol, Polish dan Finnish (Liesker et.al. 1964, Zampini et.al. 2001). Dapatan ini juga menunjukkan realisasi kontras penyuaran dMPL bertentangan dengan Bahasa Inggeris yang tergolong dalam kategori LVL vs. SVL (Weismer 1979 & Docherty 1992).

Berdasarkan aspek lain pula, menerusi teori penghasilan pertuturan; Shahidi (2010) menyatakan bahawa getaran pita suara yang kuat merujuk kepada penghasilan bunyi plosif bersuara, manakala getaran pita suara yang perlahan merujuk kepada penghasilan bunyi plosif tak bersuara. Getaran pita suara bagi penghasilan bunyi plosif bersuara ini dizahirkan dengan kewujudan palang suara atau *voice bar*; iaitu jaluran melintang berhampiran dasar spektrogram yang merujuk kepada kewujudan tenaga akustik berfrekuensi rendah, sebelum sekatan dilepaskan. Dengan kata lain, palang suara dapat digunakan bagi memastikan kehadiran bunyi plosif bersuara (Shahidi 2010).

Menerusi kajian ini, pernyataan di atas dapat dilihat dengan jelas pada penghasilan bunyi [ba], [da] dan [ga]. Ketiga-tiga bunyi ini merupakan obstruen plosif bersuara. Rajah spectrogram dalam bahagian analisis menunjukkan wujudnya palang suara ketika penghasilan bunyi-bunyi terbabit. Hal ini membuktikan bahawa keadaan yang sama turut berlaku dalam dMPL sama seperti yang berlaku dalam penghasilan bunyi obstruen plosif bersuara dalam bahasa Melayu.

Selain itu, rajah 2 dan rajah 6 menunjukkan kelainan corak gelombang bunyi ketika menuturkan bunyi [ɣa]. Spektrograf yang dipaparkan memperlihatkan persamaan dengan corak gelombang yang dipaparkan oleh Thomas (2010). Beliau memaparkan spektrogram bagi gelombang bunyi [bed] yang dituturkan dengan fonasi berangin (*breathy phonation*) yang lazimnya dikenali sebagai suara serak. Keadaan ini didefinisikan sebagai kondisi pelbagai yang melibatkan getaran perlahan pita suara atau mungkin hanya sebagai tanda berlakunya getaran pada bahagian glotal. Keadaan ini kerap dikawal oleh penutur sendiri yang bertujuan sebagai indeks makna sosial dalam komuniti masyarakatnya (Thomas E.R. 2010).

Dalam kajian ini, corak gelombang bunyi fonasi berangin ini hanya dapat dilihat pada gelombang bunyi penutur yang tidak pernah berhijrah keluar dari kampung yang didiami sejak lahir. Informan yang pernah keluar dari kampung untuk bekerja, didapati tidak memaparkan corak gelombang fonasi berangin. Bagaimanapun, data informan tersebut tidak dimasukkan dalam kajian ini. Ia dijadikan sebagai perbandingan secara tidak langsung untuk memastikan perbezaan dan persamaan corak gelombang segmen bunyi yang ditunjukkan dalam spektrograf. Kajian Scobbie (2006) turut menghuraikan perkara yang hampir sama. Beliau mendapati bahasa Inggeris di Shetland Isles memaparkan dua kelompok penutur yang berbeza apabila menyebut bunyi [ɣ]. Penutur yang masih kukuh berpegang kepada warisan pulau tersebut memaparkan bunyi /ɣ/ sebagai *lead VOT*; manakala penutur lain sebagai *short lag VOT*.

Keadaan ini menimbulkan isu yang boleh dijadikan sandaran untuk pengkaji meneruskan kajian lanjut. Hal yang sama barangkali mempunyai kemungkinan menghasilkan dapatan berbeza

apabila dialek yang sama dituturkan oleh penutur di kawasan yang berbeza. Tetapi, tidak mustahil juga akan menghasilkan dapatan yang sama walaupun dituturkan oleh penutur di kawasan yang berbeza. Oleh yang demikian, kajian lanjut amat diperlukan untuk menganalisis kontras penyuaran bunyi plosif yang dihasilkan oleh penutur lain dialek Melayu Patani di daerah lain pula seperti Gerik dan Pengkalan Hulu yang datang dari latar belakang sosioekonomi serta keadaan geografi yang berbeza di daerah Hulu Perak.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan yang telah dijalankan, kajian ini akan diteruskan menjadi sebuah kajian yang lebih besar mencakupi sebuah daerah dalam negeri Perak, iaitu Hulu Perak. Dapatan yang ditunjukkan dalam kajian ini hanya satu bentuk analisis awal. Hal ini bermakna masih ada aspek-aspek lain yang tidak diberi perhatian.

Kajian lanjut membolehkan segala aspek yang tidak dapat dianalisis dan dihurai lebih mendalam, dapat dilakukan dengan lebih teliti. Pada masa sama, menerusi kajian yang lebih teliti ciri-ciri akustik bunyi pertuturan dialek Melayu Patani Hulu Perak yang lebih terperinci dapat disusun dan direkodkan.

### RUJUKAN

- Docherty, G. J. 1992. *The timing of voicing in British Obstruents*. Berlin: Fortis Publication.
- Lisker, L. & Abramson, A. S. 1964. A cross-language study of voicing in initial stops: Acoustica measurements. *Word* 20: 384-422.
- Khattab, Ghada. "Age, input, and language mode factors in the acquisition of VOT by English-Arabic bilingual children." *Proceedings of the 15th international congress of phonetic science*. Barcelona. 2003.
- Khattab, Ghada. "Vot Production In English And Arabic Bilingual And Monolingual Children." *Amsterdam Studies In The Theory And History Of Linguistic Science Series 4* (2002): 1-38.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Penyebaran Dialek Patani Di Perak: Analisis Geolinguistik*. *Jurnal Bahasa*: 310-330.
- Shahidi, A.H, Rahim Aman & Zulkifley Hamid. 2012. *Kajian Akustik Realisasi Kontras Penyuaran Bunyi Plosif Bahasa Melayu*. Gema Online: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi, A.H & Rahim Aman. 2011. *An Acoustical Study of English Plosives in Word Initial Position Produced by Malays*. 3L; *Language, Linguistics and Literature, The Southeast Asian Journal of English Language Studies*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi, A.H. 2010. *An Acoustic and Perceptual Analysis of the Phonetic Properties of Malay English Comparison to Those of Malay*. Tesis Ph.D: University of Newcastle (unpublished).
- Thomas, E. 2010. *Sociophonetics An Introduction*. New York: Palgrave Macmillan
- Weismer, G. 1980. Control of the voicing distinction for intervocalic stops and fricatives: Some data and theoretical considerations. *Journal of Phonetics* 8: 427-438.
- Zampini, M.L. & Green K. P. 2001. *The voicing in English and Spanish: The relation between perception and production*. Nicol J.L. (pnyt). *One Mind two Language* hlm.23-48. Boston: Blackwell.

## FONOLOGI DAN LEKSIKAL SUBDIALEK KUALA TERENGGANU

Shahidi A.H.

Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[zedic@ukm.edu.my](mailto:zedic@ukm.edu.my)

Mohamad Firdaus Azaharuddin

Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[firdausazahar94@gmail.com](mailto:firdausazahar94@gmail.com)

Rahim Aman

*Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[tuntas@ukm.edu.my](mailto:tuntas@ukm.edu.my)

### Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan memerihalkan aspek fonologi dan leksikal dalam Dialek Melayu Terengganu (DMT) khususnya subdialek Kuala Terengganu (KT). Antara lain, fokus kajian ialah mengenal pasti inventori fonem segmental bagi vokal, konsonan, diftong dan begitu juga dengan proses perubahan bunyi yang terlibat dalam subdialek KT, serta keistimewaan leksikal yang terdapat dalam subdialek KT. Berdasarkan rekabentuk kajian kualitatif, data untuk artikel ini diperolehi melalui kaedah lapangan iaitu temubual. Kajian ini dijalankan di beberapa buah kampung sekitar Lembangan Sungai Terengganu (LST) dalam daerah KT. Seramai 8 informan dari kawasan kajian telah ditemu bual yang terdiri daripada tiga wanita dan lima lelaki dalam lingkungan umur 30 hingga 70 tahun. Dapatan awal kajian mendapati bahawa subdialek KT mempunyai 8 jenis vokal dan 19 konsonan. Kebanyakan diftong dalam subdialek ini mengalami proses monoftongisasi. Selain itu terdapat juga proses perubahan bunyi yang terlibat dalam subdialek ini adalah seperti proses perluasan dan penyempitan vokal, penglabialan, pembentukan glotal, pengglotisan, pengvelaran, pengguguran fonem/sukukata dan penyisipan. Perbincangan ini juga telah membuktikan bahawa subdialek ini mempunyai keistimewaan leksikal yang tersendiri jika dibandingkan dengan lain-lain varian DMT. Kajian ini mampu memberi implikasi dalam bidang pendokumentasian dialek Melayu, di samping dapat menambah rujukan negara dan pendedahan ilmu kebahasaan ini kepada pengkaji seterusnya dan masyarakat.

**Katakunci:** Dialek Melayu, subdialek Kuala Terengganu, fonologi, leksikal

### Pengenalan

Penelitian geografi dialek di Malaysia dalam mengelompokkan dialek Melayu masih kurang dilakukan oleh ahli akademik bahasa. Kewujudan dan keunikan pelbagai dialek Melayu di Malaysia telah menggesa pengkaji untuk meneliti tahap penyebaran dialek tersebut. Walau bagaimanapun, usaha mendeskripsikan dan mengelompokkan dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan juga di Kepulauan Borneo telah dilakukan oleh pengkaji bahasa terdahulu. Misalnya, kajian dialek di Semenanjung Malaysia, antara lain dan tidak bukan yang terawal ialah Ismail Hussein (1973), kemudian disusuli dengan kajian dialek yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1977), Ajid Che Kob (1977), Habibah Che Rosdi (2013), Rahim Aman dan Shahidi A.H. (2014). Berbanding pula dengan kajian yang dilakukan di Kepulauan Borneo ternyata lebih ramai tokoh bahasa yang berpengkal di sana untuk menjalankan aktiviti dialektologi seperti Collins (1996), Bernd Nothofer (1997), Jaludin Chuchu (2000), Rahim Aman (2008), dan lain-lain. Perbezaan di antara kedua-dua lokasi ini telah menunjukkan bahawa walaupun di Malaysia terdapat berbagai-bagai dialek namun

usaha dialektologi di bahagian Semenanjung masih kurang diberi perhatian jika dibandingkan dengan penumpuan ahli akademik di kawasan Kepulauan Borneo.

Dialek Terengganu merupakan dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang berasal dari negeri Terengganu. Berdasarkan perspektif kedudukan geografi, negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negeri Kelantan di utara dan negeri Pahang di barat. Di sebelah timurnya pula terdapat Laut China Selatan (Abdul Hamid Mahmood, 1990:218). Negeri Terengganu dibahagikan kepada tujuh buah daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman. Walau bagaimanapun, kajian ini dilakukan dalam meneliti dialek Melayu Terengganu di daerah Kuala Terengganu yang mana dipercayai hanya memiliki satu sahaja varian iaitu dialek Melayu Terengganu. Selain kedudukan daerah tersebut berhampiran dengan pesisir pantai, Kuala Terengganu juga mempunyai lembangan sungai utama di Terengganu iaitu lembangan sungai Terengganu. Dengan itu bagi penelitian DMT, pengkaji akan meneliti varian DMT yang dituturkan oleh penutur yang tinggal di pesisir lembangan sungai di daerah tersebut.

### Kosa Ilmu

Kajian terawal mengenai dialek Melayu di Semenanjung dapat dikenal pasti menerusi artikel yang dicatatkan oleh D. F. A. Hervey (1881). Kajian ini adalah kajian tentang bentuk pertuturan Sembrong yang dituturkan oleh masyarakat pedalaman di Pahang. Hervey turut membincangkan secara ringkas mengenai perbandingan bentuk pertuturan (*speech*) sebagaimana yang dituturkan dari Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kajian seterusnya oleh Mckerron (1931) menyerlahkan keberadaan dialek Terengganu. Akan tetapi, kajian ini merupakan kajian ringkas yang membicarakan secara khusus mengenai perbendaharaan kata sahaja. Selain itu, Brown (1935:1) turut membincangkan ciri-ciri umum dialek Terengganu yang mana mempunyai perbezaan pertuturan dialek dalam kawasan-kawasan yang ditinjau.

Selepas 38 tahun berlalu dengan kajian terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dari barat, maka muncullah kajian-kajian dialek Melayu yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Melayu. Ismail Hussein (1973) merupakan antara tokoh terawal yang membicarakan tentang kepelbagaian dialek Melayu di tanah Semenanjung. Ismail Hussein (1973) menyifatkan bahawa konsonan akhir iaitu *-r* *-l* dan *-s* adalah berpotensi untuk berubah dalam dialek-dialek Melayu semenanjung khususnya dialek jenis Terengganu. Begitu juga dengan vokal akhir, hanya *-a* turut dikesan memaparkan ciri khas fonetik dalam dialek Terengganu. Menurut Ismail (1973) kedua-dua diftong di akhir kata iaitu *-ay* dan *-aw* juga berpotensi untuk berubah. Misalnya, diftong di akhir kata *-ay* seperti kata “gulai” akan menjadi “gula” dan diftong di akhir kata *-aw* seperti kata “pulau” menjadi “pula” dalam kelompok dialek jenis Kelantan-Patani-Trengganu.

Kesedaran mengenai kajian dialek-dialek Melayu ini telah diteruskan oleh tokoh seterusnya iaitu Asmah Haji Omar (1977). Asmah (1977) membandingkan dialek-dialek Melayu dari segi sistem fonologi. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak banyak menyentuh mengenai dialek Terengganu terutamanya dari segi sistem konsonan dan vokal bagi dialek tersebut. Asmah (1985) membandingkan beberapa subdialek untuk menentukan kawasan peralihan atau kawasan yang menerima pengaruh dari luar. Subdialek-subdialek yang dimaksudkan itu ialah yang dituturkan di Ulu Telemong, Jerangau, Kuala Jengai, bandar Kuala Terengganu (khususnya Kampung Manir), Ulu Nerus dan Ulu Dungun. Asmah (1985) turut menyimpulkan tentang perbandingan bahasa Melayu yang dituturkan di berbagai-bagai tempat di Terengganu iaitu pertama subdialek yang dituturkan di bandar Kuala Terengganu dapat dianggap sebagai subdialek yang mewakili dialek Terengganu standard. Kedua, subdialek Ulu Nerus merupakan kawasan peralihan antara dialek Terengganu dan dialek Kelantan. Ketiga, subdialek Ulu Telemong mewakili ciri-ciri yang boleh dikatakan banyak juga menyimpang dari subdialek bandar Kuala Terengganu. Pada tahun 2013, kajian berkaitan Dialek Melayu telah dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri linguistik dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai di samping mendokumentasikan senarai kosa kata dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai sebagai

glosari perkataan dengan penambahan kepada senarai Swadesh (Noraïen dan rakan-rakan, 2013). Kajian ini terserlah dalam perbincangan tentang ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai iaitu aspek pengguguran dan penggantian, aspek pemendekan atau ringkasan perkataan, aspek penegasan sebutan, aspek penegasan perkataan dan aspek pengayaan kosa kata tempatan. Dengan itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini membantu dalam memahami ciri-ciri linguistik dan kosa kata dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai walaupun analisis data tidak ditranskripsi mengikut carta IPA.

Selain kajian yang dilakukan di pesisir sungai, kajian di hulu sungai turut dilakukan pernah oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2013). Dua kawasan hulu yang dimaksudkan ialah Hulu/Ulu Terengganu dan Hulu/Ulu Tembeling. Menurut Mohd Tarmizi Hasrah (2013), kami menyatakan bahawa keakraban ini bukan sahaja tercermin secara jarak geografi, tetapi yang lebih pentingnya ialah keakraban dari segi linguistik. Beliau mengatakan hubungan yang akrab seperti yang terkandung dalam ketiga-tiga ciri linguistik yang telah dibincangkan membolehkan sebuah pengelompokan dialek pantai timur yang baharu dicadangkan. Oleh itu ternyata, kawasan hulu sungai memiliki ciri linguistik yang konservatif iaitu pengekal bentuk bahasa purba tatkala dialek-dialek lain memperlihatkan perubahan dan perubahan atau inovasi bersama yang dimiliki oleh kedua-dua kawasan hulu tanpa melibatkan kawasan hilir (Mohd Tarmizi, 2013:14).

Tinjauan mengenai aspek fonologi dan kosa kata turut digiatkan oleh Noor Rohana Mansor (2017). Kali ini kajian ini memberikan fokus untuk menganalisis dan menjelaskan tentang ciri-ciri keunikan dialek negeri Terengganu serta strategi pengekal warisan variasi bahasa tempatan dalam konteks penggunaan bahasa lokaliti daerah pesisir pantai. Pengkaji mendapati bahawa sampel kajian ini terdiri daripada 120 orang ahli komuniti daripada empat mukim terpilih bagi kawasan pesisir pantai daerah Kuala Terengganu. Hasil kajian tersebut menunjukkan keunikan dialek Melayu Terengganu kawasan pesisir pantai yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari aspek fonologi dan kosa kata di dalam pertuturan mereka. Misalnya menyentuh kelainan sebutan bagi aspek bunyi vokal, konsonan, diftong, suku kata dan kosa kata yang melibatkan pengguguran, penggantian, pemendekan, penegasan sebutan, perkataan serta pengayaan kosa kata tempatan.

### Permasalahan Kajian

Hasil perbincangan mengenai sorotan kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai permasalahan yang timbul daripada kajian sebelumnya. Pertama, pengelompokan dialek yang tidak berpeda. Ketidakpedaan ini wujud kerana tiada kesepakatan bersama di antara ahli-ahli linguistik tersebut, dalam memerihalkan tentang penentuan dialek-dialek Melayu di Malaysia. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai andaian yang dilontarkan oleh ahli-ahli linguistik tersebut dalam menentukan pembahagian dan pengelompokan dialek-dialek Melayu sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Maka, dengan itu usaha dalam menentukan pembahagian dan pengelompokan dialek harus diteliti semula oleh pengkaji bagi bertujuan menggambarkan semula keadaan atau bentuk persebaran dialek yang berlaku di kawasan daerah Kuala Terengganu.

Permasalahan yang kedua adalah kerancuan pemerian fonologi dialek Melayu Terengganu. Merujuk Kamus Dewan (2010), istilah kerancuan bermaksud keadaan rancu (tidak teratur), kekacauan dan kekeliruan. Isu kerancuan ini berlaku apabila wujud pelbagai pendapat berbeza yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai pemerian fonologi bagi dialek tersebut. Kajian Asmah (1985) meneliti beberapa subdialek bagi menentukan kawasan peralihan atau kawasan yang menerima pengaruh dari luar. Asmah (1985) berjaya mengemukakan bunyi-bunyi fonem segmental yang ditemui dalam subdialek Ulu Tembeling. Akan tetapi, pemerian fonologinya agak kurang tepat kerana tidak mematuhi kaedah transkripsi dengan baik. Misalnya, sukar bagi seseorang pembaca itu untuk mengenal pasti dan membezakan antara bunyi vokal /ë/, /e/ dan /ê/. Begitu juga dengan bunyi-bunyi konsonan, terdapat beberapa fonem konsonan yang dilihat tidak ditranskripsi

dengan baik seperti fonem konsonan /g/, /c/, /j/, /q/, /f/, /ny/, /ng/ dan /y/, yang mana sepatutnya direalisasikan kepada bentuk /g/, /f/, /dʒ/, /ʔ/, /ɣ/, /ɲ/, /ŋ/ dan /j/. Begitu juga halnya dengan kajian Abdul Hamid Mahmood (1990). Fonem-fonem yang dinyatakan tidak ditranskripsi dengan baik, misalnya fonem konsonan /g/, /ç/, /j/, /ɣ/, dan /y/. Selain itu, penghuraian mengenai perubahan kelainan fonem atau pengucapan tidak dijelaskan secara terperinci dan penelitian terhadap perubahan tersebut adalah bersifat pernyataan sahaja. Kajian Noraein Mansor (2013) juga menimbulkan kerancuan pemerian fonologi dialek Melayu Terengganu di pesisir pantai. Kajian ini tidak mengemukakan sebarang jumlah fonem segmental yang ditemui dalam dialek Melayu Terengganu. Kelainan bunyi-bunyi bahasa yang terdapat dalam dialek Melayu Terengganu tidak ditranskripsi dengan baik, maka terdapat beberapa bunyi sukar untuk ditafsir. Antara kesalahan yang ketara boleh didapati dalam kajian ini adalah beliau menyamakan huruf 'e' sebagai vokal tengah corak panjang. Ujaran 'bese' agak mengelirukan dengan kewujudan huruf 'e' (yang dikatakan sebagai vokal tengah) di tengah kata yang mana pengkaji membacanya sebagai 'bəṣə' atau 'besə'.

Permasalahan kajian yang ketiga adalah berkaitan dengan kerencaman dialek. Isu kerencaman dialek bererti isu yang berkaitan dengan kepelbagaian dialek. Perlu diingatkan bahawa berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kosa ilmu tentang kewujudan dialek-dialek luar (dialek Kelantan dan Pahang) sememangnya memberikan pengaruh terhadap persebaran dialek yang berlaku di negeri Terengganu. Oleh itu, perkara ini menimbulkan kerencaman dialek yang berlaku ke atas beberapa kawasan di Terengganu yang dijangka sudah menerima pengaruh tersebut terutamanya di daerah utara dan barat negeri Terengganu. Maka, ternyata dengan fenomena ini, bagi pertuturan dialek di beberapa buah kawasan di Terengganu sudah mengalami pertembungan dan percampuran dialek akibat daripada kerencaman yang berlaku. Misalnya, di Besut pertuturannya dilihat telah menerima pengaruh daripada Kelantan (Asmah, 1985). Oleh itu, ternyata bahawa isu ini adalah amat penting untuk pengkaji mengetahui sedikit sebanyak mengenai kepelbagaian dialek luar yang menyebabkan berlakunya kerencaman dialek di negeri Terengganu seperti dialek Kelantan dan Pahang. Justeru, isu ini perlu diketengahkan kerana memberikan pengetahuan kepada pengkaji dalam mengetahui bentuk pertuturan dialek-dialek luar yang sememangnya memberikan pengaruh terhadap persebaran dialek tersebut di negeri Terengganu.

### Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menyerlahkan aspek fonologi dan leksikal bahasa Melayu di daerah Kuala Terengganu terutamanya di pesisir lembangan sungai Terengganu (akan dirujuk sebagai Dialek Melayu Terengganu selepas ini). Berikut merupakan beberapa objektif kajian yang disenaraikan sebagai sasaran utama pengkaji, iaitu:

Mengenalpasti inventori fonem segmental dalam Dialek Melayu Terengganu.

- a) Menganalisis proses fonologi yang terlibat dalam subdialek Kuala Terengganu.
- b) Membincangkan tentang leksikal Dialek Melayu Terengganu.

### Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bersifat kualitatif yang tidak mempunyai unsur pengiraan yang diterapkan dalam kajian. Kenyataan ini turut dikukuhkan lagi dengan hujah yang terdapat di dalam kajian (Mohd Tarmizi *et al.*, 2014:32), yang mana tatakaedah kualitatif ini tidak terikat kepada andaian-andaian tertentu seperti yang terdapat dalam tatakaedah kuantitatif. Dengan itu, kaedah yang bersifat kualitatif ini dipilih sebagai kerangka utama dalam memperoleh data dan mentafsir maklumat kajian.

Kajian ini juga mengaplikasikan dua kaedah kajian utama iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi memperoleh satu hasil dapatan yang lengkap dan tuntas (Shahidi A.H. *et al.*, 2016:106). Seperti dalam penyelidikan ilmiah sebelum ini, kedua-dua elemen utama kaedah kajian ini diterapkan supaya pengkaji dapat memperoleh data bahasa

ataupun dialek yang bersifat asli, kukuh dan semula jadi. Oleh itu, pemantapan sesuatu hasil kajian itu perlu bergantung kepada pemilihan pengkaedahan yang sesuai dan mudah digunakan kerana dengan keperluan inilah maka pengkaji akan meneliti dan membuat pemilihan kaedah-kaedah mahupun teknik-teknik yang sesuai bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.


Pemilihan informan merupakan kriteria penting dalam kajian dialek kali ini. dalam kajian ini pengkaji tidak menetapkan sama ada informan lelaki atau wanita untuk ditemubual. Hal ini demikian kerana, kedua-dua jantina adalah sama dari segi bentuk pertuturannya selagi ianya tidak bercanggah dengan tiga prinsip yang telah dinyatakan sebelumnya iaitu *Non-Mobile*, *Old* dan *Rural*. kajian ini dilakukan di daerah Kuala Terengganu yang menjadi tempat pilihan dan tumpuan pengkaji dalam memperoleh data Dialek Melayu Terengganu. Beberapa buah kampung dimanfaatkan bagi mendapatkan data varian di daerah Kuala Terengganu iaitu Kampung Makam Lama, Kampung Padang Machang, Kampung Pasir Tembakang dan Kampung Pulau Manis.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan tentang hasil analisis data pertuturan orang Melayu Terengganu di kampung Makam Lama, Padang Machang, Pasir Tebakang dan Pulau Manis (dikenali sebagai subdialek Kuala Terengganu). Paparan ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu bermula dengan pemerihalannya bunyi-bunyi bahasa iaitu penentuan ciri-ciri inventori fonem segmental bagi vokal, diftong dan konsonan. Seterusnya diikuti dengan penghuraian tentang proses-proses fonologi yang terlibat dalam subdialek KT. Akhir sekali disusuli dengan pemaparan leksikal-leksikal yang ditemui dalam subdialek KT.

### Deskripsi Vokal Subdialek Kuala Terengganu

Deskripsi vokal bagi subdialek Kuala Terengganu (KT) dibina berlandaskan kepada kewujudan dan distribusi vokal-vokal berkenaan dalam representasi ujaran bagi penutur natif kajian. Secara umumnya, subdialek KT boleh dikatakan sebagai dialek asas orang Melayu Terengganu iaitu Dialek Melayu Terengganu (DMT). Berikut adalah pemaparan carta inventori vokal bagi subdialek KT.



Rajah 1: Inventori Vokal Subdialek Kuala Terengganu

Berdasarkan rajah 1 di atas, vokal depan dalam subdialek KT boleh terdiri daripada bunyi-bunyi vokal depan sempit /i/ vokal depan separuh sempit /e/ vokal depan separuh luas /ɛ/ dan vokal depan luas /a/. Bunyi vokal depan [i, e, a] mempunyai penyebaran yang luas kerana kedua-dua vokal ini boleh hadir dalam lingkungan awal, tengah dan akhir suku kata sama ada suku kata terbuka mahupun tertutup. Akan tetapi bunyi vokal depan [ɛ] tidak mempunyai penyebaran yang luas seperti bunyi vokal [i, e, a]. Sebaliknya vokal depan separuh sempit /e/ dalam subdialek KT tidak wujud pada posisi awal dan tengah kata. Malah vokal depan [ɛ] lebih menonjol pada satu posisi sahaja iaitu akhir kata. Lihat contoh berikut:

Glos	Subdialek KT	BMS
isnin	[isniŋ]	[isnin]



duri	[duyi]	[duri]
ekor	[ekɔ]	[ekor]
kulit	[kuleʔ]	[kulit]
panggil	[paŋge]	[paŋgil]
pasir	[pase]	[pasir]
atas	[atah]	[atas]
sungai	[suŋa]	[suŋai]

Selain itu, bunyi-bunyi vokal dalam subdialek KT terdiri daripada vokal belakang sempit /u/, vokal belakang separuh sempit /o/ dan vokal belakang separuh luas /ɔ/. Bunyi-bunyi vokal [u, ɔ] jelas mempunyai distribusi yang luas kerana boleh hadir dalam lingkungan awal, tengah dan akhir kata dalam subdialek KT. Manakala vokal belakang /o/ hanya menduduki posisi di tengah dan akhir kata sahaja. Lihat contoh di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
udang	[udaŋ]	[udaŋ]
lutut	[lutuʔ]	[lutut]
hempedu	[pədu]	[həmpədu]
sotong	[sutoŋ]	[sotoŋ]
botol	[boto]	[botol]

Dalam subdialek KT vokal tengah /ə/ atau schwa mempunyai penyebaran yang agak terbatas kerana vokal ini hanya boleh ditemui pada lingkungan tengah dan akhir kata sahaja. Sebaliknya vokal tengah /ə/ yang wujud di posisi awal kata (seperti dalam perkataan Bahasa Melayu Standard) akan digugurkan dalam subdialek KT. Misalnya kata [naŋ] dan [mɔʔ] merujuk kepada realisasi bagi kata [ənam] dan [əmaʔ] dalam BMS. Contoh penyebaran vokal tengah /ə/ dalam subdialek KT dipaparkan di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
beras	[bəyas]	[bəras]
telur	[tələ]	[təlur]
lama	[lamə]	[lama]
muda	[mudə]	[muda]

### Deskripsi Diftong Subdialek Kuala Terengganu

Kebanyakan leksikal dalam Bahasa Melayu yang mengandungi diftong di awal, tengah dan akhir kata akan mengalami proses monoftongisasi yang mana deretan dua bunyi vokal yang berubah menjadi satu bunyi vokal sahaja dalam subdialek kajian. Monoftong yang dimaksudkan adalah diftong /au/ berubah menjadi /ɔ/ atau /ə/, diftong /ai/ menjadi /a/ dan diftong /oi/ menjadi /o/. Lihat contoh di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
pulau	[pula]	[pulau]
limau	[lima]	[limau]
taugeh	[tɔge]	[tɔge]
kucai	[kuʔfa]	[kuʔfai]
petai	[pəta]	[pətai]
gulai	[gula]	[gulai]

kaloi	[kalo]	[kaloi]
-------	--------	---------

Akan tetapi kehadiran diftong /oi/ dalam dialek ini menyerlahkan perbedaannya dengan dialek Melayu semenanjung yang lain. Diftong jenis ini hanya wujud pada posisi di akhir kata sahaja dalam kata-kata tertentu sahaja. Contoh leksikal yang mengandungi diftong /oi/ dalam subdialek KT dikemukakan di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
amboi	[amboi]	[amboi]

### Deskripsi Konsonan Subdialek Kuala Terengganu

Hasil dapatan membuktikan bahawa subdialek KT mempunyai 19 konsonan yang terdiri daripada bunyi hentian [p, b, t, d, k, g, ʔ], bunyi afrikat [tʃ, dʒ], bunyi nasal [m, n, ŋ, ŋ], bunyi frikatif [s, ʃ, h], bunyi lateral [l] dan bunyi separuh vokal [w, j]. Lihat rajah konsonan di bawah:

	Bilabial	Labiovelar	Alveodental	Alveolar	Palato-alveolar	Palatal	Velar	Glotal
<b>Plosif</b>	p		t				k	ʔ
<b>(letupan)</b>	b		d				g	
<b>Frikatif</b>				s				h
<b>(geseran)</b>							ʃ	
<b>Afrikat</b>					tʃ			
<b>(letusan)</b>					dʒ			
<b>Lateral</b>				l				
<b>(sisian)</b>								
<b>Nasal</b>								
<b>(sengau)</b>	m			n		ɲ	ŋ	
<b>Separuh vokal</b>		w					j	

Rajah 2: Konsonan subdialek Kuala Terengganu

Berdasarkan rajah 2 di atas, terdapat tujuh bunyi konsonan hentian dalam subdialek ini. Enam daripadanya ialah bunyi plosif yang merangkumi tiga bunyi plosif bersuara ([b, d, g]) dan tiga bunyi plosif tidak bersuara ([p, t, k]). Selain itu terdapat satu lagi bunyi hentian iaitu hentian glotal tidak bersuara ([ʔ]).

Glos	Subdialek KT	BMS
perut	[pəʔɔʔ]	[pərut]
kepak	[kəʔɔʔ]	[kəpaʔ]
buluh	[bulɔh]	[buluh]
kerbau	[kuba]	[kərbau]
tangan	[taŋaŋ]	[taŋan]
batu	[batu]	[batu]
duku	[duku]	[duku]
tanduk	[tandɔʔ]	[tanduʔ]
kaki	[kaki]	[kaki]
goreng	[gɔŋeŋ]	[goreŋ]

pagar	[pagɔ]	[pagar]
-------	--------	---------

Berdasarkan contoh-contoh di atas, bunyi-bunyi konsonan plosif /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/ mempunyai distribusi di awal dan tengah kata dalam subdialek KT. Konsonan plosif yang wujud di posisi akhir kata dalam Bahasa Melayu digantikan dengan hentian glotis tidak bersuara /ʔ/ dalam subdialek KT, kecuali konsonan plosif velar bersuara /g/ kerana konsonan ini sememangnya tidak wujud di akhir kata dalam Bahasa Melayu Standard (kecuali kata pinjaman). Lihat distribusi bunyi hentian glotis di lingkungan akhir kata dalam subdialek KT di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
atap	[ataʔ]	[atap]
sebab	[səbaʔ]	[səbab]
kunyt	[kuɲeʔ]	[kupit]
ahad	[ahaʔ]	[ahad]
sisik	[siseʔ]	[sisiʔ]

Dalam subdialek KT terdapat tiga jenis konsonan frikatif iaitu konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/, frikatif velar bersuara /ɣ/ dan frikatif glotis tidak bersuara /h/. Bunyi frikatif /s/ dan /ɣ/ agak terbatas kerana kedua-duanya boleh hadir di posisi awal dan tengah kata sahaja. Contoh kehadiran bunyi-bunyi ini dalam subdialek KT diserlahkan di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
senduk	[səndɔʔ]	[sənduʔ]
nasi	[nasiʔ]	[nasi]
rabu	[ɣabu]	[rabu]
jari	[dʒaɣi]	[dʒari]

Lazimnya bunyi konsonan frikatif alveolar /s/ di akhir kata dalam subdialek KT akan digantikan dengan konsonan frikatif glotis /h/. Sehubungan itu, bunyi konsonan frikatif /h/ mempunyai penyebaran yang agak terbatas kerana konsonan ini hanya boleh hadir di posisi tengah dan akhir kata. Kebanyakan konsonan /h/ di awal kata dalam Bahasa Melayu Standard akan digugurkan dalam subdialek KT. Lihat contoh di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
mahal	[maha]	[mahal]
getah	[gətəh]	[gətah]
atas	[atah]	[atas]
rebus	[ɣəbuh]	[rəbus]

Konsonan afrikat turut wujud dalam subdialek KT iaitu konsonan afrikat tidak bersuara /tʃ/ dan bersuara /dʒ/. Akan tetapi, kehadiran kedua-dua konsonan afrikat ini adalah terhad dan boleh hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Lihat contoh penyebaran konsonan afrikat /tʃ/ dan /dʒ/ di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
cengkeh	[tʃəkəh]	[tʃəkəh]
cucu	[tʃutʃu]	[tʃutʃu]
jelawat	[dʒələwaʔ]	[dʒələwat]
hijau	[idʒa]	[hidʒau]

Lazimnya dalam subdialek KT, konsonan lateral bersuara /l/ turut membuktikan distribusi agak yang terhad. Hal ini kerana, konsonan lateral /l/ ini hanya wujud di lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Kebanyakan konsonan lateral /l/ yang wujud di posisi akhir kata dalam Bahasa Melayu digugurkan dalam subdialek KT. Lihat contoh-contoh di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
lampu	[lapu]	[lampu]
bilik	[bileʔ]	[biliʔ]
bantal	[bata]	[bantal]
botol	[boto]	[botol]

Dalam subdialek KT terdapat empat jenis bunyi konsonan nasal antaranya seperti konsonan nasal bilabial /m/, nasal alveolar /n/, nasal palatal /ɲ/ dan nasal velar /ŋ/. Walaupun begitu, penyebaran konsonan nasal /m/, /n/ dan /ɲ/ tidak begitu meluas seperti konsonan nasal /ŋ/. Hal ini kerana ketiga-ketiga konsonan nasal berkenaan hanya boleh hadir di lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Manakala konsonan nasal /ŋ/ boleh ditemui pada semua lingkungan kata. Lihat contoh-contoh di bawah:

Glos	Subdialek KT	BMS
makan	[makaŋ]	[makan]
sampai	[sampa]	[sampai]
nipis	[nipih]	[nipis]
anak	[anaʔ]	[anaʔ]
kelapa	[kɔ]	[kelapa]
nyamuk	[ɲamuʔ]	[nyamuʔ]
kunyit	[kuɲeʔ]	[kunyit]
Angah	[ŋɔh]	[angah]
ringan	[ɲiŋaŋ]	[ringan]

Berdasarkan contoh-contoh data di atas, perkataan dalam Bahasa Melayu yang di akhiri dengan konsonan nasal bilabial /m/ dan nasal alveolar /n/ digantikan dengan konsonan nasal velar /ŋ/ dalam subdialek KT.

Konsonan separuh vokal labio-velar /w/ dan separuh palatal /j/ turut wujud dalam sistem fonologi bagi subdialek KT. Bunyi-bunyi ini hanya boleh hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Berikut merupakan contoh penyebaran fonem /w/ dan /j/ dalam subdialek KT:

Glos	Subdialek KT	BMS
waktu	[waʔtu]	[waktu]
bawang	[bawaŋ]	[bawang]
moyang	[jaŋ]	[moyang]
yu	[ju]	[yu]
ayah	[ajaŋ]	[ayah]

### Proses Fonologi Subdialek Kuala Terengganu

Terdapat beberapa proses fonologi yang terlibat dalam sistem fonologi Dialek Melayu Terengganu (DMT) khususnya subdialek Kuala Terengganu (KT). Ia merangkumi proses perubahan bunyi vokal dan konsonan.

Perubahan bunyi vokal bermaksud apa-apa bunyi vokal yang mengalami perubahan dalam sesuatu bahasa atau dialek, yang mana dapat dibezakan antara kedua-duanya. Berdasarkan analisis terhadap perubahan bunyi yang dilakukan ke atas subdialek KT dan Bahasa Melayu Standard (BMS) mendapati bahawa analisis perubahan bunyi ini berlaku adalah disebabkan berlakunya perubahan pada titik artikulasi. Perbandingan data subdialek BMS dan KT ini menunjukkan terdapatnya perbezaan yang ditonjolkan seperti proses perluasan vokal dan penyempitan vokal. Lihat penjelasan berikut di bawah:

### Perluasan vokal

Dalam subdialek KT, proses perluasan vokal berlaku apabila vokal belakang separuh sempit /o/ berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/, vokal belakang sempit /u/ berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/, vokal depan sempit /i/ kepada vokal depan separuh sempit /e/ dan sebagainya. Secara umumnya, bentuk-bentuk perluasan vokal dalam subdialek KT boleh berlaku pada semua lingkungan kata sama ada awal, tengah dan akhir kata. Lihat contoh-contoh di bawah:

#### 1) Perluasan vokal di awal kata

Dalam subdialek KT, proses ini kurang ditemui kerana tidak semua vokal di awal kata dalam suku kata pertama akan mengalami proses perluasan vokal. Sebaliknya perubahan bunyi vokal yang terlibat dalam subdialek ini hanyalah perubahan bunyi vokal belakang separuh sempit /o/ dalam Bahasa Melayu Standard akan berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/, misalnya:

Glos	BMS	Subdialek KT
orang	[orɑŋ]	[ɔŋɑŋ]

Selain itu, perubahan vokal belakang sempit /u/ di awal kata dalam BMS turut berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/ dalam subdialek KT. Bagaimanapun, tidak semua perkataan yang bermula dengan vokal belakang /u/ mengalami perubahan seperti ini. Lihat contoh leksikal yang mengalami perluasan vokal di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
urat	[urat]	[ɔɾɑʔ]

#### 2) Perluasan vokal di tengah kata

Perluasan vokal di tengah kata ini merujuk kepada perubahan vokal yang berlaku di tengah kata bagi suku kata kedua dalam subdialek KT. Antara vokal yang terlibat dalam proses ini adalah vokal depan sempit /i/ yang berubah menjadi vokal depan separuh sempit /e/. Lihat contoh berikut di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
kulit	[kulit]	[kuleʔ]
cuping	[ʃupin]	[ʃupeŋ]

Selain itu, proses perluasan vokal juga berlaku apabila vokal belakang sempit /u/ yang berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/ dalam subdialek KT. Berikut merupakan contoh-contoh yang menggambarkan fenomena berkenaan:

Glos	BMS	Subdialek KT
perut	[pərut]	[pəɾɔʔ]

emak	[əmaʔ]	[mɔʔ]
------	--------	-------

Bagaimanapun, tidak semua vokal belakang sempit /u/ berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/. Hakikatnya, terdapat sesetengah perkataan dalam subdialek KT yang mengekalkan ciri vokal belakang /u/ di tengah kata, misalnya:

Glos	BMS	Subdialek KT
rebus	[rəbus]	[ɣəbus]
belut	[bəlut]	[bəluʔ]

### 3) Perluasan vokal di akhir kata

Secara umumnya, perluasan vokal di akhir kata adalah begitu menonjol dalam subdialek KT. Fenomena ini terjadi apabila vokal belakang sempit /u/ di tengah kata dalam suku kata kedua akan berubah kepada vokal belakang separuh luas /ɔ/. Lihat contoh di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
sayur	[sajur]	[sajɔ]
telur	[təlur]	[təlɔ]
campur	[ʃampur]	[ʃampɔ]

## Penyempitan Vokal

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, penyempitan vokal yang berlaku dalam subdialek KT hanya melibatkan bunyi vokal depan iaitu perubahan vokal depan luas /a/ kepada vokal belakang separuh luas /ɔ/. Ia dilihat boleh berada dalam lingkungan tengah dan akhir kata sesuatu suku kata.

### 1) Penyempitan vokal di tengah kata

Dalam subdialek KT, penyempitan vokal di tengah kata ternyata berlaku apabila melibatkan perubahan vokal depan luas /a/ yang berubah menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/ di tengah kata suku kata kedua. Lihat contoh-contoh berikut:

Glos	BMS	Subdialek KT
anak	[anaʔ]	[anɔʔ]
lintah	[lintah]	[litɔh]
emak	[əmaʔ]	[mɔʔ]
rempah	[rəmpah]	[ɣəmpɔh]
awak	[awaʔ]	[awɔʔ]

### 2) Penyempitan vokal di akhir kata

Proses penyempitan vokal di akhir kata suku kata pertama turut berlaku dalam subdialek KT. Bunyi vokal yang terlibat dalam proses ini adalah vokal depan luas /a/ yang wujud di tengah kata dalam Bahasa Melayu Standard akan menjadi vokal belakang separuh luas /ɔ/. Dan vokal tersebut jelas wujud di akhir kata selepas fonem /r/ digugurkan. Lihat contoh berikut di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
ular	[ular]	[ulɔ]

bakar

[bakar]

[bakɔ]

### Perubahan Bunyi Konsonan

Berdasarkan penelitian terhadap analisis konsonan dan melihat penyebaran yang berlaku, kajian ini dapat membuktikan bahawa subdialek KT mempunyai sebanyak 19 konsonan. Selain itu, subdialek ini juga tidak mempunyai konsonan pinjaman seperti /f/, /v/ dan /z/. Dalam Dialek Melayu Terengganu khususnya subdialek KT, perubahan konsonan boleh berlaku dalam mana-mana posisi dalam sesuatu kata sama ada pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Namun begitu dalam kajian tentang subdialek KT ini terdapat beberapa proses perubahan bunyi konsonan seperti penglabialan, pembentukan glotal, pengglotisan, pengvelaran, pengguguran, penyisipan dan monoftongisasi. Oleh hal demikian kesemua proses ini ternyata menunjukkan subdialek KT mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding varian DMT yang lain. Lihat penerangan tersebut di bawah:

### Penglabialan

Seperti dialek-dialek Melayu yang lain, didapati konsonan frikatif /f/ dalam subdialek KT akan mengalami keadaan atau fenomena yang sama, iaitu konsonan frikatif /f/ akan diberi nilai fonetik yang paling hampir dengannya. Hal ini kerana, apabila konsonan /f/ hadir pada lingkungan awal kata dalam Bahasa Melayu akan digantikan dengan sebutan bunyi konsonan nasal bilabial /m/. Manakala konsonan /f/ yang berada di posisi tengah kata akan digantikan dengan sebutan bunyi konsonan plosif bilabial tidak bersuara /p/ dalam subdialek KT. Bukan itu sahaja, konsonan /f/ juga boleh berubah kepada konsonan frikatif glotalis tidak bersuara /h/ di akhir kata dalam subdialek KT. Lihat contoh-contoh berikut:

Glos	BMS	Subdialek KT
fikir	[fikir]	[pike]
nafas	[nafas]	[napah]
maaf	[maaf]	[ma <sup>h</sup> ap]

### Pembentukan glotal /ʔ/

Proses pembentukan glotal ini, dianalisis secara fonologi dengan melihat fenomena penyebaran yang saling melengkapi. Hal ini bermaksud dua bunyi yang memperlihatkan penyebaran yang saling melengkapi dianggap sebagai dua alofon daripada satu fonem yang sama. Bagi menjelaskan fenomena ini, beberapa contoh diambil untuk menunjukkan bunyi hentian velar tidak bersuara /k/ yang menjadi bunyi hentian glotalis /ʔ/ apabila konsonan /k/ berada di akhir kata. Lihat contoh-contoh data di bawah yang memaparkan tentang perubahan konsonan /k/ kepada bunyi hentian /ʔ/ dalam subdialek KT:

Glos	BMS	Subdialek KT
kepak	[kəpaʔ]	[kəpɔʔ]
tengkorak	[təŋkoraʔ]	[kɔŋɔʔ]

Selain itu, bunyi hentian glotalis /ʔ/ dalam subdialek KT boleh didapati pada lingkungan akhir kata suku kata pertama dan suku kata kedua. Fenomena ini berlaku apabila konsonan bilabial bersuara /b/ di akhir kata suku kata pertama dan kedua dalam Bahasa Melayu, digantikan dengan bunyi hentian glotalis /ʔ/ dalam subdialek KT. Fenomena yang sama juga berlaku apabila konsonan di akhir kata sesuatu perkataan dalam Bahasa Melayu seperti bunyi konsonan plosif alveolar bersuara /d/, konsonan plosif alveolar tidak bersuara /t/ dan bunyi plosif bilabial bersuara /p/, akan digantikan dengan hentian glotalis /ʔ/. Lihat contoh-contoh berikut:

Glos	BMS	Subdialek KT
sabtu	[sabtu]	[saʔtu]
sebab	[səbab]	[səbaʔ]
ahad	[ahad]	[ahaʔ]
bukit	[bukit]	[bukeʔ]
sayap	[sajap]	[sajaʔ]

### Pengglotisan /h/

Lazimnya kebanyakan perkataan dalam subdialek KT akan mengalami proses pengglotisan yang mana proses ini melibatkan perubahan bunyi konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ kepada bunyi konsonan frikatif glotis tidak bersuara /h/. Fenomena ini berlaku di akhir kata dalam subdialek KT. Berikut merupakan contoh-contoh yang dimaksudkan:

Glos	BMS	Subdialek KT
atas	[atas]	[atah]
panas	[panas]	[panah]
lengkuas	[lənkuas]	[kuwah]

### Pengvelaran /ɣ/

Seperti dialek-dialek Melayu yang lain, subdialek KT juga mengalami proses pengvelaran. Fenomena perubahan bunyi ini berlaku apabila fonem /r/ dalam sesuatu perkataan dalam Bahasa Melayu digantikan dengan bunyi frikatif velar bersuara /ɣ/ dalam subdialek KT. Tidak lupa juga proses ini juga boleh berlaku dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Lihat contoh-contoh di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
rambut	[rambut]	[ɣambuʔ]
guruh	[guruh]	[guyəh]

### Pengguguran Segmen

Proses pengguguran segmen merupakan proses yang dapat menyerlahkan ciri-ciri keistimewaan fonologi subdialek KT. Proses ini berlaku apabila terdapat pengguguran bunyi vokal atau konsonan dalam sesuatu leksikal subdialek KT. Pengguguran ini boleh berlaku di posisi awal, tengah atau akhir kata.

### Pengguguran vokal tengah /ə/

Proses pengguguran vokal tengah /ə/ jelas berlaku dalam subdialek KT. Proses ini dapat dilihat melalui kedudukan vokal /ə/ yang berada di tengah kata dalam Bahasa Melayu dan kemudiannya digugurkan serta merta. Lihat contoh berikut:

Glos	BMS	Subdialek KT
sepuluh	[səpuluh]	[spuləh]
sekolah	[səkolah]	[skələh]



### Pengguguran konsonan nasal velar /ŋ/

Selain itu, pengguguran konsonan di tengah kata dalam subdialek KT turut melibatkan bunyi konsonan nasal velar /ŋ/.

Glos	BMS	Subdialek KT
langsar	[laŋsar]	[lasaʔ]
cengkih	[tʃəŋkeh]	[tʃəkeh]

### Pengguguran konsonan getaran /r/

Dalam subdialek KT, pengguguran konsonan di akhir kata juga turut berlaku sebagai salah satu ciri-ciri fonologi yang begitu menonjol. Kali ini konsonan yang terlibat adalah konsonan getaran /r/.

Glos	BMS	Subdialek KT
petir	[pətir]	[pəte]
dapur	[dapur]	[dapə]

### Pengguguran konsonan lateral /l/

Bunyi konsonan lateral /l/ di akhir kata dalam BMS turut mengalami proses pengguguran dalam subdialek KT.

Glos	BMS	Subdialek KT
katil	[katil]	[kate]
tumpul	[tumpul]	[tupə]

### Pengguguran suku kata

Pengguguran suku kata dalam subdialek KT terjadi pada leksikal-leksikal tertentu. Berdasarkan hasil analisis subdialek KT, terdapat beberapa leksikal tertentu yang digugurkan urutan suku kata pertamanya. Walaupun begitu, dalam bahagian ini bukan pengguguran suku kata pertama sahaja yang ingin ditonjolkan, malah kajian ini juga ingin memaparkan beberapa leksikal yang turut mengalami perubahan yang lain seperti pengguguran beberapa konsonan atau vokal yang disesuaikan. Lihat contoh di bawah:

#### 1) Urutan suku kata pertama

Glos	BMS	Subdialek KT
enam	[ənam]	[naŋ]
haruan	[haruan]	[ɣuwaŋ]

#### 2) Urutan suku kata kedua

Glos	BMS	Subdialek KT
bahasa	[bahasa]	[basə]

### 3) Urutan suku kata pertama dan kedua

Glos	BMS	Subdialek KT
Terengganu	[təɾəŋganu]	[ganu]
hospital	[hospital]	[pita]

#### Penyisipan Konsonan

Berdasarkan penelitian kajian ini, subdialek KT turut mengalami proses penyisipan konsonan. Ia bertujuan untuk memisahkan vokal rangkap vokal atau segmen vokal yang berada di kedudukan yang berturutan dalam sesuatu leksikal. Dalam subdialek KT, proses penyisipan ini berlaku di antara dua suku kata seperti KVVK. Sehubungan itu, konsonan yang disisipkan ke dalam leksikal subdialek KT ini adalah bunyi separuh vokal labio-velar /w/ dan separuh vokal palatal /j/. Lihat contoh-contoh berikut:

Glos	BMS	Subdialek KT
buah	[buah]	[buwəh]
tua	[tua]	[tuwə]
halia	[halia]	[alijə]
ketiak	[kətiaʔ]	[tijəʔ]

Walaupun begitu terdapat juga leksikal dalam subdialek KT yang mengalami proses penyisipan hentian glotis /ʔ/ di akhir kata dalam suku kata pertama. Sebagai contoh dalam perkataan:

Glos	BMS	Subdialek KT
bulu roma	[bulu roma]	[bulu ʔəʔmə]

#### Nasal Velar Akhir Kata /ŋ/

Dalam subdialek KT, kewujudan nasal velar di akhir kata yang terjadi akibat daripada proses penggantian adalah sangat terserlah. Lihat contoh berikut di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
malam	[malam]	[malan]
macam	[maʔam]	[maʔan]
dalam	[dalam]	[dalan]
durian	[durian]	[dayijan]
makan	[makan]	[makan]
ikan	[ikan]	[ikan]

#### Monoftongisasi

Proses monoftongisasi bermaksud perubahan diftong menjadi satu vokal. Berdasarkan analisis yang dilakukan, diftong /au/ /ai/ dan /oi/ yang wujud pada lingkungan akhir kata dalam BMS akan mengalami proses monoftongisasi dalam subdialek KT. Lihat contoh-contoh di bawah:

Glos	BMS	Subdialek KT
limau	[limau]	[lima]
pulau	[pulau]	[pula]

kerbau	[kərbau]	[kuba]
sungai	[sunjai]	[sunja]
tapai	[tapai]	[tape]
serai	[sərai]	[səya]

### Leksikal Dialek Melayu Terengganu

Hasil tinjauan pengkaji ke kampung-kampung yang terletak di daerah Kuala Terengganu ini mempunyai beberapa keunikan dari aspek leksikal atau perbendaharaan kata dalam Dialek Melayu Terengganu (subdialek Kuala Terengganu). Kewujudan leksikal ini sememangnya menyerlahkan kajian ini kerana setiap perkataan yang bersifat adjektif pasti ditambah dengan kata-kata penguat. Berikut merupakan contoh-contoh leksikal penguat yang terdapat dalam DMT:

Glos	BMS (+sangat)	Subdialek KT
tawar	[tawar]	[tawə hɛbɛ]
manis	[manis]	[manɛh lətɪŋ]
masam	[masam]	[masaŋ ɣəbaŋ]
masin	[masin]	[masiŋ ɣəbeŋ]
pedas	[pədas]	[pədəh naha]
pahit	[pahit]	[pahe? ləpaŋ]

Selain itu, terdapat juga kosa kata subdialek KT yang mempunyai perbezaan dengan dialek-dialek Melayu semenanjung yang lain. Berikut merupakan leksikal yang ditemui dan dianggap berbeza dan menarik berbanding dialek-dialek Melayu semenanjung yang lain:

Glos	BMS	Subdialek KT
yang	[jaŋ]	[hɔʔ]
bulu roma	[bulu romə]	[bulu ɣəʔmə]
aku	[aku]	[ambə]
payudara	[pajudara]	[kəpəʔ]
manggis	[maŋgis]	[mətə]
kerbau	[kərbau]	[kuba]
obor-obor	[obor-obor]	[apa-apa]

### Perbincangan dan Rumusan

Berdasarkan hasil perbincangan menerusi analisis kajian, pengkaji mendapati bahawa Dialek Melayu Terengganu khususnya subdialek Kuala Terengganu mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. DMT dilihat mempunyai 19 konsonan yang mana berbeza dengan Bahasa Melayu Standard. Perbezaan ini hanya terletak pada lingkungan-lingkungan penyebaran yang ditempati oleh konsonan-konsonan tertentu. Dari segi penyebaran pula, kesemua konsonan dalam DMT boleh berada pada lingkungan awal kata, dan tengah kata. Akan tetapi hanya dua konsonan sahaja yang boleh menempati kesemua lingkungan kata. Konsonan-konsonan tersebut adalah bunyi konsonan plosif /b, d, k, g/, frikatif /s, ʃ/, afrikat /tʃ, dʒ/, lateral /l/, nasal /ŋ/, dan separuh vokal /w, j/. Sebaliknya, konsonan-konsonan yang boleh hadir pada semua lingkungan kata dalam dialek DMT adalah seperti bunyi konsonan /p, t, h, m, n, ŋ/. Manakala, konsonan-konsonan yang tidak boleh hadir pada lingkungan akhir kata dalam DMT, hanya mampu berada pada lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja.

Berdasarkan hasil penelitian deskripsi sistem diftong yang dikemukakan di atas, ternyata bahawa DMT hanya mempunyai satu jenis diftong sahaja iaitu diftong /oi/ yang wujud pada

lingkungan akhir kata sahaja. Manakala, diftong /ai/ dan /au/ direalisasikan sebagai monoftong /ε/, /u/, dan /a/. Perubahan dalam sistem vokal pula memperlihatkan proses perubahan seperti perluasan vokal dan penyempitan vokal. Manakala sistem konsonan pula pengkaji memfokuskan perubahan yang ketara sahaja dalam DMT, iaitu seperti penglibatan proses perubahan pengvelaran, pelabialan, pengguguran, penyisipan, monoftongisasi, penggantian dan penglotisan. Berdasarkan kesemua proses-proses yang telah berlaku adalah sangat menarik, yakni telah melambangkan dialek sebenar DMT, yang berbeza dengan dialek-dialek Melayu yang lain.

Berdasarkan penelitian terhadap penyebaran leksikal bagi DMT, jelas bahawa terdapat pelbagai leksikal yang menarik dijumpai di antara kawasan-kawasan kampung yang dikaji. Hasil penelitian tersebut, pengkaji menyenaraikan beberapa leksikal yang dianggap menarik tumpuan dan unik kepada pengkaji dan pembaca dalam memahami DMT. Oleh hal yang demikian, kajian ini sememangnya terserlah dari aspek kelainan sistem vokal, konsonan, diftong, proses fonologi dan ciri leksikal yang terdapat dalam DMT. Kesemua aspek ini jelas membuktikan bahawa dialek ini mempunyai identiti yang tersendiri dan sememangnya perlu didokumentasikan agar khazanah DMT kekal terpelihara.

### Rujukan

- Kamus Dewan 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood. 1990. Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa, Mac*, 217-225.
- Ajid Che Kob. 1997. Word Final Nasal in Malay Dialects. *Proceedings of Seventh International Conference on Austronesian*. 35-43
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown C.C. 1935. Terengganu Malay. *JMBRAS* 13 (3): 1-111.
- Collins. 1996. *Malay, world language of the age: A sketch of its history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara*. Bil (3): 69-79.
- Jaludin Chuchu. 2002. *Morphology of Brunei Malay*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habibah Che Rosdi. 2013. *Dialektologi Geografi Hulu Perak Utara: Perbandingan Fonologi dan Leksikal*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hervey D.F.A. 1881. The Endau and its Tributaries. *JMBRAS*: 93-130.
- Mckerron, P.A.B. 1931. A Terengganu Vocabulary. *JMBRAS* 9: 123-128.
- Mohd Tamizi Hasrah. 2013. Pertemuan Dua Hulu: Hubungan Hulu Terengganu dan Hulu Tembeling Menurut Beberapa Aspek Tatabunyi. *Prosiding Seminar Antarabangsa ke 2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya Melayu*. 3-15.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2014. *Fosil Dialek Hulu Pahang*. Bangi: Penerbit UKM.
- Noor Rohana Mansor *et al.* 2013. Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Volume 10: 21-35.
- Noraien Mansor *et al.* 2013. *Dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Nothofer, B. 1997. *Dialek Melayu Bangka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rahim Aman. 2008. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A. H *et al.* 2016. Penerokaan Bentuk Keterikatan Melayu melalui Ragam Bahasa: Perbandingan Fonologi Melayu Sadong Sarawak dengan Melayu Semenanjung. *GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space* 12 issue 11. 103-122.

## 'AKU' DALAM NORMA INTERPRETASI MASYARAKAT DI SABAH

Noor Fadilah Dawi  
Zaitul Azma Zainon Hamzah  
Che Ibrahim Salleh  
Norazlina Hj. Mohd. Kiram


### ABSTRAK

'Aku' merupakan kata ganti nama diri yang mempunyai perkaitan dengan aspek kebahasaan dan nilai kesantunan masyarakat Melayu. Penggunaan yang salah dan tidak mematuhi norma masyarakat Melayu dianggap kurang santun dalam berbahasa. Oleh yang demikian, kajian terhadap penggunaan 'aku' dalam perbualan seharian masyarakat di Sabah khususnya di Lahad Datu telah dilakukan untuk membincangkan dan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang keunikan penggunaannya berbanding masyarakat yang berada di Semenanjung Malaysia. Data kajian dikumpul melalui kaedah pemerhatian dan temu bual, manakala gabungan Model Sistem Sapaan Amat Juhari Moain (1989) dan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) dijadikan sebagai landasan untuk menganalisis dapatan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat di Sabah mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana terdapat unsur kesantunan, kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan dalam penggunaannya.

**Kata Kunci:** 'aku', kata ganti nama diri, norma interpretasi, kesantunan, kekitaan

### PENDAHULUAN

'Aku' sebagai kata ganti nama diri pertama termasuk dalam sistem sapaan masyarakat Melayu. Sistem sapaan ini merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa untuk menyapa seseorang, sama ada dalam konteks perbualan rasmi mahupun konteks perbualan tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007:36). Selain 'aku', penyapa dalam sistem sapaan masyarakat Melayu juga menggunakan kata ganti nama diri pertama yang lain seperti 'saya', 'beta', 'patik', 'hamba', kata ganti nama diri dialek, 'kami', 'kita' dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1989(a):187; Hasan Muhammad Ali, 1989:508-510). Untuk menyapa pesapa, penyapa akan menggunakan kata sapaan, iaitu termasuklah kata ganti nama diri kedua seperti 'awak', 'kamu', 'engkau', 'anda', 'kalian', kata panggilan, kata panggilan keluarga/kekeluargaan dan rujukan kehormat (Amat Juhari Moain, 1985; Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2005; Media Sandra Kasih, 2000; Saidatul Nornis, 2005; Brown & Ford, 1964; Nik Safiah Karim, 1981). Contoh rajah dapat diperturunkan seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Sistem Sapaan Masyarakat Melayu**

Sistem sapaan adalah sangat penting diketahui kerana orang yang menyapa seseorang yang lain dengan mengikut sistem yang telah terbeku dalam masyarakat dianggap sebagai orang yang berbudi bahasa, dan orang yang bersifat demikian ini diberi nilai yang tinggi dalam kebudayaan Melayu (Brown & Ford, 1964). Begitu juga dengan penggunaan 'aku' pada masa bertegur sapa dapat menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Seseorang yang membahaskan dirinya sebagai

'aku' dalam konteks perbualan rasmi sudah tentu akan dipandang sebagai seorang yang 'tidak tahu bahasa', namun sebaliknya jika digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi sudah tentu menjadi perkara yang biasa dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa sistem sapaan berperanan penting sebagai penghubung langsung antara pihak penyapa dengan pihak pesapa (Awang Sariyan, 2007:36).

Berdasarkan Rajah 1, sistem sapaan dalam masyarakat Melayu dapat dibahagikan kepada penyapa dan pesapa. Dalam sesuatu perbualan, pihak penyapa akan menggunakan kata ganti nama diri pertama untuk merujuk kepada dirinya sendiri, manakala akan menggunakan kata sapaan untuk menyapa pesapa. Oleh sebab dalam sistem sapaan masyarakat Melayu terdapat hubungan antara ahli keluarga dan kaum kerabat, maka, 'aku' juga diamalkan dalam kalangan mereka, namun penggunaannya adalah berbeza mengikut tempat dan budaya. Penggunaan 'aku' terhadap golongan ibu bapa oleh seorang anak akan menampakkan ketidaksantunan terhadap orang yang perlu dihormati, tetapi penggunaan 'aku' juga akan menampakkan kesantunan selagi penggunaannya tidak melanggar adab kesantunan dan budi bahasa masyarakat tertentu seperti masyarakat di Sabah.

Selain ahli keluarga, 'aku' juga digunakan dalam kalangan rakan yang akrab. Malah bukan sahaja melibatkan perbualan dalam masyarakat biasa, bahkan juga dalam perbualan diraja dan orang besar. Contohnya dalam perbualan antara Raja Maliku'l-Mansor (Raja Samudra) kepada Sidi Ali Hisam'd-Din, Raja Kecil Siak kepada menteri dan orang besar baginda, dan Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor kepada Muhammad Ibrahim Munsyi (Amat Juhari Moain, 1989:63). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan 'aku' juga melibatkan kerabat diraja dan sudah digunakan semenjak zaman dahulu lagi. Penggunaannya dapat menggambarkan wujudnya hubungan yang erat dalam masyarakat.

Begitu juga dalam sistem sapaan mengikut kedudukan dan pangkat, jika 'aku' dituturkan antara majikan dengan pekerja, penggunaannya akan menampakkan satu perbezaan lapisan sosial masyarakat. Namun begitu, 'aku' sama sekali tidak sesuai digunakan dalam konteks perbualan rasmi. Masyarakat perlu diberi pemahaman dan kesedaran bahawa 'aku' tidak sesuai digunakan dalam urusan rasmi, seperti ketika berurusan di pejabat kerajaan atau di sekolah. Mungkin ada anggota masyarakat yang tidak memahami perkara tersebut dan menggunakan 'aku' atau kata ganti nama diri pertama yang lain yang biasa digunakan dalam perbualan seharian, misalnya 'teman' bagi orang Perak, 'kawan' bagi orang Johor, 'kuwe' bagi orang Pahang, 'ambo' bagi orang Kelantan dan 'eden' atau 'ese' bagi orang Negeri Sembilan. Mereka perlu dibudayakan untuk menggunakan kata ganti nama diri pertama yang sesuai, iaitu 'saya' dalam konteks perbualan rasmi (Awang Sariyan, 2007:39-40). Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa 'aku' dalam kalangan masyarakat Melayu digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi, iaitu melibatkan penyapa dan pesapa yang berbeza status dan usia.

Hasan Muhammad Ali (1989:508-509) mengatakan bahawa 'aku' digunakan dengan meluas hampir di setiap negeri di Malaysia, termasuklah negeri Sabah. Namun penggunaannya tidak dijelaskan mengikut konteks dan budaya masyarakat. Justeru dalam kajian ini, penggunaan 'aku' akan dikaji mengikut konteks dan budaya masyarakat menggunakan pendekatan kajian etnografi komunikasi kerana bidang tersebut berusaha untuk memerhati norma perlakuan pertuturan dalam berbagai komuniti dan berusaha mencari kaedah yang dapat digunakan untuk melihat norma itu. Hal ini bermaksud penggunaan 'aku' yang dilakukan dalam kajian etnografi komunikasi mampu mendedahkan pelbagai cara pertuturan yang terdapat di seluruh pelosok dunia dan juga mempunyai nilai praktis dalam bidang yang melibatkan komunikasi silang budaya (Saville-Troike, 1991:ix). Walau bagaimanapun, kajian ini dibataskan dalam konteks perbualan seharian masyarakat di daerah Lahad Datu, Sabah sahaja kerana berdasarkan penelitian pengkaji, 'aku' banyak digunakan oleh masyarakat yang mendiami daerah tersebut. Data kajian pula dikumpul melalui kaedah pemerhatian dan temu bual, manakala gabungan Model Sistem Sapaan Amat Juhari Moain (1989) dan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) dijadikan sebagai landasan untuk menganalisis dapatan kajian.

Seterusnya, Nor Hashimah Jalaluddin et al., (2005:1) pernah mengatakan bahawa implikasi daripada salah guna bahasa akan menyebabkan pengguna bahasa tersebut dikategorikan sebagai 'kurang sopan' atau 'tak tahu bahasa'. Oleh yang demikian, penggunaan 'aku' perlu diberikan

perhatian kerana kesalahan dalam berbahasa bukan hanya melibatkan kesalahan dalam pemilihan kata sapaan semasa menyapa pesapa, tetapi juga melibatkan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh penyapa. Menurut Teo Kok Seong (2003:15), penggunaan ‘aku’ adalah berbentuk kasar jika digunakan oleh penyapa yang lebih rendah statusnya terhadap pesapa yang lebih tinggi statusnya dan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua. Begitu juga penggunaan ‘aku’ terhadap golongan ibu bapa oleh anak-anak seharusnya tidak berlaku dalam perbualan (Idris Aman, 2010:100).

Namun, amalan berbahasa ini sememangnya berlaku dalam perbualan seharian bagi masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat di Lahad Datu. Keadaan ini bukanlah menunjukkan ketidaksantunan dalam berbahasa tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor budaya kerana penggunaan ini ada kaitannya dengan perbezaan penggunaan bahasa mengikut budaya. Penggunaan ‘aku’ perlu digunakan dan difahami dengan betul melalui latar belakang kebudayaan setempat atau struktur sosial masyarakat itu kerana struktur sosial akan tercermin dalam penggunaan bahasanya (Noor Azlina, 1975). Oleh itu, penggunaan ‘aku’ akan dikaji berdasarkan budaya masyarakat penutur, iaitu budaya berbahasa yang terdapat dalam masyarakat Lahad Datu yang dapat dimanifestasikan melalui penggunaan ‘aku’ apabila digunakan oleh penutur yang mengabaikan budaya dianggap kurang santun, tetapi dalam konteks penggunaan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja menampakkan kesantunan tetapi turut memperlihatkan unsur kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan dalam penggunaannya. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan terhadap penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu sebagai satu pendedahan agar masyarakat di Sabah tidak menggunakan ‘aku’ terhadap pesapa yang lebih berstatus dan lebih berusia di Semenanjung Malaysia dan juga dalam laras rasmi sama ada di Sabah atau di Semenanjung Malaysia, di samping memberikan kesedaran kepada masyarakat di Semenanjung Malaysia tentang penerimaan penggunaan ‘aku’ dalam budaya masyarakat Sabah dalam laras tidak rasmi dengan fungsi yang berbeza-beza.

## DAPATAN KAJIAN

### Konteks Kesantunan

Strategi bersopan santun merupakan satu strategi yang memperlihatkan aspek kesantunan melalui penggunaan sistem sapaan yang betul dan sesuai mengikut keadaan. Sistem sapaan itu bukan sahaja melibatkan pihak tertentu dalam majlis rasmi bahkan dalam kalangan keluarga dan rakan-rakan (Faridah et al., 2014:93). Strategi bersopan santun dalam aspek kesantunan dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai. Penggunaan kata panggilan berbentuk halus seperti ‘bang’, ‘abang’, ‘kak’ dan ‘kakak’ bukan sahaja mewujudkan pola tidak resiprokal BH-BK tetapi juga termasuk dalam strategi kesantunan yang digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua daripadanya. Oleh yang demikian, walaupun penyapa yang lebih muda menggunakan ‘aku’ sebagai kata ganti nama diri pertama berbentuk kasar, namun penggunaan tersebut disertai dengan strategi bersopan santun dalam penggunaannya seperti yang terdapat dalam ayat berikut, iaitu:

#### Data 1

“Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, ‘aku’ rasa bah bang”.

Penggunaan ‘aku’ dalam Data 1 menunjukkan bahawa ayat perbualan tersebut digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua dalam masyarakat Lahad Datu. Penggunaan ‘aku’ dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang” digunakan oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa lebih tua menggunakan strategi bersopan santun, iaitu penyapa yang lebih muda menggunakan ‘aku’ untuk membahaskan dirinya sendiri kepada pesapa yang lebih tua disertai dengan strategi bersopan santun melalui penggunaan kata panggilan ‘bang’ yang bersesuaian dengan usia pesapa yang lebih tua daripadanya. Penggunaan strategi ini menunjukkan bahawa walaupun ‘aku’ digunakan oleh penyapa yang lebih muda daripada pesapa, namun melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai, penggunaan ‘aku’ dalam ayat tersebut merujuk kepada kesantunan dalam penggunaannya. Strategi bersopan santun ini membawa

penggunaan ‘aku’ dalam ayat “Memanglah jadi *manager*, tapi maksudku, aku jadi *assistant* hari tu pun, aku rasa bah bang” kepada penanda santun dalam masyarakat Lahad Datu. Hal ini kerana, ahli dalam sesebuah masyarakat seharusnya menyapa pesapa dengan panggilan yang memuliakan mereka dan juga tidak seharusnya menyapa seseorang dengan gelaran yang mereka tidak sukai kerana hal tersebut akan menyebabkan nilai kesantunan terhakis dan hubungan menjadi hambar (Faridah et al., 2014:82).

### Konteks Kekuasaan

Jika dalam konteks kesantunan, penggunaan ‘aku’ dilihat berdasarkan penggunaannya oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya, konteks kekuasaan pula sebaliknya, iaitu melihat penggunaan ‘aku’ oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda. Brown (1921) pernah mengatakan bahawa ‘aku’ digunakan oleh orang tua kepada orang muda dan oleh penutur yang mempunyai lebih kuasa kepada pengikut. Penggunaan tersebut jika diteliti maksudnya adalah satu bentuk penggolongan ‘aku’ dalam konteks kekuasaan bagi masyarakat Melayu, iaitu ‘aku’ digunakan oleh penyapa yang lebih tua dan lebih berstatus terhadap pesapa yang lebih muda dan kurang berstatus. Penggunaan ‘aku’ dalam konteks kekuasaan adalah keterbalikan daripada penanda kesantunan dalam sesebuah masyarakat. Jika bahasa yang santun itu memerlukan kata ganti nama diri pertama berbentuk halus digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap orang yang lebih tua, dalam konteks kekuasaan, kuasa diberikan kepada penyapa yang lebih tua untuk menggunakan bentuk kasar ‘aku’ terhadap pesapa yang lebih muda. Penggunaan ini bermaksud, ‘aku’ tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh penyapa yang lebih muda kepada pesapa yang lebih tua, tetapi dalam konteks kekuasaan membolehkan ‘aku’ digunakan oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda. Contoh penggunaan ‘aku’ untuk melambangkan kekuasaan oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda adalah seperti yang terdapat dalam data yang berikut, iaitu:

Data 2

- A : Lapar sudah nenek?  
 B : Ndak. Kalau aku lapar, tadi lagi aku makan.  
 Sedangkan semalam lambat aku makan.

Melalui sapaan perbualan dalam Data 2, penggunaan ‘aku’ bagi menunjukkan kekuasaan oleh penyapa yang lebih tua kepada pesapa yang lebih muda berlaku dalam kalangan masyarakat Lahad Datu, iaitu B selaku penyapa yang lebih tua menggunakan ‘aku’ untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap A selaku pesapa yang lebih muda daripadanya. Konteks kekuasaan ini mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu pada umumnya, kerana usia dan status merupakan faktor penentu penggunaan kata ganti nama diri tersebut. Hal ini kerana kelewatan usia biasanya disamakan dengan kebijaksanaan dan ketinggian dari segi hubungan kekeluargaan. Orang yang tua sentiasa dianggap lebih ‘tinggi’ dan diberikan bentuk halus oleh orang yang lebih muda, dan orang tua itu pula berhak memberikan kata ganti nama diri bentuk kasar kepada yang lebih muda (Nik Safiah Karim: 1981:103).

### Konteks Keakraban

Penggunaan ‘aku’ dalam konteks keakraban adalah berbentuk erat, iaitu digunakan antara rakan akrab dan juga digunakan dalam kalangan penyapa dan pesapa yang setaraf dan akrab atau salah satunya (Zulkifley, 2015; Amat Juhari 1989). Penggunaan ‘aku’ dalam golongan yang setaraf menunjukkan bahawa terdapatnya kuasa yang lebih kurang sama. Maka dengan itu, ‘aku’ boleh digunakan oleh kedua-dua pihak kerana terdapatnya hubungan yang akrab dan setaraf antara mereka. Penggunaan bahasa yang akrab digunakan dalam situasi tidak rasmi, iaitu tidak ada penggunaan bahasa basa-basi kerana digunakan untuk bercakap kepada rakan yang akrab serta setaraf (Abdul Rashid dan Amat Juhari, 2011:39). Selain digunakan antara rakan yang akrab dan setaraf, ‘aku’ juga digunakan dalam konteks keakraban dalam kalangan ahli keluarga kerana keakraban juga merujuk kepada perhubungan atau pertalian yang sangat erat dan lebih dekat hubungannya antara satu sama lain (Kamus Dewan, 2015:26). Pertalian yang sangat erat ini sudah tentu bukan sahaja wujud dalam kalangan rakan yang



akrab atau orang yang mempunyai hubungan rapat, tetapi juga merujuk kepada pertalian yang erat dalam hubungan sesama ahli keluarga.

Pola resiprokal BK-BK pula digunakan apabila kedua-dua pihak mempunyai hubungan akrab, walaupun mungkin berbeza taraf sosial atau pekerjaan. Kedua-dua pihak menggunakan kata ganti nama diri bentuk kasar (BK) dan juga menerima bentuk kasar (BK). Penggunaan 'aku' dalam pola BK-BK didapati wujud dalam konteks keakraban bagi masyarakat Lahad Datu. Penggunaannya adalah seperti yang terdapat dalam data yang berikut, iaitu:

Data 3

A : Memanglah bang, bilang orang ada kemahiran tu, kita ndak perlu banyak cerita sama dia bah. Kita cakap sak apa kita mau dibikin sudah tu. Samalah aku punya kawan dulu. Ada satu kawan aku tu kan pakar *design*. Cerita sak. Eh, Wak, namanya si Wak. aku mau buat mesin ini. Nanti dia fikir sendirilah sudah tu. Gila betul kawan 'aku' tu. Jadi bah *simulation*. Melukis di dalam 3D punya.

.....

B : Aku lagi pi Brunei, matilah.

A : Lajak syak.

B : 300 lebih orang *interview* di Marriot, J. W. Marroit, Bukit Bintang *interview*. Tiga orang jak dapat.

A : Uii na, *power*.

B : Sekali masuk dalam *interview*, yang *interview* tu kau tau siapa? Austrian. Austrian dia punya slang bukan British.

A : Ya lah. Bukan biasa punya.

Kewujudan pola BK-BK dalam perbualan antara A dengan B menunjukkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama 'aku' dan kata ganti nama diri kedua 'kau' dalam konteks keakraban bagi masyarakat di Lahad Datu juga mempunyai ciri yang sama dengan masyarakat Melayu. Penggunaan tersebut menunjukkan bahawa 'aku' bukan hanya melibatkan perbualan antara rakan sebaya, tetapi juga terhadap pesapa yang berbeza usia tetapi mempunyai hubungan yang akrab antara keduanya.

Akrab	—————	Renggang
Setia Kawan Tinggi		Setia Kawan Rendah

Menurut Noriah Mohamed (1998:22), jika setia kawan adalah tinggi, maka hubungan antara penyapa dengan pesapa adalah akrab, manakala jika setia kawan adalah rendah, maka hubungan antara penyapa dengan pesapa adalah renggang. Hal ini ada kaitan penggunaan 'aku' sebagai bentuk kasar tetapi digunakan terhadap orang yang akrab walaupun mempunyai usia lebih tua daripada penyapa. Menurut Leech (1983) semakin dekat jarak peringkat sosial antara kedua-duanya, akan menjadi kurang santunlah proses komunikasi tersebut, tetapi semakin jauh jarak status semakin santun ujaran yang perlu digunakan. Hal ini bermaksud, 'aku' sebagai bentuk kasar boleh digunakan terhadap pesapa yang mempunyai hubungan rapat kerana penggunaan bentuk kasar terhadap orang yang rapat tidak memerlukan tahap kesantunan yang tinggi dalam perbualan. Oleh itu, 'aku' boleh sahaja digunakan terhadap pesapa yang akrab kerana dalam hubungan yang akrab tidak memerlukan ujaran yang santun antara kedua-dua pihak. Penggunaan 'aku' dalam konteks keakraban masyarakat Lahad Datu juga didapati mempunyai persamaan dalam konteks kemesraan masyarakat Melayu.

### Konteks Kemesraan

Hubungan yang mesra mempunyai kaitan dengan faktor usia dalam hubungan antara ahli keluarga dan juga rakan. Konteks kemesraan dapat dikaitkan dengan perihal mesra yang wujud dalam hubungan yang erat atau karib antara rakan dan ahli keluarga (Kamus Dewan, 2015:1027-1028). Contoh perbualan dalam konteks kemesraan dalam kajian ini dapat dilihat dalam hubungan antara adik-beradik. Pola penggunaannya ialah pola resiprokal BK-BK seperti yang didapati berlaku dalam perbualan yang berikut, iaitu:

Data 4

Kakak : Siapa punya ini?  
 Adik : Hitam.  
 Kakak : Hitam. Aku punya.  
 Adik : Eee, aku punya mana? *Pink*.

Dalam Data 4, didapati bahawa kakak memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada adiknya dalam ayat "Hitam. Aku punya", manakala adik juga memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada kakaknya dalam ayat "Eee, aku punya mana? *Pink*". Pola BK-BK wujud dalam konteks kemesraan kerana kakak memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) dan juga menerima bentuk kasar 'aku' (BK) daripada adiknya. Begitu juga dengan adik, adik memberikan bentuk kasar 'aku' (BK) kepada kakaknya dan juga menerima bentuk kasar 'aku' (BK) daripada kakaknya.

### Konteks Kekitaan

Penggunaan 'aku' dalam konteks kekitaan masyarakat di Lahad Datu pula dapat dilihat seperti yang terdapat dalam data yang berikut, iaitu:

Data 5

B : Oh, bukan.  
 A : Bukan. Mau samalah tu. Aku bilang kalau petang baru pi sana, ndak lama mau pulang lagi. Kalau kita bercerita ni.  
 B : Kalau saya tu mesti. Belum lagi saya masuk rumah kan, saya pergi sebelah dulu. Sebab kalau sudah aku masuk kak, payah sudah.  
 A : Memang. Kalau petang tu baru ndak da urusan. Kereta adikku tu pakai. Yang satu bolehlah kita pakai. Tapi banyak betul urusannya, ndaklah. Kalau aku di *office*, *office* sejaklah. Kalau di rumah, di rumahlah sejak aku tu.  
 A : Aku ndak pandai bah sudah Mak Nor manual. Tulah susahny manual kalau ndak pandai ni.  
 B : Kalau saya ni...  
 A : Dua jak *auto* kami ni. Yang lain tu manual.  
 B : Kalau kakiku ni kak, 12 tahun.

Penggunaan 'saya' bagi menunjukkan rasa hormat B kepada A boleh didapati dalam ayat yang berikut, iaitu "Kalau saya tu mesti. Belum lagi saya masuk rumah kan, saya pergi sebelah dulu". Rasa hormat B kepada A kemudiannya bertukar kepada rasa kekitaan yang dapat dimanifestasikan dalam ayat yang berikutnya "Sebab kalau sudah aku masuk kak, payah sudah". Keadaan ini turut berlaku dalam ayat perbualan yang ditujukan oleh A kepada B "Aku ndak pandai bah sudah Mak Nor manual" yang kemudiannya mendapat respon daripada B dengan memberikan jawapan "Kalau saya

ni... kalau kaki<sup>ku</sup> ni kak, 12 tahun”. Berdasarkan perubahan penggunaan ‘saya’ kepada ‘ku’ oleh B, jelas menunjukkan bahawa penggunaan ‘aku’ dapat menanam rasa kekitaan dalam penggunaannya.

Justeru, dapatlah dikatakan bahawa penggunaan ‘aku’ dalam masyarakat Lahad Datu mengandungi rasa kekitaan yang digunakan antara penyapa dengan pesapa kerana penggunaannya dalam perbualan seharian dapat menimbulkan ‘*esprit de corps*’ atau perasaan kekitaan sesama ahli masyarakatnya (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1989:485). Semangat dan kekitaan tersebut adalah penting untuk dipupuk dan dipelihara kerana dapat membawa persefahaman dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbahasa di Lahad Datu.

### KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan penggunaan ‘aku’ mengikut norma interpretasi dalam kalangan masyarakat di Sabah, dapat dikatakan bahawa penggunaan ‘aku’ dalam konteks kesantunan, kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan biasanya berlaku dalam pola BK-BK dan bukannya pola BH-BK seperti yang sepatutnya berlaku dalam kalangan penyapa dan pesapa yang mempunyai perbezaan status dan usia (Brown dan Gilman, 1960). Penggunaan ini bermaksud, penyapa yang lebih tinggi statusnya atau lebih tua menerima bentuk kasar ‘aku’ dan juga memberi bentuk kasar ‘aku’ kepada pesapa yang lebih rendah statusnya atau lebih muda dalam kalangan masyarakat Lahad Datu. Begitu juga sebaliknya, penyapa yang lebih rendah statusnya atau lebih muda turut menerima dan memberi bentuk kasar kepada pesapa yang lebih tinggi statusnya atau lebih tua daripada penyapa. Oleh yang demikian, ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu didapati digunakan dalam hubungan yang bertimbal balik, iaitu ‘aku’ digunakan oleh penyapa yang lebih tinggi statusnya dan lebih tua kepada pesapa yang lebih rendah statusnya dan juga lebih muda daripada penyapa dan berlaku sebaliknya.

### RUJUKAN

- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain. (2011). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Amat Juhari Moain. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, R. & Ford, M. (1964). Address in American English. Dlm Dell Hymes, *Language in Culture and Society*. New York: Harper and Row.
Jadual 3 pula memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kekeluargaan.

Jadual 3: Penggunaan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan

Bahasa	Generasi 1	Generasi 2	Jumlah	
Bahasa Cham	25 (39.7%)	17 (23.6%)	42	31.1%
Bahasa Khmer	10 (15.9%)	10 (13.9%)	20	14.8%
Bahasa Melayu	28 (44.4%)	44 (61.1%)	72	53.3%
Bahasa Vietnam	0	1 (1.4%)	1	0.8%
Jumlah	63	72	135	100%

Lebih 50 peratus responden tidak menggunakan bahasa Cham sebaliknya menggunakan bahasa sama ada bahasa Khmer, bahasa Melayu ataupun bahasa Vietnam. Bahasa Melayu paling banyak digunakan terutamanya oleh Generasi 2, iaitu 61.1 peratus responden. Bagi Generasi 1 perbezaan penggunaan bahasa antara bahasa Cham, bahasa Khmer dan bahasa Melayu tidak ketara tetapi penggunaan bahasa Melayu masih mengatasi bahasa lain.

Domain kejiranan pula merujuk penggunaan bahasa Cham dalam hubungan sesama jiran dalam persekitaran tempat tinggal atau kampung. Jiran dalam kajian ini bermaksud semua yang tinggal dalam kampung atau taman perumahan yang sama, berkongsi kemudahan kampung dan ketua kampung yang sama. Jiran dekat merupakan jiran yang berada dalam lingkungan lima pintu di sebelah kiri, kanan, belakang dan hadapan rumah utama. Manakala rumah yang keenam dan seterusnya dianggap sebagai jiran jauh. Jadual 4 ialah hasil Ujian-t perbezaan penggunaan bahasa Cham dalam domain kejiranan berdasarkan generasi.

Jadual 4: Perbezaan Penggunaan Bahasa Cham Dalam Domain Kejiranan Berdasarkan Generasi

Demografi	Faktor	N	min	sp	dk	t	sig
Generasi	Gen. 1	63	3.09	0.86	133	6.166	0.000
	Gen. 2	72	2.21	0.81			

Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham  $t(133)=6.166$ ,  $p<.01$  dengan Generasi 1 ( $m=3.09$ ) lebih tinggi penggunaan bahasa Cham berbanding Generasi 2 ( $m=2.21$ ) dalam domain kejiranan.

Jadual 5: Penggunaan Bahasa dalam Domain Kejiranan

Bahasa	Generasi 1	Generasi 2	Jumlah	
Bahasa Cham	27 (42.8%)	13 (18.1%)	40	29.6%
Bahasa Khmer	19 (30.2%)	10 (13.9%)	29	21.5%
Bahasa Melayu	17 (27.0%)	49 (68.0%)	66	48.9%
Jumlah	63	72	135	100%

Jadual 5 memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kejiranan. Bahasa Cham lebih dominan dalam kalangan Generasi 1, iaitu sebanyak 42.8 peratus responden menggunakannya, diikuti bahasa Khmer 30.2 peratus dan hanya 27.0 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Berbeza dengan Generasi 2, bahasa Cham kurang berperanan. Hanya 18.1 peratus menggunakan bahasa Cham, 13.9 peratus menggunakan bahasa Khmer dan 68.0 peratus menggunakan bahasa Melayu.

Domain pekerjaan ialah domain yang melibatkan hubungan masyarakat Cham yang lebih luas yang melibatkan kepelbagaian situasi ketika bekerja. Kebanyakan masyarakat Cham terlibat dalam pekerjaan yang kurang menggunakan laras rasmi. Jadual 6 merupakan hasil dapatan Ujian-t untuk melihat perbezaan penggunaan bahasa Cham dalam domain pekerjaan berdasarkan generasi.

Jadual 6: Perbezaan Penggunaan Bahasa Cham Dalam Domain Pekerjaan Berdasarkan Generasi

Demografi	Faktor	N	min	sp	dk	t	sig
Generasi	Gen. 1	55	2.23	0.81	95	3.194	0.002
	Gen. 2	42	1.71	0.78			

Hasil Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham  $t(95)=3.194$ ,  $p<.01$  dengan Generasi 1 ( $m=2.23$ ) lebih tinggi penggunaan bahasa Cham berbanding Generasi 2 ( $m=1.71$ ) dalam domain pekerjaan.

Jadual 7: Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan

Bahasa	Generasi 1	Generasi 2	Jumlah	
Bahasa Cham	07 (12.7%)	04 (9.5%)	11	11.3%
Bahasa Khmer	07 (12.7%)	02 (4.8%)	09	09.3%
Bahasa Melayu	41 (74.6%)	36 (85.7%)	77	79.4%
Jumlah	55	42	97	100%

Jadual 7 memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain pekerjaan. Hanya 97 responden sahaja yang terlibat untuk menjawab bahagian ini kerana selebihnya merupakan pelajar dan

tidak bekerja (lihat Jadual 1). Daripada jumlah tersebut, 11.3 peratus responden yang bekerja menggunakan bahasa Cham, 9.3 peratus menggunakan bahasa Khmer dan 79.4 peratus menggunakan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa Cham. Analisis generasi menunjukkan 85.7 peratus Generasi 2 dan 74.6 peratus Generasi 1 telah beralih kepada penggunaan bahasa Melayu dalam urusan kerja.

Daripada Ujian-t dan jumlah pengguna bahasa Cham, didapati berlaku kemerosotan penggunaan bahasa Cham. Kebanyakan responden telah beralih kepada bahasa Melayu apabila berhubungan sesama keluarga, sesama jiran dan dalam konteks pekerjaan.

Jadual 8 menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap kenyataan 'Bahasa Cham di Malaysia dijangka tidak digunakan lagi pada masa hadapan' menggunakan lima tahap persetujuan sangat tidak setuju kepada sangat setuju.

Jadual 8: Bahasa Cham Dijangka Tidak Digunakan Lagi pada Masa Hadapan

Tahap Persetujuan	Generasi 1	Generasi 2	Jumlah	
Sangat Tidak Setuju	02 (03.2%)	02 (02.8%)	04	02.9%
Tidak Setuju	05 (07.9%)	19 (26.4%)	24	17.8%
Tidak Pasti	05 (07.9%)	00 (00)	05	03.7%
Setuju	35 (55.6%)	45 (62.5%)	80	59.3%
Sangat Setuju	16 (25.4%)	06 (08.3%)	22	16.3%
Jumlah	63 (100%)	72 (100%)	135	100%

Sebanyak 75.6 peratus responden bersetuju hingga sangat setuju bahawa bahasa Cham tidak akan digunakan lagi pada masa hadapan. Generasi 1 (81%) menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi berbanding Generasi 2 (70.8%). Hanya 2.9 peratus masih mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa bahasa Cham boleh bertahan dan terus digunakan dan 3.7 peratus lagi tidak dapat memberikan kepastian. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden menganggap akan berlaku peralihan bahasa pada masa hadapan.

Melalui Ujian-t dan deskriptif jumlah pengguna bahasa Cham, didapati berlaku kemerosotan penggunaan bahasa Cham sebaliknya penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Cham dalam ketiga-tiga domain. Dapatan ini menunjukkan tanda peralihan kepada bahasa Melayu telah berlaku. Andaian awal yang dikemukakan, iaitu masyarakat Cham di Malaysia telah menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa warisannya dan berlaku peralihan bahasa kepada bahasa Melayu tetapi bukan pada skala yang menyeluruh yang melibatkan semua peringkat generasi menunjukkan kebenarannya. Ramai Generasi 2 menggunakan bahasa Melayu tetapi pengaruh bahasa Cham lebih menguasai Generasi 1. Dengan perkataan lain, kemerosotan penggunaan bahasa Cham dalam ketiga-tiga domain yang dikaji dan peralihan kepada bahasa Melayu jelas berlaku dalam kalangan Generasi 2. Dalam sesetengah keadaan, bahasa Cham masih berperanan tetapi penggunaannya semakin berkurang. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Kok-Thay Eng (2013), Farina So (2013), Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009).

Domain kekeluargaan yang merupakan banteng akhir pengekal bahasa (Fishman 1991) dilihat tidak mampu mempertahankan bahasa Cham di kawasan yang dikaji. Bahasa Cham tidak banyak digunakan dalam hubungan kekeluargaan. Walaupun kawasan kejiranan masyarakat Cham mempunyai perkaitan persaudaraan, namun kejiranan juga tidak berjaya mengangkat bahasa Cham sebagai bahasa dominan. Dari segi pekerjaan, walaupun kebanyakan masyarakat Cham bekerja sendiri dan tidak terikat dengan penggunaan bahasa rasmi, bahasa Cham masih sukar dipertahankan. Terdapat satu pola penggunaan bahasa yang dapat difahami daripada hasil tinjauan ini. Dalam kalangan Generasi 2, Bahasa Cham sedikit terancam dalam hubungan kekeluargaan, semakin terancam dalam konteks kejiranan dan semakin nazak dalam konteks pekerjaan. Dalam kalangan Generasi 1, bahasa Cham semakin terancam dalam hubungan kekeluargaan, sedikit terancam dalam domain kejiranan dan semakin nazak dalam domain pekerjaan. Sebaliknya fungsi bahasa Melayu

dilihat kukuh dalam hubungan kekeluargaan, tetapi agak kurang kukuh dalam konteks kejiranan sebaliknya bertambah kukuh dan penting dalam konteks pekerjaan.

### Kesimpulan

Kajian peralihan bahasa Cham cuba melihat gejala peralihan bahasa Cham dalam kalangan masyarakat Cham di lembah hilir Sungai Kerian dengan menganalisis penggunaan bahasa dalam tiga domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiranan dan pekerjaan. Dapatan kajian ini telah memberi gambaran tentang situasi bahasa Cham selepas masyarakat Cham berhijrah ke Malaysia. Jika dibandingkan antara kedua-dua generasi, bahasa Cham kelihatan semakin merosot penggunaannya dalam kalangan Generasi 2 apabila mereka mula beralih kepada bahasa Melayu. Bahasa Melayu menjadi semakin dominan. Hanya dalam domain kejiranan, kebanyakan Generasi 1 masih menggunakan bahasa Cham. Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan keadaan terkawal dan peralihan bahasa tidak menyeluruh, namun kenyataan 3/4 responden bahawa bahasa Cham di Malaysia dijangka tidak digunakan lagi merupakan sesuatu yang serius.

### RUJUKAN

- Adelaar, Alexander. 2005. The Austronesian languages of Asia and Madagascar: A historical perspective. Dlm. Adelaar, A dan Himmelmann, N.P. (Eds). 2005. *The Austronesian Languages of Asia and Madagascar*. New York: Routledge. [1-42]
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, C. 2001. *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Brunelle, Marc. 2005. Diglossia, Bilingualism, and the Revitalization of Written Eastern Cham. Dlm. *Language Documentation & Conservation Vol. 2, No. 1 (June 2008)*, pp. 28-46 .  
<http://nflrc.hawaii.edu/ldc/>
- Can D. Quang. 2012. The mother language teaching program addressing the language, culture, and identity rights of the Cham minority in Ninh Thuan province, Vietnam. *Thesis Dr. of Phil.* University Of Hawai'i At Mānoa.
- Clyne, Michael. 2003. *Dynamics of Language Context: English and Immigrant Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Farina So. 2013. Cham Muslims in Malaysia and Thailand: Then and Now. Dlm. *Encountering Asian New Horizon: Contesting and Negotiating in Fluid Transitions*. Papers by the 2012/2013 Asian Public Intellectuals (API) Fellows.
- Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain. 2009. Struktur dan organisasi sosial orang Cham di Malaysia. Dlm. *Jati, Vol. 14, (December 2009)*, hlm.133-144.
- Finocchiaro, C. M. (2004). Language maintenance shift of a three generation Italian family in three migration countries : an international comparative study. *Thesis Dr. of Phil.*, Department of Linguistic and Applied Linguistics, The University of Melbourne.
- Fishman, J.A. 1972. *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Rowly. Mass: Newbury House Publisher.
- Fishman, J.A. 1991. *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon UK: Multilingual Matters.
- Haugen, E. 1972. The ecology of language. Dlm. Anwar S, Dil. (Ed.). 1972. *Essays by Einar Haugen*. Stanford: Stanford University Press. [Hlm. 325 – 339]
- International Centre for Ethnic Studies. 1995. Minorities in Cambodia. Dlm. *Minority Rights Group International Report. 1995*.
- Kaori Ueki. 2011. Prosody and Intonation of Western Cham. *Thesis Dr. of Phil.* Linguistic, University of Hawai'i at Manoa
- Kirchner, L.M. 2015. *Living on the margins: On the Status and Standing of Minorities and Indigenous Peoples in Cambodia*. Cambodia: Heinrich Boell Foundation.
- Kok-Thay Eng. 2013. From the Khmer Rouge to Hambali: Cham Identities in a Global Age. *Thesis Dr. of Phil.* State University of New Jersey.

- Potowski, J. 2013. Language maintenance and shift. Dlm. Bayley, R., Cameron, R., dan Lucas, C. 2013. *The Oxford Handbook of Sociolinguistics*. DOI:10.1093/oxfordhb/9780199744084.013.0016
- Sevinç, Y. 2016. Language maintenance and shift under pressure: Three generations of the Turkish immigrant community in Netherlands. Dlm. *International Journal of the Sociology of Language, Vol 242 (2016)*, hlm. 81-117.
- Siti Nor. 2010. Kinship and Modernisation: An analysis of a Cham community of East Coast Peninsular Malaysia. *Thesis Dr. of Phil.*, The University of Hull.
- Siti Nor Awang & Rahilah Omar. 2011. Sistem Kekeluargaan dan Persanakan Masyarakat Cham dan Masyarakat Bugis di Malaysia: Satu Perbandingan. Dlm. *Manusia dan Masyarakat. Vol. 20*.
- Weinreich, U. 1968. *Language In Contact: Findings and Problems*. The Hague: Mouton Publishers.
- Westphal, Athi R. 2012. New social architecture and the dilemma of culture in sustainable design: The case of the Cambodian Center for Cham Studies. *Thesis Master of Science*, The University of Minnesota.

## Tahap Penguasaan Ragam Ayat Pasif dan Ayat Songsang Dalam Kalangan Pelajar Asing.

Hasmidar Hassan<sup>1</sup>, Mardian Shah Omar<sup>2</sup>,  
Salinah Jaafar<sup>3</sup>, Intan Marlina<sup>4</sup>  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

hasmidar@um.edu.my<sup>1</sup>, mardianso@um.edu.my<sup>2</sup>,  
b1salinah@um.edu.my<sup>3</sup>, inmarlin@um.edu.my<sup>4</sup>

### ABSTRAK

Ragam ayat pasif dan ayat songsang merupakan antara binaan ayat yang sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar asing. Kedua-dua bentuk ayat ini menjadi begitu sukar pada pelajar asing kerana binaan ragam ayat pasif dan ayat songsang ini mengalami proses penyusunan semula yang hampir sama daripada susunan biasa, iaitu pendepanan seluruh predikat atau sebahagian predikat atau penjudulan objek. Secara khusus, ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan objek (objek dijadikan judul) dan kata kerja pasifnya berimbuhan di-..., teR- ... beR-..., ke-...-an atau mempunyai kata kena sebelum kata kerja. Selain itu, kata kerja pasif (kata kerja dasar) tidak menerima sebarang imbuhan bagi kata pasif diri pertama dan diri kedua. Manakala ayat songsang mengalami penyusunan semula tanpa ada penambahan perkataan, dan penambahan imbuhan. Memandangkan proses penyusunan semula ini sangat hampir antara kedua-dua ragam ayat ini, maka kertas kerja ini diketengahkan bagi menunjukkan sejauhmana ragam ayat pasif dan ayat songsang ini dikuasai oleh pelajar asing. Bagi menunjukkan tahap penguasaan kedua-dua binaan ragam ayat itu, kertas kerja ini menyetengahkan corak dan bentuk binaan ayat pasif dan ayat songsang ini dalam tugas bertulis pelajar. Dapatan kajian ini juga dijangkakan dapat menunjukkan kemungkinan faktor penganggu yang menyebabkan kesalahan binaan ragam ayat pasif dan ayat songsang dalam kalangan pelajar asing.

**Kata kunci:** ragam ayat pasif, ayat songsang, pelajar asing, penyusunan semula.

### Pengenalan

Pengajaran aspek sintaksis kepada pelajar asing merupakan aspek yang mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua. Cabaran ini bukan sahaja melibatkan pelajar malahan guru juga. Hal ini kerana aspek sintaksis bukan sahaja melibatkan aspek struktur atau binaan ayat malahan melibatkan aspek morfologi khususnya imbuhan, binaan frasa dan peluasan frasa dan juga semantik.

Pembelajaran BM sebagai bahasa asing menjadi lebih rumit kerana pemahaman tentang aspek binaan atau struktur BM sebagai bahasa asing ini sering kali dipadankan dan difahami berdasarkan bentuk dan binaan bahasa ibunda pelajar. Andai bahasa ibunda pelajar bukan jenis bahasa aglutinatif sebaliknya bahasa fleksi atau tonis maka pelajar harus memahami binaan ragam ayat pasif ini seadanya. Ertinya pelajar perlu memahami bahawa wujud binaan ayat pasif dan ayat songsang dalam BM dan struktur atau binaannya itu perlu difahami atau rumusnya perlu dihafal. Sesuai dengan kata 'ragam', ayat pasif dan ayat songsang ini berupa bentuk ayat yang dapat dikatakan sebagai variasi yang wujud atas sebab keperluan keadaan dan pilihan pengguna (bagaimanapun, hal kewujudan ayat ini tidak dijelaskan oleh penahu moden misalnya oleh TBD mahupun NMM).

Dalam banyak keadaan, ragam ayat pasif dan ayat songsang ini dapat dikatakan sebagai bentuk yang mengalami pendepanan predikat atau memberikan fokus pada objek. Hal yang sama berlaku dalam Bahasa Inggeris, ragam pasif juga mengalami pendepanan predikat dan ragam ayat ini dikatakan " *to show interest in the person or object that experiences an action rather than the person*

or object that performs the action. In other words, the most important thing or person becomes the subject of the sentence (<https://www.ego4u.com/en/cram-up/grammar/passive>).

Bagi BM, ayat pasif kelihatan lebih rumit pada pelajar asing dibandingkan dengan ayat songsang kerana wujudnya beberapa imbuhan dan kata lain selain imbuhan di- yang mendukung suara pasif dan hal ini jelas berbeza dengan bahasa Inggeris.

Memandangkan aspek binaan ragam ayat pasif dan ayat songsang mempunyai isu dari segi morfologi dan struktur, maka penulisan ini diketengahkan bagi menunjukkan sejauhmana pelajar-pelajar asing yang mempelajari BM sebagai bahasa asing dapat menguasai binaan ayat pasif dan ayat songsang.

### Definisi Ayat Pasif dan Ayat Songsang

Memandangkan rujukan utama bagi pengajaran bahasa Melayu di Malaysia ialah Tatabahasa Dewan, maka definisi ayat pasif dan ayat songsang yang diberikan di sini juga berasaskan Tatabahasa Dewan. Hal ini demikian kerana yang ingin diketengahkan bukanlah isu ayat pasif atau pandangan-pandangan sarjana tentang ayat pasif sebaliknya isu kemampuan penutur asing memahami binaan ayat pasif dan ayat songsang dan membina ayat-ayat tersebut dengan betul berasaskan struktur yang dicadangkan Tatabahasa Dewan. Bagaimanapun, pendapat-pendapat sarjana lain yang kelihatan tidak bercanggah dengan pandangan Tatabahasa Dewan akan dimasukkan juga sebagai sokongan dan penegasan bahagian-bahagian tertentu.

### Ayat Pasif

Dalam bidang sintaksis, kewujudan ayat aktif dan pasif tergolong dalam huraian ragam ayat. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul, manakala ayat pasif pula mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Bagi bahasa-bahasa seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, huraian antara ayat aktif dengan ayat pasif umumnya melibatkan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan (Nik Safiah Karim et al., 489: 2010).

Menurut Nik Safiah Karim et al. (489: 2010) binaan atau struktur pasif BM boleh dibahagikan kepada :

- (i) ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif
- (ii) ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua
- (ii) ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja,

#### (i) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif

Ayat pasif jenis ini merupakan ayat yang kata kerjanya mengandungi imbuhan kata kerja pasif di- dan ter-, Contohnya:

Subjek	Kata kerja Pasif	oleh+ Frasa nama	Keterangan
Barang itu	sudah diambil	oleh Halim	Semalam.
Pokok kelapa	ditebang	oleh ayah	kelmarin.
Kereta itu	terlanggar	oleh lori	pada bahagian tepi.
Istana raja	terbina	oleh rakyat	dalam masa setahun.

Untuk ayat pasif yang menggunakan kata kerja pasif di-, kata sendi oleh pada binaan oleh + FN yang letaknya selepas kata kerja **boleh digugurkan** tanpa menjejaskan makna atau struktur ayat. Ayat-ayat di atas, misalnya, boleh menjadi:

- a) Barang itu sudah diambil Halim semalam.
- b) Pokok kelapa ditebang ayah kelmarin

Namun jika binaan oleh + FN terletak jauh daripada kertas kerja, maka 'oleh' tidak boleh digugurkan. Contohnya :



- c) Barang itu sudah diambil semalam oleh Halim.
- d) Pokok kepala ditebang kelmarin oleh ayah
- a) \*Barang itu sudah diambil semalam oleh Halim.
- b) \*Pokok kepala ditebang kelmarin oleh ayah

Demikian juga, untuk ayat pasif dengan kata kerja pasif ter-, kata sendi 'oleh' tidak boleh digugurkan, misalnya:

- c) Kereta itu terlanggar oleh lori pada bahagian tepinya
- e) \*Kereta itu terlanggar lori pada bahagian tepinya.
- f) Istana raja terbina oleh rakyat dalam masa setahun.
- d) \*Istana raja terbina oleh rakyat dalam masa setahun a setahun

Untuk ayat-ayat pasif di atas, semua bahagian binaan oleh + FN boleh juga digugurkan. Keadaan ini berlaku apabila unsur subjeknya hendak diberi tekanan.

Perhatikan contoh-contoh berikut:

- a) Barang itu sudah diambil oleh Halim semalam.
- b) Pokok kepala ditebang oleh ayah kelmarin.
- c) Kereta itu terlanggar oleh lori pada bahagian tepinya.
- d) Istana raja terbina oleh rakyat dalam masa setahun.
- a) Barang itu sudah diambil semalam.
- b) Pokok kepala ditebang kelmarin.
- c) Kereta itu terlanggar pada bahagian tepinya.
- d) Istana raja terbina dalam masa setahun.

Ayat pasif boleh juga dibentuk dengan kata kerja yang mengandungi imbuhan ber- dan ke-...-an. Dalam ayat-ayat berbentuk begini oleh + FN biasanya tidak diperlukan. Contohnya:

Subjek	Predikat
Mereka	kehujanan sepanjang hari
Adik lelakinya	kemalangan minggu lepas.
Baju kurung itu	sudah berjahit dengan benang emas.
Surat itu	belum berjawab.

Ayat-ayat pasif dengan kata kerja di- digunakan dengan frasa nama objek orang ketiga. Kata ganti nama diri orang pertama dan orang kedua mempunyai bentuk ayat pasif yang berlainan, seperti yang dibincangkan di bawah.

## ii) Ayat Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dan Kedua

Secara amnya ayat pasif KGD dapat dibahagikan kepada :

- ayat pasif dengan ganti nama diri pertama
- ayat pasif dengan ganti nama diri kedua

Ayat pasif bentuk ini, kata ganti nama diri diletakkan di hadapan kata kerja dasar. Hal ini demikian kerana kata ganti nama diri orang pertama dan kedua tidak boleh menerima kata kerja dengan imbuhan di-. Kata ganti nama diri orang pertama dan kedua yang hadir di hadapan kata kerja dasar itu boleh berbentuk kata penuh ataupun kata ringkas. Kata ganti diri yang berbentuk kata penuh

adalah seperti saya, aku, engkau, awak, anda, kami, kita manakala bentuk kata ringkas ialah ku bagi aku, dan kau bagi engkau. Contoh-contohnya :

Subjek	Frasa Kerja Pasif dengan Ganti Nama Diri Pertama/ Kedua	Keterangan
Majalah itu	sudah saya baca	semalam
Nasi goreng itu	belum aku jamah/ belum kujamah	lagi
Hal itu	akan engkau jelaskan/ akan kaujelaskan	sepenuhnya
Perkara tersebut	belum awak putuskan	hingga kini
Tugas ini	mesti kami pikul	dengan sepenuh tenaga
Beban ini	akan kita tanggung	bersama-sama

### Pasif Songsang

Terdapat juga bentuk pasif songsang seperti yang berikut:

- e) Saya tanam pokok itu.

Yang berasal daripada ayat pasif susunan biasa

- f) Pokok itu saya tanam.

Kadangkala penutur-penutur bahasa Melayu terkeliru dengan menganggap ayat Saya tanam pokok itu sebagai ayat aktif, iaitu sama seperti ayat Saya menanam pokok itu. Kekeliruan ini dapat dielakkan dengan membezakan cara menyebutkan kedua-dua ayat itu, iaitu melalui intonasi (492: 2010)

### Ayat Pasif dengan Kata Bantu Pasif Kena

Ayat pasif jenis ini mengandungi perkataan kena di hadapan kata kerja dasar yang tidak menerima awalan. Binaan oleh + FN boleh secara pilihan digugurkan seperti dalam contoh-contoh berikut:

Subjek	kena	Kata Kerja dasar	oleh + FN
Penjenayah itu	kena	tangkap	(oleh polis).
Perempuan itu	kena	tipu	(oleh penjual emas itu).
Ahli perniagaan itu	kena	tembak	(oleh penjenayah).
Kanak-kanak	kena	kejar	(oleh anjing).

(Nik Safiah Karim et al., 493: 2010)

Contoh yang diberikan bagi ayat pasif di atas dan mana-mana buku tatabahasa bagaimanapun hanyalah ayat tunggal/ayat dasar dan tidak melibatkan ayat majmuk. Hal ini menyebabkan ramai pelajar yang makin keliru apabila perlu menukarkan ayat majmuk aktif kepada ayat pasif.

### Ayat Songsang

Menurut Asmah Hj Omar (2015 : 418), ayat songsang ini dapat dimaksudkan sebagai ayat yang mengalami pemindahan tempat oleh gatra dari tempatnya yang disediakan dalam pola dasar. Jika susunan pola ayat dasar ialah S-P-O-A, maka susunan semula ayat songsang ialah A-S-P-O, S-A-P-O dan sebagainya.

Tambah Asmah Hj Omar (2015 : 418), penyusunan semula tidak terbatas pada pemindahan tempat, tetapi meliputi juga pemisahan unsur. Hal ini berlaku pada unsur yang mengalami peluasan dan pemisahan bermakna terdapatnya selaan pada unsur yang berkenaan oleh unsur yang lain. Gatra yang unsur-unsurnya mengalami pemisahan ialah predikat dan ajung.

**Contohnya :**

- a. Dia *tidak pernah* dari dahulu *memberitahu* mereka tentang hal itu.
- b. *Berangkatlah* dia *menuju* ke rumah bapanya.
- c. *Tidaklah* dia *ingin bertemu* dengan orang itu lagi.
- d. Semangatnya *betul-betul* terbang *waktu itu*.

Ayat (a) menunjukkan pemisahan unsur predikat disebabkan penyelaan ajung. Ayat (b) dan (c) memperlihatkan pemisahan unsur-unsur predikat oleh subjek dan ayat (d) menunjukkan pemisah ajung oleh predikat.

Sering juga terdapat pemisahan predikat dan ajung sekaligus dalam ayat yang sama. Contohnya :

- e) *Sekali-sekala* **kelihatan** dia **bergayutan** *jauh-jauh*.

Predikat ayat ini ialah *kelihatan - bergayutan* yang dipisahkan oleh subjek, sedangkan ajung ialah *sekali-sekala- jauh-jauh* yang dipisahkan oleh subjek dan predikat.

Penyusunan semula ini menunjukkan adanya gatra atau bahagian-bahagian gatra tertentu yang ingin ditegaskan. Contoh-contoh yang diberikan menunjukkan juga penyusunan semula boleh juga melibatkan perubahan judul dan boleh juga tidak. Apapun, penyusunan semula melibatkan perubahan penempatan fokus dalam ayat (2015: 419).

Menurut Nik Safiah et al., (2010 : 478) pula, unsur-unsur dalam konstituen predikat yang biasanya hadir selepas subjek dipindahkan ke hadapan subjek dalam susunan songsang. unsur yang dikedepankan inilah yang hendak diberikan penegasan, iaitu melalui proses pendepanan.

Dalam BM, terdapat sekurang-kurangnya dua proses pendepanan yang berlaku pada predikat, iaitu :

- i. pendepanan seluruh predikat.
- ii. pendepanan sebahagian predikat.

#### i. Pendepanan Seluruh Predikat.

Dalam proses pendepanan seluruh predikat, seluruh konstituen predikat dibawa ke hadapan mendahului subjek. contohnya, ayat ayat a) merupakan susunan biasa dan b) ialah susunan songsang :

- f) Pendaki itu berjaya juga akhirnya.
- g) *Berjaya juga akhirnya* pendaki itu
- h) Binatang itu sudah sudah mati agaknya
- i) *Sudah mati* agaknya binatang itu.

#### ii. Pendepanan Sebahagian Predikat.

Bahagian-bahagian predikat boleh mengalami proses pendepanan secara berasingan, iaitu:

- pendepanan frasa kerja
- pendepanan frasa adjektif
- pendepanan frasa sendi nama

(Huraian lanjut proses pendepanan frasa-frasa di atas, rujuk halaman Nik Safiah Karim, (2010 : 480 – 483)).

### Binaan Ayat Pasif dan ayat Songsang dalam Penulisan oleh Pelajar Asing.

Pelajar asing yang menjadi subjek kajian ialah pelajar dari negara China yang sudah mengikuti pengajian bahasa Melayu selama setahun di China. Mereka dapat menukarkan ayat-ayat aktif tunggal/dasar yang diberikan kepada ayat pasif dengan baik.

Bagaimanapun, apabila para pelajar ini diminta menghasilkan karangan tanpa sebarang rangsangan, ternyata pelajar tidak dapat menghasilkan ayat-ayat pasif dan ayat songsang betul. Selain binaan yang salah, pelajar juga tidak dapat membentuk kata betul dari segi morfologi dalam ayat tersebut. Contohnya :

- a) Tambahan pula, menjayakan program ini, syarikat tuan boleh mempengaruhi masyarakat dengan baik.
- b) Atas kerjasama dan sokongan untuk menjayakan program amal ini, diucapkan terima kasih.
- c) Apabila ada tugas yang pensyarah cakap, kami juga tidak faham dan tak tahu bagaimana buat itu.
- d) Jika boleh mengadakan program ini, program ini akan membawa pelajar Universiti Malaya gembira.
- e) Untuk makluman pihak tuan, banjir ini dilakukan di kampung Alir, Johor Bahru pada minggu lepas.
- f) Dengan program amal ini, terdapat sumbangan kewangan, sumbangan makanan dan sumbangan minuman kepada mangsa-mangsa tersebut.
- g) Kerana bantuan anda, saya mengalami pengalaman yang susah lupa di Malaysia.
- h) Apabila saya berada di Malaysia, saya sangat rindu makanan yang sedap di jalan-jalan makanan itu.
- i) Jikalau bertanding dengan universiti Malaya, universiti saya lihat sangat kecil.
- j) Apabila saya belajar di XXX, anda membantu saya banyak.
- k) Pada masa yang saya belajar di Malaysia, awak juga memberikan saya banyak cadangan-cadangan dan bantuan dalam pelajaran saya.

Contoh ayat yang dikutip kebanyakannya ialah ayat majmuk dan beberapa ayat terbitan yang mengalami pasif dan penyongsangan. Dengan kata lain, pelajar mampu membina ayat yang kompleks tetapi masalah yang timbul ialah pelajar tidak dapat menggunakan frasa dengan menggunakan imbuhan yang betul dan menyusunnya dalam konstituen yang betul bagi menyampaikan maksudnya.

Bagi ayat (a) misalnya, pelajar dapat membina susunan ayat songsang dengan betul namun berdasarkan maksud yang ingin disampaikan, susunan frasa dan kosa kata yang digunakan tidak tepat dan menyebabkan ayat yang dibina tidak gramatis. Diandaikan pelajar bermaksud 'Tambahan pula, syarikat tuan dapat memberikan faedah yang banyak kepada masyarakat melalui program ini'. Ayat (b) juga memperlihatkan masalah yang sama, iaitu pelajar didapati dapat membina struktur ayat songsang dengan betul dengan mendepankan bahagian cerita/keterangan [klausa tak bebas] dan judulnya [klausa bebas] ke belakang, Apabila ada tugas yang pensyarah cakap [klausa tak bebas], kami juga tidak faham dan tak tahu bagaimana buat itu [klausa bebas]. Yang menjadi masalah pelajar dalam binaan ayat ini ialah aspek penggunaan kata, susunan frasa dan imbuhan yang betul. Ayat (c), (d), (e) dan (f) juga mengalami masalah yang hampir sama, iaitu bentuk songsang dan pasifnya daripada ayat majmuk keterangan dapat dibina dengan betul tetapi penggunaan kata, imbuhan dan susunan frasanya sahaja yang menimbulkan masalah. Contohnya:

- (c). Jika **boleh mengadakan** program ini, program ini akan **membawa** pelajar Universiti Malaya **gembira**.
  - (d) Untuk makluman pihak tuan, banjir ini **dilakukan** di kampung Alir, Johor Bahru pada minggu lepas.
  - (e) **Dengan** program amal ini, terdapat sumbangan kewangan, sumbangan makanan dan sumbangan minuman **kepada** mangsa-mangsa tersebut.
  - (f) Kerana bantuan anda, saya **mengalami** pengalaman yang **susah lupa** di Malaysia.
- Ayat yang tersebut diandaikan bermaksud begini :
- (c). Jika program ini **dapat diadakan**, program ini akan **menggembirakan** pelajar Universiti Malaya.
  - (d). Untuk makluman pihak tuan, banjir ini **berlaku** di kampung Alir, Johor Bahru pada minggu lepas.

- (e). Dalam program amal ini, terdapat sumbangan kewangan, sumbangan makanan dan sumbangan minuman kepada mangsa-mangsa tersebut.
- (f). Kerana bantuan anda, saya **mendapat** pengalaman yang sukar untuk dilupakan di Malaysia.

Begitu juga halnya dengan ayat (g) hingga (k). Binaan songsang itu dapat dihasilkan dengan baik oleh para pelajar. Yang menjadi masalah ialah penggunaan kata yang betul maknanya dengan konteks ayat, penggunaan imbuhan dan susunan frasa dalam konstituen subjek dan predikat. Yang paling ketara ialah jika ayat kecil/klausa tak bebas yang mengisi bahagian keterangan itu dalam bentuk pasif, pelajar tidak dapat menghasilkan bentuk pasif tersebut dengan betul.

### Penjelasan Binaan Pasif dan Songsang dalam Konteks Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua/Asing

Berdasarkan data yang dikutip daripada penulisan pelajar, penggunaan bentuk songsang lebih produktif dibandingkan dengan binaan pasif. Hal ini mungkin kerana bentuk songsang tidak mengalami perubahan bentuk kata, iaitu kata kerjanya perlu menerima imbuhan di- (jika subjeknya ganti nama ketiga) atau imbuhan di- digugurkan jika subjeknya ganti nama pertama atau kedua. Hal ini mungkin sukar difahami oleh pelajar asing kerana pertama, jika pelajar cuba memahami bentuk pasif BM dengan memadankan bentuk pasif BM dengan bentuk pasif Bahasa Inggeris maka pelajar tidak akan dapat memadankan kata kerja pasif BI yang berubah bentuk tetapi tidak pula menerima imbuhan pada kata kerja. Kedua, jika bahasa ibunda pelajar ialah tonis maka sukar bagi mereka untuk memahami binaan pasif dan songsang dalam masa yang singkat.

Bagaimanapun, dalam konteks pengajaran BM sebagai bahasa asing, aspek binaan pasif dan songsang ini sebenarnya tidaklah diutamakan pada peringkat awal pengajaran. Yang utama ialah bentuk ayat dasar dan seterusnya diluaskan menjadi ayat majmuk aktif, iaitu ayat majmuk gabungan, pancangan dan keterangan. Binaan pasif dan songsang ini merupakan ragam ayat yang digunakan dengan tujuan untuk memberikan fokus pada predikat atau ceritanya. Bagaimanapun, berdasarkan data yang dikutip, pelajar-pelajar ini lebih mahir menggunakan ayat songsang dibandingkan dengan ayat pasif dan pastinya kerana binaan ayat songsang itu hanya memerlukan pendepanan predikat dan tidak menyebabkan perubahan bentuk kata dari segi imbuhan. Apapun sukar untuk menjelaskan hal ketakgramatisan ayat dari segi makna berhubung dengan penggunaan imbuhan di- dalam ayat pasif dan penguguran imbuhan di- dalam ayat pasif dengan subjek ganti nama diri pertama dan kedua. Yang pasti, makna yang disampaikan dalam ayat pasif yang tidak menepati rumus yang ditetapkan TBD misalnya tidak menjejaskan makna yang ingin disampaikan oleh ayat pasif tersebut.

Alasan yang diberikan tentang subjek ganti nama pertama, kedua dan ketiga ini hanyalah seperti berikut :

Za'ba (1965) dan Nik Safiah Karim et.al. (2008) berpandangan bahawa agen dalam struktur pasif di-dibataskan kepada ganti nama orang ketiga sahaja. Dengan kata lain, penggunaan ganti nama orang pertama dan kedua sebagai agen, dianggap tidak lazim dalam struktur pasif di-. Sebagaimana pemerian Za'ba (1965:136), penggunaan ganti nama orang pertama dan kedua adalah janggal dalam struktur. Misalnya (a) . ?Surat itu dibaca oleh saya. b. ?Mengapa budak itu dipukul oleh engkau?

Walau bagaimanapun, ahli bahasa lain misalnya Lufti Abas (1971), Mintz (2002) dan Abdullah Hassan (2006) berpandangan bahawa sungguhpun agen dalam struktur pasif di-dibataskan kepada ganti nama orang ketiga, namun penggunaan ganti nama orang pertama dan kedua juga didapati meluas dalam struktur pasif di-, khususnya dalam konteks bahasa pertuturan/lisan (Kartini Abd Wahab, 33 : 2013).

Berdasarkan data yang dikutip daripada korpus suratkhbar misalnya, sarjana di atas merumuskan bahawa di samping ganti nama orang ketiga sebagai bentuk standard yang digunakan dalam struktur pasif di-, ganti nama orang pertama dan kedua juga turut digunakan dalam struktur ini.

Justeru pengajaran ragam ayat pasif merupakan ragam ayat yang sangat mencabar pada guru dan pelajar kerana, rumus ayat pasif itu seolah-olah perlu difahami dan diingati. Jika pelajar tidak dapat membina ayat pasif mengikut peraturan yang ditetapkan, guru pastinya tidak dapat menjelaskan alasan ketidakgramatisan ayatnya dari aspek makna. Hal ini berbeza dengan binaan jenis-jenis ayat dan ayat majmuk gabungan, pancangan, relatif dan keterangan yang mempunyai komponen makna dalam menerangkan kegramatisan binaan dan struktur ayat tersebut.

### Kesimpulan

Dapatan binaan ayat pasif dan ayat songsang daripada penulisan para pelajar menggambarkan bahawa binaan ayat songsang lebih dominan dalam penulisan pelajar. Hal ini berlaku kerana proses penyongsangan ayat ini lebih mudah difahami dibandingkan dengan proses pendepanan predikat ayat pasif. Selain itu, struktur ayat songsang hanyalah mengalami pendepanan predikat (dengan syarat pelajar hanya diajar proses pendepanan predikat sepenuhnya dan bukan sebahagian predikat yang mungkin lebih mengelirukan pelajar) sebaliknya ayat pasif mengalami pendepanan predikat berserta perubahan morfologi, iaitu imbuhan di- atau ke-an atau ter- dan penyisipan kata sendi oleh serta peraturan pengguguran imbuhan di- pada kata kerja jika subjeknya ialah ganti nama pertama dan kedua. Kesemua ini merupakan cabaran bagi pelajar untuk menghasilkan ayat pasif dalam penulisan mereka dibandingkan dengan ayat songsang.

Dengan dapatan ini, guru/pengajar perlu memikirkan keutamaan dalam pengajaran aspek sintaksis, iaitu daripada ayat dasar/ayat tunggal kepada ayat majmuk pada peringkat awal dan pengajaran ayat pasif pada peringkat seterusnya. Namun, pendedahan awal tentang ragam ayat ini dalam kemahiran membaca perlu diketengahkan kerana sifat bahasa melayu itu yang sangat rencam dan bervariasi dari segi bentuk dan jenis ayatnya.

### Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. 1992. Ayat pasif bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 2006. Morfologi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn Bhd.
- Asmah Haji Omar. 2009. Nahu Melayu mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kelima.
- Asmah Hj Omar. 2015. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd Wahab. 2013. Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. Muat turun pada 30 September 2018 daripada <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5132/2627>
- Lufti Abas, 1971. Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashudi Kader. 1991. Sumber Bukan Aktif Bagi Ayat-Ayat Pasif dalam Bahasa Malaysia dan Interaksi Rumus-rumus. Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Dwitahunan 1, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 366-386.
- Nik Safiah Karim et al., 2010. Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ramli Haji Salleh. 1995. Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan teori Kuasaan dan Tambatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Md. Salleh. 1996. Pasif Bahasa Melayu: Analisis Teori Kuasaan dan Tambatan. Kertas kerja, Siri Seminar Ke-3 Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Disember.
- Ramli Md. Salleh. 2006. Imbuhan dan Penandaan Tematik dalam Bahasa Melayu. Jurnal Melayu, (2), 47-54. Rogayah A. Razak. 2006.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. Pelita bahasa Melayu penggal I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Baharu
- Passive voice*. Dimuat turun pada 30 Sept 2018 daripada (<https://www.ego4u.com/en/cram-up/grammar/passive>).

## ISU BAHASA DALAM KES VICTORIA JAYASEELE MARTIN LWN MAJLIS AND ANOR: KAJIAN SEMANTIK-KORPUS

Nurilmiyah binti Ahmad  
[nurilmiyahahmad@yahoo.com](mailto:nurilmiyahahmad@yahoo.com)

Suziana Mat Saad  
[suziana@ukm.edu.my](mailto:suziana@ukm.edu.my)  
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia  
40360 Bangi, Selangor Malaysia

### Abstrak

Malaysia merupakan negara yang mempunyai latar belakang masyarakat yang berbeza agama dan bangsa. Undang-Undang Syariah merupakan antara undang-undang yang diamalkan oleh Malaysia selain 'common law' bagi memelihara dan menjamin hak-hak orang yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, seorang peguam yang bukan beragama Islam telah memohon untuk menjadi seorang pengamal undang-undang syariah kepada Jawatankuasa Peguam Syarie disebabkan oleh ketaksaan suatu leksikal dalam Seksyen 59 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Bagi melihat ketaksaan tersebut, kajian mengenai isu bahasa dalam kes *Victoria Jayaseele Martin lwn Majlis and Anor* telah dilakukan oleh pengkaji. Pendekatan Linguistik Korpus dengan menggunakan perisian *AntConc* telah digunakan oleh pengkaji seiring dengan pemodenan dan kemajuan teknologi di Malaysia. Perisian ini digunakan untuk menjana pangkalan data korpus bagi melihat dan meneliti taburan leksikal 'orang' dalam Akta tersebut yang menjadi isu bahasa dalam kes *Victoria Jayaseele Martin*. Selanjutnya, data dianalisis dengan menggunakan teori semantik kognitif untuk melihat sama ada makna leksikal 'orang' dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 mengalami penyempitan makna atau peluasan makna. Hasil kajian mendapati bahawa leksikal 'orang' dalam Akta tersebut mengalami peluasan makna yang tidak merujuk kepada orang-orang yang beragama Islam sahaja.

**Kata Kunci:** Peguam Syarie, undang-undang syariah, Linguistik Korpus, *AntConc*, ketaksaan leksikal, semantik kognitif

### PENGENALAN

Kes *Victoria Jayaseele Martin lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan and Anor* merupakan kes seorang peguamcara dan peguambela bukan beragama Islam iaitu *Victoria Jayaseele Martin* yang memohon kepada Jawatankuasa Peguam Syarie, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Di bawah Seksyen 59(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 ('Akta') memperuntukkan bahawa "Tertakluk kepada sub-s. (2), Majlis boleh menerima masuk **sesiapa** yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkenaan undang-undang Islam sebagai Peguam Syarie".

*Victoria Jayaseele Martin* (selepas ini dikenali sebagai perayu) merupakan seorang graduan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2004 dalam jurusan Diploma Undang-Undang dan Amalan Syariah. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Islam Wilayah menolak untuk memproses permohonan perayu atas alasan bahawa hanya mereka yang beragama Islam sahaja boleh diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Alasan yang digunakan oleh Majlis ini terdapat dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993 (Bahagian III- Peguam Syarie) iaitu Kaedah 10. Kelayakan Peguam Syarie (k. 10 Kaedah).

Hakim Mahkamah Rayuan dalam penghakiman beliau menyatakan, tanpa sebarang definisi, perkataan '*any person*' dalam Seksyen 59(1) Akta mengikut maksud biasa adalah sesiapa sahaja tanpa mengira agama dan tiada yang menyekat makna perkataan '*any person*' untuk bermaksud 'sesiapa yang beragama Islam'. Perkataan '*person*' dalam Seksyen 59(1) Akta yang asal telah dipinda ke '*any person*' dalam Seksyen 59(1) Akta yang baru namun tidak mengubah maksud perkataan dalam seksyen Akta tersebut atau mengurangkan kuasa Majlis untuk menerima masuk sesiapa yang mempunyai pengetahuan Undang-Undang Islam yang mencukupi.

Oleh itu, pandangan mahkamah tentang perkataan '*any person*' dalam Seksyen 59(1) Akta sebagai 'termasuk sesiapa sahaja tidak kira agama' adalah tidak bertentangan dengan skim Akta. Dengan kata lain, jika memang niat seksyen Akta tersebut untuk menerima masuk seorang yang beragama Islam sahaja sebagai Peguam Syarie, **Akta harus dinyatakan dengan jelas dan terang.**

### FOKUS PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan pada leksikal kata ganti nama diri ketiga dalam Seksyen 59(1) Akta bagi kes *Victoria Jayaseele Martin lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan and Anor*. Kajian ini turut menggunakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 sebagai data korpus untuk digunakan dalam kajian kes ini.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti semua leksikal kata ganti nama diri ketiga dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan menganalisis peluasan makna kata ganti nama diri ketiga dalam seksyen Akta tersebut.

#### METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data kuantitatif digunakan untuk mencari taburan leksikal kata ganti nama diri ketiga dalam Seksyen 59(1) dan data kualitatif pula digunakan untuk menerangkan peluasan makna kata ganti nama diri ketiga yang berlaku dalam seksyen Akta tersebut.


#### 2.1 PENGUMPULAN DATA

Kes *Victoria Jayaseele Martin lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan and Anor* merupakan sumber kajian utama yang dicapai oleh pengkaji melalui laman sesawang '*Current Law Journal*' yang dapat diakses di alamat <http://www.cljlaw.com/>. Selain itu, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 juga merupakan sumber utama kajian kerana Akta tersebut mengandungi Seksyen 59(1) Akta yang digunakan oleh perayu untuk memohon diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Ia boleh dicapai secara maya melalui <http://www.jawi.gov.my/my/penguatkuasa/akta-undang-undang> iaitu laman sesawang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

### ANALISIS DATA

*AntConc 3.4.4w* digunakan bagi menjalankan proses konkordans (*concordancing*) dan analisis teks. Pengkaji memilih dokumen kajian yang disimpan dalam data komputer untuk dimasukkan dalam perisian *AntConc 3.4.4w*





Rajah 2.2: Penjanaan leksikal ‘orang’

Setelah itu, pada bahagian ‘Search item’ dimasukkan kata leksikal ‘orang’. Berikutnya butang ‘Start’ ditekan untuk memulakan proses penjanaan leksikal berkaitan. ‘Concordance Hits’ menunjukkan jumlah 110 iaitu jumlah data yang telah dijana oleh *AntConc 3. 4. 4w* daripada kesemua data yang dimasukkan dalam ‘Corpus file’.

Pangkalan data dalam kajian ini akan dilabelkan sebagai **API** yang merujuk kepada nama singkatan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Label **API** ini akan diikuti oleh domain yang mewakili makna leksikal ‘orang’ seterusnya diikuti pula oleh nombor rujukan (nombor pada ‘Hit’ dalam Rajah 2.3) yang menunjukkan bilangan data tersebut. Contohnya **APIU** (merujuk domain bagi makna umum) kemudian, label ini pula akan dilabelkan dengan nombor rujukan (contohnya **APIU74**). Kemudian, data ini diletakkan pada model kerangka jaringan radial. Data dimasukkan berdasarkan makna yang didukung dalam ayat data tersebut. Penentuan makna sesuatu data dilakukan dengan melihat kolokasi yang bersebelahan dengan leksikal ‘orang’.

## KONSEP/TEORI/KAEDAH LINGUISTIK KORPUS

Linguistik korpus dipilih oleh pengkaji kerana pendekatan ini seiring dengan pemodenan dan perkembangan kemajuan teknologi di Malaysia. Perkara ini turut dinyatakan oleh McEnery & Wilson (2001) bahawa: “*Corpus linguistics has come to be an increasingly prevalent methodology in linguistics in spite of the unpopularity of the approach in the 1960 and 1970*”. Kini kajian korpus menjadi semakin rancak dalam penyelidikan bahasa seiring dengan perkembangan linguistik pengkomputeran dan kebolehpayaan teknologi komputer dalam menganalisis data teks yang besar dan juga teks yang terhasil secara semula jadi iaitu bukan direka untuk tujuan tertentu Sinclair (1991).

## SEMANTIK KOGNITIF

Umumnya, kita mengetahui bahawa semantik merupakan bidang linguistik yang mengkaji makna dan kognitif yang dikaitkan dengan mental manusia. Premis yang dipegang oleh semantik kognitif ialah makna merupakan objek yang wujud dalam pemikiran atau *meaning is embodied* (Rusmadi, 2003). Menurut Norsimah Mat Awal dan Nor Hashimah Jalaluddin (2006), kategori linguistik (makna) bukanlah terpisah daripada jasad, sebaliknya manusia menciptanya dengan berasaskan pengalaman konkrit mereka dan di bawah kekangan yang dikenakan sendiri oleh tubuh seseorang. Oleh itu, konsep makna dalam mental dicerminkan daripada pengalaman dan interaksinya dengan dunia nyata. Konsep penting dalam teori ini adalah teori prototaip, domain, metafora konsepsi, skema imej dan kategori jaringan radial, Model kategori jaringan radial adalah berasaskan teori prototaip untuk menjelaskan proses peluasan makna perkataan. Penjelasan makna bagi sesuatu perkataan dilakukan secara sistematik. Lakoff (1987), menggunakan model ini untuk menerangkan leksikal ibu. Leksikal

ibu mempunyai makna teras sebagai makna prototaip iaitu wanita yang melahirkan anak, memelihara anak, dan beberapa sifat asas yang lain. Walau bagaimanapun, leksikal ibu ini mempunyai makna pinggiran iaitu ibu angkat, ibu tumpang, ibu tiri, dan ibu tunggal. Makna pinggiran ini merupakan variasi daripada makna prototaip yang dinyatakan tadi. Lakoff menyatakan bahawa peluasan makna leksikal ibu adalah berasaskan motivasi dan bukan berasaskan peraturan. Ringkasnya, peluasan makna leksikal ibu tidak berlaku secara arbitrari tetapi ada penyebabnya. Kajian ini akan menggunakan konsep kategori jaringan radial bagi menganalisis peluasan makna kata ganti nama diri ketiga dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

### DAPATAN KAJIAN KATA GANTI NAMA DIRI (KGND) ‘SESIAPA’

Penggunaan kata ganti nama diri (KGND) yang menjadi isu dalam kes Victoria Jayaseele Martin berlaku pada kelas ketiga kerana penggunaan leksikal ‘sesiapa’ dalam Seksyen 59(1) Akta yang tidak merujuk individu secara khusus sehingga menimbulkan ketaksaan dari segi makna.

Laporan undang-undang pada peringkat pertama kes ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian laporan dalam bahasa Inggeris dan laporan terjemahannya dalam bahasa Melayu. Ketaksaan dari segi makna ini timbul disebabkan oleh terjemahan Akta ‘*any person*’ dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dalam laporan undang-undang berbeza dengan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 bagi Seksyen 59(1) Akta tersebut. Jadual di bawah menunjukkan perbezaan penggunaan KGND ketiga yang digunakan bagi Seksyen 59(1) Akta.

Laporan Undang-Undang (bahasa Inggeris)	Laporan Undang-Undang (bahasa Melayu)	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (API)
“ <i>Subject to sub-s. (2), the Majlis may admit <b>any person</b> having sufficient knowledge of Islamic law as Peguam Syarie</i> ”	“Tertakluk kepada sub-s. (2), Majlis boleh menerima masuk <b>sesiapa</b> yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkenaan undang-undang Islam sebagai Peguam Syarie”.	“Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh menerima <b>mana-mana orang</b> yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah.”

Jadual 4.1: Penggunaan KGND ketiga

Statistik asas korpus API yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jumlah perkataan ( <i>word tokens</i> )	10 012
Jumlah jenis perkataan yang berbeza ( <i>word types</i> )	1 208

Jadual 4.2: Statistik asas korpus API

Seterusnya, pengkaji telah menjana pangkalan data korpus API dengan menggunakan *AntConc 3.4.4w* berdasarkan perkataan (*sort by word*) bagi memudahkan pengkaji melihat penggunaan KGND ketiga dalam korpus API. Hasil daripada janaan tersebut, terdapat enam leksikal yang berkaitan dengan KGND ketiga iaitu:

Perkataan	Kedudukan ( <i>Rank</i> )	Kekerapan ( <i>Freq</i> )
Dia	182	26
Ia	372	9
Orang	783	110
Seorang	1049	41
Seseorang	1057	33

Jadual 4.3: Senarai kata

Pengkaji hanya memilih leksikal ‘orang’ kerana leksikal ini terdapat dalam Seksyen 59(1) Akta dan pengkaji akan mengenal pasti makna beserta rujukan kepada siapa dengan melihat kolokasi antara leksikal ‘orang’ dengan leksikal bersebelahannya.


### PENGGUNAAN KGND KETIGA DALAM KAMUS DEWAN DAN API

Pengkaji turut menyelidik Kamus Dewan (KD) Edisi Keempat (2013) untuk melihat pula makna yang terakam dalam kamus tersebut. Hasil daripada penyelidikan, terdapat persamaan dan perbezaan makna antara KD Edisi Keempat (2013) dengan pangkalan data korpus API. Berikut ditunjukkan persamaan dan perbezaan makna antara KD Edisi Keempat dan API:

Kamus Dewan Edisi Keempat	Data Korpus Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (API)
1. Manusia (sebagai peribadi) Contoh: Dari sini kami lihat orang berkelahi	1. Umum Contoh: <b>APIU74</b> ... Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi ...
2. Salah satu manusia (ganti diri ketiga yang umum) Contoh: Jangan suka dengar cakap orang sangat	2. Khusus Contoh: <b>APIK6</b> (e) seseorang yang lazim dikenali sebagai orang Islam <b>APIK1</b> ... “Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah seksyen 32, dan termasuk Timbalan Mufti. <b>APIK101</b> ... Pendaftar boleh mendaftarkan kemasukan Islam orang itu dengan mencatatkan dalam Daftar Muallaf nama orang itu...
3. Diri manusia Contoh: Barangnya ada tetapi orangnya pergi ke mana	3. Penjodoh bilangan Contoh: <b>APIPB36</b> (c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan Majlis <b>APIPB88</b> ... kumpulan orang, membenarkan orang atau kumpulan orang itu memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa maksud ...
4. Penjodoh bilangan bagi manusia Contoh: Lima orang pegganas telah ditembak mati oleh pasukan keselamatan	
5. Pengikut, anak buah Contoh: Berapa ramaikah orang awak?	
6. Manusia yang berasal dari sesuatu daerah tertentu, rakyat sesebuah negara Contoh: Dia orang Perak bukan orang Selangor	
7. Bangsa, kaum suku Contoh: Orang Iban	
8. Orang lain daripada diri sendiri bukan kaum keluarga Contoh: Itu motokar orang, bukan motokar kita	
9. Jk kerana, lantaran (sebenarnya) Contoh: Mana dapat bayaran, orang belum gajian	
10. bahasa percakapan diri sendiri sebagai penguat untuk kata ganti Contoh: awak (kau) ~, dia ~, kita ~, lu ~	

Jadual 4.4: Makna antara KD Edisi Keempat dan API

Penelitian yang dibuat menerusi baris konkordans dalam pangkalan data API, pengkaji dapat meringkaskannya dalam bentuk kerangka jaringan radial. Bentuk tersebut dapat dilihat seperti rajah di bawah:



Rajah 4.2: Makna 'orang' dalam API

Berdasarkan bentuk kerangka jaringan radial di atas, makna teras bagi leksikal 'orang' dalam API ialah makna umum. Makna umum ini merujuk kepada nod sentral yang menjadi prototaip kepada makna khusus dan makna yang berfungsi sebagai penjodoh bilangan. Oleh itu, makna khusus dan makna yang berfungsi sebagai penjodoh bilangan ini berada pada kedudukan makna pinggir. Di samping itu, bentuk kerangka jaringan radial bagi makna pinggir 1 iaitu makna khusus berkembang kepada rangkaian yang lebih kompleks dengan membentuk tiga makna yang baru. Makna baru tersebut telah diberikan domain atau ranah yang berbeza iaitu **agama, jawatan, dan gelaran**.

#### Makna Teras: Umum

Bentuk kerangka jaringan radial ini membuktikan bahawa majoriti penggunaan KGND ketiga dalam API iaitu 'orang' membawa makna umum (tidak spesifik). Ini disebabkan oleh penggunaan leksikal 'orang' dalam API kebanyakannya tidak jelas dan menyebabkan makna leksikal 'orang' itu sukar untuk difahami. Jika diteliti contoh-contoh data dalam Rajah 4.2, leksikal 'orang' ini mempunyai dua bentuk yang berlainan sama ada sebagai kata tunggal atau kata ganda.

Berdasarkan Rajah 4.2, pengkaji hanya akan mengupas data korpus **APIU74** kerana seksyen Akta tersebut digunakan oleh perayu untuk memohon diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Data **APIU74** menunjukkan bahawa leksikal 'orang' ini berkolokasi dengan leksikal 'mana-mana' di sebelah kanan dan 'yang' di sebelah kiri.

Menurut KD Edisi Keempat (2013: 990), leksikal 'mana-mana' mendukung dua makna iaitu mana pun, barang apa pun, setiap; atau siapa-siapa, barang siapa. Berdasarkan konteks ayat pada Seksyen 59(1) Akta, makna bagi 'mana-mana' yang lebih sesuai dengan ayat seksyen tersebut ialah siapa-siapa atau barang siapa. Gabungan daripada leksikal 'mana-mana' dan 'orang' boleh merujuk kepada mana-mana individu selain daripada agama Islam dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hukum syarak untuk menjadi seorang Peguam Syarie.

#### Makna Pinggir: Khusus dan Penjodoh Bilangan


Model kerangka jaringan radial (Rajah 4.2) turut menunjukkan makna pinggir leksikal 'orang' ini terbahagi kepada dua sama ada makna khusus atau makna yang berfungsi sebagai penjodoh bilangan. Makna Pinggir 1 iaitu khusus bagi leksikal 'orang' ini kemudiannya berkembang kepada tiga nod iaitu domain agama, domain jawatan, dan domain gelaran.

Ketiga-tiga nod tersebut berkembang disebabkan oleh perbezaan kolokasi 'orang' dengan leksikal-leksikal bersebelahannya. Jadual di bawah menunjukkan contoh data korpus API leksikal 'orang' yang memegang makna pinggiran berbeza domain.

Domain agama	Domain jawatan	Domain gelaran
<b>APIK4</b> (b) ... pada masa kelahiran orang itu, ialah <b>orang</b> ***Islam*** (agama)	<b>APIK85</b> ... (1) Tiap-tiap <b>orang</b> yang dilantik oleh Majlis menjadi ***Pegawai Masjid*** (jawatan), termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian...	<b>APIK98</b> ... kehendak-kehendak Seksyen 85 adalah dipenuhi dan <b>orang</b> itu hendaklah selepas itu disebut sebagai seorang ***muallaf*** (gelaran).

Jadual 4.6: Perbezaan makna khusus mengikut domain

Bagi makna pinggiran 2 yang berfungsi sebagai penjodoh bilangan (PB) pula menunjukkan terdapat dua bentuk sama ada berbentuk tetap atau berbentuk tidak tetap. Manakala, PB tetap ini menunjukkan tiga keadaan yang berbeza mengikut kolokasi leksikal 'orang' dengan leksikal-leksikal bersebelahannya. Hal ini dapat dibuktikan melalui rajah di bawah bersama contoh-contoh data korpus API.



Rajah 4.3: Bentuk penjodoh bilangan bagi leksikal 'orang'

### Leksikal 'orang' daripada Sudut Perundangan

Hasil analisis data membuktikan bahawa leksikal 'orang' masih mendukung makna umum seperti yang dirakam oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2013). Makna umum leksikal 'orang' ini sememangnya tidak mengkhususkan kepada sesiapa atau individu tertentu melainkan sesuatu ayat itu

ada menyatakan rujukan ‘orang’ tersebut seperti paparan contoh-contoh data makna khusus dan penjodoh bilangan dalam kajian.

Data **APIU74** yang merupakan data daripada Seksyen 59(1) Akta. diletakkan di bawah makna teras iaitu umum. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan hujahan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Rayuan. Yang Arif Hakim memutuskan seksyen tersebut tidak merujuk kepada ‘sesiapa yang beragama Islam’. Laporan undang-undang ini turut menyatakan bahawa pandangan mahkamah berkenaan perkataan “*any person*” dalam Seksyen 59(1) Akta sebagai termasuk sesiapa sahaja tanpa mengira agama adalah tidak bertentangan dengan keseluruhan skim Akta. Namun, berdasarkan konteks perundangan, perkara ini tidak mungkin berlaku kerana Mahkamah Syariah menjadi hak eksklusif orang Islam yang bukan hanya melibatkan pihak yang bertikai, bahkan pihak yang mewakili mereka iaitu Peguam Syarie dan pihak yang memutuskan sesuatu keputusan iaitu hakim. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil Peguam Syarie bukan beragama Islam berdasarkan Daftar Peguam Syarie seluruh Malaysia (Md. Zawawi Abu Bakar, 2003). Hal ini disebabkan oleh terdapat Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri tidak mensyaratkan agama Islam untuk menjadi seorang Peguam Syarie. Wilayah-Wilayah Persekutuan merupakan antara negeri yang mensyaratkan bahawa seorang Peguam Syarie mestilah beragama Islam berdasarkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri tersebut.

Dalam Kaedah 10 jelas bermaksud bahawa seorang Peguam Syarie perlu beragama Islam dan perkara ini digunakan oleh Majlis untuk dijadikan sebagai alasan seterusnya menolak permohonan perayu. Syarat kelayakan Peguam Syarie mestilah seorang beragama Islam adalah penting kerana tugas utamanya ialah membantu Hakim Syarie mendapatkan fakta, bukti, dalil, nas dan segalanya berkaitan kes sebelum membuat sesuatu penghakiman.

## KESIMPULAN

kajian-kajian bahasa perlu menyentuh aspek yang lebih dekat dengan masyarakat atau fenomena yang sering berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Kajian yang melibatkan bidang bahasa dengan bidang-bidang besar lain seperti undang-undang amat kurang dilakukan di Malaysia. Sesuatu undang-undang yang ditulis atau digubal oleh institusi-institusi perundangan perlulah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat. Pemilihan leksikal-leksikal yang bersesuaian amat penting agar tiada berlaku isu atau masalah dari segi makna kerana pemilihan leksikal yang kurang sesuai berdasarkan konteks akan membawa makna yang berbeza seterusnya menimbulkan ketaksaan.

Kes yang dibawa oleh Victoria Jayaseele Martin ke mahkamah adalah disebabkan oleh hanya ketaksaan suatu leksikal dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu Seksyen 59. Hal ini sedikit sebanyak menggugat dan memberi tamparan hebat kepada institusi perundangan di Malaysia akibat daripada ketaksaan suatu item leksikal.

## RUJUKAN

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan). 1993. Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/bFederal\\_PUA\\_BM\\_nsf/bb583a1626c1158024825722d0012dd09/254c084824fdc1d04825703d00026675?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/bFederal_PUA_BM_nsf/bb583a1626c1158024825722d0012dd09/254c084824fdc1d04825703d00026675?OpenDocument) (22 Oktober 2016).
- Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia. 2015. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. <http://www.kehakiman.gov.my/?q=node/78> (18 Januari 2017).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2017. Penguatkuasaan. <http://www.jawi.gov.my/my/penguatkuasa/akta-undang-undang> (8 April 2017).

- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2017. Sejarah Penubuhan. <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/mengenai-kami/sejarah-penubuhan> (9 Februari 2017).
- Md Zawawi bin Abu Bakar. 2003. Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11 (2). hlm. 109-132. Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Taqwa binti Zabidi. 2012. Hukum Melantik Orang Bukan Islam Sebagai Peguam Syarie. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil 25. hlm 195-218.
- Undang-Undang Malaysia. 1993. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan)1993. [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Updated.nsf/b3ac9c218efdc4482568310022d8b3/938ea6c8aaeafd78482571fe0011dedd?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218efdc4482568310022d8b3/938ea6c8aaeafd78482571fe0011dedd?OpenDocument) ( 22 Oktober 2016).
- Utusan Online. 2016. Peguam Syarie Mesti Islam-Mahkamah. <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/peguam-syarie-mesti-islam-8211-mahkamah-1.204439> (8 Ogos 2016).

## Implisit Judul Berita Pilihan Raya Umum Ke-14

Faris Fakhira Tauran  
Zaitul Azma Zainon Hamzah  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia  
Email: farisfakhira@gmail.com

### ABSTRAK

Kemenangan parti pembangkang dalam pilihan raya umum (PRU) kali ke-14 telah memecahkan tampuk pimpinan kerajaan lama yang telah memerintah selama 60 tahun. Sebelum bermulanya pilihan raya sehingga selesai pilihan raya, pelbagai isu mengenai pilihan raya umum disiarkan menerusi media massa terutamanya media cetak. Media cetak seperti surat khabar juga tidak terlepas daripada menyiarkan pelbagai judul berita yang menarik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa judul berita yang ditulis menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Penggunaan perkataan atau kata yang mempunyai makna implisit ini akan menyukarkan pembaca untuk memahami makna sebenar judul berita yang disiarkan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan perkataan implisit yang terdapat dalam judul berita PRU ke-14. Kaedah yang dipilih bagi melaksanakan kajian ini ialah kaedah kualitatif dan setiap data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Selain itu, bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah surat khabar Berita Harian keluaran bulan Mei bagi tahun 2018. Namun, berita yang dipilih hanya berfokus kepada berita bergenre politik yang berkaitan dengan PRU ke-14 sahaja. Pemilihan judul juga tertumpu kepada judul yang menggunakan perkataan implisit sahaja. Setiap data yang dikumpul akan dikategorikan mengikut jenis kata iaitu, kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Dalam pada itu, data yang telah dikategorikan akan dianalisis dengan menggunakan teori Logik Simbolik. Menerusi teori ini, data yang dipilih bukan sahaja dianalisis dari sudut semantik, tetapi juga dari sudut sintaktik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat 31 judul berita PRU ke-14 yang menggunakan perkataan implisit. Hal ini menunjukkan bahawa judul berita PRU ke-14 turut menggunakan perkataan implisit bagi menarik perhatian pembaca supaya membaca berita yang disiarkan. Justeru, kajian ini secara tidak langsung dapat menunjukkan bahawa berita bergenre politik juga turut menggunakan perkataan implisit dalam penulisan judul berita.

**Kata kunci:** implisit, judul berita, PRU-14, surat khabar, semantik

### PENDAHULUAN

Pilihan raya umum (PRU) kali ke-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018 telah mengubah negara Malaysia kepada kerajaan yang baharu. Kemenangan Pakatan Harapan (PH) ke atas Barisan Nasional (BN) sebanyak 113 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan telah memberi nafas baru buat negara Malaysia. Kejayaan ini telah memecahkan benteng BN yang telah memerintah Malaysia selama 60 tahun. Sepanjang proses PRU ini dijalankan sehingga keputusan dikeluarkan, pelbagai berita mengenai PRU disiarkan menerusi surat khabar. Terdapat juga judul berita yang ditulis dengan menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Implisit ialah tidak dinyatakan secara langsung atau tidak terang-terangan dan juga membawa maksud tersirat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Penggunaan perkataan yang mempunyai makna implisit ini akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang hendak disampaikan. Hal ini secara tidak langsung telah menolak fungsi surat khabar sebagai media penyampaian maklumat yang berkesan kepada masyarakat.

Di samping itu, bahagian utama yang akan dilihat oleh pembaca ialah judul berita. Pemilihan perkataan judul berita seharusnya lebih tepat dan jelas maknanya. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna implisit ini akan menyebabkan kekaburan makna bagi perkataan yang digunakan.



Faridah Ibrahim dan Chau Pao Ling (1997), turut menyatakan bahawa pihak wartawan dan media banyak menggunakan perkataan yang mujarad, iaitu tidak mempunyai makna yang tepat dalam penulisan berita. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pembaca dalam memahami berita yang hendak disampaikan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan makna implisit judul berita PRU ke-14.

Di samping itu, kajian makna implisit telah banyak dijalankan. Namun kajian yang dijalankan adalah dari sudut yang berbeza dan bahan kajian yang digunakan juga turut berbeza. Muhammad Zuhair Zainal, Al-Amin Mydin dan Ahmad Mahmood Musanif (2018), menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam skrip drama Melayu dan kajian hampir sama dijalankan oleh Syamsidah Saad dan Raja Masittah Raja Ariffin, iaitu mengenai makna tersirat. Walau bagaimanapun Syamsidah Saad dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) tidak hanya berfokus kepada makna tersirat, tetapi juga turut mengkaji makna tersurat yang terdapat dalam iklan radio. Walaupun bahan kajian yang berbeza, namun tujuan kajian adalah sama. Hal ini kerana kedua-dua kajian ini ingin mengenal pasti makna tersirat yang digunakan dalam bahan yang dipilih. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2016) yang mempunyai kajian hampir sama dengan Nor Saadah Mohd Salleh dan Hashim Musa (2016). Kedua-dua kajian ini menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam majalah. Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2016) menggunakan dua jenis majalah. iaitu *Mingguan Wanita Edisi Khas Syawal 2015*, dan *Harmoni Edisi Khas Ramadan dan Aidilfitri 2015*. Manakala, Nor Saadah Mohd Salleh dan Hashim Musa (2016) hanya menggunakan majalah *Mingguan Wanita* sebagai bahan kajian. Kesemua kajian terdahulu kebanyakannya menjalankan kajian makna tersirat yang terdapat dalam majalah dan skrip drama. Hal ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai makna tersirat atau implisit dalam judul berita surat khabar.

Selain itu, kajian mengenai berita PRU telah banyak dijalankan. Namun, kebanyakannya mengkaji isu PRU yang melibatkan pengaruh media sosial terhadap PRU, isu pengundi, kempen mengundi dan agenda politik. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian berita PRU yang melibatkan surat khabar. Zeti Azreen Ahmad, Ismail S.Y. Ahmed, Hartini Wakichan dan Hazwani Halem (2017), telah menjalankan kajian mengenai pengaruh surat khabar etnik dalam membentuk pendapat pengundi Cina dan India. Kajian ini hanya memfokuskan bagaimana surat khabar mampu mempengaruhi pengundi yang berbangsa Cina dan India dalam meraih undian mereka. Begitu juga dengan Mohd Zuwairi Mat Saad dan Normah Mustaffa (2017), yang menjalankan kajian perubahan corak penulisan surat khabar berita PRU. Kedua-dua kajian ini tidak memfokuskan tentang judul berita PRU yang terdapat dalam surat khabar. Hal ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian judul berita PRU dari sudut semantik iaitu makna implisit.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah memilih surat khabar Berita Harian keluaran bulan Mei 2018 sebagai bahan kajian. Hal ini kerana kajian yang dijalankan adalah mengenai berita PRU dan tarikh mengundi telah ditetapkan dalam bulan Mei. Berita yang dipilih hanyalah berita yang bergenre politik sahaja. Dalam pada itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan teori Logik Simbolik. Teori ini mempunyai tiga peringkat, iaitu semantik, sintaktik dan pragmatik. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan kepada dua peringkat sahaja, iaitu semantik dan sintaktik. Sehubungan itu, dalam makalah ini, hanya 2 data bagi setiap jenis kata yang dipilih secara rawak sahaja akan dianalisis dengan menggunakan teori Logik Simbolik dari aspek semantik dan sintaktik.

## DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 31 buah judul berita yang dikenal pasti menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Data yang dikumpul ini dikategorikan mengikut tiga jenis kata, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk seperti dalam rajah berikut:

Bil	Judul Berita	Kata Tunggal	Tarikh
1	Jangan abaikan pengundi 'kelabu', 'hitam'	kelabu, hitam	3 Mei 2018
2	Pengundi bijak elak 'Tsunami' Melayu	Tsunami	3 Mei 2018
3	DAP bawa 'racun'	racun	4 Mei 2018
4	Pembangkang mula 'jual' isu agama	jual	4 Mei 2018
5	DAP guna Dr M, hanya jadi boneka	boneka	5 Mei 2018
6	Biar rakyat 'tampar' dia dengan undi	tampar	6 Mei 2018
7	Tiada tsunami Melayu tetapi tsunami fitnah pembangkang	tsunami	6 Mei 2018
8	DAP 'kilang' fitnah	kilang	6 Mei 2018
9	Siang raih simpati, malam belasah orang	belasah	7 Mei 2018
10	Sebar berita benar tangkis tsunami fitnah	tsunami	7 Mei 2018
11	Pengundi putih perlu mengundi awal	putih	8 Mei 2018
12	100 peratus tsunami Malaysia	tsunami	10 Mei 2018
13	BN hilang Kuala Selangor, Bukit Melawati dan Jeram	hilang	10 Mei 2018
14	Banyak 'tikus' dalam UMNO	tikus	13 Mei 2018
15	Mukhriz 'pening' fikir calon speaker DUN Kedah	pening	22 Mei 2018
16	Teori konspirasi 'senjata' makan UMNO	senjata	22 Mei 2018
17	Masih ada 'pentas' lain untuk UMNO berbakti	pentas	24 Mei 2018

**Rajah 1: Judul berita yang mempunyai kata tunggal makna tersirat**

Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat 17 judul berita menggunakan kata tunggal yang mempunyai makna implisit. Kata tunggal ialah kata yang tidak menerima imbuhan, penggandaan dan perangkaian (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015). Judul yang padat dan bernas tidak menggunakan perkataan yang terlalu panjang, kompleks, kabur dan mengelirukan (Jeniri Amir, 2006). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan perkataan yang ringkas atau pendek ini adalah merujuk kepada kata tunggal kerana kata ini tidak menerima sebarang imbuhan atau kata dasar yang lain. Di samping itu, kata tunggal yang terdapat dalam judul di atas mempunyai makna implisit. Penggunaan kata implisit ini bertujuan untuk menarik minat pembaca untuk mengetahui maksud disebalik perkataan yang digunakan dengan cara membaca isi berita yang ditulis.

Bil	Judul Berita	Kata Terbitan	Tarikh
1	Nik Omar 'panaskan' pemimpin PAS	panaskan	1 Mei 2018
2	Ahli kecewa Puncak Borneo 'diratah' PKR	diratah	12 Mei 2018

**Rajah 2: Judul berita yang mempunyai kata terbitan makna tersirat**

Rajah 2 pula menunjukkan bahawa terdapat 2 judul berita menggunakan kata terbitan yang mempunyai makna implisit. Kata terbitan ialah kata dasar yang menerima imbuhan (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2015). Kata dasar bagi perkataan *panaskan* ialah panas. Kata ini menerima imbuhan -kan di akhir kata. Manakala kata dasar bagi perkataan *diratah* ialah ratah, dan kata ini menerima imbuhan di- di awal kata. Menurut Dwi Laksmi Karengga Ruci (2013), penggunaan imbuhan awalan di- pada judul berita adalah untuk menjimatkan ruang judul, menunjukkan ungkapan khusus dan menarik minat pembaca. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan imbuhan dalam judul berita merupakan salah satu cara untuk menarik perhatian pembaca untuk membaca keseluruhan berita yang ditulis. Selain itu, penggunaan kata implisit dalam kata terbitan ini hanyalah untuk menarik minat pembaca untuk membaca berita yang ditulis.

Bil	Judul Berita	Kata Majmuk	Tarikh
1	Calon PKR di Melaka 'minta nyawa'	minta nyawa	4 Mei 2018
2	7 'kawasan panas' PRU-14 terkawal	kawasan panas	5 Mei 2018
3	Tiada pengundi hantu di Tanah Merah	pengundi hantu	8 Mei 2018
4	PKR sapu bersih JB	sapu bersih	10 Mei 2018

5	3 ADUN BN Kedah <b>lompat pati?</b>	lompat pati	10 Mei 2018
6	4 <b>muka baharu</b> EXCO Selangor	muka baharu	11 Mei 2018
7	Mukhriz dijangka senarai EXCO <b>muka baharu</b> muda	muka baharu	13 Mei 2018
8	Kejutan EXCO Selangor, 70 peratus <b>muka baharu</b>	muka baharu	13 Mei 2018
9	Sekurang-kurangnya 5 <b>muka baharu</b> EXCO Pulau Pinang	muka baharu	14 Mei 2018
10	3 <b>muka baharu</b> barisi EXCO Pahang	muka baharu	15 Mei 2018
11	Gugur <b>muka lama</b> proses biasa	muka lama	16 Mei 2018
12	Sukar bendung ' <b>cah keting</b> '	cah keting	20 Mei 2018

**Rajah 3: Judul berita yang mempunyai kata majmuk makna tersirat**

Di samping itu, dalam rajah 3, terdapat 12 judul berita menggunakan kata majmuk yang mempunyai makna implisit. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015), kata majmuk ialah kata yang merangkaikan dua atau lebih kata dasar yang akan memberikan makna khusus. Dalam pada itu, kata majmuk ini juga dieja secara terpisah dan tidak boleh menerima penyisipan unsur lain. Menurut Jeniri Amir (2006), salah satu prinsip penulisan judul berita ialah spesifik dan ini menunjukkan bahawa kata-kata yang lebih khusus akan memberikan makna yang jelas. Penggunaan makna implisit dalam kata majmuk ini adalah merujuk kepada istilah khusus bagi mewakili sesuatu seperti orang, tempat dan perbuatan. Makna-makna bagi setiap perkataan ini hanya dapat difahami setelah pembaca membaca berita yang ditulis kerana pembaca akan mendapat gambaran bagi makna perkataan tersebut.

Justeru, hasil data yang dikumpul jelas menunjukkan bahawa judul berita PRU ke-14 ini banyak menggunakan kata tunggal iaitu sebanyak 55% berbanding dengan kata terbitan iaitu sebanyak 6% dan kata majmuk sebanyak 39%. Hal ini kerana penggunaan kata tunggal adalah lebih pendek dan mudah disesuaikan dengan mana-mana perkataan supaya dapat membentuk judul berita yang baik. Selain itu, data ini juga menunjukkan bahawa wartawan atau media lebih gemar menggunakan kata tunggal dalam penulisan judul berita dan seterusnya diikuti dengan kata majmuk dan kata terbitan.

### **Makna implisit kata tunggal**

Jangan abaikan pengundi '**kelabu**', '**hitam**'

Judul berita di atas menunjukkan bahawa terdapat dua kata tunggal yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *kelabu* dan *hitam*. Kedua-dua perkataan ini merupakan kata adjektif warna. Dari sudut semantik, makna *kelabu* ialah warna seperti abu dan *hitam* ialah warna seperti arang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Menerusi makna ini jelas menunjukkan bahawa terdapat makna implisit disebalik judul berita ini. Makna ini dapat diperjelaskan menerusi ayat yang terdapat dalam isi berita ini. Sehubungan itu, dari sudut sintaktik, makna bagi kedua-dua kata ini dapat diperjelaskan menerusi ayat berikut, "... *tidak prejudis terhadap pengundi kelabu dan hitam sebaliknya... menarik mereka memberikan undi kepada BN.*" Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa penggunaan perkataan *kelabu* dan *hitam* ini adalah merujuk kepada kedudukan pengundi. Pengundi *kelabu* ialah pengundi yang masih tidak pasti untuk mengundi mana-mana parti. Manakala pengundi *hitam* ialah pengundi yang tidak menyokong parti BN. Sehubungan itu, penggunaan kata *kelabu* dan *hitam* di dalam judul ini adalah untuk menggambarkan kedudukan pengundi yang masih tidak menyokong parti BN. Justeru, judul berita ini adalah untuk memberitahu kepada penyokong parti BN supaya tidak meminggirkan pengundi yang masih tidak jelas kedudukannya supaya beralih menyokong parti BN. Oleh itu, penggunaan perkataan *kelabu* dan *hitam* ini tidak dapat memberikan makna yang jelas kepada pembaca mengenai isu yang hendak disampaikan.

DAP '**kilang**' fitnah

Selain itu, judul ini juga menggunakan kata tunggal yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *kilang*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *kilang* ialah bangunan yang beserta dengan alat-alat untuk membuat barang. Berdasarkan makna ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *kilang* ini mempunyai makna implisit dan makna ini akan dapat dijelaskan menerusi ayat yang terdapat dalam berita ini. Sehubungan itu, dari sudut sintaktik, makna *kilang* ini dapat diperjelaskan menerusi ayat berikut, “*DAP adalah ‘kilang’ fitnah yang mengeluarkan propaganda berita palsu... .*” dan “*... semua bahan propaganda berniat jahat dan berunsur fitnah itu sudah siap dan akan diedarkan... .*” Menerusi ayat ini jelas menunjukkan bahawa makna *kilang* di dalam judul berita ini adalah merujuk kepada tempat bermulanya penyebaran fitnah. Hal ini kerana menerusi ayat yang kedua di atas jelas menunjukkan bahawa segala bahan propaganda dan unsur fitnah telah tersedia untuk diedarkan. Keadaan ini menunjukkan bahawa segala maklumat palsu atau fitnah adalah bermula dari parti DAP. Justeru, penggunaan perkataan *kilang* di dalam judul berita ini adalah untuk menggambarkan tempat bermulanya penyebaran fitnah.

### Makna implisit kata terbitan

Nik Omar ‘**panaskan**’ pemimpin PAS

Selain itu, judul berita di atas menggunakan kata tebitan yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *panaskan*. Perkataan *panaskan* menerima imbuhan –kan di akhir kata dan kata dasarnya ialah *panas*. Makna *panas* ialah hangat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Berdasarkan makna ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *panaskan* dalam judul berita ini mempunyai makna implisit. Makna ini akan dapat dijelaskan menerusi ayat yang terdapat dalam berita ini. Sehubungan itu, dari sudut sintaktik, makna perkataan *panaskan* ini dapat diperjelaskan menerusi ayat berikut, “*... Nik Omar Nik Aziz, bertanding atas tiket PKR ... menyebabkan pemimpin PAS seperti dalam ‘kepanasan’ terutama Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.*” Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa makna implisit bagi perkataan *panaskan* merujuk kepada situasi tegang atau tidak puas hati terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana tindakan Nik Omar yang bertanding sebagai calon PKR telah menyebabkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjadi tidak puas hati kerana Nik Omar berpaling dari PAS. Justeru, penggunaan perkataan *panaskan* di dalam judul ini hanya untuk menggambarkan sikap tidak puas hati dan bukannya membawa maksud memanaskan sesuatu. Oleh itu, penggunaan perkataan yang tidak tepat dan mempunyai makna implisit sebagai judul berita akan menimbulkan pelbagai makna kepada pembaca.

Ahli kecewa Puncak Borneo ‘**diratah**’ PKR

Dalam pada itu, judul di atas juga menggunakan kata terbitan yang mempunyai makna implisit iaitu perkataan *diratah*. Perkataan ini menerima imbuhan di- diawal kata dan kata dasarnya ialah *ratah*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *ratah* membawa maksud lauk yang tidak bercampur dengan benda lain. Berdasarkan makna ini jelas menunjukkan bahawa perkataan *diratah* ini mempunyai makna implisit. Hal ini kerana penggunaan perkataan *diratah* ini adalah tidak sesuai dengan judul berita yang ditulis. Sehubungan itu, dari sudut sintaktik, makna perkataan *diratah* ini dapat diperjelaskan menerusi ayat yang terdapat dalam berita ini, iaitu “*... kemenangan yang diberikan kepada calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Willie Mongin adalah sebagai terjemahan pengundi mengenai rasa kurang senang terhadap Jeannoth.*” Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa perkataan *diratah* adalah merujuk kepada makna diambil alih. Hal ini kerana kesalahan parti BN yang meletakkan calon yang tidak tepat telah memberi kemenangan kepada parti PKR dalam Pilihan Raya Umum kali ke-14 dan ini telah mengecewakan ahli-ahli BN di kawasan tersebut. Justeru, penggunaan perkataan *diratah* dalam judul berita ini adalah untuk menggambarkan bahawa kawasan tersebut telah diambil alih oleh pihak yang lain. Oleh itu, penggunaan perkataan yang boleh membawa pelbagai makna ini sukar untuk dikenal pasti makna sebenar dan makna perkataan hanya dapat difahami setelah membaca keseluruhan isi berita.

## Makna implisit kata majmuk

### Tiada *pengundi hantu* di Tanah Merah

Seterusnya, judul ini menggunakan kata majmuk yang mempunyai makna implisit, iaitu *pengundi hantu*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), *hantu* ialah ciptaan khayalan manusia yang menakutkan dan *pengundi* ialah orang yang mengundi. Berdasarkan makna ini jelas menunjukkan bahawa makna *pengundi hantu* di dalam judul ini mempunyai makna implisit. Makna implisit ini akan dapat diperjelaskan menerusi ayat di dalam berita ini. Dari sudut sintaktik, makna *pengundi hantu* ini dapat diperjelaskan menerusi ayat berikut, "... *dakwaan seramai 800 warga asing yang dibawa ke Tanah Merah... .*" dan "... *polis ada menerima laporan dakwaan kemungkinan mereka 'pengundi hantu', tetapi selepas kita mendapat maklum balas pihak Imigresen sebahagian besar mereka adalah warganegara.*" Menerusi ayat berikut jelas menunjukkan bahawa makna *pengundi hantu* ini merujuk kepada warga asing yang sememangnya tidak layak untuk mengundi di Malaysia. Hal ini kerana antara syarat kelayakan untuk mengundi ialah warganegara Malaysia. Justeru, makna *pengundi hantu* ini dapat diterangkan dengan lebih jelas menerusi isi berita ini dan pembaca hanya dapat memahami maknanya setelah membaca isi berita yang ditulis.

### Sukar bendung '*cah keting*'

Di samping itu, judul ini juga menggunakan kata majmuk yang mempunyai makna implisit, iaitu perkataan *cah keting*. Menurut Zulkifli Jalil (2018), *cah keting* membawa maksud mematahkan atau menewaskan lawan dan kebiasaannya perkataan ini digunakan dalam sukan bola sepak. Walau bagaimanapun, makna perkataan ini tidak sesuai dengan judul di atas dan ini menunjukkan bahawa perkataan ini mempunyai makna implisit. Makna perkataan ini dapat dijelaskan menerusi ayat yang terdapat dalam berita ini. Sehubungan itu, dari sudut sintaktik makna perkataan *cah keting* ini dapat diperjelaskan menerusi ayat berikut, "... *turut memperlihatkan kerapuhan jentera UMNO-BN Hulu Terengganu, selain menonjolkan sikap 'cah keting' masih berleluasa dalam kalangan kepimpinan dan ahli parti.*" Berdasarkan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa makna perkataan *cah keting* ini adalah merujuk kepada sikap tidak puas hati, dengki atau sikap suka menjatuhkan orang lain. Hal ini kerana masing-masing mempunyai agenda tersendiri dan berebut untuk mendapatkan jawatan tertentu demi kepentingan diri. Zulkifli Jalil (2018) juga menyatakan bahawa perkataan *cah keting* ini turut digunakan dalam dialek Kelantan yang membawa maksud hasad dengki dan sikap cantas mencantas. Hal ini juga telah membuktikan bahawa makna perkataan *cah keting* ini merujuk kepada sikap tidak puas hati atau dengki terhadap sesuatu. Oleh itu, pemilihan perkataan yang kurang jelas maknanya akan menyukarkan pembaca untuk memahami judul berita yang ditulis dan ini menyebabkan maklumat tidak dapat disampaikan dengan baik kepada pembaca.

## RUMUSAN

Berdasarkan data dan dapatan yang telah diperolehi telah menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 31 buah judul berita menggunakan perkataan yang mempunyai makna implisit. Kesemua judul ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis kata sahaja, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Setiap judul ini seterusnya akan dianalisis dengan menggunakan teori Logik Simbolik. Walau bagaimanapun, setiap data hanya dianalisis pada peringkat semantik dan sintaktik sahaja. Sehubungan itu, hasil dapatan yang telah dianalisis menunjukkan bahawa judul-judul berita yang menggunakan perkataan implisit ini tidak dapat memberikan makna yang jelas kepada pembaca. Menurut Hoppy Nurjayati (2014), judul berita seharusnya dapat menggambarkan segala isi berita. Akan tetapi penggunaan perkataan implisit menyukarkan pembaca untuk memahami makna perkataan tersebut dan pembaca hanya dapat memahami judul setelah membaca keseluruhan isi berita.

Di samping itu, judul yang menggunakan perkataan implisit adalah untuk menarik minat pembaca untuk membaca berita yang ditulis. Hal ini kerana perkara yang akan dilihat oleh pembaca sebelum membaca sesuatu berita ialah judul berita. Menurut Yuentie Sova Puspidalia (2015), judul berita yang menarik mampu menarik perhatian pembaca untuk membaca keseluruhan berita yang

dipaparkan. Oleh itu, berita yang mempunyai judul yang menarik atau sensasi sudah pasti dapat menarik minat pembaca untuk membaca keseluruhan berita tersebut.

### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan perkataan implisit adalah tidak sesuai untuk dijadikan sebagai judul berita. Hal ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang hendak disampaikan. Sehubungan itu, pihak wartawan atau media seharusnya memilih perkataan yang sesuai dan mudah difahami oleh pembaca dalam menulis judul berita. Perkataan yang dipilih adalah bersifat umum dan tidak merujuk kepada mana-mana dialek atau loghat supaya pembaca terus dapat memahami perkataan yang digunakan. Hal ini juga memudahkan penyampaian maklumat yang lebih tepat dan berkesan kepada pembaca. Pemilihan perkataan yang mempunyai makna implisit boleh digunakan sekiranya perkataan itu sudah sinonim atau sebatian dengan masyarakat. Hal ini kerana apabila membaca perkataan tersebut, pembaca akan terus dapat memahami perkara yang hendak disampaikan. Oleh itu, pihak wartawan dan media seharusnya berhati-hati dalam memilih perkataan yang sesuai untuk dijadikan sebagai judul berita supaya maklumat yang hendak disampaikan kepada pembaca dapat disampaikan dengan tepat dan jelas.

### BIBLIOGRAFI

- Dwi Laksmi Karengga Ruci. (2013). *Suluk Indo: Diksi dalam Judul-judul Berita Harian Lampu Hijau*. Diakses pada 26 September 2018 di laman web <https://ejournal3.undip.ac.id/index.php/sulukindo/article/view/2374/2375>
- Faridah Ibrahim dan Chau Pao Ling. (1997). *Jurnal Komunikasi: Analisis Semantik Objektiviti citra Ahli Politik Wanita Tempatan dan Antarabangsa*. Diakses pada 22 Ogos 2018 di laman web [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/1997/V14-13\\_5.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/1997/V14-13_5.pdf)
- Hoppy Nurjayati. (2014). *Analisis Penggunaan Singkatan Pada Judul Berita di Harian Jawa Pos Edisi Oktober- November 2014*. Diakses pada 18 Ogos 2018 di laman web [http://eprints.ums.ac.id/30568/9/NASKAH\\_PUBLIKASI.pdf](http://eprints.ums.ac.id/30568/9/NASKAH_PUBLIKASI.pdf)
- Jeniri Amir. (2006). *Belajar Menjadi Wartawan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2016). *Proceeding of ICECRS: Slogan Iklan dalam Majalah: Yang Tersurat dan Tersirat*. Diakses pada 15 Ogos 2018 di laman web <https://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/580/490>
- Mohd Zuwairi Mat Saad dan Normah Mustaffa. (2017). *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan: Teknologi Pendorong kepada Transformasi Corak Penulisan Berita Pilihan Raya Malaysia*. Diakses pada 15 Ogos 2018 di laman web <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22490/7086>
- Muhammad Zuhair Zainal, Al-Amin Mydin & Ahmad Mahmood Musanif. (2018). *Jurnal Komunikasi: Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu*. Diakses pada 14 Ogos 2018 di laman web <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/19802/8078>
- Nor Saadah Mohd Salleh & Hashim Musa (2016). *Jurnal Pertanika Mahawangsa: Kepelbagaian Makna Leksikal dalam Iklan Produk Kecantikan*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syamsidah & Raja Masittah. (2014). *Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej dalam Iklan Radio Berdasarkan Teori Imej*. Diakses pada 12 Ogos 2018 di laman web <http://ijleal.ump.edu.my/images/IJLEAL001.SAAD.RAJA.ARIFFIN.pdf>
- Tatabahasa Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yuentie Sova Puspitalia. (2015). *Bentuk Fungsi, dan Makna Kias dalam Judul Berita Majalah Gatra dan Pemanfaatannya Pada Pembelajaran Bahasa Indonesia di PGMI Stain Ponorogo*.

Diakses pada 24 Ogos 2018 di laman web [http://jurnal.stainponorogo.ac.id /index.php/cendekia/article/viewFile/248/218](http://jurnal.stainponorogo.ac.id/index.php/cendekia/article/viewFile/248/218)

Zeti Azreen Ahmad, Ismail S.Y. Ahmed, Hartini Wakichan & Hazwani Halem. (2017). Jurnal Komunikasi: *GE 13: The Influence of Ethnic Newspapers in Shaping the Opinion of Indian and Chinese Voters*. Diakses pada 15 Ogos 2018 di laman web <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/19087/7718>

Zulkifli Jalil .(2018). Utusan Online: Cah Keting Lagikah? Diakses pada 23 September 2018 di laman web <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cah-keting-lagikah-1.631494>

## Transcribing Japanese Spoken Language Using ELAN as Annotator Machine

Dr. Filia  
Linguistic Department  
Faculty of Humanities, Universitas Indonesia  
[filiagogo@gmail.com](mailto:filiagogo@gmail.com)

Nazarudin, M. A.  
Linguistic Department  
Faculty of Humanities, Universitas Indonesia  
[udhins@gmail.com](mailto:udhins@gmail.com)

### Abstract

Transcription is rather an open-ended process. That means transcripts can be used for particular purpose. Therefore, Liddicoat (2007) argued that transcripts are known as not neutral and objective representations of talk. As Green, Franquiz and Dixon (1997: 172) added, a “transcript is a text that “re”-presents an event; it is not the event itself. Following this logic, what is re-presented is data constructed by a researcher for a certain purpose, not just talk written down.” Moreover, Liddicoat (2007) said that the subjective and created nature of transcriptions means that researchers may need to produce different transcriptions at different times in order to examine different aspects of the talk being transcribed and to see the talk according to evolving sets of ideas and foci. The question arise from this statement is how to transcribe the spoken language data then? The problems occur when we tried to transcribe languages with different writing systems, such as Japanese and Korean. This paper aims to propose the strategy in transcribing data by using ELAN Annotator software for transcribing Japanese language. We did the qualitative approach by doing an observation and interviewing some Japanese language lecturer from Jakarta and its surrounding. From this research we found out that the transcription methods in Japanese language is not really developed yet. There are some difficulties in transcribing spoken language data in Japanese; such as there is no space between words, the significantly different method when transcribing using the romaji (alphabet) compare to katakana, hiragana and kanji. Those different codifications labels require more subjective and created nature of transcriptions. The results of the questionnaire and interviews showed transcribing spoken data in Japanese with the ELAN program is easier to use romaji (alphabet) for analysis. In addition, the ELAN transcription program is objective and academically rigorous transcription tool.

**Keywords:** transcription, Japanese, spoken language, ELAN, methodology

### Introduction

Transcription is one of the significant phases in the spoken languages research. The efforts to provide transcription data had become the point of departure from the observations. Transcription is rather an open-ended process. That means transcripts can be used for particular purpose. Therefore, Liddicoat (2007) argued that transcripts are known as not neutral and objective representations of talk. As Green, Franquiz and Dixon (1997: 172) added, a “transcript is a text that “re”-presents an event; it is not the event itself. During the transcription period, we should give more consideration to some non-language features in the data in order to display the reality on the field. In the conversational analysis (CA), the transcript data generally transcribed using special font, such as Courier New. This type of font is considered appropriate because it has the same size for all alphabetic letters, such as the size of *i* is the same the size of the letter *a*.

Nihon to chuugoku

Japan and China



For example, the letter *i* (in the word *Nihon*) and *a* (in the word *Japan*) have the same size. As well as the size of other letters. Another example is the letter *u* in the word *Chuugoku* with *i* on the word *China* have similar size. Therefore, it would make the transcription process easier by doing glossing (word for word translation).

One of the problematic phenomena that appear when we do transcription in a language with different writing system is that the border between discourse and sentences. Japanese language, like Korean, is written using non-alphabetical writing system. There are three writing system used in Japanese, they are (i) hiragana, (ii) kanji, and (iii) katakana. Hiragana used for all the Japanese native words and as well with the kanji. The difference is hiragana is included as syllabic graph, which each grapheme represent of syllable, and, meanwhile, the kanji graph is part of the morphemic writing system, which each graphemes represent one meaning. The katakana, on the other hand, also part of syllabic letter, meanwhile unlike hiragana, katakana is only used to write loanwords from foreign languages. This paper aims to propose the strategy in transcribing data by using ELAN (Eudico Language Annotator) software for transcribing Japanese language. We did the qualitative approach by doing an observation and interviewing some Japanese language lecturer from Jakarta and its surrounding. We held one daylong workshop for the entire Japanese language lecturer in Jakarta area to figure out the effective strategy to transcribe the Japanese spoken language.

The writing of hiragana, katakana, and kanji are well known by not considering the use of space. However, the Japanese speaker could understand the structural unit of the words, particles, and phrases. How about the glossing (word for word translation) of the transcription. Is it possible to do automatic glossing using ELAN in the Japanese language data?

### Methodology

#### ELAN Workshop

In order to get comprehensive knowledge on how to transcribe Japanese spoken language using ELAN, we did an experiment by creating a workshop series for Japanese language lecturer in Jakarta. We invited 40 participants to join and participating the workshop. However, during the workshop, there are only 37 participants came and participating in the experiment. The training done in 1 full day from 09.00 to 17.00 in two batches, each batch consists of around 20 participants. Meanwhile, there are two instructors in the workshop and they both also act as a guide for the participants. Since this could be considered as skill workshop, so we need some extra facilitators, 4 persons and with the assumption that the ratio will be only 1 : 5.

Table 1 speakers number, participants and facilitators

	speaker	participant	fasilitator
Workshop Planning (1 Day Workshop)	n = 2	n = 20	n = 4
Workshop term 1 July 4th 2018	n = 2	n = 18	n = 4
Workshop term 2 July 5th 2018	n = 2	n = 19	n = 4

We divided the workshop time into two big categories. We also divide the general times become 2 different session. The first session is about ELAN software, it's used, its effect, and how you use it. The second session filled with direct practical matters from the participants.

#### Questionnaires

The participants were asked to filled in the questionnaires about doing transcription using ELAN. The questionnaires itself consists of seven questions, four of them were multiple choice and three of it were open questions. We can see the questios as below.

- 1) Is transcription ELAN workshop conducted by Japanese Studies University of Indonesia staff useful?

(1) very useful	(2) useful	(3) not useful	(4) very not useful
-----------------	------------	----------------	---------------------

- 2) If your answer is (1) or (2), what are the benefits?  
 3) If your answer is (3) or (4), why you think it is not useful?  
 4) Is the time appropriate (hours and days)?

(1) yes	(2) no
---------	--------

5) If you answer (2), when is the right time?

6) Is the explanation clear?

(1) very clear	(2) clear	(3) not clear	(4) very not clear
----------------	-----------	---------------	--------------------

7) Does this workshop need to be continued ?

(1) very necessary	(2) necessary	(3) not necessary	(4) very not necessary
--------------------	---------------	-------------------	------------------------

8) suggestions for this workshop.


The results of these questionnaires were tabulated and analyzed in the chapter 3 of this paper. The aims of using questionnaire are to get the participants opinion and to figure out the expectations of the participants to ELAN related with the data transcription.

### Analysis

This part is divided into two parts. Part 3.1 discuss about the use of ELAN during the workshop, meanwhile the 3.2 discuss about the result of questionnaires used after the workshop.

#### The Analysis of Practical Use of ELAN

Almost all of the workshop participants had done the transcribing activities manually. Their common obstacles while transcribing the data are mostly about the quality of the recording data. It was happen because the recorded speech data is too fast or it is not clearly hear. When this obstacles appear usually they repeat the record and hear it again for several times until they clearly understand what the speaker may said. However, it is often that they end up not hearing anything because the recording quality is too poor. ELAN have some feature to decrease or increase the recording speed.



**Gambar 1 Speed Rate Features**

Usually if we lower the tempo until 50%, it help us to understand what the speaker said. However, at the end it also depend on the quality of recording they make in the first place.

To help researcher in doing the transcription, ELAN is equipped by a features called tier. On the first line tier, researcher could write the transcription results orthographically. For the Japanese language system the researcher could choose to use hiragana, kanji, katakana, or even romaji (alphabetic). We can simulate the presentation of the transcription as follow.


tier one	: Japanese writing system
tier two	: alphabetical transcriptions
tier three	: Phonetic transcriptions (based on IPA)
tier four	: translation
tier five	: non-verbal notes

Therefore, for the researcher who do not need phonetically transcription could omit this tier three. Actually, we can set this tier into flexible settings so that we could customize the environment into our own purposes.

Writing system in Japanese language is no need to use space. In fact, for the researchers who do not understand Japanese, they will meet difficulties to recognize its grammar units, such as particles, words, and phrases. However, researcher could identify those grammatical units by observing the interlude or pause in the data. Generally, the Japanese speakers do pause after the particles. Therefore, the use of building this transcription is that we can cut the words to create spoken dictionary or online dictionary.

ELAN Software could also be use to make phonological research, such as to figure out the value and functions of intonation in the Japanese language. The research on particle *ne* in Japanese is done using this feature. Particle *ne* have meaning 'asking for confirmation'. Meanwhile, on the field, during the daily conversation, particle *ne* also appear with up and down intonation. The *ne* particle with decreasing intonation has different meaning compare to the particle *ne* with increasing intonation. The *ne* particle with decreasing intonation is mean to soften the speech to be more communicative and also to taking care of the conversation atmosphere.

particle *ne* with decreasing intonation



**Gambar 3 Intonation features**

ELAN transcription result that was sends to word file as follow.

file:///D:/Document/Elan Project-Koga/Ketika Pulang.eaf  
 Sunday, April 1, 2018 3:39 PM

Anak Ma::itte::  
 TC 00:00:00.020 - 00:00:02.060  
 Ibu nan no mita no?  
 TC 00:00:02.060 - 00:00:02.870  
 Anak m::  
 TC 00:00:03.340 - 00:00:03.600  
 Ayah mite yotte henkou ni atte dou deshita?  
 TC 00:00:04.390 - 00:00:06.730  
 Anak (diam)  
 TC  
 Ayah Osanpo dou desho? Oyama o Osanpo?  
 TC 00:00:08.490 - 00:00:10.820  
 Anak (diam)  
 TC

From the transcription result, we can see the time align feature which can help us to appreciate the linguistics evidences and the empiricness of a data. And then, we make four layer in transcription. First layer is data transcription in kanji-hiragana-katakana graph, second layer is in alphabet, third layer is word for word translation/glossing. The fourth layer is communicative translation.

A : マイっ↑て

maitte  
 onomatope

‘maitte’

I : 何の見たの？

nan no mita no?  
 Apa GEN melihat VN

‘(Kamu) melihat apa?’

A : はん

nn  
filler

‘mm’

B : 見て寄ってへんこうにあってけどどうでした？

Mite yotte henkou ni atte  
Lihat- mampir-

kedo dou deshita?  
tapi bagaimana COP ?

‘(Setelah) melihat dan mampir area sekeliling bagaimana menurutmu?’

A : (diam)

B : お散歩どうでしょ？お山をお散歩？

*Osanpo dou desho? oyama o osanpo?*  
jalan-jalan bagaimana COP ? gunung ACC jalan-  
jalan?

‘Bagaimana jalan-jalannya? Jalan-jalan ke  
gunungnya?’

A : ((diam))


Some non-language features in the data in order to display the reality on the field are made by Gail Jefferson. Example of transcription notation based on Gail Jefferson's system are written below.

- ↑ rising intonation
- < a hurried start in speaking
- [ ] overlapped speech in contiguous lines
- hh inbreath or inhalation
- (.) unmeasured micropause
- (( )) Commentary by transcriptionist

The obstacle in using ELAN software to transcribe data is the unfamiliarity of the workshop participants with this software. From 37 participants, none of them use ELAN before. It means that they all using ELAN for the first time in this workshop. That's why we need that existence of facilitator who can help them operated the software. During the workshop we only have 1 facilitator for 5 participants and that's not really effective for this kind of workshop.

### Questionnaire

We distributed 37 questionnaires in total to the workshop participants. However, there are only 29 questionnaires were filled and received back to us. Based on the result, 17 respondents mention that this ELAN workshop very useful to transcribe spoken language data and 12 respondents mentioned that this workshop is useful.



**Gambar 4** Questionnaire Result

The merit of this workshop based on the participant comments in the questionnaires are as follows.

**Table 2** Hasil Kuesioner Manfaat ELAN

01. Support the research
02. This software could be supporting tools for research
03. I have found the new way to transcribing data that I never knew before. This could be useful for translation and to make subtitle as well.
04. It easier to collect data (audio video)
05. This is useful to explore for phonological research.
06. I can use this method to do research on oral history
07. Useful for research and teaching (such as adding subtitle to the conversational video)
08. It's really new and useful tools
09. Gain new knowledge about the way to process the data
10. It helps to conventionalize the text and it helps to process audio data and change it into text.
11. Useful for translation lecture and research data providing
12. Useful for collecting data
13. It helps for research and give guidance
14. It can help me to create transcription from the interview from fieldwork
15. Expanding the knowledge and gain new knowledge
16. It could simplify the transcription process if you have research in the oral data
17. This is better than Audacity, so I can get more knowledge. Since I am also a language enthusiast cum a linguist.

18. A new introduction to the simple transcription tools
19. You know the time of speech in a more accurate way
20. To enhance knowledge
21. to transcribe the conversation in a detail manner
22. It could facilitate the data collection
23. to understand the use of ELAN application for the need of data transcription
24. It facilitate the transcription making
25. Now I know about ELAN
26. To facilitate data processing
27. To help during the consulting on final paper and inspire us to make research
28. I could understand about data transfered from audio recording to written form
29. If you want to do research, this software is really helpful

Most of the participants mention that workshop time and duration is already okay (n=28). Next, the result about it is necessary or not to continue this workshop could be seen as follow. There are 22 participants who give advices or proposition for this ELAN workshop. One of participant said that the explanation about the theory is good already. However, it is still need more time to practice on using ELAN. Other participants said that "for practice sessions it should be slowly", " if you create this kind of event in the future, please give examples on its use for cultural and literature research", "It looks like the time of practice is still not enough. If we make it into several days of workshop, I will be enough and if it can produce one project then it would be great".

### Conclusion

From this research we found out that the transcription methods in Japanese language is not really developed yet. All of the workshop participants are not familiar with this software. There are some difficulties in transcribing spoken language data in Japanese; such as there is no space between words, the significantly different method when transcribing using the romaji (alphabet) compare to katakana, hiragana and kanji. Those different codifications labels require more subjective and created nature of transcriptions. The results of the questionnaire and interviews showed transcribing spoken data in Japanese with the ELAN program is easier to use romaji (alphabet) for analysis. In addition, the ELAN transcription program is objective and academically rigorous transcription tool.

### References

- Green, J., Franquiz, M. and Dixon, C. (1997), 'The myth of the objective transcript: Transcribing as a situated act'. *TESOL Quarterly*, 31, 172-6.
- Jefferson, G., (1984), "Transcription Notation," in J. Atkinson and J. Heritage (eds), *Structures of Social Interaction*, New York: Cambridge University Press.
- Liddicoat, J. Anthony, (2007), *An Introduction to Conversation Analysis*, London: Continuum.
- Stivers, Tanya, N. J. Enfield, (2010), "A Coding Scheme for Questions-Response Sequences in Conversation." *Journal of Pragmatics* 42: 2620-2626.
- Tanaka Hiroko (1999), *Turn-taking in Japanese Conversation*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamin Publishing Company, 1999.

## Wacana Tekstual dalam Iklan Elektronik Atas Talian *YouTube*

Nurul Aishah Mohd Radzi  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[nurulaishahradzi@gmail.com](mailto:nurulaishahradzi@gmail.com)

Normaliza Abd Rahim  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[nliza@upm.edu.my](mailto:nliza@upm.edu.my)

Nor Azuwan Yaakob  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[azuwan@upm.edu.my](mailto:azuwan@upm.edu.my)

### ABSTRAK

Analisis wacana adalah sebuah bidang yang mengkaji tatatingkat tertinggi dalam bahasa yang digunakan secara alamiah, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Bahasa menjadi asas dalam menggambarkan subjek dan ideologi yang dibawa dalam teks, lalu mewujudkan sebuah wacana untuk dianalisis. Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan yang meneliti wacana tekstual dalam bidang pengiklanan di Malaysia. Bidang pengiklanan yang difokuskan adalah iklan elektronik atas talian seperti *Youtube* yang menggunakan selebriti sebagai endorser dalam persembahannya. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi mengenal pasti dan membincangkan wacana tekstual dalam iklan elektronik atas talian yang melibatkan selebriti di Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis teks dan berbentuk kualitatif. Dalam kajian ini, skop yang telah ditetapkan adalah iklan yang menggunakan Noor Neelofa Mohd Noor sebagai endorser kepada sesuatu produk. Subjek dipilih atas faktor populariti yang tinggi dalam kalangan rakyat di Malaysia dan menjadi ikon wanita di dalam serta di luar negara. Sumber iklan ini dimuat turun adalah daripada laman *Youtube* sepenuhnya dan ditranskripsikan ke dalam bentuk tulisan bagi memudahkan proses penganalisan data dilakukan. Kemudiannya, teks tersebut dianalisis menggunakan teori Analisis Wacana Kritis yang dicadangkan oleh Fairclough (1995). Dimensi tekstual yang terkandung dalam teori ini, menetapkan tiga prinsip utama, iaitu kosa kata, leksikal dan kohesi. Hasil kajian telah mendapati bahawa dimensi tekstual dalam teks iklan elektronik atas talian dapat menyampaikan maklumat dengan baik kepada khalayak di samping dapat menarik perhatian terhadap produk yang diiklankan. Kosa kata yang digunakan dalam iklan elektronik atas talian menggambarkan ujaran oleh subjek adalah memenuhi tema keseluruhan teks dan maklumat dipindahkan dengan baik. Leksikal yang dipilih juga sesuai dengan tujuan penyampaian wacana, begitu juga dengan kohesi yang memiliki tautan yang baik dalam setiap kata dan idea. Kajian ini akan menjadi garis panduan kepada bidang pengiklanan di Malaysia.

**Kata kunci:** wacana, iklan di Malaysia, selebriti, analisis wacana kritis, tekstual.



## PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu dalam semua bidang adalah penting bagi proses pemartabatan bahasa kebangsaan. Bahasa yang baik adalah berasal daripada wacana yang tersusun. Wacana diistilahkan sebagai contoh sebenar dalam berkomunikasi dalam wadah sesuatu bahasa (Johnstone, 2002). Manakala Fairclough (2003) pula menyatakan, wacana merupakan pandangan khusus mengenai penggunaan bahasa dalam kehidupan yang berkait rapat dengan unsur yang lain. Bukan itu sahaja, wacana juga didefinisikan sebagai bahasa yang terdiri daripada lisan atau tulisan yang turut meneliti bidang semiotik, iaitu proses memberi makna kepada sesuatu teks berdasarkan imej atau gambaran di dalamnya (Fairclough, 1995). Setiap wacana yang dibina dengan sempurna memiliki tujuan tertentu, terutamanya memberi maklumat kepada khalayak. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Djajasudarma (2012) bahawa wacana iklan adalah wacana yang bermatlamat untuk mempengaruhi khalayak melalui idea yang wujud dalam teks sehingga memberikan impak terhadap bidang pemasaran. Hal ini dapat dilihat dalam wacana iklan yang dipersembahkan, sama ada bertulis mahupun lisan. Bidang pengiklanan masa kini semakin berkembang sejajar dengan pertumbuhan teknologi dunia. Terdapat banyak cara iklan dipersembahkan, antaranya iklan akhbar, majalah, papan tanda atau media elektronik. Namun begitu, kajian ini memfokuskan kepada iklan atas talian, *Youtube* yang menggunakan selebriti sebagai endorser kepada sesuatu produk. Bidang pengiklanan mula bertapak di Malaysia pada abad ke-19 apabila datangnya pedagang dari luar ke Negeri-negeri Selat (Mohd. Sidin Ahmad Ishak dan Noorbaithi Jahi Badaruddin, 1993). Perkembangan bidang ini adalah seiring dengan perkembangan internet yang memberi kesan kepada media massa tradisional sehingga membentuk jaringan baru dalam penyebaran maklumat (Morrison, 2015). Lee Kian Seong (2009) turut memberi pendapat mengenai perkembangan bidang ini yang menggunakan strategi bijak, iaitu menggunakan selebriti sebagai endorser kepada satu-satu produk sekali gus meningkatkan produktiviti. Penglibatan selebriti dilihat menjadi gaya terkini bagi syarikat besar dalam mempromosikan produknya.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian iklan yang pertama telah dilakukan oleh Anin Asnidar (2018) yang dijalankan dengan menggunakan analisis wacana kritis. Kajian ini bermatlamat untuk meneliti wacana teks iklan komersial yang ditayangkan di kaca televisyen dan atas talian. Kajian ini telah mendapati bentuk kata dan unsur gramatikal yang digunakan adalah berbagai-bagai dan meliputi ragam baku serta tidak baku. Pemilihan kata yang digunakan dalam teks iklan ini juga mempunyai makna tersendiri yang ingin disebarkan kepada khalayak di samping mencerminkan imej syarikat tersebut. Dapatan ini adalah selari dengan kajian oleh Sabariah Mohamed Salleh, Emma Mohamad, Abdul Latiff Ahmad dan Nazra Latiff Nazri (2015) yang memperoleh bahawa iklan Tahun Baru Cina Petronas menggunakan wacana tekstual yang baik bagi menyampaikan maksud yang mendalam kepada khalayak. Walaupun iklan yang dipertontonkan terdiri daripada budaya bukan rasmi di Malaysia, tetapi masih menerapkan elemen gabungan budaya yang pelbagai sehingga menghasilkan makna yang unik untuk difahami oleh seluruh khalayak. Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar dan Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2014) turut memperoleh bahawa iklan yang menggunakan bahasa yang tidak santun juga memiliki makna yang ingin diketengahkan dan khalayak lebih mudah menerima maklumat berkenaan kerana dilihat lebih dekat dengan diri sendiri.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Raji Ridwan Adetunji, Sabrina Mohd Rashid dan Mohd Sobhi Ishak (2018) yang meneliti pemasaran melalui media sosial. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan yang wujud antara pemasaran media sosial komunikasi dengan pemasaran interaktif. Setelah dianalisis, kajian ini mendapati hubungan pengiklanan melalui media sosial dan interaktif adalah positif. Kedua-dua jenis pengiklanan ini membolehkan penjenaman bagi sesuatu produk meningkat dan menjadi pilihan pengguna. Dapatan ini dilihat hampir sama dengan kajian oleh Mohd Helmi Abd Rahim, Novel Lyndon dan Nazrin Shahnaz Peer Mohamed (2017), iaitu iklan dilihat penting dalam komunikasi pilihan raya kerana akan menentukan nama pemimpin yang akan dipilih oleh khalayak. Yoani Julita Sumasari (2014) juga mendapati wacana iklan yang baik menjadi penentu pilihan pengguna di samping menarik minat khalayak.

Don Zuraidah dan Emily Lau Kui Ling (2018) pula mengkaji mengenai penggunaan wanita sebagai subjek dalam iklan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan visual atau imej serta teks dalam iklan pelangsingan. Kajian mendapati imej sahaja tidak cukup dalam memberi kesan terhadap iklan itu, tetapi perlu dimasukkan bersama elemen teks yang bermakna. Gabungan kedua-dua elemen ini akan menjadikan wacana yang dihasilkan memiliki makna yang tersendiri yang ingin disampaikan kepada pengguna. Teixeira (2018) turut mendapati hasil kajian yang sama, iaitu penghasilan wacana iklan yang baik akan menentukan kesan makna yang mantap dan mempengaruhi khalayak dengan mudah. Hal ini juga selari dengan dapatan oleh Napitupulu, Bako, Ars dan Zein (2018), iaitu gabungan pelbagai elemen dalam iklan akan menghasilkan iklan yang bermaklumat, bermakna dan memberi kesan yang besar kepada bidang pengiklanan atas talian. Normaliza Abd Rahim, Arba'ie Sujud, Hazlina Abdul Halim dan Roslina Mamat (2014) juga turut menjelaskan mengenai wacana yang baik adalah penting agar khalayak dapat memahami makna sebenar yang ingin disampaikan.

Kajian lain dilakukan oleh Devi Pratiwy dan Sri Wulan (2018) yang meneliti iklan di media massa. Kajian ini bertujuan bagi menganalisis unsur multimodal yang terdapat dalam iklan di Indonesia. Kajian yang berfokus kepada iklan di televisyen ini telah mendapati gabungan pelbagai elemen atau unsur dalam wacana seperti imej yang terkenal akan menambah pemahaman dan keyakinan pengguna terhadap sesuatu produk. Dapatan ini adalah sama dengan Syamsidah Saad dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) yang memperoleh iklan di radio juga telah menggunakan teks iklan yang mampu meyakinkan pengguna seterusnya menarik minat mereka terhadap sesuatu produk. Begitu juga dengan Putri Wahyuni dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2015) yang telah meneliti iklan di Malaysia dan Indonesia. Hasilnya, wacana iklan di Malaysia memberi gambaran kepentingan produk agar lebih jelas pemahamannya dan berpotensi menjadi daya tarikan kepada pengguna. Iklan yang disiarkan di Indonesia juga adalah samam iaitu masih berlandaskan daya tarikan terhadap pengguna walaupun elemen yang digunakan adalah berbeza.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif, iaitu mengenal pasti dan membincangkan wacana tekstual dalam iklan elektronik atas talian yang melibatkan selebriti di Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis teks bagi mendapatkan data kajian. Penelitian ini dilakukan bagi memenuhi tujuan kajian untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan wacana teks iklan yang dihasilkan oleh satu-satu syarikat agar dapat menarik minat pengguna terhadap produk yang dipromosikan. Pemilihan iklan dibuat berdasarkan pengaruh endorser terhadap bidang pengiklanan. Kajian ini memfokuskan kepada iklan yang menampilkan Noor Neelofa Mohd Noor sebagai subjek iklan, atas faktor pengaruh selebriti ini di media massa selain turut dikenali di dalam mahupun di luar negara. Sebanyak 14 buah iklan dalam bentuk video telah dikenal pasti dan ditranskripkan ke dalam bentuk tulisan bagi memudahkan proses analisis. Kemudian, teks tersebut dianalisis dengan menggunakan teori Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1995) yang menggariskan tiga dimensi, iaitu tekstual, wacana praktis dan praktis sosial. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada dimensi pertama sahaja, iaitu tekstual. Berikut adalah kod yang mewakili produk iklan:

Jadual 1: Senarai Iklan

Kod	Produk
(a)	<i>OPPO F9</i>
(b)	<i>OPPO F7</i>
(c)	<i>OPPO F5 6GB Red Edition</i>
(d)	<i>Awesome MAMA Instant Noodle</i>
(e)	<i>YES 4G LTE</i>
(f)	<i>OPPO R9s Black Edition BTS</i>

(g)	<i>Flora Rosa Condo, PjHomes</i>
(h)	<i>Titan Jewelry</i>
(i)	<i>Lancome Cosmetics</i>
(j)	<i>Swarovski</i>
(k)	<i>Kad Muslimah Bank Rakyat</i>
(l)	<i>Heaven &amp; Earth</i>
(m)	<i>Heaven &amp; Earth</i>
(n)	<i>PLUS Apps</i>

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dianalisis menggunakan teori Analisis Wacana Kritis yang dicadangkan oleh Fairclough (1995). Kajian ini bertumpu kepada dimensi tekstual dan menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai teks yang digunakan dalam penghasilan iklan. Kajian ini menggunakan iklan yang menampilkan Noor Neelofa Mohd Noor sebagai subjek dalam iklan. Di dalam dimensi tekstual ini, terdapat tiga aspek utama yang akan dibincangkan, iaitu kosa kata, leksikal dan kohesi dalam teks.

### *Kosa Kata dalam Iklan Selebriti*

Kosa kata dalam teks mewakili tema yang ingin disampaikan kepada khalayak. Menurut Sholikhati dan Mardikantoro (2017), penyusunan kata dalam sesuatu teks menjadi penentu kepada keberkesanan penyampaian maklumat kepada pihak tertentu. Kosa kata dalam teks yang mewakili tema iklan akan dibincangkan dengan lebih lanjut seperti di bawah:

Jadual 2: Kosa Kata dalam Iklan

Kod	Teks
1(a)	<i>VOOC Flash Charge. Five minutes charge for unlimited fun and time</i>
1(b)	<i>...brings out the real you in every moment. OPPO F7, capture the real you.</i>
1(c)	<i>OPPO F5 6GB Red Edition present the latest fashion trends is in my hand.</i>
1(d)	Makanan dah siap? - Bagi saya dua minit. - Okay. - <i>Thank you.</i> Mmm bau sedap.
1(e)	Bila pintu hati dah terbuka, lebih senang untuk dikongsi. -Hai Lofa, gembiranya muka. Macam mana tadi? Tak nak kongsi ke? -Takdelah, mula-mula dia cakap nak kongsi, lepas tu kan...
1(f)	<i>To me, the colour of black is associated with power and confidence, so is me!</i>
1(g)	Tapi sangat berbaloi sebab boleh bayar 10 sekarang, 90 bila siap.
1(h)	Untuk raya tahun ni nak buat balik hadiah apa untuk adik lelaki? ...Ada 4 jam tangan untuk dipilih, jadi yang mana satu yang terbaik...
1(i)	<i>I know that I'm going to be 30 soon, but that won't stop me from pursuing what I want in life. Opportunities are everywhere if you know where to find them.</i>
1(j)	<i>My funniest memories with Swarovski, I would say the fact I wear or use, the fact I could wear any collection that I want, I could loan from them every week, different collection every week.</i>
1(k)	Sempena musim perayaan, jangan lupa gunakan kad muslimah bank rakyat dan belanjalah dengan berhemah.
1(l)	Sebab itu saya sukakan rasa keterujaan sebenar teh limau ais <i>Heaven &amp; Earth.</i>
1(m)	Keterujaan rasa <i>Heaven &amp; Earth</i> telah memberi saya inspirasi untuk menggabungkan idea hebat dan mendorong saya untuk terus maju ke hadapan.
1(n)	Sebenarnya, macam-macam maklumat lain mengenai Lebuhraya PLUS. Antaranya seperti maklumat trafik terkini, gambar trafik menerusi CCTV, Pusat Khidmat Pelanggan, kemudahan yang disediakan di R&R, kadar tol dan banyak lagi.

Iklan 1(a) mengetengahkan tema proses menjimatkan masa individu berkaitan dengan telefon bimbit. Kosa kata yang digunakan menunjukkan proses mengecas adalah sepantas 5 minit sahaja. Iklan 1(b) pula menjelaskan tema yang berkaitan dengan kamera telefon bimbit, iaitu kebolehan mengambil gambar dengan lebih cantik melalui fungsi yang tersedia di dalamnya. "*capture the real*

you” seolah-olah memukau khalayak untuk memiliki gajet ini agar gambar akan lebih realistik. Hal yang sama dapat dilihat dalam iklan 1(c) yang mengetengahkan tema fungsi gajet yang mengikut peredaran masa. Tema ini sangat relevan dengan dunia teknologi yang memerlukan multifungsi yang terkini. Selain itu, iklan yang berasaskan makanan juga turut menggunakan Noor Neelofa sebagai subjek di dalam iklannya, iaitu mi segera. Iklan 1(d) ini menerangkan tema secara langsung melalui wacananya, berkaitan masa dan rasa. Dialog yang dibina jelas menunjukkan mi segera ini dapat disiapkan dalam masa 2 minit sahaja selain menghidangkan dengan rasa yang sedap. Seterusnya, iklan perkhidmatan, 1(e) pula menggunakan tema kongsi atau ‘*sharing*’ dalam wacananya. Hal ini kerana perkhidmatan YES 4G yang boleh berkongsi kuota internetnya dengan orang di dalam kawasanya, lalu pengiklan menggunakan tema ini sepanjang dialog yang ada di dalam video ini. Walaupun iklan ini mengetengahkan tema secara konotasi, namun masih dapat ditonjolkan dengan jelas kepada khalayak. Wacana iklan 1(f) juga berkaitan dengan telefon bimbit jenama OPPO. Iklan ini menjelaskan tema mengenai reka bentuk telefon bimbit yang unik dan beredisi terhad. Hal ini dapat dipastikan lagi dengan tuturan bahawa telefon bimbit ini dikatakan sama sifatnya dengan subjek iklan. reka bentuk gajet ini diterangkan satu persatu dengan kosa kata yang menarik minat pengguna, sekali gus meletakkannya sebagai tema iklan. Iklan 1(g) pula menampilkan tema proses pemilihan rumah. Tema ini dikenal pasti melalui tuturan cara pembayaran untuk membeli rumah dengan cara yang mudah dan cepat. Selebriti tampil memberikan tuturan sedemikian sehingga berjaya meyakinkan pembeli untuk memiliki rumah yang dipromosikan dengan cara yang mudah.

Kemudian, iklan 1(h) menjelaskan tema pemberian hadiah berdasarkan kosa kata dalam teks iklan, iaitu pemilihan hadiah untuk adik lelaki subjek. Tema ini dijelaskan secara terus kerana menggunakan kosa kata yang mudah difahami oleh khalayak. Iklan 1(i) pula mengetengahkan tema perjalanan hidup yang perlu dihargai. Iklan ini menerangkan detik perubahan usia bukanlah penghalang kepada kejayaan dan produk *Lancome Cosmetics* menjadi pelindung kepada kulit tanpa mengira usia. Namun begitu, iklan ini menggunakan tema yang unik bagi menyampaikan makna berkaitan kosmetik yang digunakan. Selain itu, 1(j) pula memberikan tema kemewahan berdasarkan wacana dan imej dalam iklan. Koleksi *Swarovski* yang ditunjukkan jelas membuktikan tema ini bersama dengan kosa kata yang berkaitan dengan pemakaiannya. 1(k) pula adalah iklan yang menggunakan kosa kata yang berkaitan dengan musim perayaan. Tema yang dibawa adalah berbelanja dengan mudah dan berhemah pada hari raya. Hal ini kerana pengguna boleh menggunakan kad muslimah bank rakyat bagi memenuhi perbelanjaan pada musim tersebut agar tidak perlu membawa wang tunai. Di samping itu, iklan 1(l) dan 1(m) sama-sama mengetengahkan tema keterujaan dalam wacananya. Iklan jenama yang sama ini menunjukkan perasaan teruja menikmati minuman *Heaven&Earth* walaupun sibuk melakukan tugas harian. Kosa kata yang digunakan juga membawa makna yang sama yang seterusnya membentuk tema yang sama. Akhirnya, iklan 1(n) menjelaskan tema kemudahan pemerolehan maklumat trafik melalui aplikasi telefon bimbit. Pemilihan kosa kata yang digunakan dalam iklan sebagaimana dimensi tekstual yang dicadangkan oleh Fairclough (1995), dilihat memberi kesan kepada sebuah kajian wacana. Hal ini kerana dengan pemilihan kosa kata yang betul akan menentukan keberkesanan penyampaian maklumat kepada khalayak. Susi Ernawati (2017) menyatakan bahawa pemilihan kata yang tepat akan menggambarkan citra oleh subjek dalam iklan supaya tidak melencong daripada makna dalam tema iklan. Begitu juga dengan Chanchal Sachdeva (2015) yang menyatakan subjek dan tema iklan menentukan maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak. Oleh itu, dimensi tekstual yang menggunakan pemilihan kosa kata memainkan peranan penting dalam membentuk wacana iklan.

### Leksikal dalam Iklan Selebriti

Iklan yang merupakan medium pemujukan terhadap pengguna, perlulah menggunakan leksikal yang bersesuaian dengan maklumat dalam iklan. Leksikal yang digunakan dalam iklan adalah berkait dengan pembentukan metafora yang tepat. Metafora mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, pemakaian kata yang menjelaskan makna yang lain daripada makna biasa. Leksikal yang membentuk metafora dalam iklan akan dibincangkan seperti di bawah:

Jadual 3: Leksikal dalam Iklan

Kod	Teks
2(a)	<i>5 minutes charge, 2 hour talk. -OPPO selfie expert and leader.</i>
2(b)	<i>Be Real.</i>
2(c)	<i>Stabilized, courage, strength and the most important thing is present fashion.</i>
2(d)	Makanan dah siap? -Bagi saya dua minit. -Mmm sedap.
2(e)	Terdapat lebih lagi bila dikongsi. Kongsi kegembiraan bersama YES.
2(f)	<i>Black colour is so versatile and can goes with everything and I personally find that I'm more to a mysterious, cool and stylish kind of person just like the OPPO R9s Black Edition.</i>
2(g)	Tapi sangat berbaloi sebab boleh bayar 10 sekarang, 90 bila siap.
2(h)	TITAN #DetikBermakna
2(i)	<i>The more I live, the younger I am. It's time to love your age.</i>
2(j)	<i>And three words to describes Swarovski, I would say versatile, funky and glamorous.</i>
2(k)	Bank Rakyat Bank Pilihan Anda.
2(l)	Alami rasa keterujaan sebenar
2(m)	Gabungan Idea Penuh Inspirasi.
2(n)	Sebenarnya, macam-macam maklumat lain mengenai Lebuh raya PLUS. Antaranya seperti maklumat trafik terkini, gambar trafik menerusi CCTV, Pusat Khidmat Pelanggan, kemudahan yang disediakan di R&R, kadar tol dan banyak lagi.

Iklan 2(a) menggunakan leksikal yang menjurus kepada metafora masa dan ketahanan bateri telefon bimbit. Hal ini dapat dilihat dalam leksikal yang bermaksud menegcas telefon bimbit dalam masa 5 minit sahaja dan boleh membuat panggilan selama 2 jam. Hal ini menunjukkan tempoh mengecas yang pendek diperlukan, tetapi ketahanannya adalah dalam tempoh yang panjang, lalu menjadikan pemilihan leksikal ini memberi kesan besar kepada pengguna. Iklan 2(b) pula mengetengahkan leksikal yang ringkas tetapi membawa metafora yang berimpak tinggi, iaitu lebih jelas. Metafora ini merujuk kepada tetapan kamera gajet yang boleh mengambil gambar dengan lebih jelas tetapi cantik dengan ciri yang sebenar. Seterusnya, iklan 2(c) menunjukkan metafora kelebihan multifungsi yang dimiliki oleh gajet di samping tidak ketinggalan zaman. Keperluan zaman kini dipenuhi dalam gajet yang diiklankan yang boleh memberikan gaya baru dalam masyarakat. Penggunaan leksikal dalam iklan 2(d) pula berkaitan dengan proses penyediaan makanan yang cepat tetapi memenuhi citarasa pengguna. Selain itu, iklan 2(e) menggunakan leksikal yang berkaitan dengan tindakan berkongsi. Leksikal yang digunakan membawa kepada penemuan metafora kuota internet yang boleh dikongsi dengan individu lain dan dapat menikmati suasana yang lebih gembira. Di samping itu, iklan 2(f) pula menggunakan leksikal yang menjurus kepada perumpamaan dengan diri selebriti, iaitu Noor Neelofa. Hal ini telah mewujudkan metafora persamaan diri dengan gajet yang dikatakan masing-masing berkait rapat dengan gaya. Iklan 2(g) pula membawa metafora yang bermaksud proses pemilikan rumah adalah mudah tanpa perlu memikirkan wang bayaran yang tinggi. Pemilihan leksikal yang sebegini boleh menarik pengguna untuk memulakan proses pembelian. Bukan itu sahaja, iklan 2(h) menunjukkan makna masa yang bernilai. Hal ini kerana TITAN ialah jam tangan yang selalu membawa lambang kepentingan masa dalam hidup seseorang. Hadiah seperti ini akan merakam waktu yang turut menjadi bernilai. Berbeza dengan iklan 2(i) yang mengetengahkan metafora harga usia. Lancome Cosmetics ini menjadi lambang kepada perlindungan kulit tanpa mengira usia dan pengguna boleh menghargai perjalanan usia tanpa perlu meraguinya.

Iklan 2(j) pula menyatakan tiga leksikal yang menarik yang memberi makna metafora koleksi perhiasan diri yang menonjolkan imej eksklusif bagi pemakainya. Seterusnya, leksikal iklan 2(k) yang mengisahkan kad muslimah bank rakyat, membawa makna kad bank tersebut menjadi pilihan pengguna. Hal ini kerana kemudahan yang disediakan oleh pihak bank untuk berbelanja dengan lebih mudah pada waktu kemuncak. Dalam iklan 2(l) pula, metafora yang cuba dimaksudkan adalah rasa teh limau ais yang unik memberikan perasaan teruja dalam menikmatinya di samping memenuhi waktu dengan jadual harian. Jenama yang sama dalam 2(m) juga menunjukkan perasaan yang sama, tetapi turut menimbulkan makna inspirasi yang dapat dicapai apabila menikmati minuman tersebut. Manakala iklan 2(n) pula menerangkan metafora aplikasi mudah alih yang mudah, cepat dan tepat.

Hal ini kerana maklumat trafik yang diperlukan oleh pengguna dapat diakses melalui aplikasi PLUS sahaja. Aplikasi ini akan memberikan info kepada pengguna di samping meningkatkan jumlah pengguna yang memuat turunnya. Oleh itu, dimensi tekstual yang dicadangkan oleh Fairclough (1995) menekankan aspek leksikal di dalamnya kerana mampu memberi daya tarikan yang tinggi kepada khalayak. Hal ini disokong oleh Chapanga dan Otto (2015) yang menyatakan mesej yang diutarakan dalam sesuatu wacana bakal memberi daya tarikan emosi terhadap pengguna. Daya tarikan inilah akan menjadi teknik pemujukan terhadap produk yang dipromosikan.

### Kohesi dalam Iklan Selebriti

Kohesi dalam teks adalah pertautan yang digunakan dalam sesuatu wacana. Junaiyah H.M. dan E. Zaenal Arifin (2010) menyatakan kohesi adalah wacana yang menjadi kepaduan bahasa yang membentuk ikatan sintaksis. Halliday dan Hasan (1976) memberi pendapat kohesi dapat dianalisis melalui dua aspek, iaitu pengulangan (*reiteration*) dan kolokasi (*collocation*). Pengulangan adalah item leksikal atau frasa yang sinonim atau merujuk kepada idea yang sama, manakala kolokasi pula kata yang dihubungkan dengan kata yang lain dan membentuk makna yang jelas dalam wacana.

Iklan (a) menggunakan pengulangan makna waktu mengecas telefon bimbit yang pendek tetapi boleh bertahan bagi tempoh masa yang lama di samping dapat menikmati keseronokan dengan aplikasi di dalamnya. Kata yang dihubungkan dalam iklan adalah mengenai idea yang sama. Contoh kata hubung yang diulang adalah 'dan' yang menyambungkan idea yang selari dengan kata sebelumnya. Iklan (b) pula menggunakan pengulangan makna sinonim 'sebenar', iaitu berfokus kepada kamera gajet berkenaan yang boleh merakam dengan jelas. Kata dengan kata dihubungkan dengan ringkas tetapi dapat menyampaikan maklumat dengan baik kepada khalayak. Seterusnya, iklan (c) mengulang makna reka bentuk gajet yang menarik dan terkini selain menerapkan elemen kamera yang boleh merakam dengan jelas. Kata dan ayat dalam teks tersebut dihubungkan dengan baik yang turut menggunakan penanda wacana pada pangkal ayat serta pertengahan ayat yang menghubungkan idea yang sama. Contohnya, 'at first,...' dan 'and' yang masing-masing membuktikan penggunaan idea yang selari, bukannya bertentangan. Selain itu, iklan (d) menggunakan dialog ringkas dan jelas dalam wacananya. Terdapat pengulangan makna sinonim urusan harian yang menjadi lebih mudah dengan masakan yang cepat dan sedap. Klausa dihubungkan antara satu dengan yang lain secara ringkas tanpa menggunakan penanda wacana. Namun, klausa dihubungkan melalui dialog dengan kesan pemahaman yang baik kepada khalayak. Iklan (e) pula banyak mengulang tema iklan itu sendiri, iaitu perkongsian. Walaupun dialog dibina dengan idea yang tidak selari, tetapi keseluruhannya ia masih membawa makna konotasi yang sinonim, iaitu berkongsi segala hal termasuk kuota internet yang boleh melahirkan kegembiraan bersama. Iklan ini juga menghubungkan ayat dalam bentuk perbualan dan memudahkan khalayak memahami makna yang ingin disampaikan. Kemudian, iklan (f) turut memiliki aspek pengulangan yang ketara, iaitu reka bentuk telefon bimbit yang berwarna hitam dengan ciri-ciri yang istimewa. Keseluruhan wacana ini menggunakan makna yang sinonim berkaitan ciri-ciri gajet berkenaan. Iklan ini menggunakan teknik penceritaan bagi menyampaikan maklumat dan menghubungkan ayat demi ayat dengan kemas dan tersusun. Iklan (g) pula mengulang frasa 'Flora Rosa' bagi memberikan unsur penekanan. Frasa tersebut merupakan nama kepada projek perumahan tersebut yang juga menekankan proses pemilihan yang cukup mudah. Dalam wacana ini, terdapat banyak ayat seruan yang dikenal pasti berdasarkan tuturan subjek, maka ayat dihubungkan dengan kata yang ringkas dan jelas.

Seterusnya, iklan (h) pula mengulang mengenai konotasi hadiah yang bernilai pada waktu yang berharga. Selebriti Noor Neelofa mengetengahkan jalan cerita pemilihan hadiah untuk adik lelakinya dan menggunakan komunikasi dua hala dalam mendapatkan keputusan, iaitu undian daripada penonton di media sosial. Kata hubung yang digunakan terbahagi kepada dua, iaitu idea yang sama dan bertentangan. Contohnya, penggunaan 'tapi' dan 'dan' dalam teks. Iklan (i) pula mengulang idea yang sinonim dengan perjalanan hidup seseorang dengan usianya. Wacana ini menekankan mengenai usia yang perlu dihargai yang sejajar dengan produk *Lancome Cosmetics*, boleh menjadi pelindung kulit semua golongan usia. Teksnya menghubungkan ayat dengan tanda baca dan persoalan. Terdapat pertanyaan dan jawapan selepasnya yang menambah keyakinan pengguna

kepada produk. Selain itu, kohesi dalam iklan (j) pula adalah pengulangan makna yang sinonim dengan perhiasan diri yang eksklusif bagi wanita. Kolokasi teks dihubungkan dengan idea yang sama hingga ke akhir wacana yang membolehkan khalayak menilai kemewahan yang wujud dalam produk tersebut. Di samping itu, iklan (k) yang berkait dengan perkhidmatan, menekankan mengenai Bank Rakyat sememangnya pilihan pengguna kerana boleh berbelanja dengan lebih mudah melalui kad muslimahnya. Manakala ayat juga dihubungkan dengan ringkas dan padat serta tiada unsur lewih di dalam teks tersebut. Iklan (l) dan (m) pula masing-masing menggunakan pengulangan yang sinonim, iaitu teruja dengan inspirasi untuk berjaya bersama dengan minuman *Heaven&Earth*. Dalam iklan (l), terdapat ayat pertanyaan yang diujarkan dengan jawapan selepasnya yang menjadikan wacana dihubungkan dengan kemas dan menarik. Manakala iklan (m) pula menggunakan teknik narasi dalam teks yang menggunakan kata hubung yang menyokong idea sebelumnya. Misalnya, ‘...Nasihat saya,...’, ‘dan’ dan ‘Dalam bidang pengacaraan,...’. Akhir sekali, kohesi iklan (n) berdasarkan pengulangan adalah aplikasi PLUS App yang dipromosikan. Hal ini bagi membuktikan aplikasi ini benar-benar berkesan kepada pengguna. Secara ringkasnya, aspek kohesi dalam dimensi teksual oleh Fairclough (1995), sama ada pengulangan mahupun kolokasi yang digunakan dalam iklan adalah untuk menekankan idea utama yang ingin disampaikan. Hal ini disokong oleh Teixeira (2018) yang turut memperoleh bahawa unsur pengulangan dalam teks menjadi makna penekanan bagi sesuatu maklumat di samping melahirkan rasa kepercayaan yang tinggi terhadap satu-satu produk. Anin Asnidar (2018) juga menyatakan susunan ungkapan dalam teks perlu mementingkan aspek kualiti. Peralihan antara kalimat mestilah memenuhi ketepatan konsep dan idea teks.

### RUMUSAN

Rumusannya, kajian ini meneliti dimensi tekstual yang terdapat dalam analisis wacana kritis oleh Fairclough (1995). Dalam dimensi ini, terdapat tiga aspek yang dianalisis, iaitu kosa kata, leksikal dan kohesi. Kosa kata dalam iklan memainkan peranan utama kerana akan menentukan tema yang ingin diketengahkan. Dalam iklan yang dianalisis, keseluruhannya menggunakan kosa kata yang tepat dan memberi kefahaman maksimum kepada khalayak. Aspek leksikal dalam iklan juga penting kerana menentukan metafora yang akan dihasilkan. Sepanjang proses analisis, metafora dalam iklan diketengahkan dengan baik dan memberi pemahaman maksimum kepada khalayak. Manakala aspek kohesi pula terbahagi kepada dua, iaitu pengulangan dan kolokasi. Iklan yang terpilih memperlihatkan banyak pengulangan yang dilakukan bagi menunjukkan penekanan terhadap idea yang ingin disampaikan. Walaupun begitu, wacananya dihubungkan dengan baik dari satu ayat ke ayat yang lain sehingga membentuk teks yang sempurna. Ketiga-tiga aspek dalam dimensi tekstual adalah penting bagi menarik pengguna mendapatkan produk yang diiklankan. Hal ini turut dipersetujui oleh Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar & Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2014) yang menyatakan perekaan teks dalam iklan mampu menjadi daya penarik walaupun bahasa yang digunakan adalah tidak santun, selagi memenuhi keinginan pengguna, produk akan mendapat sambutan yang tinggi. Nur Izzati Abdullah dan Anida Sarudin (2016) juga berpendapat teks bahasa berfungsi menyediakan konteks dalam iklan agar dapat menyampaikan maklumat dengan baik.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini adalah penelitian analisis teks yang memfokuskan kepada iklan yang menggunakan selebriti Noor Neelofa sebagai endorser. Kajian ini akan memberi kesan kepada masyarakat dan pihak pengiklanan agar lebih mendalami penghasilan iklan yang diterbitkan. Dalam dunia IT kini, bidang pengiklanan sebegini akan membantu negara untuk tampil lebih dikenali di mata dunia di samping membina iklan yang lebih kreatif dan inovatif. Pengkaji akan datang boleh mengisi ruang kosong yang ada dalam kajian ini seperti dua dimensi lain dalam wacana analisis wacana kritis oleh Fairclough, iaitu wacana praktis dan praktis sosial. Malahan, penelitian terhadap selebriti lain juga boleh dibuat dan menilai keberkesanan tersendiri dalam wacananya.

## RUJUKAN

- Anin Asnidar (2018). Analisis Wacana Kritis Iklan Operator Selular. *Jurnal KONFIKS*, 5(1), 22-27.
- Sachdeva, C. (2015). Analysis Of Celebrities Endorsed Public Service Advertising. *International Journal of Informative & Futuristic Research (IJIFR)*, 3(4), 1348-1357.
- Chapanga, E. & Choto, I. (2015). A critical evaluation of persuasive communication discourses inspired by celebrity endorsement in the telecommunication sector in Zimbabwe. *Journal for Studies in Humanities and Social Sciences*, 4(1), 58-71.
- Devi Pratiwy & Sri Wulan (2018). Multimodal Discourse Analysis in Dettol Tv Advertisement. *The 1st Annual International Conference on Language and Literature, KnE Social Sciences*, 207-217.
- Djajasudarma, F. (2012). *Wacana dan Pragmatik*. Bandung: PT. Refika Aditama.
- Mohd Don Zuraidah & Emily Lau Kui Ling (2018). The Overweight Female Body in Malaysian Slimming Advertisements: Problem and Solution. *Social Semiotics*, 28(1), 1-17.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London and New York: Longman Group Limited.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Johnstone, B. (2002). *Discourse Analysis*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Kian Seong (2009, September 5). Terms of endorsement. The Star Online. Dimuat turun daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2009/09/05/terms-of-endorsement/>.
- Mohd Helmi Abd Rahim, Novel Lyndon & Nazrin Shahnaz Peer Mohamed (2017). Transforming Political Advertising in Malaysia: Strategizing Political Advertisements towards First-Time and Young Voters in Malaysian GE 14. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 356-367.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak & Noorbaiti Jahi Badaruddin (1993). *Asas Periklanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morrison, M.A. (2015). *Periklanan Komunikasi Pemasaran Terpadu*. Jakarta: Prenadamedia Group.
- Napitupulu, L.H., Bako, E.N., Ars, N.R. & Zein, T. (2018). A Multimodal Analysis of Advertisement of Online Marketplace Shopee. *The 1st Annual International Conference on Language and Literature, KnE Social Sciences*, 452-460.
- Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar & Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2014). Ketidaksantunan Bahasa sebagai Strategi Pujukan dalam Iklan Berbahasa Sepanyol. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(3), 207-223.
- Normaliza Abd Rahim, Arba'ie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014). Interaksi Kumpulan Kecil Pelajar Korea dalam Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Analisis Wacana. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 91-99.
- Nur Izzati Abdullah & Anida Sarudin (2016). Impak Penggunaan Bahasa dalam Iklan Khidmat Masyarakat Petronas berdasarkan Teori Linguistik Sistemik Fungsional. *Proceeding of ICECRS*, 1, 709-720.
- Putri Wahyuni & Badrul Redzuan Abu Hassan (2015). Iklan Produk Penjagaan Kesihatan di Malaysia dan Indonesia: Sebuah Analisis Kritis Wacana Media. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 221-240.
- Raji Ridwan Adetunji, Sabrina Mohd Rashid & Mohd Sobhi Ishak (2018). Social Media Marketing Communication and Consumer-Based Brand Equity: An Account of Automotive Brands in Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 34(1), 1-19.
- Sabariah Mohamed Salleh, Emma Mohamad, Abdul Latiff Ahmad & Nazra Latiff Nazri (2015). Iklan tahun Baru Cina Petronas: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Identiti Budaya Kaum Cina. *Jurnal Komunikasi*, 31 (2), 569-584.
- Sholikhati, N. & Mardikantoro, H. (2017). Analisis Tekstual dalam Konstruksi Wacana Berita Korupsi di Metro TV dan NET dalam Perspektif Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough. *Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 6 (2), 123-129.
- Susi Ernawati (2017). Citra perempuan dalam Wacana Iklan Majalah Femina. *NOSI*, 5 (4), 1-14.



- Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 1, 65-75.
- Teixeira, D.V. (2018). Meaning Effects of (un)sustainability in Print Advertisements by Real/Santander Bank. *Intercom – RBCC*, 41(1), 137-152.
- Yoani Julita Sumasari (2014). Analisis Wacana Iklan Kosmetik di Media Televisi. *Jurnal Pena*, 4(1), 51-61.

## TAHAP PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU PENUTUR ASING: ANTARA PERSEPSI DAN REALITI

Oleh

Kalthum Ibrahim  
Norwati Md Yusof  
Harishon Radzi  
Zaharom Ridzwan

*Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM  
[kalthum@ukm.edu.my](mailto:kalthum@ukm.edu.my)*

### ABSTRAK

Secara amnya, bahasa dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan yang juga boleh dikaitkan dengan bahasa natif dan bahasa asing. Bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang melalui pendidikan formal dan secara sosio-budayanya yang tidak dianggap sebagai bahasa sendiri. Bagi menguasai sesuatu bahasa asing atau bukan bahasa natif, seseorang itu mestilah menguasai pelbagai kemahiran seperti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan persepsi dan realiti tahap penguasaan lisan bahasa Melayu penutur asing di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menfokuskan kepada beberapa objektif, iaitu mengenal pasti tahap dan aras kemahiran bertutur bahasa Melayu responden; di samping menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran bahasa Melayu mereka. Justeru, kajian dilakukan terhadap 8 orang responden dalam kalangan penutur asing dari negara Jepun, Korea, China, Bangladesh dan Iraq menerusi kaedah temu bual. Perbualan adalah berkisarkan empat domain, iaitu latar belakang diri, keluarga, persekitaran dan aktiviti harian. Berdasarkan kaedah tersebut, proses transkripsi dilakukan dan diikuti oleh analisis data berasaskan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mohamed Amin (1996, 2000). Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran lisan responden adalah tidak mencapai tahap standard Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mohamed Amin (1996, 2000) yang ditentukan dalam kerangka yang dirujuk. Majoriti responden yang ditemu bual hanya mencapai tahap kemahiran asas dan pertengahan. Secara realitinya, kemahiran pertuturan mereka berada pada tahap yang lebih baik. Responden umumnya dapat menguasai bahasa Melayu kerana mereka mampu menjawab soalan yang diajukan dan dapat mengekspresikan ujaran yang bersesuaian dengan domain yang dipilih. Kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan gambaran realiti sebenar tahap kemahiran pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing.

Kata Kunci: penguasaan bahasa, kemahiran bertutur, aras bahasa, tahap bahasa, penutur asing.

### PENDAHULUAN

Kertas kerja ini membincangkan tentang tahap penguasaan lisan bahasa Melayu pelajar asing di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Secara amnya, bahasa dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan yang juga boleh dikaitkan dengan bahasa natif dan bahasa asing. Bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari oleh seseorang melalui pendidikan formal dan secara sosio-budayanya yang tidak dianggap sebagai bahasa sendiri. Bagi menguasai sesuatu bahasa asing seseorang itu mestilah menguasai pelbagai kemahiran seperti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan persepsi dan realiti tahap penguasaan

lisan bahasa Melayu penutur asing tersebut. Persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati dan fikiran (tentang sesuatu), pandangan, tanggapan menurut *Kamus Dewan Edisi ke-3*, Realiti pula ialah kenyataan yang nyata bukan khayalan ataupun kita sebut sebagai hakikat,

Fokus perbincangan kertas kerja ini ialah terhadap tahap dan aras kemahiran bertutur dalam kalangan penutur asing, khususnya pelajar warga asing di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perbincangan juga menjurus kepada faktor faktor-faktor yang mempengaruhi dan seterusnya menentukan tahap kemampuan bertutur dalam kalangan warga asing di UKM.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti yang berikut;

- i) Mengetahui tahap dan aras kemahiran lisan bahasa Melayu pelajar asing;
- ii) faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran bahasa Melayu mereka.

Daripada kedua-dua objektif tersebut pihak pengkaji dapat membuat cadangan tahap kemahiran yang sepatutnya pelajar asing kuasai untuk meneruskan kehidupan mereka dalam UKM amnya dan budaya berbahasa Melayu khususnya.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian terhadap bahasa banyak dilakukan untuk pelbagai matlamat. Ini termasuk kajian bahasa dalam manuskrip lama oleh Norwati et al. (2016), kajian bahasa terhadap penguasaan tatabahasa seperti yang dijalankan oleh Harishon Radzi et al. (2012), dan juga kajian terhadap P & P bahasa yang melihat strategi dan persepsi pelajar oleh Zaharom Ridzwan (2016), Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2010) dan Mohamed Amin Embi (2000). Isu-isu lebih besar yang lebih makro tentang dasar, pelan, cabaran dan perancangan bahasa pula banyak diutarakan oleh tokoh-tokoh bahasa termasuk tokoh bahasa Melayu seperti Awang Sariyan (2011), Abdullah Hassan (1996) dan Asmah Hj Omar (1978).

Bahasa Melayu yang sememangnya menjadi agenda negara, juga wajar dilihat dari sudut Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing (BMsBA) seandainya agenda tersebut mahu diperluas dalam skop pengantarabangsaan. Peranan para tokoh seperti Nik Safiah Karim, Awang Sariyan dan Asmah Hj Omar dalam memartabat dan mengantarabangsakan bahasa Melayu disokong dengan kajian-kajian dan penulisan yang menjurus kepada P&P bagi BMsBA.

Kajian yang dilakukan oleh Zamri dan Amin (2005) lebih tertumpu kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa mereka sendiri. Data kajian mereka terdiri daripada empat orang pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan. Pelajar tersebut dikategorikan kepada dua iaitu pelajar cemerlang lelaki dan pelajar lemah lelaki dengan pelajar cemerlang perempuan dan pelajar lemah perempuan. Kedua-dua kumpulan pelajar tersebut memberi jawapan kepada cara bagaimana mereka mempelajari bahasa Melayu semasa di luar kelas. Kedua-dua kumpulan tersebut mempunyai cara yang berlainan untuk memperbaiki pencapaian bahasa Melayu mereka. Terdapat 74 strategi yang digunakan oleh pelajar lelaki ketika belajar BM di luar kelas. Didapati pelajar cemerlang lelaki menggunakan lebih banyak strategi belajar (47 strategi) di luar kelas jika dibandingkan dengan pelajar lemah lelaki iaitu sebanyak 40 strategi. Begitu juga dengan pelajar cemerlang perempuan (54 strategi belajar) lebih banyak berbanding dengan pelajar lemah perempuan iaitu sebanyak 21 strategi belajar sahaja.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menjalankan kaedah pengumpulan data kualitatif melalui sesi temu bual dengan responden. Pembinaan soal selidik dilakukan dengan membentuk soal selidik berdasarkan 4 aspek iaitu tentang latar belakang diri, keluarga, persekitaran dan juga aktiviti harian. Bahagian awal

soal selidik tersebut berkaitan latar belakang responden seperti nama, umur, tempat asal dan tahap pendidikan. Bahagian kedua pula menyentuh tentang maklumat untuk mengenal pasti tahap kemahiran BM responden.. Topik temu bual berkisar latar diri, keluarga, makanan, aktiviti seharian yang digemari serta berkaitan persekitaran hidup, termasuklah kegemaran dan pandangan responden terhadap negara Malaysia seperti budaya, bahasa, ekonomi dan infrastruktur.

Semua temubual tersebut dirakam. Purata temu bual sekitar 45 – 60 minit. Selanjutnya, rakaman temu bual ditranskripsi mengikut kod responden iaitu dari R1 hingga R3. Data dibuat analisis melalui pemerhatian kemahiran bertutur pegawai diplomat yang menjadi responden dalam kajian dengan menggunakan transkrip verbatim yang disediakan. Data dikeluarkan berdasarkan beberapa aras yang ditetapkan berdasarkan Kvale 1996 dalam Zamri dan Amin Embi (2005).

Pada peringkat awal, pembinaan soal selidik dilakukan yang kemudian digunakan untuk kajian rintis dan kemudiannya dilanjutkan ke tahap kajian sebenar dengan pembaikan. Bahagian awal soal selidik tersebut berkaitan latar belakang responden seperti nama, umur, tempat asal dan tahap pendidikan. Bahagian kedua pula menyentuh tentang maklumat untuk mengenal pasti tahap kemahiran BM responden. Justeru, soal selidik dipecahkan kepada 6 tahap iaitu bermula dari tahap 1 – sangat terbatas, tahap 2 - terbatas, tahap 3 -memadai, tahap 4 memuaskan, tahap 5 - cekap dan tahap 6 – sangat cekap. Topik temu bual berkisar latar diri, keluarga, makanan, aktiviti seharian yang digemari serta berkaitan persekitaran hidup, termasuklah kegemaran dan pandangan responden terhadap negara Malaysia seperti budaya, bahasa, ekonomi dan infrastruktur.

## REKA BENTUK

Kajian dilakukan terhadap 8 orang responden dalam kalangan penutur asing dari negara Jepun (2 orang), Korea (1 orang), China (3 orang), Bangladesh (1 orang) dan Iraq (1 orang) menerusi kaedah temu bual. Perbualan adalah berkisarkan empat domain, iaitu latar belakang diri, keluarga, persekitaran dan aktiviti harian. Berdasarkan kaedah tersebut, proses transkripsi dilakukan dan diikuti oleh analisis data berasaskan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mohamed Amin (1996, 2000). Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran lisan responden adalah mencapai tahap standard Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mohamed Amin (1996, 2000) yang ditentukan dalam kerangka yang dirujuk. Majoriti responden yang ditemui bua mencapai tahap kemahiran asas dan pertengahan.

## INSTRUMEN

Kajian kualitatif ini menggunakan instrumen temu bual bagi mendapatkan data. Kaedah temu bual sesuai dijalankan dalam kajian seperti ini kerana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisan data secara kualitatif yang paling mudah. Kaedah temubual yang melibatkan interaksi secara langsung antara pengkaji dengan responden dapat memberi maklumat tentang pengalaman dan situasi responden. Temu bual dalam kajian ini menggunakan temubual secara berstruktur. Kaedah tersebut dapat mengkaji bagaimana cara responden menggunakan bahasa Melayu dalam menjalani kehidupan mereka di Malaysia. Terdapat ramai pengkaji( berpendapat temubual berstruktur mempunyai kekuatan tersendiri dalam kajian kualitatif.

Soalan-soalan temu bual berstruktur ini meliputi berberapa aras sebagaimana yang dicadangkan oleh Kvale 1996 dalam Zamri dan Amin Embi(2005). Terdapat beberapa soalan temubual yang sukar dijawab oleh responden, namun pengkaji cuba memberi “hint” kepada responden agar mereka dapat menjawab soalan yang sukar tersebut.

## ANALISIS DATA

Jadual 1 – faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan lisan responden

RESP.	Latar belakang diri	Keluarga	Persekitaran	Aktiviti harian
R1	√		√	√
R2	√	√	√	√
R3	√			
R4	√			
R5	√		√	√
R6	√	√	√	√
R7	√			
R8	√	√	√	√

R1 – Junko Mori (Jepun)

R2 – Mohamad Hanan (Bangladesh)

R3 – Habibah (China)

R4 – Ma Li (China)

R5 – Mohamad b. Yahya (Iraq)

R6 – Pan Hui (China)

R7 – Chu Yong Chul (Korea)

R8 – Honami Watanabe (Jepun)

Jadual 2: Data dari transkrip verbatim

TAHAP	Aras	HURAIAN
1 SANGAT TERBATAS	1	<b>Menuturkan perkataan dan frasa yang mudah tentang perihal diri</b>
		R1: Saya Junko Mori.
		R2: Dr. Muhammad Hanan.
		R5: Nama saya Pan Hui
		R6: -
	2	<b>Menerangkan perihal diri dan persekitaran menggunakan frasa dan ayat mudah</b>
		R1: Saya sudah lima puluh dua.
		R2: Nama abang Abdul Subhan
		R5: Umur saya tiga puluh.
		R6 -
	3	<b>Bersoal jawab untuk keperluan mendesak atau topik yang biasa dituturkan menggunakan frasa dan ayat yang mudah</b>
		R1 -
		R2: Mana?
		R5: Pulau tu dekat mana, Puan?
		R6 -
	4	<b>Bersoal jawab untuk mendapatkan bantuan dan mendapatkan maklumat</b>
R1: Bagaimana terangkan?		
R2: Dulu tak tahu. Tapi tahu, sudah tukar. Macam mana?		
R5: Seorang anak. Anak tunggal ke apa?		
R6: -		
2 TERBATAS	1	<b>Berbual menggunakan ayat mudah dan ringkas untuk mengembangkan isi perbualan</b>
		R1: Saya tak pasti. Di sini sedikit berbeza daripada Malaysia. Di Jepun, ada universiti, Master dan Doktor.
		R2: Saya belajar sini. So, Alhamdulillah saya dapat kerja sini, Alhamdulillah
		R5: Saya asal daripada China.
		R6: Lima perempuan, empat lelaki.
	2	<b>Berbual menggunakan ayat mudah dan ringkas untuk menerangkan perihal persekitaran</b>

		R1: Ada bilik siswazah. Saya makan di sana
		R2: -
		R5: yang banyak pulau tu dekat mana, Puan?
		R6: -
	<b>3</b>	<b>Bersoal jawab berkaitan tentang aktiviti harian</b>
		R1: Pagi ini saya pergi Kuala Lumpur dan ada pergi bank dan berbuat apa-apa dan beli makanan dan datang ke ATMA.
		R2: -
		R5: Saya tinggal di Kolej Dato' Onn.
		R6 : -
3 MEMADAI	<b>1</b>	<b>Berinteraksi dalam pelbagai situasi</b>
		R1Saya tak pasti. Di sini sedikit berbeza daripada Malaysia. Di Jepun, ada universiti, Master dan Doktor.
		R2Haji Alias kerja sekarang bank insurans. Dulu kerja dekat FKAB.
		R5Macam bulan tiga masa tu pergi Pahang, ada <i>join</i> mereka, bayar juga seratus lima puluh ringgit.
		R6: -
	<b>2</b>	<b>Bertutur untuk menjelaskan idea dengan contoh yang sesuai dalam sesuatu perbincangan</b>
		R1: Saya kadang-kadang panggil Onejang, Onejang bermakna kakak.
		R2: Ya, anak-anak semua, semua cakap orang Kelantan.
		R5: Dekat China, orang tak selalu guna <i>Whatsapp</i> . <i>WeChat</i> ja.
		R6: Jalan-jalan KL, pas tu bawa pergi Universiti Malaya sebab saya pernah tinggal dekat situ eh,
	<b>3</b>	<b>Bertutur untuk memberikan makluma tbalas secara spontan tentang topik yang diminati atau lazim</b>
		R1: Kami sewa ... <i>gym</i> di, di Subang.
		R2: Saya suka banyak durian. Ada satu kali saya pergi negara saya, saya beli buah durian tu
R5: Apa nama dia? Yang baru-baru ini. <i>Jurassic World</i> .		
R6: Tahu macam mana nak baca tapi kalau suruh nak terangkan apa maknanya, mungkin susah sikit lah.		
<b>4</b>	<b>Bertutur untuk menghubungkan cerita yang dibaca atau ditonton dengan reaksi yang sesuai</b>	
	R1: So, saya baca mengenai arkeologi. Istimewa mengenai seramik.	
	R2: -	
	R5: Tak tahu kalau tiba-tiba ada satu atau dua orang Melayu yang jual makanan deka: t situ. Tapi ramai juga orang Cina yang pergi beli. Mungkin sedap kot.	
	R6: Macam main baca ja. Tahu macam mana nak baca tapi kalau suruh nak terangkan apa maknanya, mungkin susah sikit lah.	
4 MEMUASKAN	<b>1</b>	<b>Bertutur untuk menyampaikan idea menggunakan pelbagai ragam ayat</b>
		R1: Kadang-kadang saya baca bahasa ... Melayu atau bahasa Inggeris juga. Saya pinjam di perpustakaan di Kuala Lumpur.
		R2
		R5: Sebab kadang-kadang pergi jumpa kawan, nak pergi Mid Valley tu, terus beli pergi situ. Terus beli dekat sana lah.
		R6: -
	<b>2</b>	<b>Bertutur untuk menyampaikan idea menggunakan pelbagai laras bahasa</b>
		R1: saya sekarang membuat penyelidikan dan membuat seramik dari tapak arkeologi di Kedah
		R2: -
		R5: Tak tahu kalau tiba-tiba ada satu atau dua orang Melayu yang jual makanan dekat situ. Tapi ramai juga orang Cina yang pergi beli. Mungkin sedap kot.
		R6: -
<b>3.</b>	<b>Bertutur untuk memberikan pendapat dalam perbincangan</b>	
	R1: ...tapi biasanya seramik Cina berkualiti daripada seramik Vietnam dan seramik Thailand. Dan seramik Parsi itu, sangat aaa ... sangat cantik dengan warna biru.	
	R2	

		R5: Masa saya bawa cikgu pergi China kan lalu, pas tu balik tu dia bawa buah-buahan juga, masa tu lepas. Sikit ja benda itu.
		R6:
	<b>4</b>	<b>Bertutur untuk merumuskan maklumat dan menjelaskan pendirian tentang sesuatu isu</b>
		R1: tapi biasanya seramik Cina berkualiti daripada seramik Vietnam dan seramik Thailand. Dan seramik Parsi itu, sangat aaa ... sangat cantik dengan warna biru.
		R2
		R5: Kalau tak silap, tiga hari dua malam sahaja. Tapi selepas itu, kawan saya, kawan tu semua dah balik negara sendiri. Itu lah yang jadi macam memori yang ... macam mana nak cakap ya, paling baik lah.
		R6
	<b>1</b>	<b>Bertutur untuk menyampaikan idea yang kritis</b>
		R1
		R2
		R5: Saya pun pernah tanya ayah, saya kata kalau saya kaji bidang ini, okay tak. Masa tu dia sebenarnya, dia macam <i>confuse</i> kenapa budak ni suka mantera. Tapi dia pun tak boleh kata, 'awak tak boleh pilih benda ini'. So, dia kata 'kalau awak minat, awak buat ja lah'. Dia cakap macam tu.
		R6
	<b>2</b>	<b>Bertutur untuk menyampaikan idea terhadap sesuatu situasi dengan menggunakan variasi bahasa</b>
		R1: Malaysia ada ... banyak tempat yang cantik dan ada tempat yang bersejarah. Contohnya, saya suka Sejarah. So, saya pergi ke Pinang, Melaka. Sangat-sangat seronok.
		R2
		R5: Saya pun pernah tanya ayah, saya kata kalau saya kaji bidang ini, okay tak. Masa tu dia sebenarnya, dia macam <i>confuse</i> kenapa budak ni suka mantera. Tapi dia pun tak boleh kata, 'awak tak boleh pilih benda ini'. So, dia kata 'kalau awak minat, awak buat ja lah'. Dia cakap macam tu.
	<b>3</b>	<b>Bertutur untuk menyampaikan idea daripada bahan pelbagai tema yang kompleks</b>
		R1: Saya tukar kerja, sebelum ini saya bekerja di syarikat hotel. Sekarang saya bekerja, saya masuk syarikat lain yang <i>news agency</i> dan <i>news agency</i> itu yang hantar saya ke Malaysia. So saya belajar di Malaysia, bekerja di Malaysia.
		R2:
		R5: Saya pun pernah tanya ayah, saya kata kalau saya kaji bidang ini, okay tak. Masa tu dia sebenarnya, dia macam <i>confuse</i> kenapa budak ni suka mantera. Tapi dia pun tak boleh kata, 'awak tak boleh pilih benda ini'. So, dia kata 'kalau awak minat, awak buat ja lah'. Dia cakap macam tu.
		R6
5 CEKAP		
	<b>1</b>	<b>Menyampaikan idea dalam pertuturan yang kompleks yang mengandungi kesantunan berbahasa</b>
		R1: -
		R2: -
		R5: -
		R6: -
	<b>2</b>	<b>Menyampaikan idea dalam pertuturan yang kompleks yang mengandungi bahasa Melayu tinggi</b>
		R1: -
		R2: -
		R5: -
		R6: -
	<b>3.</b>	<b>Menyampaikan idea dalam pertuturan yang kompleks yang mengandungi bahasa berbudaya</b>
		R1: -
		R2: -
6 SANGAT CEKAP		

	R5: -
	R6: -

Daripada Jadual 2, dapat dikatakan responden berada pada tahap sederhana dalam penguasaan lisan mereka.

## RUMUSAN ANALISIS DAPATAN

### Kemahiran Lisan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati kebanyakan responden dapat bertutur dengan baik. Namun responden dari Bangladesh bahasa lisannya menggunakan cara eksen bahasa mereka, begitu juga pelajar dari China. Dapatan kajian secara umumnya, menunjukkan oleh beberapa faktor seperti:

### Latar belakang diri

Kehidupan mereka yang ringkas dan moden, menyebabkan konteks majoritinya berlatar belakangkan kehidupan di universiti, memungkinkan mereka dapat menggunakan bahasa Melayu dengan agak baik. Mereka dapat menjalani kehidupan kampus dengan selesa kerana kebanyakan pelajar boleh bertutur bahasa Inggeris. Oleh itu motivasi mereka untuk menggunakan bahasa Melayu amat kurang.

Namun latar belakang diri juga amat memainkan peranan dalam penguasaan bahasa lisan, jika dilihat pelajar yang telah belajar bahasa Melayu sebelum datang ke Malaysia bahasa lisan mereka lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang baharu menerima pendedahan bahasa Melayu ketika berada di Malaysia.

### Keluarga

Faktor keluarga juga amat penting. Sekiranya mereka berada di sini bersama-sama keluarga mereka bahasa Melayu lisan mereka lebih baik jika dibandingkan dengan responden yang datang ke Malaysia tanpa keluarga. Sebagai contoh responden R2 bahasa lisannya lancar kerana di rumah dia boleh menggunakan bahasa lisan dengan kerap. Hal ini disebabkan keluarganya juga turut menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Mereka berhubung dengan jiran-jiran tetangga dan sahabat handai yang dianggap sebagai keluarga angkat mereka.

### Persekitaran

Faktor persekitaran di sini termasuklah latar atau konteks yang berbeza dan pengalaman yang ada pada diri responden. Persekitaran juga boleh menyebabkan mereka ini berbeza pencapaian bahasa lisan mereka. Responden yang tinggal dalam universiti didapati lebih banyak menggunakan bahasa Melayu kerana kebanyakan pelajar di universiti menggunakan bahasa Melayu. Namun terdapat juga pelajar yang kurang lancar menggunakan bahasa lisan. Hal ini disebabkan mereka menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris dalam pembelajaran mereka di UKM

Soalan temu bual persekitaran berkaitan dengan makan, pekerjaan atau pelajaran. Responden akan ditanya “awak sudah makan?” dan kemudiannya “awak makan apa?”. Sekiranya responden mengaitkan dengan makanan tradisi negara mereka, maka aka turut ditanya makanan yang biasa dimakan di Malaysia. Ada responden yang menyebut ‘Alhamdulillah, sudah makan’ dan “saya makan ayam goreng”. Soalan yang diberi berkaitan pekerjaan/ belajar pula ialah “Awak pergi kerja /belajar dengan apa”. Responden kerap menjawab “dengan motor”, “dengan kawan”. Selanjutnya, pengkaji turut bertanya makanan kegemaran seperti “Awak suka makan apa?” dan kemudiannya dilanjutkan dengan soalan “Awak masak sendiri atau beli”. Seterusnya dikaitkan pula dengan soalan “Awak beli makanan di mana?”. Responden menjawab “masak... kedai itu kurang sikit laa”. Atau “isteri masak”.



Soalan lain berkaitan persekitaran ialah “ awak pernah pergi ke pasar malam’ dan awak suka membeli-belah di pasaraya?. Bagi responden yang biasa dengan kehidupan gaya di Malaysia, soalan berkaitan pasar malam memang mudah dijawab , seperti “yaa. Biasa pergi pasar malam” dan menambah maklumat seperti “ itu.. ikan dan sayur, Istimewa itu sayur, itu pasar malam boleh dapat”. Manakalaberkaitan membeli belah di pasaraya, nama Mydin boleh dikenali dan mereka menjawab “Mydin ada jug amurah, tapi aaa. Pasar malam lagi murah”.

Soalan berkaitan persekitaran yang lebih terbuka ialah berkaitan pendapat iaitu “Adakah awak suka/gembira/selesa tinggal di Malaysia”. Jawapan diterima melibatkan situasi pendidikan, ekonomi, budaya , politik dan infrastruktur. Respoden sangat mengenali perdana menteri Malaysia iaitu Tun Mahathir. Responden juga mampu membanding keadaan infrastruktur Malaysia dengan negara lain seperti Jepun, “ “ infrastruktur dan keretapi.. apa transford apa-apa, itu Malaysia lebih baik, lebih baik la.. Mmm tapi bas.aaa.. Jepun lebih baik”.

### Aktiviti harian

Berkaitan dengan soalan temu bual aktiviti harian pula, pengkaji mengemukakan soalan seperti “ Awak belajar/bekerja di mana?; “awak belajar bidang apa?. Di samping itu, soalan berkaitan pengalaman belajar BM turut ditanya seperti “ Awak ada ambil kelas bahasa Melayu tak? Atau “belajar dengan siapa”. Soalan berkaitan aktiviti harian dikemukan bergantung dengan gaya kehidupan responden seperti seorang isteri, pekerja atau pelajar.

Selain itu, responden turut ditanya berkaitan aktiviti selain bekerja dan belajar iaitu menonton, melancong dan memancing. Responden boleh menyatakan nama-nama negeri di Malaysia seperti” Kedah.. Kelantan.. Sarawak” dan “semua universiti saya pergi”. Responden menyatakan tujuan ke sana “ oh,.. itu wacana.. seminar.. ya itu macam.. itu ada”.

Soalan berkaitan aktiviti harian turut dikemukan kepada responden berkaitan filem atau buku yang dibaca dan kemudiannya meminta mereka mengemukakan pandangan tentang filem dan buku tersebut. Ada yang menjawab “ “tonton?.. itu suka la news, tv”... cinema.. tak ada”. Dan memaklumkan bahawa mereka faham membaca dalam bahasa Melayu seperti dalam surat khabar.

### KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan kepada pelajar asing yang berada di UKM menunjukkan bahawa tahap penguasaan lisan mereka adalah sederhana baik, walaupun secara keseluruhannya pelajar tersebut terdiri daripada pelbagai bangsa yang sangat dipengaruhi oleh bahasa natif mereka. Tahap penguasaan lisan masih pada tahap sederhana baik – kerana pelbagai faktor pembelajaran dan pengajaran. Daripada data yang diperoleh, menunjukkan secara keseluruhannya pencapaian lisan mereka agak memuaskan. Hal ini, sememangnya mencerminkan bahawa pelajar asing tersebut di Malaysia boleh jalani kehidupan mereka dengan lebih baik sekiranya mereka mahir berbahasa terutama bahasa lisan. Faktor umum seperti latar belakang, keluarga, aktiviti harian adalah faktor yang dapat menentukan kemahiran lisan pelajar asing tersebut. Persepsi mereka terhadap bahasa Melayu adalah baik dan positif, oleh itu mereka dapat bertutur dengan baik kerana kehidupan mereka di sini sebagai pelajar dan pekerja di Malaysia.

### RUJUKAN

- Asmah Haji Omar (2003) “Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Kaedah dan Prinsip” dalam Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (ed.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2006. Pengajaran Bahasa Melayukepada penutur asing: matlamat dan pertimbangan . Strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 7: 1-15.
- Awang Sariyan. (2011). Kemajuan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa: Cabaran

- dan pelan tindakan. Kertas kerja *Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)*, 12-14 Oktober 2011.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sukatan Pelajaran.t.pt
- Kalthum Ibrahim, Rusdi Abdullah, Norwati Md Yusof (2017) The Teaching of Bahasa Melayu as a Foreign Language: A Survey *FASEH FSSK Research Highlights* Hal. 54-57.
- Kalthum Ibrahim (2001) Perbandingan kurikulum program bahasa Melayu sebagai bahasa asing di beberapa universiti terpilih. Dlm. *Prosiding Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan*, hlm. 119 - 131. B.B.B: FPB, UKM.
- Kalthum Ibrtahir (2003). "Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing – Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia". (hlm. 17 – 35) dalam Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad(ed.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2010) Strategi Pembelajaran Bahasa. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Amin Embi (2000). Language learning strategies: A Malaysian context. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2003. Penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar Melayu dalam arus globalisasi. *Laporan Akhir Penyelidikan Arus Perdana II Kumpulan 7*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norwati Md Yusof & Kalthum Ibrahim. 2015. Terjemahan sebagai kaedah pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kerta kerja *Bengkel P&P Bahasa Melayu sebagai bahasa asing*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Norwati Md Yusof, Ahmad Murad Merican, A Ur-Rahman Muhamad Amin, Muhammad Pisol Mat Isa, Raja Iskandar Raja Yaacob, Zulqarnain Abu Bakar (2016) Terjemahan intralingua Bahasa Melayu: cabaran transliterasi Jawi ke Rumi dalam projek manuskrip The Light Letters daripada SOAS. *Jurnal Penterjemah Jun 2016 Jilid XVIII Bil 1* Hal. 14-26
- Zamri Mahamod dan Amin Embi. 2005. Stategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina di Luar Kelas. *Jurnal Pendidikan 30(2005) 51 -73*.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah dan Sharala a/p Subramaniam. 2014. Strategi Pembelajaran Bahasa dalam kalangan pelajar warganegara asing berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred. *Jurnal Personalia Pelajar 17 (2014): 75*

## KAJIAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DI *GREATER KL* BERDASARKAN DOMAIN PENDIDIKAN DAN PERSAHABATAN

MOHAMMED AZLAN MIS

Program Linguistik

Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

[whg5026@ukm.edu.my](mailto:whg5026@ukm.edu.my)

### Abstrak

Makalah ini membentangkan hasil kajian awal penggunaan bahasa kebangsaan di wilayah *Greater KL*. Kajian ini berdasarkan kaedah soal selidik yang diedarkan di sekitar Lembah Klang, iaitu kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Kajang dan sebagainya. Seramai 500 responden telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Soalan domain persahabatan adalah untuk mengetahui penduduk di *Greater KL* menggunakan bahasa kebangsaan semasa berinteraksi dengan rakan dan jiran sama ada sesama suku kaum atau suku kaum yang lain. Domain pendidikan pula berkaitan dengan soalan sama ada penduduk di *Greater KL* merasa penting bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, pendidikan di sekolah kebangsaan dan bahan bacaan berbahasa Melayu. Hasil kajian awal ini menunjukkan dalam domain persahabatan, penduduk di *Greater KL* majoritinya bersetuju/sangat setuju bahasa kebangsaan digunakan sesama kaum dan juga dengan kaum yang lain. Domain persahabatan pula menunjukkan bahawa penduduk di *Greater KL* majoriti menyatakan bahawa bahasa kebangsaan penting dalam persahabatan dan digunakan dengan baik terutamanya apabila berinteraksi dan berkomunikasi dengan kaum yang berbeza.

### Pengenalan

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang penggunaan bahasa kebangsaan berdasarkan domain pendidikan dan persahabatan setelah perkembangan bahasa kebangsaan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 sehingga tahun 2018. Perbincangan yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini merupakan hasil kajian awal kajian ini yang difokuskan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan khususnya dalam domain pendidikan dan persahabatan. Lazimnya bagi sesebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum akan berhadapan dengan masalah sikap dan persepsi untuk mencapai perpaduan disebabkan perbezaan latar budaya, bahasa, kepercayaan dan lain-lain yang begitu ketara. Oleh itu, menyedari kepentingan perpaduan dalam memastikan pembangunan negara maka bahasa kebangsaan difikirkan salah satu medium yang akan dapat mencapai perpaduan tersebut. Namun begitu, sudah tentu terdapat cabaran dan reaksi yang terpaksa dihadapi oleh bahasa Melayu dalam usaha untuk melaksanakan pengembangan bahasa kebangsaan daripada pihak-pihak yang kurang berpuas hati khususnya dalam domain pendidikan dan persahabatan. Tempoh masa sejak kemerdekaan yang dipilih pula merupakan suatu tempoh yang menarik untuk dibincangkan kerana Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957 telah menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan i bagi Persekutuan.

Justeru kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan bahasa Melayu dalam domain pendidikan dan persahabatan. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklum balas warga KLGreater mengenai penggunaan bahasa Melayu berkaitan pendidikan dan persahabatan.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian. Pengedaran soal selidik dilakukan secara langsung kepada responden yang tinggal di lembah Klang. Instrumen kajian yang menggunakan satu set soal selidik telah dibina bagi memenuhi tujuan kajian untuk mendapatkan maklumat penggunaan bahasa Melayu di Greater KL. Item-item yang dibina bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian. Setelah melalui beberapa kali penambahbaikan soal selidik dilakukan, maka soal selidik ini diedarkan kepada responden. Penggunaan bahasa Melayu dalam urusan harian melibatkan domain pendidikan dan persahabatan. Sampel kajian terdiri daripada 500 orang responden.

Justifikasi pemilihan sampel ini berdasarkan kepada penduduk yang tinggal dan menetap di Greater KL yang menggunakan bahasa Melayu berkomunikasi dalam urusan harian mereka. Analisis data telah dipersembahkan dalam bentuk peratus dan kekerapan. Hasil dapatan kajian ini secara keseluruhannya diperolehi dari data kuantitatif melalui soal selidik berlandaskan domain pendidikan dan persahabatan.

### Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang terlibat dengan kajian ini ialah disekitar kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Kajang, Majlis Bandaraya Klang, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Putrajaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Selayang, Majlis Bandaraya Subang Jaya atau lebih dikenali sebagai Greater KL.

### Domain

Domain pendidikan berkaitan dengan soalan sama ada penduduk di *Greater KL* merasa penting bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa pengantar pendidikan di sekolah kebangsaan dan responden menggunakan bahan bacaan berbahasa Melayu. Domain persahabatan pula adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa kebangsaan penting untuk digunakan apabila berinteraksi dengan jiran dan rakan sama ada sesama kaum atau kaum yang berbeza.

### Sampel Kajian

Setelah melalui beberapa kali penambahbaikan soal selidik dilakukan, maka soal selidik ini diedarkan kepada responden. Penggunaan bahasa Melayu dalam urusan harian melibatkan domain pendidikan dan persahabatan. Sampel kajian terdiri daripada 500 orang responden. Justifikasi pemilihan sampel ini berdasarkan kepada kumpulan yang menetap di Greater KL dalam urusan harian mereka yang berkaitan dengan pendidikan dan persahabatan.

### Analisis Kajian

Bahagian ini akan menunjukkan hasil analisis kajian penggunaan bahasa domain pendidikan.

#### A. Domain Pendidikan

##### 1. Bahasa kebangsaan penting dalam bidang pendidikan.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	222	44.4	478
Sangat Setuju	256	51.2	
Sangat Tak setuju	13	2.6	22
Tak setuju	9	1.8	
Jumlah	500	100.0	500

Hasil jawapan yang diberikan oleh responden seramai 500 orang menunjukkan hampir keseluruhan penduduk di Greater KL mengakui bahawa bahasa kebangsaan penting dalam pendidikan. Penggunaan bahasa kebangsaan adalah sesuai digunakan di sekolah-sekolah, utamanya. Ini bermakna bahasa kebangsaan sangat diterima oleh pelajar sekolah dalam belajar di sekolah.

2. Bahasa kebangsaan adalah bahasa ilmu

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	204	40.8	479
Sangat Setuju	275	55.0	
Sangat Tak setuju	11	2.2	21
Tak setuju	10	2.0	
Jumlah	500	100.0	500

Merujuk kepada jadual di atas, dapat dikenalpasti bahawa sangat tinggi jumlah responden yang dikaji di Greater KL setuju apabila bahasa kebangsaan dijadikan bahasa ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa penduduk di Greater KL merasakan bahasa yang sesuai sebagai bahasa ilmu ialah bahasa kebangsaan

3. Saya menggalakkan anak saya ke sekolah kebangsaan.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	235	47.0	468
Sangat Setuju	233	46.6	
Sangat Tak setuju	16	3.2	32
Tak setuju	16	3.2	
Jumlah	500	100.0	500

Hampir semua dan tinggi jumlah keseluruhan responden menggalakkan anak-anak ke sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu. Di sekolah kebangsaan pastinya beraliran bahasa kebangsaan sepenuhnya dalam apa juga yang diajar dan dipelajari oleh pelajar sekolah.

4. Saya membaca novel dalam bahasa kebangsaan.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	155	31.0	266
Sangat Setuju	111	22.2	
Sangat Tak setuju	129	25.8	234
Tak setuju	105	21.0	
Jumlah	500	100.0	500


Dalam pada itu, walaupun bahasa kebangsaan tidak menonjol disebabkan jumlah responden yang menjawab soal selidik bersetuju/sangat setuju dan sangat tidak setuju dan tidak setuju, menunjukkan hasil yang sama oleh responden yang dikaji.

5. Bahasa kebangsaan sukar untuk dipelajari.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	71	14.2	101
Sangat Setuju	30	6.0	
Sangat Tak setuju	288	57.6	399
Tak setuju	111	22.2	
Jumlah	500	100.0	500

Agak berbeza soalan soal selidik yang dinyatakan kerana responden percaya dan bersetuju apabila ditanya mengenai kesukaran mempelajari bahasa kebangsaan. Hasil kajian bahagian ini menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan mudah dan senang untuk dipelajari.

## Jumlah Keseluruhan Rangkuman Kekerapan Domain Pendidikan



### Domain Persahabatan

B. adalah untuk mengetahui penggunaan bahasa Domain Persahabatan

1. Saya berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan dengan jiran.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	7	1.4	498
Sangat Setuju	491	98.2	
Sangat Tak setuju	-	-	2
Tak setuju	2	.4	
Jumlah	500	100.0	500

Soalan pertama domain persahabatan di atas apabila bahasa kebangsaan untuk berinteraksi dengan jiran sentiasa digunakan bahasa kebangsaan antara penduduk yang tinggal berhampiran mereka.

2. Bahasa kebangsaan penting untuk hubungan antara kaum.


	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	217	43.4	484
Sangat Setuju	267	53.4	
Sangat Tak setuju	5	1.0	16
Tak setuju	11	2.2	
Jumlah	500	100.0	500

Soalan di atas beserta hasil analisis kajian ini melihat bahawa aspek perpaduan melalui bahasa. Sangat penting dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, dalam menjamin kesejahteraan penduduk multi etnik maka peranan bahasa kebangsaan sangat sesuai untuk digunakan sebagai bahasa sehari-hari yang melibatkan jiran tetangga yang pelbagai kaum.

3. Saya menggunakan bahasa kebangsaan apabila berinteraksi dengan rakan berlainan kaum.

	Kekerapan	Peratusan	Rangkuman Kekerapan
Setuju	224	44.8	453
Sangat Setuju	229	45.8	
Sangat Tak setuju	14	2.8	47
Tak setuju	33	6.6	
Jumlah	500	100.0	

Jelas bahawa bahasa kebangsaan yang digunakan dan telah dianalisis di atas menunjukkan sangat tinggi bersetuju dan sangat setuju menggunakan bahasa kebangsaan apabila mereka berkomunikasi dengan rakan yang berlainan kaum seperti Melayu - Cina, Melayu – India dan sebagainya. Tidak ada masalah sekiranya bahasa Melayu digunakan dalam domain persahabatan.



#### Rumusan Kajian

Sebagai rumusan kepada sokongan dan kerjasama semua pihak yang menggunakan bahasa kebangsaan dalam mengukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan, di samping semangat perpaduan, jelas bahawa bahasa Melayu masih relevan dan diperlukan untuk hal-hal yang berkaitan dengan pelbagai kaum. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan dalam aspek pendidikan dan persahabatan sangat utama serta tinggi pilihan jawapan setuju dan sangat setuju.

## ADVERBIA KEPASTIAN DAN KETIDAKPASTIAN YANG DIGUNAKAN DALAM MEDIA CETAK LOKAL DI KOTA PADANG

Noviatri, M.Hum  
Aslinda, M.Hum

### Abstrak

Penulisan makalah ini dilatarbelakangi oleh maraknya fenomena penggunaan adverbial dalam media cetak, khususnya dalam surat kabar lokal di kota Padang. Penggunaan adverbial tersebut, terutama adverbial kepastian dan ketidakpastian, memperlihatkan keragaman bentuk dengan perilaku yang berbeda. Sehubungan itu, penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan bentuk-bentuk adverbial kepastian dan ketidakpastian yang digunakan dalam media cetak lokal di kota Padang serta menjelaskan perilaku sintaksisnya. Ada tiga metode dan teknik penelitian yang digunakan dalam tulisan ini, yaitu 1) metode dan teknik penyediaan data, 2) metode dan teknik analisis data, dan 3) metode dan teknik penyajian hasil analisis data.

Populasi penelitian ini adalah seluruh penggunaan adverbial kepastian dan ketidakpastian dalam surat kabar lokal di kota Padang. Sampel penelitian ini ialah penggunaan adverbial kepastian dan ketidakpastian dalam dua buah surat kabar, yaitu surat kabar Padang Ekspres dan surat kabar Haluan. Berdasarkan bentuknya, ada dua bentuk adverbial kepastian dan ketidakpastian yang digunakan dalam surat kabar lokal, yaitu adverbial kepastian dan ketidakpastian berbentuk monomorfemis dan polimorfemis. Berdasarkan perilaku sintaksisnya, adverbial yang digunakan dalam surat kabar lokal ada yang mendampingi fungsi subjek, fungsi predikat, dan fungsi keterangan. Berdasarkan posisi letaknya, adverbial kepastian dan ketidakpastian berposisi mendahului kata yang diterangkan dan mengikuti kata yang diterangkannya

**Kata kunci: adverbial, kepastian, ketidakpastian, media cetak, bentuk, perilaku**

### Pendahuluan

Penulisan makalah ini dilatarbelakangi oleh maraknya fenomena penggunaan adverbial dalam media cetak, khususnya dalam surat kabar lokal di kota Padang. Penggunaan adverbial tersebut, terutama adverbial kepastian dan ketidakpastian, memperlihatkan keragaman bentuk dengan perilaku yang berbeda. Tulisan ini bertujuan untuk mendeskripsikan bentuk-bentuk adverbial kepastian dan ketidakpastian yang digunakan dalam media cetak serta menjelaskan perilaku sintaksisnya.

Ada tiga metode dan teknik penelitian yang digunakan dalam tulisan ini, yaitu 1) metode dan teknik penyediaan data, 2) metode dan teknik analisis data, dan (3) metode dan teknik penyajian hasil analisis data. Ada beberapa teori yang digunakan untuk menganalisis data, yaitu teori seputar adverbial yang dikemukakan oleh Alwi dkk., Kridalaksana, dan Chaer.

### Pembahasan

Pada bagian ini dijelaskan mengenai perihal penggunaan adverbial kepastian dan ketidakpastian yang digunakan dalam surat kabar Padang Ekspres dan Haluan sehubungan dengan bentuk-bentuk dan perilaku sintaksisnya. Walaupun adverbial tergolong ke dalam kategori kata tertutup, penggunaannya dalam media cetak cukup produktif dalam mendampingi berbagai kategori kata terbuka. Ada beberapa kategori kata yang dapat didampingi oleh adverbial, yaitu verba, ajektif, adverbial lainnya, pronomina, nomina, frasa numeralia, dan frasa preposisional. Di samping produktifitas penggunaannya yang relatif tinggi, adverbial yang digunakan dalam media cetak ini terdiri atas bentuk dan sub bentuk yang cukup variatif. Selain itu, kehadiran masing-masing bentuk tersebut memperlihatkan perilaku sintaksis yang berbeda.

Berdasarkan data yang tersedia yang dilanjutkan dengan klasifikasi data ada beberapa bentuk adverbial kepastian dan ketidakpastian yang digunakan dalam media cetak lokal dengan memperlihatkan perilaku yang berbeda. Berikut penjelasan masing-masing bentuk adverbial beserta perilaku sintaksisnya.



## Bentuk-Bentuk Adverbia Kepastian dan Perilakunya

Berdasarkan bentuknya, ada dua bentuk adverbia kepastian yang digunakan dalam surat kabar lokal, yaitu adverbia kepastian berbentuk monomorfemis dan berbentuk polimorfemis dengan perilaku masing-masingnya.

### Adverbia Kepastian Berbentuk Monomorfemis dan Perilakunya

Walaupun dari segi bentuk adverbia ini tidak cukup banyak jumlahnya, tetapi frekuensi penggunaannya dalam media cetak cukup tinggi. Ada beberapa adverbia kepastian yang berbentuk monomorfemis yang digunakan dalam media cetak, yaitu adverbia *pasti*, *memang*, dan *tentu*. Berikut uraian masing-masingnya.

#### Adverbia *Pasti* dan Perilakunya

Ada beberapa data penelitian yang menggunakan adverbia *pasti* dalam media cetak lokal. Contoh dan penjelasannya sebagai berikut.

- 7) Kalau cuaca buruk, nelayan *pasti* akan bingung karena usaha mereka akan terhambat.
- 8) Terlepas dari prestasi-prestasi yang berhasil diperoleh Indonesia, *pasti* banyak pekerjaan rumah (PR) yang *mesti* dikerjakan.
- 9) Dia *mesti* yang harus menyampaikan permintaan maaf itu kepada rakyat.

Pada contoh data (1, 2, dan 3) di atas terdapat penggunaan adverbia, yaitu adverbia *pasti/mesti*. Adverbia *mesti* merupakan variasi dari adverbia *pasti*. Keduanya merupakan adverbia kepastian yang berbentuk monomorfemis. Adverbia ini digunakan untuk menyatakan tindakan atau keadaan yang pasti/mesti terjadi.

Berdasarkan perilakunya, pada data (1) terlihat bahwa adverbia *pasti* menjelaskan frasa verba, yaitu frasa verba *akan bingung* yang berfungsi sebagai predikat kalimat. Pada data (2) adverbia *pasti* menjelaskan frasa nomina, yaitu frasa *pekerjaan rumah* yang menduduki fungsi subjek. Adapun adverbia *mesti* menjelaskan verba, yaitu verba *dikerjakan* yang berfungsi sebagai predikat kalimat. Adapun dalam data (3) adverbia *mesti* menjelaskan pronomina, yaitu pronomina *dia* yang berfungsi sebagai subjek kalimat. Berdasarkan posisi letaknya terhadap kata dan bagian kalimat yang dijelaskannya, ada dua posisi letak adverbia kepastian, yaitu (a) letak kiri dan (b) letak kanan atau mendahului dan mengikuti kata yang diterangkan. Data (1 dan 2) merupakan contoh penggunaan adverbia kepastian yang berposisi di sebelah kiri/mengikuti kata yang dijelaskan. Sementara, data (3) merupakan contoh penggunaan adverbia yang berposisi sebelah kanan/mendahului kata yang dijelaskannya.

#### Adverbia *Memang* dan Perilakunya

Sama halnya dengan adverbia *pasti*, adverbia *memang* juga sering digunakan dalam media cetak lokal. Contoh penggunaannya sebagai berikut.

- 10) Sementara Kadivhumas Polri Irjen Setyo Wasisto mengatakan, *memang* pelaku perampokan tersebut ada tiga orang.
- 11) *Memang* merekalah pelaku begal yang telah merenggut beberapa nyawa korban.
- 12) Di atas kertas, Indonesia *memang* lebih diunggulkan

Contoh data (4, 5, dan 6) di atas juga menggunakan adverbia kepastian yang berbentuk monomorfemis, yaitu adverbia kepastian *memang*. Adverbia ini juga digunakan untuk menyatakan kepastian disertai dengan penegasan bahwa suatu perbuatan, peristiwa, keadaan yang pasti terjadi.

Berdasarkan perilakunya, kehadiran adverbia *memang* pada masing-masing contoh di atas terlihat memiliki perilaku yang tidak sama.

Adverbia memang pada data (4), menjelaskan frasa nomina, yaitu frasa nomina, *pelaku perampokan* yang berfungsi sebagai subjek dalam kalimat majemuk dalam klausa kedua. Pada data (5) adverbia *memang* menjelaskan pronomina, yaitu pronomina *merekalah* yang berfungsi sebagai subjek kalimat. Adapun dalam data (6) adverbia *memang* menjelaskan verba, yaitu verba *diunggulkan* yang berfungsi sebagai predikat kalimat. Berdasarkan posisi letaknya, agak sedikit berbeda dengan posisi letak adverbia kepastian mesti. Bila posisi letak adverbia pasti/mesti berposisi mendahului dan mengikuti kata yang diterangkannya, sementara, adverbia kepastian *memang* yang digunakan dalam surat kabar cenderung berposisi sebelah kiri kata yang diterangkannya atau berposisi mengikuti kata yang diterangkannya.

### Adverbia *Tentu* dan Perilakunya

Adverbia *tentu* jarang digunakan dalam media cetak lokal bila dibandingkan dengan adverbia lainnya. Hanya ada beberapa contoh data yang menggunakan adverbia ini. Contoh penggunaannya ialah sebagai berikut.

- (7) Dari atas Gunung Kerinci *tentu* kita dapat melihat keindahan alam dari ketinggian 3.805 mdpl itu.  
 (11) Zaman sekarang, apapun *tentu dapat* dilakukan lewat smartphone.

Data (7 dan 8) di atas menggunakan adverbia kepastian yang berbentuk monomorfemis, yaitu adverbia kepastian *tentu*. Adverbia ini juga digunakan untuk memastikan bahwa suatu perbuatan, peristiwa, keadaan yang telah atau yang akan dilaksanakan, diungkapkan, dan diutarakan, pasti dilakukan./dilaksanakan.

Berdasarkan perilakunya, terdapat kesamaan perilaku adverbia *tentu* dengan adverbia kepastian *memang*, yaitu sama-sama menjelaskan frasa verba, yaitu frasa verba *dapat melihat* dan frasa verba *dapat dilakukan* yang masing-masingnya menduduki fungsi predikat. Berdasarkan posisi letaknya, juga terdapat kesamaan dengan adverbia *memang*, yaitu sama-sama berposisi letak kiri atau mengikuti kata yang diterangkannya.

### Adverbia Kepastian Berbentuk Polimorfemis

Sehubungan dengan adverbia kepastian yang berbentuk polimorfemis, penggunaannya dalam media cetak cukup hanya dengan menambahkan bentuk terikat yang berupa awalan dan partikel terhadap adverbia yang berbentuk monomorfemis, yaitu penambahan awalan *se-* dan partikel *nya*. Adverbia ini jarang digunakan dalam media cetak lokal. Hanya ditemukan dua buah contoh data yang menggunakan adverbia ini. Oleh sebab itu, sajian analisis datanya tidak dirinci seperti halnya adverbia kepastian yang berbentuk monomorfemis. Berikut contoh penggunaan dan penjelasannya.

- (12) Dalam sistem ini *tentunya* perbankan mitra BPJS kesehatan **bakal** menerapkan bunga.  
 (13) Pemerintah sudah *semestinya* merealisasikan janji-janjinya pada saat kampanye pilpres dulu.

Contoh data (1 dan 2) di atas merupakan contoh data yang menggunakan adverbia kepastian yang berbentuk polimorfemis, yaitu adverbia polimorfemis *tentunya danadverbia* polimorfemis *semestinya*. Adverbia *tentunya* terbentuk dari adverbia *tentu* ditambah dengan partikel *nya*. Sedangkan adverbia *semestinya* terbentuk dari adverbia *tentu*, kemudian memperoleh awalan *se-* dan partikel *nya*. Dilihat dari perilakunya, terdapat kesamaan perilaku antara adverbia *tentunya* dan adverbia *semestinya*, yaitu sama-sama menjelaskan frasa verba, yaitu frasa verba *bakal menerapkan* dalam data (9) dan verba *merealisasikan* dalam data (10) yang masing-masingnya berfungsi sebagai predikat kalimat. Berdasarkan posisi letaknya, adverbia kepastian yang berbentuk polimorfemis yang digunakan dalam surat kabar dapat berposisi sebelah kiri dan sebelah kanan kata yang diterangkannya atau berposisi mengikuti dan mendahului kata yang diterangkan.

## Bentuk-Bentuk Adverbia Ketidakpastian dan Perilakunya

Sama halnya dengan adverbia kepastian, dari segi bentuk adverbia ketidakpastian juga dapat digolongkan atas dua bentuk, yaitu adverbia ketidakpastian berbentuk monomorfemis dan adverbia ketidakpastian berbentuk polimorfemis. Akan tetapi, adverbia ketidakpastian monomorfemis dan polimorfemis bentuk masing-masingnya lebih beragam bila dibandingkan dengan bentuk adverbia kepastian. Penjelasan masing-masingnya sebagai berikut

### Adverbia Ketidakpastian Berbentuk Monomorfemis dan Perilakunya

Ada beberapa adverbia ketidakpastian yang berbentuk monomorfemis yang digunakan dalam media cetak lokal, yaitu adverbia  *mungkin, sekitar, kira, barangkali, dan mustahil*. Berikut contoh dan penjelasannya.

- (14) Tekad Indonesia sukses menjadi tuan rumah segames dan berprestasi  *mungkin*  tercapai,  
 (12).  *Sekitar*  10 nagari di Kecamatan Silaut Kabupaten Pesisir Selatan mengikuti Bimbingan Teknis (Bimtek)  
 (13). Sejauh ini, ada  *sekitar*  2,3 juta warga Venezuela yang tinggal di luar negeri.  
 (14). Saya  *kira*  dia ustad yang paling banyak punya referensi.  
 (15). Mayat yang ditemukan dipinggir sungai itu  *barangkali*  sengaja dibuang oleh pelakunya untuk menghilangkan jejak.  
 (16)  *Mustahil* , dia akan menang lagi, kalau program yang diusung tidak berkenan di hati rakyat.

Masing-masing contoh data di atas menggunakan adverbia ketidakpastian yang berbentuk monomorfemis, yaitu adverbia  *mungkin, sekitar, kira, barangkali, dan mustahil*. Kehadiran adverbia yang berbentuk monomorfemis ini juga memiliki perilaku yang tidak sama. Adverbia  *mungkin*  pada data (11), menjelaskan verba, yaitu verba  *tercapai*  yang menduduki fungsi predikat. Pada data (12) dan (13)

adverbia  *sekitar*  sama-sama menjelaskan frasa nomina, yaitu frasa nomina  *10 nagari*  dan Frasa  *nomina warga Venezuela*  yang menduduki fungsi sebagai subjek kalimat. Data (14), adverbia  *kira*  menjelaskan verba, yaitu verba  *punya*  yang berfungsi sebagai predikat. Adverbia  *mustahil*  pada data (15) menjelaskan verba, yaitu verba  *menang*  yang juga berfungsi sebagai predikat. Pada data (16) adverbia  *barangkali*  menjelaskan frase verba, yaitu frase verba  *sengaja dibuang*  yang menduduki fungsi predikat kalimat. Berdasarkan posisi letaknya, adverbia ketidakpastian yang berbentuk polimorfemis yang digunakan dalam surat kabar dapat menempati posisi kiri dan kanan kata yang diterangkannya atau berposisi mengikuti dan mendahului kata yang diterangkannya. Walaupun dari segi posisi letaknya ada yang berposisi letak kiri dan letak kanan, tetapi adverbia ketidakpastian yang digunakan dalam media cetak terlihat lebih cenderung hadir pada posisi awal/ sebelah kiri kata yang diterangkannya. Kehadiran masing-masing adverbia ketidakpastian ini menyatakan bahwa suatu tindakan atau keadaan yang belum pasti terjadi atau masih diragukannya kejadiannya.

### Adverbia Ketidakpastian Berbentuk Polimorfemis dan Perilakunya

Ada beberapa adverbia ketidakpastian yang berbentuk polimorfemis yang digunakan dalam media cetak lokal, yaitu adverbia  *kemungkinan, jangan-jangkira-kira, lebih kurang, kurang lebih, agaknya, bisa-bisa dan bisa-saja*. Berikut contoh penggunaan dan penjelasannya.

- (17) Besar  *kemungkinan*  kendaraan perintis ini mulai beroperasi tahun depan.  
 (18)  *Jangan-jangan*  dalam satu bulan kami bisa selesaikan berkasnya dan kami limpahkan ke pengadilan.  
 (19)  *Kira-kira*  100 juta penduduk yang memiliki E KTP telah terdaftar sebagai pemilih pada pilpres 2019.  
 (20) Kunjungan Ustad Abdul Somad (UAS) ke Malang Jawa Timur  *lebih kurang*  akan dihadiri 10.000 jemaah.  
 (21) Nofrizal diberi cuti libur  *kurang lebih*  seminggu untuk bertolak kembali ke Makasar.

(22) Arah penyidikan suap pembangunan proyek PLTU Riau 1 yang bisa menyeret partai Golkar sebagai tersangka, *agaknya* bisa berbuntut panjang.

(23) Dengan pelemahan rupiah, para eksportir yang sebelumnya kebanjiran order luar negeri, *bisa-bisa* menyusut.

(24) Meski masih belum pasti, Alex menyampaikan bahwa *bisa saja* KPK memanggil petinggi partai Golkar.

Data (17 -24) di atas masing-masingnya menggunakan adverbial ketidakpastian yang berbentuk polimorfemis, yaitu adverbial *kemungkinan, jangan-jangan, kira-kira, lebih kurang, kurang lebih, agaknya, bisa-bisa dan bisa-saja*. Berdasarkan unsur kata yang diterangkannya, seluruh adverbial ketidakpastian dalam data di atas, kecuali data (13) menerangkan verba dan frasa verba, yaitu frasa verba *mulai beroperasi, akan dihadiri, diberi cuti, bisa berbuntut, dan verba menyusut, serta memanggil* yang masing-masingnya menduduki fungsi predikat. Adapun data adverbial *kira-kira* pada data (19) menjelaskan frasa numeralia, yaitu frasa *100 juta penduduk* yang menduduki fungsi subjek. Berdasar posisi letaknya, pada umumnya adverbial ketidakpastian yang berbentuk polimorfemis berposisi sebelah kiri atau mengikuti kata yang diterangkannya.

### Kesimpulan

Setelah dilakukan pembahasan mengenai adverbial kepastian dan ketidakPastian yang digunakan dalam media cetak, ada beberapa hal yang dapat disimpulkan, yaitu:

1. Terdapat penggunaan adverbial kepastian dan adverbial ketidakpastian dalam media cetak lokal
2. Berdasarkan bentuknya ada dua golongan bentuk adverbial yang digunakan dalam media cetak lokal, yaitu adverbial yang berbentuk monomorfemis dan polimorfemis.
3. Adverbial berbentuk monomorfemis terdiri atas beberapa sub bentuk, yaitu pasti, tentu, dan memang. Adverbial berbentuk monomorfemis terdiri atas beberapa sub bentuk, yaitu adverbial kemungkinan, jangan-jangan, kira-kira, lebih kurang, kurang lebih agaknya, bisa-bisa, dan bisa-saja.
7. Berdasarkan perilaku sintaksisnya adverbial kepastian dan ketidakpastian pada umumnya mendampingi kategori kata terbuka atau frasa yang mengisi fungsi predikat. Selain itu, ada juga yang mendampingi fungsi kalimat lainnya.
8. Berdasarkan posisi letaknya, adverbial kepastian dan adverbial ketidakpastian ada yang berposisi mendahului kata yang diterangkannya dan mengikuti kata yang diterangkannya.

### DAFTAR KEPUSTAKAAN

- Arifin, M.Hum., Prof. Dr. E. Zaenal dan Dra. Junaiyah H.M., M.Hum..2009. *Morfologi: Bentuk, Makna, dan Fungsi*. Jakarta: PT. Gramedia.
- Chaer, Abdul. 2015. *Sintaksis Bahasa Indonesia.: Pendekatan Proses*. Jakarta: Rineka Cipta. -----  
----- 2015. *Morfologi Bahasa Indonesia: Pendekatan Proses*.
- Kridalaksana, Harimurti. 2011. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Ikrar Mandiri Abadi  
----- 2007. *Kelas Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Nusarini.2017. "Adverbial dalam Bahasa Indoneisa": Tinjauan Bentuk dan Perilaku Semantisnya. *Jurnal Ceraka*. Vol. 3, No. 2. Edisi Juni 2017 .
- Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. 2008. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional.
- Ramlan. 2003. *Morfologi Suatu Tinjauan Deskriptif*. Yogyakarta: CV. Karyono.
- Nusarini.2017. "Adverbial dalam Bahasa Indoneisa": Tinjauan Bentuk dan Perilaku Semantisnya. *Jurnal Ceraka*. Vol. 3, No. 2. Edisi Juni 2017
- Sudaryanto. 2015. *Metode dan Aneka Teknik Analisis Bahasa.:Pengantar Penelitian Wahana Kebudayaan secara Linguistik*. Yogyakarta: Sanata Darma University Press.

## KAJIAN LEKSIKAL YANG BERKOLOKASI DENGAN ‘KEMISKINAN’ DALAM DATA HANSARD PARLIMEN MALAYSIA

Norwati Md Yusof  
Nurul Suhadah Johar  
Imran Ho Abdullah

*Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM*

[norwati@ukm.edu.my](mailto:norwati@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan hasil kajian yang melihat trend penggunaan leksikal yang berkolokat dengan ‘kemiskinan’ dalam data korpus Parlimen Malaysia. Korpus ini ialah koleksi korpus Hansard laporan verbatim Parlimen Malaysia ke-13. Kaedah kajian analisis data berasaskan korpus membolehkan indeks kata kata kunci yang signifikan dapat dikenalpasti dalam sesuatu data. Fokus perbincangan ialah terhadap penyenaian item yang berkolokat dengan “kemiskinan” (MI=), mengenal pasti item yang signifikan berkolokat dengan “kemiskinan” dan menganalisis perkataan yang signifikan berkolokat dengan kemiskinan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai metodologi kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 321 item leksikal yang berkolokat dengan “kemiskinan” dan item yang mempunyai skor M1 10.0 ke atas telah dipilih untuk dianalisis. Antara leksikal yang berkolokat dengan “kemiskinan” yang dikaji secara analisis kualitatif ialah pembasmian, kepompong, belunggu, tegar dan mewarisi. Kesimpulan dibuat berdasarkan konotasi item yang berkolokat dengan kemiskinan dalam kajian ini. Secara umumnya, item leksikal yang berkolokat dengan “kemiskinan” mempunyai trend tertentu yang menarik untuk melihat sama ada trend ini juga dapat ditandai berlaku dalam sidang parlimen yang lain.

**Kata Kunci:** kajian leksikal, kolokat “kemiskinan”, data Hansard, parlimen Malaysia, korpus.

### PENDAHULUAN

Kajian dalam pelbagai bidang kini menggunakan kaedah-kaedah terbaharu selain kaedah turun padang ke lapangan sebagai kaedah utama dalam pengumpulan data. Kaedah terkini mulai mengikuti peredaran semasa yang menggunakan data dalam bentuk digital. Data-data dalam bentuk digital dapat dianalisis dengan tuntas, tepat, cepat dan menjimatkan masa jika menggunakan kaedah dan peralatan yang bersesuaian seperti Wordsmith dan banyak lagi aplikasi lain. Kajian data digital ialah kajian sebenar kerana ilmu kemanusiaan kini mengkaji kemanusiaan digital, contohnya korpus dan data raya. Bukan itu sahaja, kaedah kajian sekarang juga banyak menjurus kepada manfaat integrasi teknologi baharu bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0. Oleh itu kajian yang menjurus ke arah data korpus dan data raya sangat sesuai digunakan dalam kajian bahasa dan linguistik.

Kertas kerja ini membincangkan tentang dapatan dari kajian terhadap Hansard Parlimen Malaysia ke-13 yang digunakan sebagai sumber data. Hansard Parlimen Malaysia menyediakan maklumat terhadap perbincangan berkaitan dengan hal ehwal negara dan rakyat.

Secara khususnya, kajian ini memfokuskan kepada penyenaian perkataan yang berkolokat dengan leksikal kemiskinan, mengenal pasti perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal kemiskinan, dan menganalisis perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal kemiskinan.

### OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini melihat penggunaan perkataan yang kolokat dengan leksikal *kemiskinan*

dalam Korpus Parlimen Malaysia dengan objektif kajian seperti berikut:

- 1) untuk menyenarai perkataan yang berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*,
- 2) untuk mengenal pasti perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*,
- 3) untuk menganalisis perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*.

### TINJAUAN LITERATUR

Data korpus telah digunakan sejak lebih lima dekad lalu hingga kini berubah kepada data raya. Kajian menggunakan data raya pada zaman ini lebih relevan kerana menggunakan data sebenar. Ini kerana data raya merupakan data mentah berkapasiti tinggi yang memaparkan bahasa tabii yang tidak dipantau malahan memaparkan data sebenar. Selaras dengan letusan Revolusi Industri 4.0, data korpus lebih mudah dicapai dan digunakan dengan menggunakan akses dalam talian kerana kebanyakan korpus kini telah diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Norwati Md Yusof (2001) membicarakan tentang penggunaan korpus dalam kajian bahasa dan terjemahan berlandaskan menterjemahan mesin. Kajian tersebut mengemukakan perbincangan tentang data korpus terbanding dan korpus selari serta memberi contoh aplikasi korpus dalam talian melalui laman web Malay Concordance Project. Imran Ho Abdullah (2009) pula telah melakukan kajian menggunakan pendekatan korpus untuk meneliti tentang maklumat kekerapan kata. Kajian ini telah menggunakan kaedah statistik seperti ujian chi-square dan log-likelihood untuk menghasilkan analisis kata kunci; dan analisis multi-variat, khususnya analisis perhubungan. Dalam kajian ini, senarai kekerapan kata telah dilakukan untuk membuat perbandingan antara senarai kekerapan manifesto beberapa parti politik dalam Pilihanraya Umum ke-12 (2008). Hansard Parlimen Malaysia pertama ialah ketika persidangan parlimen penggal pertama tahun 1959 iaitu selepas dua tahun kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Norwati Md Yusof, Imran Ho Abdullah dan Nor Fariza Md Noor (2017), Hansard Parlimen muncul dalam bentuk korpus digital setelah berlakunya revolusi komputer pada tahun 1980.

Penelitian bidang bahasa dengan menggunakan korpus parlimen telah dilakukan oleh kajian ini-kajian ini terdahulu. Antara kajian ini Barat yang pernah menjadikan korpus sebagai sumber data ialah Teun A. Van Dijk (2003), Sven Oliver dan Jonathan (2009), Treimane (2011) dan Graeme Hirst et al. (2014).

Teun A. Van Dijk (2003) telah melakukan kajian yang bertujuan mencari ciri- ciri penentu dalam struktur pengucapan dalam perbahasan parlimen. Sumber data diambil daripada petikan perdebatan mengenai pencari suaka dalam Parlimen British yang diadakan pada bulan Mac 1997. Perbahasan ini dimulakan oleh Puan Teresa Gorman, Ahli Parlimen Konservatif dari Billericary. Kajian ini telah menggunakan Teori Linguistik Fungsional Sistemik (SFL). Pendekatan ini melihat bahasa sebagai sistem yang berorientasikan sosial kerana memperlihatkan unsur fungsi bahasa dengan tepat dan diiktiraf dari segi sifat-sifat seperti konteks. Kajian ini merupakan kajian analisis wacana yang memfokuskan kepada pendekatan SFL iaitu konteks perdebatan di parlimen. Perbahasan ini dianalisis berdasarkan tiga kategori utama iaitu bidang, tenor dan mode.

Sven-Oliver Proksch dan Jonathan (2009) pula mengkaji struktur perbahasan parlimen di Eropah. Kajian ini telah menggunakan data Parlimen Eropah pada sesi ke- 5 bermula tahun 1999 hingga 2004 yang berlangsung di European Union. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan teknik komputer (wordfish). Selain itu, teknik wordscores juga diterapkan dalam kajian ini menggunakan kekerapan relatif dalam dokumen teks untuk meneliti perbahasan yang mengambil kira positions correspond berdasarkan ideologi kiri-kanan, kedudukan pada integrasi Eropah dan dimensi negara di Eropah Union.

Kajian data korpus parlimen Malaysia pula pernah dilakukan oleh David dan Yeok (2007) , Yeok et al. (2011), Muhammad Zakwan Mohd Izam dan Azhar Jalaludin (2017), Tan et al. (2017) dan Afendi Hamat, et al. (2017). Terdahulu dari itu kajian berkaitan Hasard Parlimen telah dilakukan oleh Yeok

Meng, Kuang Ching Hei dan Maya Khemlani David (2011) yang tertumpu kepada kandungan kenyataan lisan yang dibuat oleh setiap wakil parlimen di persidangan yang berlangsung pada April hingga Mei 2008. Tujuan kajian tersebut dibuat adalah untuk mengesan kewujudan sensitiviti perkauman selain mengenal pasti kenyataan menghina yang digunakan oleh ahli parlimen, pemilihan leksikal negatif dan melihat konteks kenyataan-kenyataan negatif yang dinyatakan dalam perbahasan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang memanfaatkan Hansard Parlimen Malaysia ini menfokuskan kepada analisis kolokasi. Proses yang terlibat iaitu dari tahap penjanaan data melalui analisis konkordans dengan menggunakan perisian Wordsmith hingga ke tahap penganalisan data secara kualitatif dilakukan. Kaedah kajian analisis data berasaskan korpus membolehkan indeks kata kata kunci yang signifikan dapat dikenalpasti dalam sesuatu data.

Fokus perbincangan ialah terhadap penyenaian item yang berkolokat dengan “kemiskinan” (MI=), mengenal pasti item yang signifikan berkolokat dengan “kemiskinan” dan menganalisis perkataan yang signifikan berkolokat dengan kemiskinan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai metodologi kajian. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menyenarai perkataan yang berkolokat dengan leksikal kemiskinan, mengenal pasti perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal kemiskinan dan menganalisis perkataan yang signifikan berkolokat dengan leksikal kemiskinan. Data kajian ini diambil dari Hansard Parlimen Malaysia, Parlimen ke-13 dan hanya memfokuskan kepada perkataan-perkataan yang berkolokasi dengan kata kemiskinan.

### ANALISIS DATA

Dalam kajian ini, fungsi kata kunci (*keyword*) dan perkataan berkolokat (*collocates*) dengan leksikal kemiskinan dalam data yang dijana menggunakan perisian *Wordsmith* digunakan untuk mengeluarkan senarai kata yang berkolokat sebelum leksikal kemiskinan yang terdapat dalam Hansard Parlimen ke-13. Berdasarkan data yang telah dijana melalui perisian *Wordsmith*, leksikal kemiskinan telah muncul sebagai perkataan yang ke 27 982 daripada 63 926 perkataan yang wujud dalam Hansard Parlimen Malaysia ke-13. Perkara ini membawa maksud bahawa, kemiskinan diberi perhatian sepanjang perbahasan Parlimen berlangsung.

Untuk mengetahui keadaan kemiskinan di Malaysia pada masa ini dan menjelang TN50, perkataan berkolokat dengan leksikal kemiskinan disenaraikan. Tujuan penyenaian dibuat adalah untuk mendapatkan bilangan kata yang berkolokat dengan leksikal kemiskinan bagi analisis seterusnya. Melalui penjanaan data yang telah dibuat, kajian ini hanya menganalisis dan menyenaraikan satu perkataan yang berkolokat leksikal kemiskinan sahaja. Senarai kata berkolokat yang dihasilkan menunjukkan bahawa perkataan lain yang berkolokat dengan leksikal kemiskinan adalah sebanyak 321 perkataan. Melalui penyenaian kata berkolokat, leksikal kemiskinan mempunyai kekerapan kehadiran sebanyak 1067 kali dalam perbahasan. Jadual 1 menunjukkan kata berkolokat yang diperoleh melalui penjanaan data:

N	Word	Win/Relation	Texts	Total	Left	Right	L1	L2	L3	L4	L5	Centre	R1	R2	R3	R4	R5	
1	KEMISKINAN	kemiskinan	13.757	159	1,121	27	27	12	5	8	1	1	1,067	1	1	8	5	12
2	PEMBASMIAN	kemiskinan	13.464	30	66	63	3	0	0	0	0	63	0	0	1	1	0	1
3	KEPOMPONG	kemiskinan	13.038	21	30	30	0	0	0	0	0	30	0	0	0	0	0	0
4	BASMI	kemiskinan	12.949	5	6	6	0	0	0	0	0	6	0	0	0	0	0	0
5	DISIFARKAN	kemiskinan	12.838	5	5	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	1
6	MEMBASMI	kemiskinan	12.718	39	68	66	2	0	0	0	0	66	0	0	0	1	1	0
7	PGK	kemiskinan	12.451	13	17	1	16	0	1	0	0	0	11	3	1	1	1	0
8	PUK	kemiskinan	12.271	4	6	1	5	0	0	0	1	0	4	0	0	0	0	1
9	BELENGGU	kemiskinan	11.760	4	5	5	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0
10	TEGAR	kemiskinan	11.444	34	59	8	51	1	6	0	1	0	37	2	6	3	3	3
11	RELATIF	kemiskinan	11.150	5	5	0	5	0	0	0	0	0	2	2	1	0	0	0
12	FOCUS	kemiskinan	11.011	7	13	11	2	1	4	5	1	0	0	0	1	1	0	0
13	GARISAN	kemiskinan	10.963	3	5	5	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0
14	GARIS	kemiskinan	10.932	66	160	155	5	0	1	0	1	153	0	1	0	1	3	0
15	POVERTY	kemiskinan	10.879	8	8	3	5	0	0	0	0	2	1	0	1	2	0	0
16	PARAS	kemiskinan	10.828	48	96	89	7	2	0	5	34	48	0	0	1	3	0	3
17	MEWARISI	kemiskinan	10.484	4	5	5	0	0	0	1	0	4	0	0	0	0	0	0

**Jadual 1** Senarai Contoh Perkataan Berkolokat dengan Leksikal *kemiskinan* dalam Hansard Parlimen Malaysia ke-13

Analisis kata berkolokat dalam kajian ini adalah untuk memilih perkataan-perkataan berkolokat yang signifikan dengan leksikal kemiskinan. Sebanyak 321 perkataan lain berkolokat dengan leksikal kemiskinan. Daripada jumlah tersebut, analisis diperkecil dengan hanya memilih perkataan berkolokat yang signifikan dengan leksikal kemiskinan. Kajian telah menyenarai pendek perkataan berkolokat yang diperoleh menggunakan Skor Maklumat MI.

Skor Maklumat MI ialah ukuran kesatuan antara perkataan iaitu mengamati kebarangkalian signifikan antara perkataan, (Gejera & Hank 1990). Skor MI yang tinggi bermakna hubungan signifikan perkataan lebih kuat dan lebih serasi dalam kolokat. Kajian ini menetapkan skor MI pada 10.0 ke atas kerana 10.0 dapat mengesan kombinasi perkataan yang signifikan. Berikut ditunjukkan perkataan berkolokat MI 10.0 yang diperoleh:

N	Word	Win/Relation	Texts	Total	Left	Right	L1	L2	L3	L4	L5	Centre	R1	R2	R3	R4	R5	
1	KEMISKINAN	kemiskinan	13.757	159	1,121	27	27	12	5	8	1	1	1,067	1	1	8	5	12
2	PEMBASMIAN	kemiskinan	13.464	30	66	63	3	0	0	0	0	63	0	0	1	1	0	1
3	KEPOMPONG	kemiskinan	13.038	21	30	30	0	0	0	0	0	30	0	0	0	0	0	0
4	BASMI	kemiskinan	12.949	5	6	6	0	0	0	0	0	6	0	0	0	0	0	0
5	DISIFARKAN	kemiskinan	12.838	5	5	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	1
6	MEMBASMI	kemiskinan	12.718	39	68	66	2	0	0	0	0	66	0	0	0	1	1	0
7	PGK	kemiskinan	12.451	13	17	1	16	0	1	0	0	0	11	3	1	1	1	0
8	PUK	kemiskinan	12.271	4	6	1	5	0	0	0	1	0	4	0	0	0	0	1
9	BELENGGU	kemiskinan	11.760	4	5	5	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0
10	TEGAR	kemiskinan	11.444	34	59	8	51	1	6	0	1	0	37	2	6	3	3	3
11	RELATIF	kemiskinan	11.150	5	5	0	5	0	0	0	0	0	2	2	1	0	0	0
12	FOCUS	kemiskinan	11.011	7	13	11	2	1	4	5	1	0	0	0	1	1	0	0
13	GARISAN	kemiskinan	10.963	3	5	5	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0
14	GARIS	kemiskinan	10.932	66	160	155	5	0	1	0	1	153	0	1	0	1	3	0
15	POVERTY	kemiskinan	10.879	8	8	3	5	0	0	0	0	2	1	0	1	2	0	0
16	PARAS	kemiskinan	10.828	48	96	89	7	2	0	5	34	48	0	0	1	3	0	3
17	MEWARISI	kemiskinan	10.484	4	5	5	0	0	0	1	0	4	0	0	0	0	0	0
18	TERKELUAR	kemiskinan	9.642	5	10	10	0	0	2	1	7	0	0	0	0	0	0	0
19	MELEPASI	kemiskinan	9.637	8	9	9	0	0	0	0	6	3	0	0	0	0	0	0
20	TAKRIF	kemiskinan	9.543	7	9	8	1	1	1	1	5	0	0	0	1	0	0	0
21	TAKRIFAN	kemiskinan	9.516	4	9	9	0	0	1	0	0	8	0	0	0	0	0	0
22	EKASHI	kemiskinan	9.301	5	9	6	3	4	2	0	0	0	0	0	0	1	2	0
23	MENYUSUN	kemiskinan	9.264	3	7	2	5	2	0	0	0	0	0	0	4	0	0	1
24	PENGUKURAN	kemiskinan	9.152	3	6	6	0	0	0	2	0	4	0	0	0	0	0	0
25	KADAR	kemiskinan	8.872	61	175	166	9	1	0	0	10	155	0	0	0	2	3	4
26	MENGUKUR	kemiskinan	8.577	6	6	6	0	1	0	0	2	3	0	0	0	0	0	0
27	MENGHAPUSKAN	kemiskinan	8.448	9	11	11	0	0	0	0	0	11	0	0	0	0	0	0
28	GROUP	kemiskinan	8.179	7	13	11	2	0	1	4	5	1	0	0	0	1	1	0
29	INSIDEN	kemiskinan	8.176	11	16	16	0	0	0	0	0	16	0	0	0	0	0	0
30	SIFAR	kemiskinan	8.107	4	5	1	4	0	0	0	0	1	0	2	1	0	0	1

**Jadual 2** Kata Berkolokat Signifikan MI 10.0 ke atas

Sejumlah 17 perkataan berkolokat yang mempunyai MI 10.0 ke atas. Perkataan yang mempunyai MI 10.0 bermula daripada perkataan *kemiskinan* (maksima 13.757) hingga perkataan *mewarisi* (minima 10.484). Perkataan-perkataan berkolokat yang signifikan menggambarkan isu atau topik dalam perbahasan Parlimen ke-13.



Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mengkategorikan perkataan-perkataan tersebut kepada tiga kategori iaitu positif, negatif dan neutral. Pengkategorian ini dibuat untuk mengetahui jenis perkataan yang sering berkolokat dengan leksikal kemiskinan sama ada positif, negatif atau neutral.

Jadual 3 menunjukkan perkataan berkolokat yang signifikan dari sudut pengkategorian positif, negatif dan neutral untuk perkataan yang memiliki Skor MI 10.0 ke atas. Data yang di terdapat dalam jadual menunjukkan bahawa leksikal kemiskinan banyak berkolokasi dengan perkataan dalam kategori negatif. Sebanyak 6 perkataan tergolong dalam kategori negatif, manakala 1 perkataan dalam kategori positif serta 4 perkataan di kategori neutral. Dalam 17 perkataan berkolokat yang disenaraikan, kajian ini tidak memilih perkataan daripada bahasa Inggeris seperti *focus dan poverty* untuk diletakkan di dalam pengkategorian.

**Jadual 3 Perkataan Berkolokat dari sudut Pengkategorian Positif, Negatif dan Neutral**

Kategori	Perkataan	MI.10.0 ke atas
Positif	Disifarkan	12.838
Negatif	Pembasmian	13.464
	Kepompong	13.038
	Belenggu	11.760
	Tegar	11.444
	Mewarisi	10.484
Neutral	Relatif	11.150
	Paras	10.828
	Garisan	10.963
	Garis	10.932

Berdasarkan keseluruhannya, jumlah leksikal yang bernilai negatif yang berkolokat dengan leksikal *kemiskinan* mencatat sebanyak 6 perkataan daripada 17 perkataan tidak termasuk perkataan bahasa Inggeris. Dengan jumlah bilangan yang dinyatakan, dapat diandaikan bahawa leksikal *kemiskinan* kerap diungkapkan untuk sesuatu yang bernilai negatif. Kekekapan dalam mengungkap sesuatu dengan pernyataan negatif akan mendatangkan tanggapan bahawa leksikal *kemiskinan* tergolong dalam leksikal negatif.

Melalui pengkategorian yang telah dibuat terhadap 17 kata berkolokat yang signifikan, pemilihan kata terhadap kata berkolokat yang mempunyai hubungan bermaklumat dan berkaitan dengan leksikal kemiskinan dibuat. Jadual 4.5 menunjukkan bahawa perkataan yang berada dalam kategori negatif lebih kerap ditemui dan mempunyai hubungan maklumat yang negatif dalam Hansard Parlimen Malaysia ke-13. Perkataan tersebut terdiri daripada *kemiskinan, pembasmian, kepompong, belenggu, tegar* dan *mewarisi*. Perkataan yang berada pada kedudukan teratas dalam Skor MI 10.0 ialah *kemiskinan*. Namun begitu, perkataan tersebut dirasakan tidak signifikan untuk dipilih kerana kata kunci yang dikaji juga adalah kemiskinan.

Selain itu, perkataan lain yang terdapat dalam Skor MI 10.0 pula dalam kategori neutral seperti *relatif, paras, garisan* dan *garis*. Perkataan tersebut tidak dipilih kerana bersifat neutral dan tidak memberikan kesan kepada leksikal *kemiskinan* semasa diungkapkan. Terdapat juga perkataan berkolokat yang berada dalam kategori positif namun merupakan perkataan tunggal iaitu hanya satu perkataan sahaja, *disifarkan*. Walaupun kata berkolokat yang dinyatakan dianggap unik dalam dapatan analisis ini, kajian ini tidak menganalisis perkataan tersebut dalam analisis seterusnya.

Perbincangan serterusnya ialah terhadap lima perkataan yang berkolokat dengan leksikal *kemiskinan* dalam data Hansa Hansard Parlimen Malaysia ke-13 iaitu *pembasmian*, *kepompong*, *belengu*, *tegar* dan *mewarisi*.

### Perkataan Berkolokat *Pembasmian*

Daripada 5 perkataan yang berkolokat dengan kemiskinan ialah *pembasmian*. Perkataan *pembasmian* merupakan perkataan yang mempunyai skor MI 10.0 ke atas tertinggi berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*. Berikut merupakan analisis perkataan *pembasmian*.

#### Jadual 4 Contoh ayat bagi perkataan *Pembasmian* yang berkolokat dengan Leksikal *kemiskinan*

- 
1. .... untuk menyelesaikan isu *pembasmian* **\*\*kemiskinan\*\*** secara jangka panjang?
  2. .... ke arah program *pembasmian* **\*\*kemiskinan\*\*** melalui banyak agensi di ...
  3. Yang Berhormat, Program *Pembasmian* **\*\*Kemiskinan\*\*** Bandar yang dilaksanakan  
....
  4. ... ditubuhkan untuk tujuan *pembasmian* **\*\*kemiskinan\*\***. Pada masa yang sama ....
  5. .... melaksanakan program *pembasmian* **\*\*kemiskinan\*\*** mengikut kementerian ...
- 

Berdasarkan perbincangan dalam persidangan tersebut, terdapat beberapa program yang dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan. Dapat dilihat melalui maklumat data perbahasan dalam Jadual 4 iaitu contoh ayat (2),(3) dan 5, terdapat pelbagai program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan.. Dalam contoh ayat 2 dan 5, *kemiskinan* berkolokat dengan perkataan *pembasmian* yang merujuk kepada program secara umum manakala dalam Contoh 3 pula leksikal *kemiskinan* berkolokat dengan perkataan *pembasmian* yang dikaitkan dengan program secara spesifik iaitu Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Berdasarkan perbincangan perkataan berkolokat *pembasmian* yang telah dinyatakan di atas, kajian ini merumuskan bahawa pihak kerajaan memberikan keutamaan terhadap kemiskinan dengan mempergiat pelbagai program dan langkah untuk kemiskinan. Usaha membasmi kemiskinan merupakan satu agenda utama kerajaan. Oleh itu, Program Transformasi Kerajaan turut dilaksanakan iaitu untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah NKRA-LIH). NKRH- LIH merupakan pendekatan baru kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan. (Penerangan.gov, 2013)

### Perkataan Berkolokat *Kepompong*

Perkataan *kepompong* merupakan perkataan kedua tertinggi yang berkolokat dengan *kemiskinan*. Berikut ditunjukkan analisis contoh ayat perkataan *kepompong*.

#### Jadual 5 Contoh ayat bagi perkataan *Kepompong* yang berkolokat dengan Leksikal *kemiskinan*

- 
6. mereka keluar daripada *kepompong* **\*\*kemiskinan\*\***, untuk merencanakan ekonomi ...
  7. .... mereka keluar daripada *kepompong* **\*\*kemiskinan\*\*** itu. Mereka mesti diberi bantuan ...
  8. agar ianya keluar daripada *kepompong* **\*\*kemiskinan\*\*** kita. Tuan Yang di-Pertua, habis ....
  9. Semestinya keluar daripada *kepompong* **\*\*kemiskinan\*\*** sekiranya urus tadbir itu

tidak ....

10. .... mahu keluar daripada kepompong **\*\*kemiskinan\*\***. Ini adalah cabaran yang amat ...

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:748) mendefinisikan *kepompong* kepada maksud satu lapisan sarung yang berada di luar. Berdasarkan maksud yang diberi, *kepompong* dalam konteks ini membawa maksud rakyat atau masyarakat yang berada di dalam satu ruang kemiskinan. Secara ringkasnya rakyat yang berada dalam *kepompong* kemiskinan ialah mereka yang sedang melalui dan hidup dalam kemiskinan tersebut. Dalam Skor MI 10.0 ke atas, perkataan *kepompong* memiliki Skor MI 13.038. Selepas *pembasmian*, *kepompong* menduduki kedudukan kedua sebagai perkataan berkolokat yang signifikan dengan leksikal *kemiskinan*.

### Perkataan Berkolokat *Belunggu*

*Belunggu* menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:154) bermaksud sesuatu yang mengikat sehingga menyebabkan seseorang berasa tidak bebas. Dalam konteks ini, *belunggu* bermaksud dijajah dari segi fikiran. *Belunggu* dari sudut konotasi berdasarkan kajian ialah minda seseorang yang telah dijajah dengan pemikiran bahawa kemiskinan itu akan terus kekal dalam hidupnya. Rakyat yang hidup *dibelunggu kemiskinan* berbeza dengan rakyat yang hidup dalam *kepompong kemiskinan*. Rakyat yang hidup dalam *kepompong kemiskinan* berusaha untuk keluar dan mendapatkan hidup yang lebih baik manakala rakyat yang *dibelunggu* hanya menerima nasib sahaja tanpa berusaha untuk mengubah kerana telah dijajah dengan pemikiran kemiskinan akan terus kekal.

### Jadual 6 Contoh ayat bagi perkataan *Belunggu* yang berkolokat dengan Leksikal *kemiskinan*

11. .... mereka daripada *belunggu* **\*\*kemiskinan\*\***. Dengan itu, diharapkan lebih ...
12. .... melepaskan rakyat daripada *belunggu* **\*\*kemiskinan\*\***. Timbalan Menteri Kemajuan ...
13. .... Mengeluarkan mereka daripada *belunggu* **\*\*kemiskinan\*\*** kemudian dalam era teknologi ..
14. .... golongan ini daripada *belunggu* **\*\*kemiskinan\*\***. Sekian terima kasih Datuk.
15. ... Seterusnya keluar daripada *belunggu* **\*\*kemiskinan\*\***. Program 1Azam

yang ....

Melalui contoh ayat (2) dan (3) yang diberikan di atas, didapati bahawa pihak kerajaan sedang mengambil tindakan dan langkah-langkah ke arah mengeluarkan rakyat daripada *belunggu kemiskinan*. Bagi contoh ayat (2), pendidikan merupakan kunci untuk melepaskan diri daripada *belunggu kemiskinan*. Kerajaan perlu memberi bantuan untuk memastikan agar tidak ada rakyat yang terlepas daripada mendapatkan pendidikan. Hal ini demikian kerana kadar kemiskinan menurun dengan pendidikan. Masyarakat yang berpendidikan dapat menyumbang kepada ekonomi negara. Kesedaran terhadap pendidikan dapat melepaskan rakyat daripada *belunggu kemiskinan*. (Zahir Zainudin, 2006)

### Perkataan Berkolokat *Tegar*

Berikut merupakan analisis bagi perkataan *tegar* yang berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*:

### Jadual 7 Contoh ayat bagi perkataan *Tegar* yang berkolokat dengan Leksikal *Kemiskinan*

- 
16. ... ni telah menyusut pada 1.7 manakala **\*\*kemiskinan\*\*** tegar hampir disifarkan..
  17. Malaysia telah berjaya membasmi **\*\*kemiskinan\*\*** tegar dan terus...
  18. ... Kementerian dalam membasmi **\*\*kemiskinan\*\*** tegar terutama ...
  19. ....kepada 1 peratus. Ini bermakna, **\*\*kemiskinan\*\*** tegar kini hampir
  20. ....dan RM520 seisi rumah untuk kadar **\*\*kemiskinan\*\*** tegar. Ini seolah-olah
- 

*Tegar* menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1626) membawa maksud tidak dapat dilentur atau tidak dapat diubah. Menurut sudut pandang ekonomi, kemiskinan tegar membawa maksud sesebuah isi rumah yang pendapatan bulanan isi rumah adalah di bawah RM580 sebulan dengan pendapatan perkapita di bawah RM140 ke bawah (kpkt.gov, 2017). Takrif di atas menunjukkan bahawa *tegar* membawa konotasi yang negatif apabila berkolokat dengan *kemiskinan*. Kemiskinan tegar merupakan salah satu daripada jenis kemiskinan yang turut diberi perhatian oleh pihak kerajaan melalui kewujudan pelbagai program bagi menghapuskannya.

Berdasarkan contoh ayat yang terdapat dalam jadual 4.8, kajian ini mendapati bahawa kemiskinan tegar di Malaysia dikatakan telah hampir disifarkan melalui contoh ayat (1), dan (4). Bank negara telah mengeluarkan kenyataan bahawa kadar kemiskinan tegar di Malaysia telah berkurangan kepada 0.28% pada 2016, (Free Malaysia Today, 2017). Namun demikian kerajaan masih belum dapat menghapuskan kemiskinan tegar di Malaysia sepenuhnya. Pada umumnya kerajaan sememangnya telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tegar tetapi leksikal *hampir* dalam contoh ayat (1) dan (4) menunjukkan bahawa kemiskinan tegar masih lagi ada.

### Perkataan Berkolokat Mewarisi

*Mewarisi* merupakan perkataan terakhir yang signifikan apabila berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*. Analisis perkataan mewarisi adalah seperti berikut.

### Jadual 8 Contoh ayat bagi perkataan *Mewarisi* yang berkolokat dengan Leksikal *Kemiskinan*

- 
21. ... dan anak-anak mereka bakal mewarisi **\*\*kemiskinan\*\*** ini. Biasanya mereka diminta ....
  22. ... ini supaya mereka tidak terus **\*\*mewarisi\*\*** kemiskinan\*\* ibu bapa? Sudahlah miskin harta ...
- 

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1801) *waris* bermaksud orang atau pihak yang menerima harta pusaka orang yang telah meninggal. *Mewarisi* pula merupakan kata dasar *waris* yang mengalami proses imbuhan. *Mewarisi* membawa maksud menerima harta pusaka. Perkataan *mewarisi* membawa konotasi positif apabila berdiri sendiri namun apabila berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*, interpretasi yang disampaikan membawa kepada konotasi negatif. Hal ini demikian kerana *kemiskinan* bukanlah sesuatu yang berharga seperti harta. *Kemiskinan* ialah masalah yang sedang dihadapi oleh negara dan kerajaan berusaha menghapusnya. Oleh itu apabila *mewarisi* berkolokat dengan leksikal *kemiskinan*, keadaan ini membawa erti bahawa masalah *kemiskinan* akan diberikan kepada generasi akan datang jika tidak dibasmi.

Berdasarkan contoh ayat (1) dan (2) yang terdapat dalam jadual 8, kajian ini berpendapat bahawa kerajaan akan terus berusaha membasmi *kemiskinan* agar generasi akan datang tidak menanggung beban *kemiskinan*. Oleh itu, pelbagai program *kemiskinan* telah diwujudkan melalui

program jangka masa panjang dan program jangka masa pendek untuk menangani masalah kemiskinan ini.

### RUMUSAN ANALISIS DAPATAN

Kertas kerja ini telah menyenaraikan perkataan- perkataan yang berkolokat dengan leksikal kemiskinan di mana leksikal kemiskinan muncul sebanyak 1067 kali dalam perbahasan Parlimen ke-13. Seterusnya, leksikal kemiskinan dilihat berkolokat dengan 321 perkataan lain. Sebanyak 17 perkataan berkolokat yang signifikan dengan leksikal kemiskinan dikenal pasti dengan menggunakan Skor Maklumat MI 10.0 ke atas. Seterusnya, 17 perkataan berkolokat tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu positif, negatif dan neutral. Namun hanya 11 perkataan sahaja yang dikategorikan kerana perkataan berkolokat bahasa Inggeris tidak dipilih untuk diletakkan dalam pengkategorian. Berdasarkan pengkategorian yang dibuat, hanya 5 perkataan daripada 17 perkataan berkolokat dengan kemiskinan dipilih untuk analisis konotasi negatif. Perkataan-perkataan tersebut ialah **pembasmian, kepompong, belunggu, tegar** dan **mewarisi**. Seterusnya, perkataan- perkataan berkolokat yang dipilih dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis perkataan-perkataan signifikan yang berkolokat dengan kemiskinan sebagai memberi gambaran sebenar keadaan kemiskinan yang berlaku di Malaysia pada tempoh masa perbahasan Parlimen ke-13 berjalan. Berdasarkan hasil analisis yang dibuat, didapati bahawa perkataan-perkataan berkolokat tersebut memberi gambaran tentang masalah kemiskinan di Malaysia yang diberi kepentingan dalam perdebatan di parlimen mengikut tempoh data parlimen yang diambil.

### KESIMPULAN

Kertas kerja ini menunjukkan bahawa kemiskinan telah dibincangkan dengan lebih meluas dalam Perbahasan Parlimen ke-13 meliputi perbincangan berkaitan dengan langkah-langkah pembasmian kemiskinan. Meskipun masalah kemiskinan pada tempoh perbahasan Parlimen berlangsung dikatakan berkurangan, namun kajian ini berpendapat bahawa isu kemiskinan akan terus diperbahaskan di Parlimen menjelang TN50 kerana masih terdapat ramai rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana dan rendah berbanding mereka yang berpendapatan tinggi, selain bentuk-bentuk baru kemiskinan yang memberikan perspektif berbeza dari sudut sosio-ekonomi negara.

### RUJUKAN

- Afendi Hamat, Azhar Jalaludin, Imran Ho, Anis Nadiah Che Abdul Rahman & Zukifli Ahmad. 2017. Analisis Stilistik Ke Atas Korpus Sidang Parlimen Sebelum dan Selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Prosiding Kolokium Penerokaan Dataraya Kulturomik Malaysia 2017, hlm 98-103.
- Azhar Jalaludin & Imran Ho. 2004. Pembendaharaan Kata Dalam Bidang Komputer dan Teknologi Maklumat: Satu Kajian Korpus. *Jurnal Jendela Alam* 3: 88-270.
- Imran Ho-Abdullah. 2009. Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berdasarkan Korpus: Transformasi Statistik Senarai Kekeperapan Kata: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho Abdullah & Hazimah Yusof. 2015. Produktiviti Imbuhan mem-, memper-, dan memper-...-kan: Pendekatan Linguistik Korpus. *Jurnal Bahasa* Jilid 15.
- Kamus Dewan. Kamus Dewan Edisi Ketiga. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Kim Hua, Imran Ho, Nur Azureen Zulkifli & Shamirr Muhammad Mohd Shukor. 2017. Trend Penggunaan Bahasa Samar Dalam Persidangan Parlimen Malaysia. *Jurnal Bahasa* 17(4): 84-100.
- Muhammad Zaqwan Mohd Izam & Azhar Jalaludin. 2017. Penukaran Kod Dalam Teks Parlimen: Analisis Linguistik Korpus. Prosiding Kolokium Penerokaan Dataraya Kulturomik Malaysia, hlm. 29-34.
- Mohd Ayop Abdul Razid. 2013. Kejayaan Malaysia Dalam Membasmi Kemiskinan. JabatanPenerangan Malaysia: Gempita Maju Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. 2004. Tatabahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd. Noresah Baharom. 2005. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: DewancBahasa dan Pustaka.

- Norwati Md Yusof, Imran Ho, Nor Fariza Md Nor, Anis Nadiah & Zakuan Md Izam. 2017. Kajian Korpus Parlimen dalam Industri Terjemahan. Prosiding Kolokium Penerokaan Dataraya Kulturomik Malaysia 2017, hlm 23-35.
- Norwati Md Yusof . 2001. Penggunaan Korpus dalam Kajian Bahasa Terjemahan Berlandaskan Terjemahan Bermesin. Prosiding Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan, hlm. 107-118.
- Sven-Oliver Proksch & Jonathan B. Slapin. 2009. Position Taking In European Parliament Speeches. *British Journal of Political Science* 40(3): 587-611.  
[http://www.svenoliverproksch.com/uploads/1/2/9/8/2985397/bjps\\_2010\\_positi\\_on\\_taking\\_in\\_ep\\_speeches.pdf](http://www.svenoliverproksch.com/uploads/1/2/9/8/2985397/bjps_2010_positi_on_taking_in_ep_speeches.pdf) [27 Mac 2018].
- Van Dijk, T. A. 2003. Text ad Context of Parliamentary Debates. *Cross-CultuPerspective On Parliamentary Discourse*, P. Bayley (ed). Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Yeok Meng Ngeow, Kuang Ching Hei & Maya Khemleni David. 2011. Politeness and Ethnic Sensitivities in the Malaysian Parliament. <http://irj.iars.info/volumes/82800122011011.pdf> [26 Februari 2018].

